

## **RALAT:**

Kerana sedikit kesilapan dalam teknik percetakan, pembaca-pembaca akan menemui beberapa muka surat yang semestinya diperbetulkan seperti berikut:

1. Di akhir muka surat 31 .... menggelarkan .... pembaca-pembaca hendaklah menyambung bacaannya ke muka surat 35 .... nama wanita itu .... dan seterusnya.
2. Di akhir muka 32 pula .... batu kasur beralaskan .... terus sambungannya ke muka surat 34 .... daun jelatang ....
3. Di akhir muka surat 33 .... di bawah ini atau .... bersambung ke muka surat 32 sebelah kiri .... jika pada pendapatnya ....

Selain dari itu terdapat juga gambar-gambar yang letaknya bukan dalam rencana yang berkenaan. Di atas kesilapan-kesilapan ini kami menuntut berbanyak-banyak maaf dan harap tolong betulkan. Di atas kerjasama pembaca-pembaca kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih juga — *penerbit*.

# **TAKHTA KERAJAAN**

## **Negeri Sembilan**

Oleh

**TAN SRI DATUK ABDUL SAMAD IDRIS**

100000

Dicetak oleh  
UTUSAN PRINTCORP SDN. BHD.  
Kuala Lumpur.



**DULI YANG MAHA MULIA  
YANG DIPERTUAN BESAR, NEGERI SEMBILAN  
TUANKU JA'AFAR IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN**  
DK., DMN., DK (Brunei), DK (Kelantan), DK (Kedah), DK (Selangor),  
DK (Perlis), DK (Johor).




DULI YANG MAHA MULIA  
TUNKU AMPUAN, NEGERI SEMBILAN  
TUNKU NAJIHAH BINTI TUNKU BESAR BURHANUDDIN., DK.



DYMM Tuanku Jaafar, DYMM Tunku Ampuan bersama-sama dengan putera, puteri,  
menantu dan cucu-cucunya. 1987.



Y.A.M. DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN  
DATO' HAJI MUSA BIN WAHAB, DTNS., P.J.K.  
*(UNDANG LUAK JELEBU)*



YANG AMAT MULIA DATO' JOHAN PAHLAWAN  
LELA PERKASA SETIAWAN,  
DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN MOHD. SOM, DTNS  
*(UNDANG LUAK JOHOL)*



**Y.A.M. DATO' SEDIA RAJA DATO' HAJI ADNAN BIN  
HAJI MA'AH, D.T.N.S.**  
*(UNDANG LUAK REMBAU)*



Y.A.M. KOL. TUNKU SYED IDRUS AL-QADRI BIN  
TUNKU SYED MOHAMAD - TUNKU BESAR  
TAMPIN, DTNS.

(TUNKU BESAR TAMPIN)



Penyusun dan pengarang buku ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan daulat dergahayu kepada D.Y.M.M. Tuanku Munawir, D.M.N., S.P.M.B., dan Tuanku Ampuan Durah menaiki takhta singgahsana Kerajaan Negeri Sembilan.

Mudah-mudahan Tuhan lanjutkan usia zaman Baginda sihat walafiat memerintah dengan adil dan saksama yang akan memberikan kebahagiaan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara.

## PENGANTAR

---

Cetakkan pertama buku yang bertajuk 'Takhta Kerajaan Negeri Sembilan' telah diterbitkan dalam tahun 1961 iaitu sempena dengan pertabalan DYMM Al Marhum Tuanku Munawir. Cetakkan pertama ini banyak kedapatan kesilapan-kesilapan terutama sekali ejaan dan juga teknik percetakan yang tidak begitu sempurna. Ini bukanlah disengajakan tetapi sebagaimana kita sedia maklum pada waktu itu belum ada percetakan yang serba moden seperti yang kedapatan sekarang.

Cetakkan kedua ini dibuat atas desakan beberapa orang terutama pelajar-pelajar kerana buku cetakan pertama telah tidak kedapatan lagi di pasaran. Beberapa orang pelajar telah datang menemui saya untuk mendapatkan buku tersebut tetapi saya sendiri pun telah kehabisan dalam simpanan. Dari sini timbul keinginan saya untuk mencetakkan kali kedua di samping memperbaiki teknik percetakan serta artikel-artikel yang dikirakan kurang memuaskan.

Selain dari itu saya telah menambah beberapa artikel baru hasil dari beberapa penyelidikan dan menemui beberapa orang berkenaan, saya dapati ada lagi dalil dan fakta-fakta yang masih boleh didapati untuk diketengahkan kepada pembaca sekalian. Sebagai contoh nama 'Negeri Sembilan', 'gelaran Undang' dan juga nama 'Seri Menanti', ada beberapa fakta baru telah saya dapati yang belum pernah ditulis oleh mana-mana pihak, semuanya ini saya tuliskan sebagai tambahan dalam buku cetakkan yang kedua ini.

Bagaimanapun, seperti yang telah saya huraikan, fakta-fakta yang diperolehi ini bukanlah sesuatu yang dianggap seluruhnya tepat. Seperti kata orang tua-tua, "dari cempedak biarlah nangka, dari tidak biarlah ada", sekurang-kurangnya sebagai bahan tambahan untuk penyelidikan yang lebih mendalam lagi.

Saya harap cetakkan yang kedua ini akan dapat memberikan satu gambaran yang agak lebih jelas pada pembaca sekalian sebagai salah satu buku rujukan bagi pecinta-pecinta dan peminat sejarah khususnya dan pelajar-pelajar yang mengikuti jurusan sejarah amnya.

Teratak Desa  
Kuala Lumpur  
10 Jun 1987.

## Bendera Negeri Sembilan



merah yang mengandungi lambang negara dan bendera negara. Di sebelah kiri atas terdapat segitiga hitam yang membentuk sudut tajuk pada bendera. Segitiga ini memotong dua perempat bendera.

Segitiga ini merupakan simbol bagi kerajaan dan raja-raja yang pernah memerintah di negeri ini. Segitiga ini juga merupakan simbol bagi ketekunan dan ketabahan rakyat.

Warna merah dalam canton bermakna sebagai simbol kejujuran dan keberanian. Warna hitam dalam segitiga bermakna sebagai simbol ketekunan dan ketabahan.

Warna kuning dalam bendera bermakna sebagai simbol kebahagiaan dan keberuntungan.

Segitiga hitam yang membentuk sudut tajuk pada bendera ini merupakan simbol bagi kerajaan dan raja-raja yang pernah memerintah di negeri ini. Segitiga ini juga merupakan simbol bagi ketekunan dan ketabahan rakyat.

Warna merah dalam canton bermakna sebagai simbol kejujuran dan keberanian. Warna hitam dalam segitiga bermakna sebagai simbol ketekunan dan ketabahan.

Warna kuning dalam bendera bermakna sebagai simbol kebahagiaan dan keberuntungan.

## BENDERA NEGERI

---

Tiga warna yang terkandung dalam bendera Negeri Sembilan itu setakat ini belum ada tokoh-tokoh sejarah yang telah memberikan tafsiran yang agak boleh diyakini akan asal usulnya, meskipun tafsiran warnanya sudah diketahui umum dan dipelajari di sekolah-sekolah.

Warna merah bererti pemerintah Inggeris, hitam warna kebesaran Datuk-Datuk Undang dan Lembaga manakala warna kuning adalah warna diraja. Setelah negara mencapai kemerdekaan tafsiran warna merah yang melambangkan kekuasaan penjajah Inggeris itu telah diubah dan ditukar maknanya kepada 'rakyat' sesuai dengan semangat perlembagaan yang telah memberi hak kepada rakyat mentadbirkan negara.

Dewan keadilan dan undang-undang telah meluluskan cadangan ini pada 29hb Disember, 1960. Sebelum itu EXCO Negeri telah pun membincangkan dan meluluskannya. Rencana mengenai bendera ini ada saya huraikan dalam buku 'Negeri Sembilan dan Sejarahnya' terbitan tahun 1968.

Lawatan ke Minangkabau pada permulaannya belum menarik perhatian saya mengenai bendera ini. Seperti yang kita tahu Minangkabau adalah salah satu daerah di Indonesia. Sang Saka merah putih adalah warna bendera nasional yang umum dikibarkan di mana-mana.

Rupanya daerah Minangkabau mempunyai bendera yang khusus untuk daerahnya. Di hari-hari kebesaran bendera dan kain-kain rentang digantung beriringan dengan bendera nasional Merah Putih.

Kali pertama melihat warna bendera daerah Minang ini agak terpegun juga saya kerana warnanya sama betul dengan warna bendera Negeri Sembilan iaitu merah, hitam dan kuning.

Di sini timbulah pertanyaan yang harus dicari jawabnya oleh mereka yang berminat, apakah tiga warna bendera Negeri Sembilan itu diambil atau diilhamkan dari warna bendera daerah Minangkabau? Jika benar siapakah orang yang bertanggungjawab mengilhamkan bendera dan bilakah tarikh bendera Negeri Sembilan itu dirasmikan pemakaianya di Negeri Sembilan – Apakah ia secara kebetulan saja?


Meskipun bentuk dan susun letak warna bendera kedua-dua daerah ini tidak sama tetapi yang jelas ialah warnanya 'salin tak tumpah' merah, hitam dan kuning.

Bagi saya kalau dikatakan jawapannya 'secara kebetulan' agak tidak tepat dan sukar diterima, kalau kita ambil perhatian dan bermenung sejenak akan asal usul dan latar belakang sejarah Negeri Sembilan itu sendiri, di mana penerokaannya dilakukan oleh orang-orang Minangkabau yang berhijrah dan kemudiannya membentuk pula sebuah kerajaan dengan menjemput seorang putera raja dari Minangkabau untuk dirajakan di Negeri Sembilan.

Tidakkah boleh kita andaikan bahawa tiga warna bendera Negeri Sembilan itu telah dibawa datang bersama oleh perantau-perantau Minang ini?

Istana lama Seri Menanti yang tersergam indah dan masih kukuh itu menurut cerita orang tua-tua adalah diilhamkan dari 'Rumah Gadang' di Minangkabau, meskipun bumbungnya tidak lentik, Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah adalah orang yang bertanggungjawab mendirikan istana itu dibangunkan demikian rupa.

Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah sepanjang yang diketahui tidak pernah melawat tanah leluhurnya di Pagar Ruyung Minangkabau, tetapi baginda sering didatangi oleh waris-warisnya dari Pagar Ruyung. Dalam pertemuan-pertemuan kekeluargaan demikian pastilah berbagai-bagai perkara menjadi topik perbualan dan perbincangan, jika bendera Negeri Sembilan dirasmikan pengibarannya pada tahun 1895 seperti saya jelaskan dalam buku 'Takhta Kerajaan Negeri Sembilan' itu dapat dipegang kebenarannya, kemungkinan ilham menciptakan warna bendera Negeri Sembilan ini datangnya dari Al-Marhum Tuanku Muhammad Shah.



Lambang Negeri Sembilan

## LAMBANG ATAU JATA NEGERI

---

Sebagaimana negeri-negeri Melayu yang lain di Persekutuan Tanah Melayu dan juga lain-lain negara di dunia ini, maka Negeri Sembilan juga mempunyai Jata atau Lambang kebesaran negeri.

Lambang ini merupakan sebuah perisai dengan sembilan tangkai padi yang memberi erti percantuman sembilan buah negeri dan bintang pecah sembilan di bawahnya yang juga merupakan maksud yang sama.

Di atas perisai ini bersilang sebilah pedang yang terhunus dengan sarungnya, ditengah-tengah di antara pedang dan sarungnya ini terhunus sebilah mata tombak yang di panggil "Changgai Puteri".

Pedang dan Changgai Puteri itu sekarang ini adalah menjadi cogan kebesaran peribadi Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang telah mula dipakai pada tahun 1948, iaitu setelah perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan Perlembagaan Negeri Sembilan berjalan kuat kuasanya pada 1hb. Februari 1948.

Warna lambang ini adalah sama dengan warna bendera negeri, iaitu merah, hitam dan kuning.

Sebagaimana juga bendera negeri, begitu jugalah halnya dengan lambang atau jata negeri ini. Tidak ada dijumpai lagi sama ada dalam warta kerajaan atau lain-lain surat-surat menyurat dan fail-fail di Jabatan Setia Usaha Kerajaan akan tarikh mula dimasyhurkan pemakaiannya.

Bagaimanapun dari peringatan orang-orang tua-tua yang faham sebanyak sedikit dan yang mengikuti akan perjalanan sejarah ada menyebutkan bahawa lambang negeri ini belum pernah dilihat di mana-mana juga melainkan setelah Istana Besar yang baharu di Seri Menanti itu siap dibina pada thun 1930.

Di pintu gerbang hendak masuk ke kawasan Istana itu ada dipasang cogan negeri.

Di sini bolehlah dijangkakan bahawa cogan Negeri Sembilan ini telah dimasyurkan pemakaianya pada tahun 1930, kerana terdahulu dari ini tidak ada tanda-tanda atau bukti-bukti yang menunjukkan cogan ini telah dimasyurkan pemakaianya.

Ketika itu raja yang memerintah Negeri Sembilan ialah al-marhum Tuanku Muhammad Shah. Undang Sungai Ujong Dato' Kelana Ma'amor, Jelebu Dato' Abdullah, Johol Dato' Kamat dan Rembau Dato' Abdullah bin Dahan manakala British Residentnya ialah Tuan J.W. Simmons.

Ketika ini Majlis Mesyuarat Negeri telah ada, ahli-ahlinya selain dari yang berjawatan di atas adalah ahli-ahli yang tidak rasmi termasuklah Tunku Besar Burhanudin, dan Dato' Wong Yik Tong.

Jika benar lambang negeri ini dimasyurkan pada tahun yang tersebut tidak syak lagi Majlis Mesyuarat Negeri yang di anggotai oleh mereka yang tersebut di ataslah yang meluluskannya.



MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG.

\*\*\*\*\*

Saya menghargai di atas usaha Tan Sri Abdul Samad Idris, seorang karyawan dan bekas tokoh politik tanah air untuk menerbitkan semula buku sejarah yang berjodol "Takhta Kerajaan Negeri Sembilan".

Penerbitan buku ini dengan beberapa pembaharuan baik dari segi ejaan dan isi kandungan sudah pasti menepati hasrat kita bersama untuk diberikan kesempatan mentelaah bahan-bahan sejarah tanah air khususnya yang berhubung dengan Negeri Sembilan.

Minat dan kecenderungan Tan Sri Samad untuk mengumpulkan bahan-bahan sejarah dengan tempoh penyelidikan yang agak lama juga seharusnya menjadi contoh kepada tokoh-tokoh dan pencinta sejarah negara.

Sesungguhnya, bahan-bahan termasuk sejarah kedatangan Raja-Raja Negeri Sembilan sebelum tahun 1773 serta salasilahnya amat berguna bagi tatapan generasi muda khususnya kaum pelajar dan penuntut-penuntut universiti, di samping orang ramai.

Justeru itu, buku yang diterbitkan bersempena dengan Hari Pertabalan Almarhum Tuanku Munawir ini mengajak seluruh pembaca untuk mendapatkan ketepatan dan kesasihan sejarah asal usul Negeri Sembilan yang mungkin tidak dibukukan sehingga ini.

Sekali lagi, saya ambil peluang ini bagi pehak Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan rakyat seluruhnya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas usaha murni ini.

Selamat Maju Jaya,

(Dato' Mohd Isa Bin Dato' Hj. Abdul Samad).

Pejabat Menteri Besar,  
Negeri Sembilan.



876  
97

## KELUHAN KELANA.

---

---

Dalam usaha mengumpul kepingan-kepingan sejarah yang berselerak seperti di negara kita ini agak sulit untuk mendapat bukti-bukti yang jelas dan peri benarnya sejarah yang ditulis itu, seperti yang pernah saya keluhkan beberapa kali sama ada dalam bentuk tulisan atau ucapan di mana ada kesempatan.

Kesulitan yang benar dirasakan amat ketara ialah ketiadaan dan kekosongan yang terjadi di akhir kurun lalu dan di awal-awal kurun kedua puluh ini, tidak ramai bilangan penulis atau sasterawan kita yang telah menulis sejarah negara kita ini sama ada berupa tulisan tangan yang tersimpan atau buku-buku yang telah diterbitkan

Menulis dan menyusun buku yang berunsur sejarah memang bukan satu kerja mudah. Ia memerlukan tenaga dan fikiran yang tertumpu ke arah tugas yang dihadapi sedangkan tugas kita yang lain tidak boleh dilepaskan begitu saja. Inilah persoalan yang sukar dihadapi oleh penulis-penulis dan pecinta-pencinta sejarah kita masa kini.

Kita belum ada yayasan yang khusus ditubuhkan bagi membiayai penulis-penulis sejarah menjalankan tugas mereka untuk membuat penyelidikan sepenuh masa seperti yang sedia ujud di negara-negara barat yang telah maju. Biasanya Yayasan ini bukannya ditubuhkan oleh kerajaan tetapi oleh pihak, swasta seperti firma-firma yang telah maju dan juga orang perseorangan yang mempunyai kedudukan kewangan yang teguh.

Negara kita meskipun telah ada firma-firma yang telah berjaya dan maju serta individu-individu yang mempunyai kedudukan kewangan yang teguh tetapi mungkin disebabkan belum ada badan-badan yang merancang dan membuat rayuan maka yayasan demikian rupa belum lagi wujud. Saya harap dalam waktu-waktu yang terdekat ini akan adalah satu yayasan yang khusus untuk membuat kajian dalam bidang sejarah dan kebudayaan dapat dibentuk oleh mana-mana pihak yang berminat, dengan itu kelak akan adalah peluang mahasiswa atau pengkaji-pengkaji sejarah yang dapat membuat penyelidikan dengan cara yang lebih tertumpu kepada bidangnya.

Kesan-kesan sejarah kita yang banyak tersimpan di Record Office London dan koleksi Stamford Raffles ada tersimpan di 'private museum' keluarga Raffles dan mungkin juga banyak lagi bahan-bahan sejarah kita yang tersimpan di luar negeri selain daripada kedapatan di Amsterdam dan Lyden University di negeri Belanda.

Sejarah negara kita ini tidak boleh dipisahkan dengan sejarah yang berlaku di alam Melayu yang lain yang sekarang dikenali dengan nama Indonesia kerana Malaysia dan Indonesia bukanlah ada batas sempadan seperti sekarang.

Beberapa tahun yang lalu saya telah berkesempatan melawat ke Record Office, London di bangunan yang baru yang serba moden yang menggunakan computer keseluruhannya. Di situ tersimpan beribu fail dan buku yang dibawa oleh pemerintah Inggeris dahulu tersimpan dengan baiknya. Saya telah ditunjukkan oleh pegawai yang berkenaan dan cara penyimpanannya yang teratur rapi dan baik, begitu juga kesempatan yang saya perolehi melawat ke Arkib Negara dan Arkib Filem di Belanda. Beberapa surat yang original buku-buku dan lain-lain ada tesimpan dengan baik, semuanya ini jika kita berkehendakkan salinan, mereka sedia memberi kerjasama untuk memudahkan kita membuat penyelidikan.

Saya juga mempunyai keraguan apakah sebenarnya kapal Raffles yang membawa buku-buku untuk dibawanya ke England dalam kurun yang kesembilan belas itu benar-benar tenggelam atau pun sengaja untuk mengelirukan bahawa buku-buku tersebut telah dilarikan oleh Raffles ke England. Semuanya ini harus dibuat kajian. Bagi membongkar semuanya ini secara menyeluruh memerlukan wang yang besar dan tenaga yang mahir juga masa yang agak lama.

Bilakah semuanya ini akan menjadi kenyataan? Inilah yang menjadi keluhan kelana.



## KANDUNGAN

BAB 1 PERTEMBUNGAN DUA BUDAYA	1
BAB 2 ASAL NAMA SERI MENANTI	14
BAB 3 GELARAN YANG DIPERTUAN (YAMTUAN) DAN UNDANG	43
BAB 4 ASAL ORANG EMPAT ISTANA	53
BAB 5 PERANG DENGAN DATO' KELANA DAN INGGERIS	78
BAB 6 INGGERIS MULA MENCENGKAM	97
BAB 7 PERATURAN TABAL	115
BAB 8 PERATURAN ADAT DALAM ISTANA	138
BAB 9 BAGINDA YANG DIPERTUAN BESAR	164
BAB 10 UNDANG YANG EMPAT	185



# 1

---

---

## PERTEMBUNGAN DUA BUDAYA

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan di zaman keagungan Empayar Melayu Melaka telah membawa sama kebudayaan ibunda mereka, sekaligus merubah kehidupan penduduk-penduduk asal Negeri Sembilan.

Pertembungan budaya Minangkabau dan penduduk asli Negeri Sembilan (orang-orang Asli Negeri Sembilan terdiri dari suku yang dipanggil Melayu Asli atau Proto Malays) telah melahirkan tamadun yang lebih kepada aturan hidup Minangkabau sehingga melenyapkan sama sekali budaya dan sistem sosial penduduk Asli.

Kepercayaan adanya penduduk Asli Negeri Sembilan sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau boleh digalurkan dengan nama-nama asal keturunan Penghulu-penghulu Luak seperti: Batin Bercanggai Besi, Batin Sibu Jaya, To' Jenang Jelondong dan lain-lain.

Gelaran Batin dan Jenang ini hanya terdapat dalam sistem sosial Orang Asli, di mana hingga sekarang mereka sememangnya mempunyai pertalian yang erat dengan 'terombo' (salasilah) keturunan Datuk-datuk Undang dan Datuk-datuk Lembaga di Negeri Sembilan.

Banyak kedapatan 'terombo' berhubung dengan salasilah ketua-ketua waris serta kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan tersimpan pada Batin-batin (ketua Kaum Asli) di Negeri Sembilan. Mereka ini pandai berbilang mengenai Adat Perpatih dan setengahnya lebih pandai dari orang-orang Melayu sendiri.

Peraturan-peraturan dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan sekarang dapat dibahagikan kepada dua, iaitu:-

Yang fundamental dan yang tidak fundamental. Yang fundamental sifatnya ialah yang boleh diubah-ubah mengikut keadaan yang terkandung dalam perbilangannya:

Usang-usang diperbaharui  
Lapuk-lapuk dikajanggi

Yang elok dipakai  
Yang buruk dibuang  
Kalau singkat minta disambung  
Kalau panjang minta dikerat  
Kalau koyak minta ditampal  
Ibu Adat muafakat.

Manakala yang tidak fundamental adalah sesuatu yang kekal serta tidak boleh berubah yakni peraturan-peraturan hidup yang bersandarkan hukum dan bersandarkan syara' seperti dimaksudkan:

Dari nenek turun ke mamak  
Dari mamak ke kemanakan  
Patah tumbuh hilang berganti  
Pusaka lama begitu jua  
Adat bersendi hukum  
Hukum bersendi syara'  
Syara' mengata adat menurut.

Hakikat ini merupakan satu pengkajian akademik terhadap Adat Perpatih yang sedia ada. Memang jelas pada realiti masyarakat sekarang, agak ramai golongan muda yang tidak mengambil berat terhadap masyarakat beradat dalam kelompok mereka, sehingga mereka merasakan bahawa adat ini terlalu negatif sifatnya. Kemungkinan yang besar disebabkan mereka tidak mengenali sistem Adat Perpatih itu sendiri secara mendalam.

Dengan membahagikan sistem Adat Perpatih kepada dua, iaitu yang fundamental dan yang tidak fundamental, dapatlah menguji sejauh mana pengetahuan golongan muda terhadap Adat perpatih. Mereka harus membezakan istiadat, adat istiadat dan adat resam yang termasuk dalam kategori yang fundamental, dengan 'Adat' yang diletakkan pada kategori yang tidak fundamental.

Sistem sosial dalam masyarakat Negeri Sembilan memang tidak berbeza dengan sistem sosial di Tanah Minangkabau berhubung dengan nilai terhadap adat itu sendiri, nilai tentang budi, nilai tentang kaum perempuan, nilai tentang individu serta susunlapis pemerintahannya:

Bulat anakbuah menjadikan Buapak  
Bulat Buapak menjadikan Lembaga  
Bulat Lembaga menjadikan Penghulu (Undang)  
Bulat Penghulu (Undang) menjadikan Raja.

Atau sistem politiknya yang teguh dengan amalan demokrasi yang teratur:

Raja menobat dalam alamnya (negeri)  
Penghulu menobat dalam luaknya (daerah)  
Lembaga menobat dalam lingkungannya (mukim)  
Buapak menobat pada anakbuahnya (kampung dan rakyat)  
Orang banyak menobat dalam terataknya (rumahtangga).

Dari sinilah lahirnya pepatah: berjenjang naik, bertangga turun, sebagai tunggak kekuatan demokrasi dalam amalan Adat Perpatih.

Keadaan sistem sosial dan sistem politik ini memang lanjutan dari Tanah Minangkabau ketika penyebaran kebudayaan Minangkabau di Negeri Sembilan diperteguhkan melalui Pembesar-pembesar seperti Dato Raja, Sutan Semanik, Dato Puteh dan lain-lain lagi.

Tunggak kekuatan budaya Minangkabau diperhebatkan di Seri Menanti apabila Raja Melewar yang bersemayam di Astana Raja Rembau, menegakkan kedaulatannya di Seri Menanti pula.



*Tapak Istana Raja Melewar yang dibina, di kampung Penajis Istana Raja Rembau, sekarang telah dijadikan kebun getah.*

Hubungan langsung kebudayaan Minangkabau dari Pagar Ruyung ke Negeri Sembilan mempercepatkan lagi meluas pengaruhnya sehingga meliputi sama sekali kebudayaan penduduk-penduduk Asli. Pertembungan dua budaya

yang tidak seimbang ini melahirkan satu masyarakat Melayu Negeri Sembilan yang kekal hubungan kebudayaan, kesusteraan dan kesenianya dengan tanah Minangkabau ini.

Perkembangan Adat Perpatih di Negeri Sembilan tetap berpandukan seperti yang tersebar di Tanah Minangkabau sendiri. Sistem nilai yang menjadi asuhan kepada generasinya dalam membentuk moral diterapkan dalam perbilangan supaya menjaga nama dan maruah:

Harimau mati meninggalkan belang  
Gajah mati meninggalkan gading  
Manusia mati meninggalkan nama.

Dalam Adat Perpatih juga memerlukan orang-orang cerdik pandai, dan mahukan setiap individu dalam masyarakatnya mencapai kemajuan.

Ini adalah bertentangan dengan dakwaan setengah-setengah orang yang mensifatkan Adat Perpatih menyebabkan masyarakatnya mundur:

Yang cerdik tempat bertanya  
Yang pandai tempat berguru.  
Kerana:

Alang tukang, kayu terbuang  
Alang cerdik, binasa Adat  
Alang alim, rosak agama  
Alang sefaham, kacau negeri.

Perbilangan-perbilangan yang ada dalam sistem masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan pastilah datangnya dari Tanah Minang ini. Jadi, amalan yang dilakukan di Negeri Sembilan sudah tentu mempunyai pertalian yang tidak mungkin putus-putus dari Tanah Minangkabau, meskipun dalam beberapa hal kedapatan perbezaan-perbezaan seumpama nama-nama suku dan susunan pentadbiran adatnya, kerana lain lubuk lain ikannya, lain padang lain pula belalangnya. Minangkabau dan Indonesia dicengkam Belanda, Negeri Sembilan dan Malaysia pula diperas oleh Inggeris, kedua-duanya penjajah Barat belaka.

Begitu juga tentang bentuk rumah, kalau di Minang ini ada rumah gadang sembilan ruangnya, di Negeri Sembilan tidak kedapatan demikian, rumah-rumah rakyat dengan rumah-rumah yang dimiliki oleh Datuk-datuk Lembaga dan Datuk Penghulunya sama saja, cuma besar kecilnya saja menurut kemampuan yang empunya, lebih-lebih lagi dalam zaman moden ini keseluruhan cara hidup dan tatasusila masyarakat sudah dilanda oleh arus angin perubahan. Ini berlaku di mana-mana dan tidak terlepas alam Minangkabau itu sendiri.

## Gelar Yang Dipertuan Besar

GELARAN Yang Dipertuan Besar kepada Raja Negeri Sembilan, tidak Sultan seperti negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, mungkin pengaruh dari kesultanan Palembang wujud dalam masyarakat Minangkabau. Kesultanan Palembang yang dikatakan mula-mula membahasakan Yang Dipertuan kepada rajanya memberi pengertian raja yang dituankan itu adalah dijemput, di mana Demang Lebar Daun telah menjemput Sang Sapurba untuk merajai Palembang (lihat sejarah Melayu).

Struktur beraja dalam pemerintahan Negeri Sembilan ini adalah sama bilamana penghulu-penghulu luak telah menjemput raja dari Minangkabau.

Ketika Panglima Bandan dan Panglima Bandot diutus ke Minangkabau menjemput raja, Sultan Abdul Jalil di Minangkabau berkenan mengirimkan puteranya Raja Mahmud ke Negeri Sembilan. Raja Mahmud inilah kemudian dipanggil Raja Melewar. Nama Sultan Abdul Jalil ini masih meragukan saya di atas kebenarannya, kerana dari beberapa punca yang boleh dipegang, lebih-lebih lagi dari buku Sultan Alam Baggar Syah (1789 – 1849) susunan Drs. Mardanas Safuan ternyata Raja Pagar Ruyung waktu itu bernama Raja Alam Muning Syah, saya kira inilah yang tepat dan diakui benarnya.

Sebelum Raja Melewar berangkat ke Negeri Sembilan, Raja Alam Muning Syah telah mengutuskan salah seorang kerabat diraja bernama Raja Khatib untuk membuat persediaan. Raja Khatib sampai di Seri Menanti disambut dengan baik oleh Penghulu Ulu Muar, Penghulu Naam bin Khatib Akil. Kemudiannya Raja Khatib berkahwin dengan anak Penghulu Naam lalu mengisyiharkan dirinya raja.

Sementara Raja Melewar pula mengikuti jalan Naning ke Negeri Sembilan. Kedatangannya telah diketahui oleh Daing Kempoja dari Bugis yang bercita-cita mahu merajai Negeri Sembilan. Terjadilah perperangan antara anak raja Minangkabau dengan anak raja Bugis kerana merebutkan takhta Negeri Sembilan. Dalam perperangan ini Raja Melewar beroleh kemenangan.

Baginda sampai di Penajis, Rembau, lalu ditabalkan menjadi raja di Astana Raja. Setelah Raja Melewar mendapat khabar bahawa Raja Khatib belot, baginda pun menyerang Seri Menanti. Penghulu Naam telah bangun menentang Raja Melewar dan mempertahankan Raja Khatib. Kerana menyedari kesalahannya Raja Khatib telah lari, di mana akhirnya Penghulu Naam berseorangan menentang Raja Melewar. Penghulu Naam akhirnya tewas dan dihukum pancung.

Dengan peristiwa pemberontakan Penghulu Naam ini, berakhirlah ketegangan dalam pemerintahan Negeri Sembilan. Raja Melewar telah memerintah dari tahun 1773 hingga 1795 (walaupun tarikh sebenarnya baginda datang lebih awal).

Apabila baginda mangkat, puteranya Raja Totok tidak ditabalkan menggantikan baginda, sebaliknya penghulu-penghulu di Negeri Sembilan menjemput seorang lagi putera raja Minangkabau bernama Raja Hitam. Setelah Raja

Hitam mangkat pada tahun 1808M, puteranya Raja Alang Hussein tidak juga ditabalkan menjadi Raja.

Sekali lagi pembesar-pembesar Negeri Sembilan menjemput anak raja Minangkabau untuk dirajakan di Negeri Sembilan. Raja Lenggang seorang putera raja di Pagar Ruyung telah dirajakan menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan dari tahun 1808 hingga 1854. Setelah Raja Lenggang mangkat, pembesar-pembesar Negeri Sembilan tidak lagi menjemput anak raja dari Pagar Ruyung untuk menjadi raja Negeri Sembilan, sebaliknya putera yang Dipertuan Lenggang, Raja Radin telah ditabalkan menjadi raja bagi menggantikan ayahandanya. Setelah itu berakhirlah penjemputan anak-anak raja dari Minangkabau menjadi raja di Negeri Sembilan.


Tidaklah diketahui dengan jelas kenapa putera Raja Melewar dan putera Raja Hitam tidak dirajakan oleh pembesar-pembesar Negeri Sembilan tetapi sebaliknya menjemput anak-anak raja dari Minangkabau menjadi raja. Kemungkinan putera-putera Raja Melewar dan Raja Hitam masih kecil dan belum patut menjadi raja adalah satu fakta dan sebab yang boleh diterima, kerana Raja Melewar hanya memerintah selama 22 tahun dan Raja Hitam hanya 13 tahun sahaja.

Yang Dipertuan Besar yang telah memerintah Negeri Sembilan seperti berikut:

1. Raja Melewar (dijemput) 1773 – 1795
2. Raja Hitam (dijemput) 1795 – 1808
3. Raja Lenggang (dijemput) 1808 – 1824
4. Raja Radin (putera) 1824 – 1861
5. Yamtuan Imam (adinda) 1861 – 1869
6. Tengku Ampuan Intan (pemangku saja) 1869 – 1872
7. Yamtuan Antah (putera Raja Radin) 1872 – 1888
8. Tuanku Muhammad (putera) 1888 – 1933
9. Tuanku Abdul Rahman (putera) 1933 – 1.4.1960
10. Tuanku Munawir (putera) 1960 – 14.4.1967
11. Tuanku Jaafar (adinda) 1967 hingga sekarang.

Sesudah kemangkatan Yamtuan Imam tercetus pergolakan merebut takhta bilamana putera Yamtuan Imam bernama Tengku Ahmad Tunggal menuntut untuk menjadi raja. Inilah pergolakan pertama dalam struktur beraja di Negeri Sembilan merebut takhta, sedangkan pada peringkat awalnya Raja Totok dan Raja Alang Hussein tidak pernah berbuat demikian, mungkin kedua-duanya masih kecil.

Inilah kepentingan material yang mula-mula menjadi titik hitam mendai kesucian Adat Perpatih yang dicetuskan oleh Tengku Ahmad Tunggal. Pembesar-pembesar Negeri Sembilan menurut beritanya tidak begitu suka untuk melantik Tengku Ahmad Tunggal menjadi Raja disebabkan kelakuaninya yang tidak begitu menyenangkan. Tengku Ahmad Tunggal telah lari ke



*Tuanku Jaafar di atas panca persada bersama Tunku Ampuan, ketika ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 8.4.1968.*

Sungai Ujung menemui Datuk Kelana yang pada waktu itu Datuk Kelana Syed Abdul Rahman (biasa dipanggil dengan Syed Aman sahaja) dan berlakulah krisis perebutan takhta di Negeri Sembilan.

Bagaimanapun ketika krisis ini memuncak Tengku Ampuan Intan, puteri Raja Alang Hussein telah memangku takhta Kerajaan Negeri Sembilan. Bagi mereka yang memahami Adat Perpatih tidaklah merasa hairan mengapa Tengku Ampuan Intan seorang wanita cucunda kepada Yamtuan Raja Hitam dilantik memangku takhta tersebut. Dalam aturan Adat Perpatih disebutkan:

pesaka kepada lelaki  
seka kepada perempuan.

Yang demikian maksudnya penyandang jawatan (pesaka) adalah wajib diserahkan kepada waris lelaki, manakala seka (wakil atau pemangku jawatan) diserahkan kepada perempuan.

Perlantikan Tengku Ampuan Intan hanya berlaku selama 3 tahun sahaja sementara menunggu redanya krisis yang berlaku di antara Tengku Ahmad Tunggal yang menuntut takhta dengan pembesar-pembesar Negeri Sembilan

telah mengambil keputusan melantik Tengku Laksamana Antah menjadi raja bagi menggantikan Yamtuan Imam (bapa saudaranya).

Pada ketika itu Sungai Ujung telah pun dipengaruhi oleh pemerintah Inggeris dari Melaka dan selalulah pembesar-pembesar Inggeris datang mengadap Datuk Kelana di Sungai Ujung. Dengan sokongan tentera-tentera Inggeris dan orang-orang Datuk Kelana, maka berlakulah perperangan di antara Datuk Kelana yang disokong oleh Inggeris dengan Yamtuan Antah. Perperangan ini dikenali dengan nama Perang Bukit Putus, iaitu tempat berlakunya perperangan tersebut. (Nama Bukit Putus ini masih kekal dipakai hingga sekarang).



*Almarhum Tuanku Antah (tengah) yang telibat dalam Perang Bukit Putus dalam tahun 1874, tidak diketahui nama-nama mereka yang lain, dapat diagakkannya mereka adalah orang-orang besar yang mengiringinya, gambar ini diambil di Singapura ketika Yamtuan Antah bertemu dengan Gabenor kira-kira dalam tahun 1874 atau 1875.*

Oleh kerana peralatan Yamtuan Antah tidak begitu lengkap jika dibandingkan dengan peralatan perang Inggeris, maka Yamtuan Antah telah dapat dialahkan dalam tahun 1874. Istana Yamtuan Antah telah dibakar dan banyak rumah-rumah rakyat juga dibakar hingga menjadi abu. Yamtuan Antah lari bersama-sama dengan pengikut-pengikutnya mengadap Sultan Johor dan Gabenor Inggeris di Singapura.

Yamtuan Antah mengadu kepada Sultan Johor dan Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura akan kisah peperangan yang telah berlaku dan menuntut kembali takhta Kerajaan Negeri Sembilan seperti yang dipegang sebelumnya.

Yamtuan Antah mendakwa campurtangan Inggerislah yang menyebabkan ia kalah. Sebaliknya Gabenor Inggeris tidak mempersetujuinya dan meminta Yamtuan Antah balik ke Seri Menanti dan menjadi raja di Seri Menanti sahaja.

Kawasan yang terlingkung di dalam pemerintahannya telah menjadi kecil, di mana Sungai Ujung, Jelebu dan Rembau telah keluar daripada gabungan pemerintah Yamtuan Antah, tetapi sebaliknya Luak Johol adalah tetap setia dengan Yamtuan Antah.

Luak-luak yang termasuk di dalam pemerintahannya ialah Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir yang sekarang ini terletak di dalam Daerah Kuala Pilah dan Jempol sahaja. Satu perjanjian telah dibuat di antara Gabenor Inggeris dengan Yamtuan Antah serta Dato'-dato' Penghulu Luak yang berkenaan.

Yamtuan Antah telah memerintah Negeri Sembilan dari tahun 1872 hingga 1888. Setelah baginda mangkat, ia digantikan oleh puteranya, Tengku Besar Muhammad yang bergelar Yang Dipertuan Besar Tuanku Muhammad Shah.

Setelah penjajah Inggeris berjaya mencengkamkan kukunya di seluruh Negeri Sembilan, dengan apa yang biasa disebut "bernaung di bawah panji-panji Inggeris" (tetapi apa yang sebenarnya dijahah), usaha telah dibuat oleh seorang Inggeris yang bernama Martin Lister yang ketika itu menjadi Residen untuk menyatukan semula Negeri Sembilan, di mana Luak Sungai Ujung, Jelebu dan Rembau telah terpisah. Usahanya ini mencapai kejayaan. Maka pada tanggal 18hb. Mac, 1889, ditandatangani satu perjanjian di antara yang Dipertuan Besar Tuanku Muhammad Shah dengan Datuk-datuk Undang Luak yang berkenaan bagi menyatukan semula Negeri Sembilan seperti yang terdapat sekarang ini.

Dalam naskhah perjanjian ini ada menyebutkan satu daripadanya:

Datuk-datuk Undang Luak Yang Empat termasuk Tuanku Besar Tampin, dalam perkara adat dan agama boleh berhubung terus dengan Residen British dan tidak perlu lagi merujuk kepada Yang Dipertuan Besar Tuanku Muhammad.



*Setelah Yamtuan Antah mangkat, digantikan oleh puteranya,  
Tengku Besar Muhammad yang bergelar Yang Dipertuan Besar Tuanku  
Muhammad Shah Ibni Almarhum Tuanku Antah.*



*Tuan Martin Lister Resident Negeri Sembilan 1895 – 1897.*

Dalam tahun 1948 apabila Negeri-negeri Melayu di seluruh Semenanjung disatukan menjadi Persekutuan Tanah Melayu, maka Negeri Sembilan juga membuat satu perlombagaan berdasarkan Perjanjian 1889 itu mengenai kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Datuk Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin.

Dalam perlombagaan yang baru itu wujud sedikit sebanyak kuasa pemerintahan yang diberikan kepada rakyat melalui saluran Raja dan Undang dengan membentuk sebuah Dewan Undangan yang dipanggil Majlis Mesyuarat Negeri, di mana seorang Menteri Besar telah ditunjuk menjadi ketua kerajaan yang memimpin Majlis Mesyuarat Negeri itu. Anggota-anggota lain adalah ditunjuk oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar dengan nasihat Penasihat Inggeris.

Satu lagi majlis yang dipanggil Majlis Mesyuarat Kerajaan, di mana Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan sendiri menjadi pengurusnya dan anggota-anggotanya terdiri daripada Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin, Penasihat British, Tunku Besar Seri Menanti, Dato' Syahbandar dan beberapa orang yang dilantik bagi menjalankan pentadbiran negeri. Kuasa pemerintah yang berbentuk demikian berjalan sehingga seluruh Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos, 1957.

Selepas merdeka majlis mesyuarat ini kemudiannya dikenali sebagai 'Dewan Keadilan'. Peranannya ialah sebagai tempat rujukan atau tuggak tertinggi kedaulatan takhta kerajaan Negeri Sembilan yang bertanggungjawab menentukan pentadbiran adat dan agama. Di sinilah diselesaikan sebarang krisis yang berbangkit mengenai pentadbiran adat dan agama Islam.

Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar adalah pengerusi 'Dewan Keadilan' ini, di samping ahli-ahlinya sama juga seperti 'Majlis Mesyuarat Kerajaan' sebelum merdeka, kecuali Penasihat British itu diganti oleh Menteri Besar. Ahli-ahli Dewan Keadilan seperti berikut:

1. DYMM Yang Dipertuan Besar (pengerusi)
2. YAM Undang Luak Sungai Ujung
3. YAM Undang Luak Jelebu
4. YAM Undang Luak Johol
5. YAM Undang Luak Rembau
6. YAM Tunku Besar Tampin
7. YAM Tunku Besar Seri Menanti
8. YAB Dato' Shahbandar Sungai Ujung
9. YAB Dato' Menteri Besar
10. YB Setiausaha Kerajaan Negeri .
11. YB Penasihat Undang-undang Negeri

Manakala jawatan Setiausaha 'Dewan Keadilan' ini dipegang oleh seorang yang dilantik oleh Yang Dipertuan Besar.



*Dato' Kelana Syed Abdul Rahman (Syed Aman) Undang Luak Sungai Ujung semasa Perang Bukit Putus dalam tahun 1874.*

## **2**

---

### **ASAL NAMA SERI MENANTI**

Sebelum terbentuknya Negeri Sembilan ia merupakan sebuah wilayah di bawah pemerintahan Kerajaan Johor. Di dalam wilayah inilah terdapat beberapa buah daerah atau Luak yang diketuai oleh Penghulu Luak. Mereka ini pula dibantu oleh Datuk Lembaga dan Buapak. Penghulu-penghulu yang memerintah di Luak masing-masing ini mendapat mandat atau kuasa dari Sultan Johor sendiri.

Antara beberapa Luak di bawah pentadbiran Kerajaan Johor itu termasuklah Luak Johol. Di dalam Luak Johol inilah letaknya Seri Menanti yang mengandungi beberapa buah kampung di sekeliling Istana Besar Seri Menanti sekarang. Bagaimanapun kampung-kampung berkenaan belum lama terbuka lagi, cuma terdapat beberapa keluarga penduduknya yang terdiri dari orang-orang Minangkabau yang baru datang meneroka tempat tersebut.

Dari catatan sejarah mungkin masih samar-samar sama ada Negeri Sembilan merupakan sebahagian dari Kerajaan Melayu Melaka sekitar abad ke-15 dan ke-16, sehingga berakhirnya pemerintahan Sultan Mahmud Shah setelah dialahkan oleh Portugis pada 24hb. Ogos, 1511. Apabila muncul Kerajaan Melayu Johor mengambil peranan Melaka dalam abad ke-17, kedudukan Negeri Sembilan sebagai wilayahnya juga masih samar-samar.

Tetapi mengikut perbilangan adatnya amat jelas bahawa Negeri Sembilan memang merupakan wilayah Kerajaan Melayu Johor. Hal ini dapat dilihat dari sumber ‘terombo’ (atau salasilah) Undang Jelebu mengenai putusnya hubungan dengan Johor sehingga timbulnya gelaran Dato’ Mendalika Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu Bergajah Tunggal kepada penyandang jawatan Undang Jelebu itu.

Dalam ‘terombo’ tersebut ada menyebut bahawa Jelebu, Sungai Ujung, Johol dan Rembau adalah di bawah pemerintahan Sultan Abdul Jalil, Johor. Perbilangan adatnya juga ada menjelaskan:



*Y.A.M. Dato' Shahbandar Sungai Ujung Ke-14  
Dato' Abu Bakar bin Haji Osman.*

Beraja ke Johor  
bertali ke Siak  
bertuan ke Minangkabau.

Ini diperkuatkan lagi dengan beberapa keterangan terdapatnya cap Mohor kurniaan Sultan Johor sebagai kuasa memerintah Luak digunakan oleh beberapa orang Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung seperti Dato' Penghulu Muar umpamanya. Dato' Undang Luak Jelebu juga menerima cap Mohor Sultan Abdul Jalil, Johor dalam peristiwa memutuskan tali ke Johor itu.

Keterangan ini jelas menunjukkan bahawa Negeri Sembilan adalah terletak di bawah wilayah Johor. Ada juga perbilangan adat yang menyebut 'berpangkalan ke Melaka'. Ini berkemungkinan menunjukkan bahawa orang-orang Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan sebelum itu melalui Melaka. Disebabkan Melaka merupakan pusat perdagangan di rantau Melayu dalam abad ke-15 dan ke-16, ada kemungkinan besar orang-orang Minangkabau ini datang ke Melaka terlebih dahulu sebelum mudik ke hulu hingga ke Negeri Sembilan.

Selain dari Melaka mereka juga mendarat di bahagian utara Negeri Johor yang juga di bawah pemerintahan Melaka. Semua ini memperlihatkan pertalian yang kuat di kalangan negeri-negeri Melayu ketika itu.

Sebelum saya ceritakan lebih jauh mengenai asal nama Seri Menanti sehubungan dengan kisah-kisah yang berkaitan dengannya, biarlah saya ceritakan serba sedikit mengenai Seri Menanti yang ada sekarang ini.



*Istana Besar Seri Menanti.*

Seri Menanti adalah sebuah kampung yang kecil terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar Seremban ibu kota Negeri Sembilan dan 14 kilometer dari pekan Kuala Pilah yang menjadi ibu daerah Kuala Pilah. Kampung yang kecil ini bukan saja dikenali oleh orang-orang di Tanah Melayu sebagai pekan diraja tempat bersemayam Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, malahan terkenal juga kepada orang-orang Minangkabau di Sumatera Barat.

Kampung kecil ini bolehlah dikatakan terletak jauh ke hulu negeri, namun mendapat sanjungan dan pujian dari pelawat-pelawat asing dari luar negeri. Mereka mensifatkan Seri Menanti sebagai tempat yang baik kerana mempunyai pemandangan yang agak menarik hati.

Bagi pelawat-pelawat ini mereka terpesona dengan kedudukan Seri Menanti yang terletak di satu lembah dikelilingi oleh bukit-bukau yang menghijau. Sawah padi yang menguning, di samping alam semula jadinya yang mengagumkan. Sayangnya, Seri Menanti yang dipuja-puji itu hanya didiami oleh penduduk-penduduknya yang terdiri dari golongan petani biasa.

Kebanyakan penduduknya adalah rakyat jelata yang terdiri dari golongan sederhana. Mereka menjalani hidup sama seperti petani-petani dan rakyat jelata di tempat lain. Walaupun mereka tinggal di sekeliling tempat bersemayam raja negeri, tetapi janganlah disangka penduduk-penduduk Seri Menanti ini mempunyai satu-satu keistimewaan dan luar biasa dari orang lain.

Menurut cerita orang-orang tua yang dapat saya kumpulkan dari mulut ke mulut, di samping buku-buku catatan tulisan tangan yang dapat saya temui, bahawa Seri Menanti ini telah dibuka oleh orang-orang Minangkabau kira-kira akhir kurun yang ke-17 atau pada awal kurun yang ke-18.

Hal ini dapat didasarkan kepada ketibaan Raja Melewar Raja Negeri Sembilan yang pertama dalam tahun 1773. Sebelum Raja Melewar diangkat menjadi raja, Seri Menanti memang telah dibuka oleh orang-orang Minangkabau.

Dalam buku 'Sejarah Alam Melayu V' yang ditulis oleh Cikgu Buyung Adil telah mengagakkkan kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan ialah pada kurun ke-15 Masihi. Ini didasarkan kepada beberapa keterangan yang boleh dipercayai mengenai kedatangan orang-orang Minangkabau ini.

Maka di sini bolehlah diandaikan bahawa Seri Menanti telah diteroka oleh orang-orang Minangkabau dalam kurun ke-15 itu. Sebelum Seri Menanti dibuka beberapa buah daerah di Negeri Sembilan seperti Rembau, Sungai Ujung dan Jelebu sudah pun diteroka. Mengikut sumber-sumber sejarah tempatan, Seri Menanti ini telah dibuka oleh orang-orang Minangkabau yang datang dari Rembau.

Kedatangan orang-orang Minangkabau membuka beberapa buah daerah di Negeri Sembilan ini terdapat juga dalam sumber sejarah lisan Jelebu. Orang Minangkabau ini datang dari sebelah Johor sampai ke Kuala Dulang melalui Bukit Peraja. Di Kuala Dulang itulah didirikannya masjid Kuala Dulang sekarang iaitu masjid tertua di daerah Jelebu.

Orang-orang inilah yang memulakan semesta menyemesta dengan orang Asli di Jelebu yang diketuai oleh Batin Bercanggai Besi dan orang kanannya To' Jenang Jelondong (sehingga sekarang ada nama tempat di Jelebu bernama 'Jelondong').

Begitu juga daerah Naning telah sedia dibuka oleh orang-orang Minangkabau. Ada kemungkinan juga orang-orang Minangkabau yang mendiami Seri Menanti itu datang berhijrah dari Naning sebelum masuk ke Rembau. Ataupun mereka masuk melalui daerah-daerah yang lain. Dalam 'Sejarah Alam Melayu' ada dijelaskan bahawa Naning telah dibuka dalam kurun ke-17 Masihi.

Bagaimanapun tidaklah dapat diketahui dengan jelas siapakah orang Minangkabau yang mula-mula sekali membuka Seri Menanti. Demikian juga dengan tarikhnya yang tepat tidaklah dapat dibuktikan kerana kebanyakan sumber sejarah tempatan lebih merupakan sejarah lisan sahaja.

Berdasarkan dari sejarah lisan ini yang dapat saya kumpulkan bermula-nya pembukaan Seri Menanti itu adalah seperti berikut:

"Pada suatu masa seorang ketua yang bergelar Dato' Raja bersama isterinya yang bernama To' Seri dengan beberapa orang anak-anak buahnya telah belayar dari daerah Minangkabau menuju ke Siak. Dari Siak beliau dan pengikut-pengikutnya menyeberangi Selat Melaka langsung ke Johor dan singgah ke Melaka lalu ke Naning dan Rembau.

"Dari Rembau mereka masuk ke Seri Menanti yang ketika itu belum bernama lagi. Mereka telah berhenti di satu tempat yang terdapat kesan-kesan



*Parit dalam di keliling istana masih kelihatan kesannya hingga sekarang ini.*



Tuan W.F.B. Paul British Resident Sungai Ujung dan Jelebu, 1881 – 1893.

alur yang kononnya dilalui oleh naga atau ular besar. Lalu mereka namakan tempat tersebut 'Londar Naga' yang bermaksud 'alur naga'.

"Tempat bernama Londar Naga itu sekarang ialah Kampung Galau kira-kira 5 kilometer dari Seri Menanti masuk jalan menghala ke Gunung Pasir. Kesan-sesan londar atau alur naga itu boleh dijumpai lagi hingga sekarang ini.

"Dato' Raja ini adalah kerabat Dato' Bendahara yang memerintah Sungai Tarap bergelar Penghulu Alam di bawah pemerintahan Yang Dipertuan Sultan Minangkabau. Mereka adalah dari suku Batu Hampar dan kemudiannya membuka kampung yang diberi nama Sungai Layang. Nama ini kekal hingga sekarang. (Sungai Tarap terletak dalam Luak Tanah Datar, manakala Batu Hampar terletak dalam Luak Paya Kumbuh, keterangan ini adalah mengelirukan — penyusun).

"Keturunan dari anak cucu Dato' Raja dan To' Seri inilah yang menyandang pesaka dua dari empat 'Orang Empat Istana' di Seri Menanti hingga sekarang. Mereka ini bergelar Dato' Seri Amar Diraja dan Dato' Raja Dewangsa.

"Kemudian selang tidak berapa lama antaranya datang lagi satu kumpulan orang-orang Minangkabau juga yang diketuai oleh dua orang bersaudara dari suku Tanah Datar ke Seri Menanti. Seorang darinya bernama Sutan Sumanik dan seorang lagi bernama Johan Kebesaran. Mereka berdua ini ialah sanak saudara kepada Dato' Makhdom Sakti orang besar di Minangkabau.

(Sutan Sumanik dan Johan Kebesaran mungkin gelaran bukan nama batang tubuh, Sumanik adalah nama kampung dalam Luak Tanah Datar, Dato' Makhdom adalah gelaran Datuk Lembaganya — Penyusun).

"Dalam perjalanan mereka ke Seri Menanti kumpulan tersebut singgah terlebih dahulu di Siak juga. Dari Siak barulah mereka menyeberang ke Melaka dan ke Rembau. Dari Rembau mereka langsung ke Seri Menanti membuka negeri yang baru. Tempat yang mereka terokai ini dinamakan Tanjung Alam sekarang dikenali dengan 'Gunung Pasir'.

"Tidak berapa lama kemudiannya ramailah lagi orang-orang Minangkabau ini menyusur jalan orang-orang yang terdahulu menumpu ke Seri Menanti. Di antaranya terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh Dato' Putih dari suku Seri Lemak. Kedatangan kumpulan ini bersama dengan anak-anak buahnya bertumpu dan bertepat kepada Sutan Sumanik dan Sutan Johan Kebesaran di Tanjung Alam.

"Pada suatu hari bermuafakatlah di antara Dato'-dato' yang mengetua berbagai-bagai suku tersebut untuk mencari tempat yang lebih baik serta sesuai untuk membuka negeri, kampung halaman dan sawah ladang (\*membuka negeri maksudnya meneroka satu-satu kawasan).

"Akan Dato' Putih beliau bertempat di Kuala Gamin (nama ini kekal hingga sekarang), sementara Dato' Laut Dalam di satu tempat yang diberi nama Kuala Air Humpan Tali (tempat ini tidak diketahui di mana dan apakah namanya sekarang). Dato' Sheikh seorang lagi ketua orang Minangkabau ini membuka Sungai Lintah (tempat ini juga tidak diketahui namanya sekarang), dan Sutan Sumanik pula di tempat yang diberi nama Air Merbau Anjing Ber-

anak (nama ini juga tidak diketahui di mana. Bagaimanapun ia terletak dalam kawasan Seri Menanti juga.)

"Sementara itu Sultan Johan Kebesaran kekal di Tanjung Alam itu juga.

"Ketika Dato' Putih yang juga dikenali sebagai seorang pawang negeri sedang menjalankan kerjanya meneroka tanah baharu itu, tiba-tiba dia telah bertemu dengan tiga rumpun padi. Memandangkan keadaan yang aneh itulah lalu diberinya nama tempat itu 'Padi Menanti'. Akhirnya lama-kelamaan tempat itu ditukar namanya kepada 'Seri Menanti' (seri itu bermakna 'padi' dalam bahasa Jawa kuno.)

"Apakah sebabnya maka nama 'Padi' itu ditukar kepada nama 'Seri' tidaklah diketahui. (Mungkin juga mengambil sempena nama To' Seri isteri kepada Dato' Raja). Dari semenjak itu kekallah nama tempat yang diterokai oleh Dato' Putih itu dengan nama 'Seri Menanti' hingga sekarang ini.

"Setelah tempat itu terbuka dan menjadi kampung halaman, maka bersemenda menyemendalah (nikah kahwin) antara satu suku dengan suku yang lain, antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Semakin ramailah orang-orang Minangkabau datang menumpu (berhijrah) ke Seri Menanti dan menepat (mencari) ke suku masing-masing.

"Lama-kelamaan mereka hidup dengan aman dan damainya di kawasan yang diteroka itu terfikirlah oleh mereka pentingnya seorang pemerintah bagi mentadbirkan negeri yang sudah terbuka luas. Walaupun mereka mempunyai ketua suku masing-masing yang dipanggil Dato' Lembaga dan Buapak, tetapi belum ada mempunyai Penghulu yang lebih tinggi taraf serta kedudukannya (Penghulu ini ialah ketua dari Dato'-dato' Lembaga).

"Pada masa itu iaitu kira-kira dalam pertengahan kurun yang ke-18 (di antara 1740 hingga 1760), di tempat-tempat lain beberapa buah kampung telah dibuka dan ramai orang-orang Minangkabau menetap membuka negeri (mak-sudnya: meneroka). Maka bermuafakatlah di antara Dato'-dato' Lembaga ini pergi mendapatkan Penghulu Luak Inas meminta seorang daripada anaknya menjadi Penghulu.

"Dato' Penghulu Luak Inas pun memperkenankan permintaan itu dan menghantar anak perempuannya bernama Senduk Emas. Beliau ini dikenali juga dengan gelaran Penghulu Berlantai Kulit. Pada masa itu soal keturunan seseorang adalah lebih diutamakan untuk menjadi Penghulu ataupun Dato'-dato' Lembaga.

"Maka Penghulu Berlantai Kulit ini didiamkan (kalau kepada raja disebut bersemayam) di suatu tempat bernama Padang Biawas, nama tempat ini kekal hingga sekarang. Beliau dikahwinkan dengan seorang pemuda berketurunan baik-baik bernama Khatib Ali.

"Mereka suami isteri mendapat seorang anak lelaki diberi nama Naam yang kemudiannya dilantik menjadi Penghulu Luak Muar menggantikan ibunya. Dari keturunan beliau inilah juga asalnya jawatan Penghulu Luak Muar itu".

Dato' Penghulu Naam ini kemudiannya menyemenda (berkahwin) kepada suku Batu Hampar Sungai Layang iaitu anak cucu keturunan daripada Dato' Raja orang Minangkabau yang mula-mula sampai meneroka di kawasan Seri Menanti.

Dari perkahwinan tersebut Dato' Penghulu Naam dikurniakan seramai lima orang anak, tiga perempuan dan dua orang lelaki. Anak-anak Dato' Penghulu Naam ini ialah:

- |    |             |             |
|----|-------------|-------------|
| 1. | Warna Emas  | (perempuan) |
| 2. | Nyai Kuning | (perempuan) |
| 3. | Merah       | (lelaki)    |
| 4. | Sipi        | (lelaki)    |
| 5. | Sani        | (perempuan) |

Susur-galur keturunan Dato' Penghulu Naam ini mempunyai kaitan penting dengan takhta kerajaan Negeri Sembilan sekarang sehubungan dengan peristiwa bermulanya sistem beraja di Seri Menanti. Dari keturunan Merah dan Sipi itulah bermulanya dua orang dari empat Orang Besar Istana.

Sementara Sani itu pula menjadi isteri kepada Raja Melewar, Yamtuhan Besar Negeri Sembilan yang pertama. Oleh itu kedudukan Seri Menanti sendiri memanglah penting dalam sejarah beraja di Negeri Sembilan.

### Negeri Sembilan Sebelum Beraja

Oleh kerana Negeri Johor pada abad ke-18 dalam keadaan huru-hara akibat gangguan Belanda dari Melaka, di samping serangan-serangan orang Aceh dan Bugis, maka Raja Johor Sultan Abdul Jalil ibni Dato' Bendahara Tun Habab atau dikenali dalam sejarah sebagai Sultan Abdul Jalil II tidak dapat mentadbirkan jajahan takluknya dengan sempurna.

Dengan yang demikian Negeri Sembilan yang terletak di bawah takluk Johor itu sentiasa dalam keadaan tidak aman dan sentosa. Lebih-lebih lagi kedudukan perhubungan yang sukar dengan pemerintahan pusat di Johor. Perhubungan sangat jauh hanya melalui hutan belantara dan sungai-sungai saja.

Sejak abad ke-17 lagi memang Johor sentiasa diancam oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dari Aceh (1607 – 1636), sehingga menyebabkan Kerajaan Melayu Johor bekerjasama dengan orang-orang Belanda. Dengan sokongan orang-orang Melayu Johor inilah Belanda dapat mengalahkan Portugis di Melaka dalam tahun 1664.

Akibat dari keadaan pemerintahan pusat di Johor tidak tenteram satu angkatan anak Raja Bugis yang dikepalai oleh Daing Kemboja telah membuat huru-hara di Negeri Sembilan. Daing Kemboja telah memaksa orang-orang Minangkabau ini mengakui dirinya sebagai raja.

Kedatangan angkatan anak Raja Bugis yang mengambil kesempatan dari kelemahan Kerajaan Johor itu untuk menimbulkan kekacauan di Negeri Sembilan tidak diterima oleh orang-orang Minangkabau. Mereka semua bermuafakat pergi mengadap Sultan Johor memberitahu keadaan Negeri Sembilan yang diancam oleh Daing Kemboja.

Orang-orang Minangkabau ini tidak mahu mengakui Daing Kemboja sebagai raja di Negeri Sembilan. Mereka memohon Sultan Johor menghantar seorang anak raja bagi mengetuai angkatan perang Negeri Sembilan menentang perbuatan anak Raja Bugis yang bermaharajalela di Negeri Sembilan.

Sayangnya, Sultan Johor tidak berupaya untuk memenuhi permohonan orang-orang Negeri Sembilan itu. Johor sendiri menghadapi masalah dalam negeri sendiri akibat gangguan dari pihak-pihak musuh seperti Portugis, Aceh dan Bugis. Akhirnya Sultan Abdul Jalil II menasihatkan mereka supaya mendapatkan raja dari mana-mana negeri pun yang mereka suka.

Dari keputusan Sultan Abdul Jalil II inilah pemimpin-pemimpin Minangkabau dari Negeri Sembilan meminta izin dari Sultan Johor untuk menjemput raja yang berketurunan dari Pagar Ruyung bagi dirajakan di Negeri Sembilan. Sultan Johor telah memperkenankan permintaan mereka untuk menjemput anak raja dari Pagar Ruyung itu.

Setelah mendapat restu dari Sultan Johor maka bertolaklah orang-orang dari Negeri Sembilan ke Pagar Ruyung. Rombongan mereka ini diketuai oleh dua orang panglima bernama Panglima Bandan dan Panglima Bandut.

Kedatangan orang-orang Negeri Sembilan yang diketuai oleh Panglima Bandan dan Panglima Bandut mengadap yang Dipertuan Pagar Ruyung yang juga bernama *Sultan Abdul Jalil* telah membuka sejarah baru dalam hubungan pemerintahan kedua belah pihak. Yang Dipertuan Pagar Ruyung telah memperkenankan permintaan orang-orang Negeri Sembilan untuk mendapatkan raja dari Pagar Ruyung.

Bagi membuka jalan ke arah persediaan menyambut ketibaan raja yang dijemput, Baginda yang diPertuan Pagar Ruyung telah mengutuskan seorang pembesarnya Raja Khatib ke Negeri Sembilan untuk membuat persiapan. Anak raja sebenarnya akan menyusul kemudian sebaik-baik saja semua persediaan siap diatur oleh Raja Khatib.

*Sultan Abdul Jalil Pagar Ruyung* telah berkenan menghantar seorang kerabat diraja Pagar Ruyung iaitu puteranya bernama Raja Mahmud untuk memenuhi permintaan orang-orang di Negeri Sembilan. Raja Mahmud inilah kemudiannya dipanggil Raja Melewar iaitu Yamtuan Besar Negeri Sembilan yang pertama.

Angkatan Raja Khatib bertolak lebih awal meninggalkan Pagar Ruyung. Selepas beberapa lama angkatan Raja Khatib belayar, maka angkatan Raja Melewar pun menyusulnya dengan diiringi oleh 40 orang ahli pertikaman yang handal-handal.

Sesampainya di Siak baginda telah dibekalkan lagi dengan 40 orang ahli ahli pertikaman yang gagah perkasa. Raja Siak juga adalah keturunan dari

Raja-raja Pagar Ruyung. Dengan pengiring-pengiring yang setia itu lah baginda menyeberangi Selat Melaka menuju ke Johor.

Sampai saja di Johor Raja Melewar pun mengadap Sultan Johor. Baginda Sultan Johor kemudiannya telah mengurniakan cap Mohor dan diberikan kuasa penuh ke atas daerah-daerah baginda yang kemudiannya dikenali sebagai Negeri Sembilan itu. Bermulalah pemerintahan Raja Melewar ke atas wilayah Johor itu dengan gelaran Sultan Mahmud ibni Sultan Abdul Jalil.

Setelah menerima kuasa perlantikan dari Sultan Johor, maka Baginda Raja Melewar pun berangkatlah menuju ke Negeri Sembilan melalui Naning. Apabila sampai di Naning angkatan Raja Melewar ini telah bertempur dengan angkatan Daing Kemboja yang mendakwa menjadi raja di Negeri Sembilan.

Dalam peperangan di Naning ini Raja Melewar berjaya menewaskan angkatan Daing Kemboja. Anak Raja Bugis itu terpaksa mlarikan diri akibat tentangan hebat yang diberi oleh anak raja dari Minangkabau itu. Dari Naning Raja Melewar masuk ke Rembau lalu ditabalkan menjadi Raja Negeri Sembilan di Kampung Penajis.

Dari sinilah terbitnya perbidalan dalam salasilah pemerintahan beraja di Negeri Sembilan:

Tanah Kerjan (Kerajaan) di Penajis  
Tanah Mengandung di Seri Menanti.

Di Penajis juga dua orang raja Negeri Sembilan lagi selepas Raja Melewar ditabalkan menjadi raja. Tempat Raja Melewar bersemayam ketika di Penajis dikenali hingga sekarang ini sebagai Kampung Astana Raja.

Dari catatan sejarah ini amat jelas menunjukkan bahawa Negeri Sembilan sebelum mempunyai raja memang merupakan wilayah jajahan takluk Johor. Kedatangan Raja Melewar dari Pagar Ruyung terus mengadap Sultan Johor itu adalah memperlihatkan kekuasaan Johor masih berdaulat ke atas Negeri Sembilan sehingga Raja Melewar direstui oleh baginda menjadi raja di Negeri Sembilan.

Walaupun dari sejarah bertulis tidak ada menyebut tentang hakikat sebenarnya mengenai kedudukan Negeri Sembilan di bawah jajahan takluk Johor, namun kita boleh nilaikan dari beberapa perkembangan Kerajaan Melayu sebelum ini.

Kerajaan Seri Wijaya dalam abad ke-3 yang berpusat di Palembang adalah meliputi seluruh Pulau Sumatera, seluruh Semenanjung Tanjung Melayu hingga sampai ke Kemboja. Ini bermakna rakyat dari segenap ceruk rantau Kerajaan Melayu Seri Wijaya sudah saling kunjung mengunjungi sama ada melalui perdagangan, penerokaan, penghijrahan dan sebagainya.

Apabila muncul Kerajaan Melayu Melaka di awal abad ke-15 ianya merupakan asas Empayar Melayu yang terkuat menggantikan kegemilangan Kerajaan Seri Wijaya. Ini disebabkan selepas lemahnya Kerajaan Seri Wijaya

pihak Kerajaan Siam telah mengambil kesempatan meluaskan wilayahnya hingga sampai ke Temasik (Singapura).

Ada kemungkinan Negeri Sembilan juga adalah sebahagian dari wilayah Kerajaan Melayu Melaka ketika ini, walaupun kebenarannya masih samar-samar. Ini didasarkan kepada pengaruh Melaka di timur meliputi hingga ke Pahang, Terengganu dan Patani.

Dengan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka dalam tahun 1511, muncullah pula Kerajaan Melayu Johor walaupun kegagahannya tidaklah setanding dengan Kerajaan Melayu Melaka. Sedikit sebanyak Kerajaan Melayu Johor ini dapat juga mempertahankan maruah kerajaan-kerajaan Melayu yang semakin tergugat.

Sudah tentulah wilayah jajahan takluk Melaka selama ini diperintah pula oleh Kerajaan Melayu Johor, kerana sebenarnya Kerajaan Johor itu sendiri adalah lanjutan dari kesultanan di Melaka. Dari alasan inilah menunjukkan bahawa Negeri Sembilan adalah merupakan sebahagian dari wilayah jajahan takluk Kerajaan Johor.

#### Kematian Dato' Penghulu Naam

Peristiwa Raja Melewar tidak terus ke Seri Menanti menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan mungkin setelah baginda mendapat khabar bahawa Raja Khatib yang diutus oleh ayahandanya untuk membuat persiapan telah mengisyiharkan dirinya sebagai raja yang dijemput.

Berlakulah pepatah Melayu 'harapkan pagar, pagar makan padi' pada peringkat permulaannya Negeri Sembilan melaksanakan sistem berajanya. Raja Khatib yang diutus oleh Yang Dipertuan Pagar Ruyung membuat persediaan untuk menabalkan Raja Melewar, telah sampai terlebih dahulu ke Seri Menanti.

Apabila Raja Khatib menjekakkan kaki di Seri Menanti beliau diberi sambutan secara besar-besaran sebagai wakil raja. Akibat dari sambutan yang diberi oleh penduduk-penduduk Seri Menanti terhadapnya menyebabkan Raja Khatib berpaling tадah menjadi 'gunting dalam lipatan'. Beliau pun mengisyiharkan dirinya sebagai raja di Seri Menanti.

Seri Menanti yang terletak di bawah kekuasaan Dato' Penghulu Naam telah menerima pengisyiharan tersebut, dan Dato' Penghulu Naam sendiri merestui perlantikan Raja Khatib sebagai raja. Dato' Penghulu Naam juga telah mengahwinkan anaknya Warna Emas dengan Raja Khatib ini.

Sikap Raja Khatib yang 'pepat di luar rencong di dalam' ini telah menyebabkan kemurkaan kepada Raja Melewar. Baginda pun mengambil keputusan untuk memerangi Raja Khatib di Seri Menanti. Baginda pun mengetuai juak-juak hulubalangnya meninggalkan Kampung Penajis menuju ke Seri Menanti melalui Bukit Tujuh.

Khabar kedatangan Raja Melewar ini telah tersebar luas ke seluruh Seri Menanti. Barulah mereka semua sedar bahawa Raja Khatib telah menipu

mereka dengan mengisyiharkan dirinya sebagai raja. Oleh itu kedatangan Raja Melewar ini juga mendapat sokongan dari sebilangan besar penduduk-penduduk di Seri Menanti.

Bagaimanapun Dato' Penghulu Naam tetap dengan pendiriannya menerima Raja Khatib sebagai raja, apalagi ketika ini Raja Khatib ialah menantunya. Dalam perang saudara di Seri Menanti ini Raja Khatib telah lari menyelamatkan diri. Ke manakah beliau melarikan diri tidaklah didengar khabar beritanya hingga ke hari ini.

Khabarnya pergaduhan merebut takhta ini tidaklah begitu hebat, kerana awal-awal lagi Raja Khatib tidak memberi tantangan apa-apa.

Hanya Dato' Penghulu Naam saja bertahan menentang juak-juak hulu-balang Raja Melewar. Dalam pergaduhan tersebut Dato' Penghulu Naam telah tewas hingga terpenggal kepalanya.

Menurut cerita orang tua-tua Dato' Penghulu Naam ini tidak mati setelah kepalanya terpenggal dua. Keronnya beliau mempunyai kesaktian yang luar biasa. Setelah kepalanya terpenggal Dato' Penghulu Naam berjaya mencantumkan semula lehernya dan hidup semula.

Peristiwa ini mungkin tidak masuk akal kepada generasi sekarang, memandangkan adanya unsur-unsur dongeng dalam peristiwa tersebut. Tetapi



Bukit Kecil yang kelihatan di hadapan itu dinamakan "Bukit Kubu" sempena nama perkubuan pahlawan-pahlawan Yamtuhan Antah berkubu di atas bukit ini menentang kemaraan tentera penjajah Inggeris dalam peperangan 1874, bukit ini terletak di Teraci Kuala Pilah.

demikianlah cerita dari mulut ke mulut orang tua-tua di Seri Menanti mengenai kehebatan Dato' Penghulu Naam ini.

Di sini ada baiknya saya catatkan sedikit riwayat ringkas bagaimana peristiwa Dato' Penghulu Naam ini dijatuhkan hukuman pancung seperti yang diceritakan oleh allahyarham datuk saya:

"Setelah Dato' Naam enggan mengangkat Raja Melewar sebagai raja yang sah pembesar-pembesar baginda telah memujuk Dato' Naam supaya menarik balik pendiriannya. Tetapi Dato' Naam tetap tidak mengubah sikapnya sekalipun 'dicincang lumat, direndam basah, dibakar hangus'. Akibat pendiriannya yang tegas ini berlakulah pergaduhan antara pengikut-pengikut Dato' Naam dengan hulubalang-hulubalang Raja Melewar.

"Dalam pergaduhan ini pengikut-pengikut Dato' Naam dapat ditewaskan, malah beliau sendiri dapat ditawan. Beliau telah dituduh menderhaka kepada raja yang sebenarnya, oleh itu Dato' Naam pun dijatuhkan hukum pancung sampai mati.

"Sebelum hukuman itu dijalankan Dato' Naam telah diberi peluang lagi supaya menarik balik pendiriannya serta rujuk kembali dengan menerima Raja Melewar sebagai raja, namun beliau tetap dengan pendiriannya tidak ber ganjak dari mengakui bahawa Raja Khatib itulah raja yang sebenarnya.

"Atas alasan keengganan Dato' Naam inilah beliau dipancung sehingga bercerai kepala dengan badannya. Setelah kepala Dato' Naam bercerai dari badannya pertanda (orang yang menjalankan titah raja khusus kepada hukuman bunuh) yang memancungnya itu bertanya lagi kepada beliau sama ada menarik balik atau tidak pendiriannya.

"Kepala yang sudah terpenggal dari badan itu masih juga menggelengkan kepala menandakan dia tidak rela tunduk kepada titah perintah yang tidak diyakininya. Kononnya hukuman bunuh itu dijalankan pada waktu malam hari tatkala bulan sedang terang.

"Pertanda berkenaan telah yakin betul bahawa Dato' Naam sudah mati kerana kepalanya sudah bercerai dari tubuh. Dia pun baliklah mengadap Raja Melewar memberitahu segala yang terjadi. Baginda Raja Melewar sangat puas hati dengan hukuman yang dijalankan ke atas seorang pembesar Luak setelah menentang kebenaran.

"Bagaimanapun mayat Dato' Naam tidaklah terus dikebumikan pada malam tersebut. Mereka bercadang untuk mengkebumikan mayat itu pada kesokan harinya. Pada keesokan harinya tatkala orang ramai bersiap-siap untuk mengkebumikan mayat Dato' Naam, didapati beliau hidup semula.

"Terkejut besarlah orang ramai dengan peristiwa Dato' Naam hidup semula. Setelah disiasat mereka difahamkan bahawa rahsia kesaktian Dato' Naam ini ialah apabila embun turun menitik ke atas badannya, maka badan tersebut bercantum semula dengan kepalanya.

"Setelah diberitahu kejadian itu kepada Raja Melewar baginda telah memerintahkan supaya Dato' Naam ditangkap dan dipancung semula. Perintah baginda seterusnya ialah mayat Dato' Naam hendaklah dikebumikan serta-

merta sebaik saja hukuman dijalankan. Perintah baginda ini telah dilaksanakan oleh pertanda.

"Dato' Naam pun dipancung semula. Setelah sahih beliau sudah mati maka mayatnya pun dikebumikan serta-merta. Tetapi entah bagaimana keesokan harinya didapati Dato' Naam hidup semula sekalipun mayatnya sudah dikambus tanah sewaktu dikebumikan.

"Bagaimanapun kerana di waktu itu orang-orang tua mempunyai banyak kepandaian dan muslihat kependekaran, ada juga di antaranya yang mengetahui kelemahan Dato' Naam. Kebolehan Dato' Naam hidup semula setelah dipancung putus kepalanya ialah permainan ilmu kebatinan.

"Kalau kepala dan badannya ditanamkan bersama-sama di satu tempat pasti dia akan hidup semula. Oleh itu pada kali ketiga hukuman dijalankan ke atas Dato' Naam, setelah pertanda memancung kepalanya maka mayat Dato' Naam dikebumikan berasingan antara kepala dan badannya dengan dipisahkan oleh anak air.

"Inilah rahsia ilmu kebatinan Dato' Naam. Kepalanya telah dikebumikan di sebuah bukit yang kemudian dinamakan Bukit Tempurung iaitu sebagai mengambil sempena kepala Dato' Naam ditanamkan di situ (tempurung di sini bermaksud tempurung kepala).



*Bukit Tabuh yang rendah tempat badan  
Penghulu Naam dikebumikan.*

"Manakala badannya pula dikebumikan di atas sebuah bukit lain yang bersentang dengan Bukit Tempurung itu dipisahkan oleh sebatang anak sungai. Bukit ini kemudiannya dinamakan Bukit Tabuh yang bermaksud 'tubuh' iaitu sempena dengan tubuh atau badan Dato' Naam yang dikebumikan di situ. Kedua-dua nama bukit itu kekal hingga sekarang ini".



*Bukit Tempurung (bersebelahan Bukit Tabuh) tempat kepala Penghulu Naam dikebumikan.*

Kononnya, setelah dikebumikan di dua buah bukit berasingan dengan dipisahkan oleh sebatang anak sungai ini, kepala Dato' Naam masih menyeru badannya mengajak bercantum semula. Menurut cerita dari orang tua-tua selama tiga malam kepala yang sudah bercerai dari badan itu melaung-laung badannya mengajak bercantum.

Selepas tiga malam berturut-turut laungan dari Bukit Tempurung itu pun senyaplah. Demikianlah tamatnya kisah Dato' Penghulu Naam yang menjadi sejarah pahit pada peringkat awal menegakkan sistem beraja di Negeri Sembilan itu.

Kepada generasi muda sekarang tentulah menganggap cerita ini sebagai dongeng yang mengkhayalkan. Mungkin juga ada setengah orang menganggapnya tidak munasabah, tidak diterima akal atau karut semata-mata. Tetapi sejarah lisan ini sudah berlalu hanya kira-kira 200 tahun saja. Terpulanglah

kepada sesiapa saja sama ada mahu mempercayai atau tidak kebenaran tentang peristiwa pembunuhan ke atas Dato' Penghulu Naam ini.

Bagaimanapun cerita mengenainya masih menjadi perbualan di kalangan orang tua-tua di Seri Menanti. Malah ada di antaranya tidak merasa hairan tentang kehebatan Dato' Naam yang telah terpenggal kepalanya itu boleh hidup semula. Mereka berpendapat kuasa Allah SWT semuanya boleh berlaku.

Apa yang berlaku dalam kejadian 200 tahun dulu hanya satu kekeliruan dan silap faham yang amat malang. Dato' Naam telah berjuang menegakkan keyakinannya serta kedaulatan raja yang dinanti-nantikan oleh orang Minangkabau di Seri Menanti ketika itu.

Apabila Raja Khatib datang ke Seri Menanti mengaku dirinya sebagai anak raja dari Pagar Ruyung dengan menunjukkan bukti-bukti sah bahawa dirinya anak raja dari Pagar Ruyung, tentulah Dato' Naam percaya dengan dakwaan tersebut.

Atas sikap amanahnya Dato' Naam tetap mempertahankan kedaulatan raja tersebut. Tentu dia sendiri tidak pernah memikirkan sama ada Raja Khatib sudah belot atau tidak. Malah Dato' Naam sendiri tidak pernah diberitahu tentang perjanjian di Pagar Ruyung bahawa Raja Khatib diutus sebagai mengadakan persediaan untuk menyambut kedatangan raja yang sebenarnya.

Dari urutan sejarah ini ternyata bahawa Dato' Naam berjuang hanya menegakkan kedaulatan rajanya. Dia menentang siapa saja yang cuba menggugat kedaulatan rajanya hatta dengan nyawanya sekalipun. Oleh itulah dia terpaksa menentang Raja Melewar yang dianggapnya mahu meruntuhkan kedaulatan raja di Seri Menanti.

Kita tahu bahawa orang-orang Minangkabau yang berhijrah ke Seri Menanti itu mempusakai sama ada adat perpatih yang berasal dari tanah Minangkabau. Mereka berpegang kuat kepada peraturan adat dalam menegakkan ketuanannya ‘biar putih tulang jangan putih mata’. Dari hakikat inilah Dato' Naam lebih rela dipanceung lehernya dari melihat kedaulatan rajanya diruntuhkan.

Kekeliruan dan salah faham yang dibangkitkan oleh Raja Khatib inilah menyebabkan berlakunya peristiwa pembunuhan ke atas Dato' Naam salah seorang yang bertanggungjawab pada peringkat awalnya menjemput raja dari Minangkabau untuk menegakkan sistem beraja di Negeri Sembilan. Akhirnya akibat dari sikap ‘telunjuk lurus kelengkeng berkait’ orang yang dijemput itu-lah Dato' Naam menerima padahnya.

Rakyat Seri Menanti amnya dan rakyat Negeri Sembilan umumnya seharusnya mengambil iktibar dari peristiwa Dato' Penghulu Naam ini. Masanya telah tiba bagi kita membetulkan semula sejarah peradaban bangsa Melayu ke tempatnya yang sebenar. Seorang wira tidak wajar lagi tempatnya diletakkan sebagai penderhaka.

Penentuan seseorang wira atau penderhaka hanya melibatkan zaman yang dilaluinya saja, tetapi apabila zaman berubah penilaian semula mestilah

diberikan. Dalam hubungan ini kita tidak dapat memberi tafsiran bahawa tindak-tanduk Dato' Penghulu Naam itu merupakan satu perbuatan khianat atau menderhaka. Semua yang terjadi dalam peristiwa itu semata-mata disebabkan kekeliruan dan salah faham seperti yang disebutkan tadi.

*Dari cerita lain.*

Ketika Raja Melewar mengasaskan kerajaan beraja di Negeri Sembilan dalam tahun 1773, nama Seri Menanti memang telah wujud. Oleh itu jelaslah nama Seri Menanti itu lebih awal dikenali sebelum kedatangan Raja Melewar lagi. Baginda telah bersemayam dan ditabalkan oleh Datuk-datuk Undang di Kampung Penajis Astana Raja, Rembau terlebih dahulu sebelum menetapkan Seri Menanti tapak mendirikan istana.

Seri Menanti sekarang dikenali sebagai pekan diraja tempat bersemayam DYMM Yang Dipertuan Besar (Yamtuan Besar) Negeri Sembilan, terletak kira-kira 30 kilometer dari bandar Seremban. Apakah nama Seri Menanti itu ada kaitan dengan penduduk-penduduk di situ 'menanti' kedatangan seorang raja, atau dinamakan oleh orang tua-tua yang meneroka ke situ sebelumnya masih belum ada kajian secara akademik yang dibuat.

Tetapi setelah beberapa kali saya mengunjungi Sumatra Barat atau 'Ranah Minang' pada satu ketika saya telah bertemu dengan seorang profesor yang baru saja bersara (Bapak Idham Idris). Kebetulan pula saya pergi mengunjungi bekas Istana Pagar Ruyung ketika itu. Dalam perjalanan balik beliau telah menunggu saya di pertengahan jalan yang kebetulan berhampiran dengan rumahnya, setelah beliau mendapat tahu saya berkunjung ke sana.

Dari perbualan singkat antara saya dengan beliau, sempat saya bertanya kepada dia sama ada beliau mengetahui nama Seri Menanti, dan dari mana asal mulanya. Adakah ianya berasal dari nama salah sebuah kampung atau negeri di Daerah Pagar Ruyung? Atau nama tersebut diabadikan kemudiannya oleh perantau-perantau Minang yang meneroka ke Seri Menanti?

Beliau dengan spontan menjelaskan lebih kurang begini: "Daerah Pagar Ruyung" dalam kurun-kurun pemerintahan beraja lagi telah jadi perhatian orang-orang kampung sekitarnya ke atas seorang wanita bernama 'Seri', disebabkan wanita itu sentiasa saja berada di 'labuh' (jalan) menunggu kepulangan suaminya yang merantau ke luar negeri beberapa lama. (Kita maklumi keadaan perhubungan di waktu itu bukanlah semudah seperti sekarang ini).

Setelah beberapa tahun lamanya wanita berkenaan berkeadaan demikian iaitu sentiasa menunggu kepulangan suaminya di jalan tidak juga kunjung-kunjung pulang, maka orang-orang kampung pun bertanya kepada Seri, "Hai, Seri apakah yang engkau buat menanti di jalan sepanjang masa?" Maka jawab Seri dengan tenang, "Seri menanti kepulangan suami Seri yang belum pulang dari merantau." (Menjadi kebiasaan orang Minangkabau memanggil nama dirinya bagi menggantikan 'saya' atau 'eden').

Disebabkan dia berkata demikian, di samping tidak jemu-jemu menunggu kepulangan suaminya maka orang-orang kampung menggelarkan

jika pada pendapatnya tiada juga yang ada berkelayakan dan berkebolehan di dalam keturunan itu, maka hendaklah dipilih pula dari keturunan yang kedua dan demikianlah seterusnya hingga keturunan yang akhir sekali seperti yang diperturunkan di bawah ini, iaitu:-

- (i) Kekanda atau adinda lelaki Yang Di Pertuan Besar yang mangkat;
- (ii) Ayahanda saudara sebelah ayahanda Yang Di Pertuan Besar yang mangkat;
- (iii) Cucunda lelaki Yang Di Pertuan Besar yang mangkat;
- (iv) Putera kekanda atau adinda lelaki Yang di Pertuan Besar yang mangkat;
- (v) Putera ayahanda saudara Yang Di Pertuan Besar yang mangkat.

Dengan perlantikan Tuanku Jaafar menjadi Yang Di Pertuan Besar bererti sejarah takhta Kerajaan Negeri Sembilan mengenai perlantikan raja telah berulang sekali lagi. Kali pertama bila Yamtuan Raden mangkat pada tahun 1861 adindanya Yamtuan Imam telah diangkat menggantikannya, tidak puteranya, padahal Yamtuan Raden ada tiga orang putera iaitu Tunku Besar Daud, Tunku Besar Lintau dan Tunku Antah dan kali kedua bila Yamtuan Imam mangkat pada tahun 1869 Undang Yang Empat tidak melantik Tunku Ahmad Tunggal putera Yamtuan Imam menggantikannya sebaliknya Tuanku Antah 'anak saudara' Yamtuan Imam telah dilantik menduduki takhta. Ini bererti Tuanku Jaafar sebagai 'adinda' bukanlah perlantikan yang julung kali bukan 'putera' Yamtuan yang mangkat. Pertanyaan-pertanyaan ini mungkin timbul kerana mereka tidak memahami dan mengikuti sejarah perlantikan raja-raja Negeri Sembilan dan kuasa-kuasa yang ada di tangan Datuk-Datuk Undang Yang Empat menurut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan.

Di bawah ini diperturunkan secara ringkas riwayat hidup DYMM Tuanku Jaafar, Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan ke-10.

Seperti yang diketahui umum keturunan raja-raja Negeri Sembilan adalah berasal dari Pagar Ruyung Minangkabau. Raja pertama bernama Raja Mahmud bergelar Raja Melewar dan telah ditabalkan oleh 'Dato'-Dato' Penghulu Luak yang sembilan di Penajis Istana Raja Rembau pada tahun 1773M.

Di bawah ini saya perturunkan sepenuhnya kutipan dari buku tulisan Datuk H.D.J. Dt. B. Lubuk Sati seorang pegawai dari kantur Gabenor Sumatera Barat dan seorang tokoh sejarah yang terkenal mengenai kesultanan Pagar Ruyung.

Adat Raja yang dijemput ke Minangkabau iaitu Raja Mahmud bergelar Raja Melewar, sebelum berangkat melalui ujian fizik dan batin dari daulat Pagar Ruyung, dengan menidurkan semalam di atas batu kasur beralaskan

## **PERLANTIKAN ADINDA BUKAN PERTAMA KALI**

Pemilihan DYMM Tuanku Jaafar menjadi Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-10 oleh Datuk Undang Yang Empat pada 18 April, 1967 telah menimbulkan beberapa pertanyaan daripada beberapa pihak mengenai perlantikan tersebut.

Yang Di Pertuan Antah mangkat, puteranya Tuanku Muhammad Shah telah dilantik. Begitu juga bila Yang Di Pertuan Tuanku Muhammad mangkat, Tuanku Abdul Rahman, juga putera dan seterusnya bila Tuanku Abdul Rahman mangkat Tuanku Munawir (putera) telah dipilih oleh Datuk Undang Yang Empat menggantikan Al-Marhum. Tetapi apabila Tuanku Munawir mangkat, tidak puteranya seperti terdahulu tetapi adindanya (Tuanku Jaafar) telah dilantik.

Menurut Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan 1959 Bab III "Yang Di Pertuan" ceraian 7(i)-(iv) perlantikan Yang Di Pertuan Besar adalah seperti berikut:-

## **UNDANG-UNDANG TUBUH NEGERI SEMBILAN 1959**

### **BAB III YANG DI PERTUAN**

- 7(i) Hendaklah ada seorang Yang Di Pertuan bagi negeri ini untuk menjalankan kewajipan dan kuasa seorang raja mengikut Perlembagaan ini dan kedudukan tarafnya hendaklah terkanan sekali daripada orang-orang lain dalam negeri ini.
- 7(ii) Yang Di Pertuan Besar itu hendaklah seorang yang dipilih oleh Undang Luak Sungai Ujung, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau mengikut secara yang dipersyaratkan kemudian dari ini dan mengikut adat istiadat negeri ini.
- 7(iii) Tiada boleh dipilih sesiapa menjadi Yang Di Pertuan Besar bagi negeri ini melainkan ianya seorang Melayu lelaki yang sempurna akal dan memeluk agama negeri ini dan anak di dalam nikah yang berketurunan daripada Raja Raden ibni Raja Lenggang mengikut pihak sebelah lelaki.
- 7(iv) Apabila mangkat seorang Yang Di Pertuan Besar dengan meninggalkan putera-puteranya, maka Undang Luak Sungai Ujung, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau hendaklah bersegera memilih gantinya di antara putera-putera itu: dengan syarat jika pada pendapat Undang yang Empat bahawa tiada seorang pun di antara putera-putera itu yang berkelayakan dan berkebolehan maka hendaklah dipilih daripada keturunan yang pertama yang tersebut di bawah ini atau

daun jelatang niru bertempat di bawah beringin tiga sakti di Gudam Balai Janggo dalam Koto Pagar Ruyung di bawah Bukit Batu Pahat dengan adat upacara diraja.

Raja Melewar lulus ujian, lalu dilepas oleh Tuanku Yang Dipertuan Abdul Jalil Johan Berdaulat Raja Alam Minangkabau waktu itu, dengan membawa sehelai rambut gombak di kepala Yamtuan Abdul Jalil bertolak menuju Semenanjung Melaka.

Di istana Besar Seri Menanti Negeri Sembilan sampai saat ini masih tersimpan dan menjadi kebesaran kerajaan 'Rambut sehelai Sebatil'.

Raja Melewar ditabalkan di Penajis Tanah Kerajaan di dalam Luak Rembau dan kemudian bertakhta di Seri Menanti, di bawah Bukit Gitan Seri Indera, bertarikh tahun 1773M.

Raja Hitam adalah anak raja yang kedua dijemput ke Minangkabau dan bertarikh tahun 1795 – 1808M.

Raja Lenggang yang ketiga masih dijemput ke Pagar Ruyung dan bertakhta tahun 1808 – 1824M.

Raja keempat ialah Raja Radin anak Raja Lenggang tidak dijemput lagi ke Pagar Ruyung, bertakhta tahun 1824 – 1861M. (Minangkabau mulai tahun 1804 menghadapi musibah, terjadinya pembakaran dan pembunuhan di lingkungan istana Pagar Ruyung, barangkali musabab yang tidak memungkinkan lagi menjemput anak raja setelah mangkatnya Raja Lenggang).

### **Di Minangkabau**

Yang Dipertuan Abdul Jalil Johan Berdaulat Sultan Alam Muningsyah I bertakhta tahun 1719 – 1780M.

Yam Tuan Basusu Ampek, anak Y.D. Abdul Jalil Johan Berdaulat bertakhta tahun 1780 – 1789M.

Yam Tuan Bawang Raja Alam Minangkabau, saudara Y.D. Basusu Ampek bertakhta tahun 1789 – 1803M.

Yang Dipertuan Hitam Raja Alam Bagagarsyah Johan Berdaulat, cucu Y.D. Basusu Ampek bertakhta tahun 1804 – 1849M. Raja terakhir ini wafat di dalam pembuangan Belanda di Betawi. Dimakamkan di Mangga Dua Tanah Abang, oleh pemerintah Republik Indonesia ditetapkan menjadi Pahlawan Nasional. Makamnya dipindahkan ke Taman Makam Pahlawan Kalibata tahun 1978. Batu nesan dan sekepal tanah pusara dibawa pulang ke Pagar Ruyung dan sekarang disimpan oleh ahli waris (Tuan Gadih Dismah).

Dengan mangkatnya Yang Dipertuan Raja Alam Bagagarsyah Johan Berdaulat, tiada lagi pernah ada seorang Raja Alam Minangkabau yang ditabalkan. Istana pun telah habis terbakar dan peralatan istana telah diangkat oleh Belanda dan dibagi-bagikan pada saat permulaan penangkapan beliau tahun 1823.

nama wanita itu 'Seri Menanti'. Bagaimanapun profesor berkenaan tidak pula mengetahui akhir penantian Seri terhadap suaminya yang merantau itu.

Di sini dapat saya agakkan, logiknya kaitan kisah wanita berkenaan dengan nama Seri Menanti di Daerah Kuala Pilah sekarang ini. Tetapi di manakah sesuatu cerita itu benar atau boleh dipakai, maka ianya perlu penyelidikan yang lebih teliti lagi. Bagaimanapun saya beranggapan adalah logik nama Seri Menanti ini berasal dari wanita (ibu) yang sentiasa menanti suaminya pulang itu, atau seperti yang saya jelaskan di muka lain.

Kemungkinan suami Seri itu adalah salah seorang dari peneroka yang merantau di perkampungan di Negeri Sembilan sekarang. Disebabkan masalah-masalah perhubungan maka tidaklah dapat dia mengirimkan khabar berita ke kampung halamannya di Pagar Ruyung. Berkat kegigihannya membuka sawah dan ladang, akhirnya dia berjaya membina kehidupan yang lebih bermakna di tanah baru yang diterokainya. Ketika ini teringatlah dia akan isterinya Seri di kampung.

Sama juga seperti isterinya yang sentiasa 'menanti' keupulangannya membawa khabar gembira, si suami juga sentiasa berharap menantikan kedatangan Seri di tanah yang baru diterokainya. Setelah mencukupi perbelanjaan lelaki itu balik ke Pagar Ruyung untuk membawa isterinya Seri berpindah sama ke tanah seberang. Kampung baru itu pula tidak banyak bezanya dari kampung asalnya, sudah tentulah sesuai bagi kehidupan mereka suami isteri.

Jika cerita ini dapat dianggap benar, sudah tentulah lelaki berkenaan membawa ramai lagi pengikutnya sewaktu dia balik ke kampung menjemput isterinya. Apabila semakin bertambah ramai peneroka di tanah baru itu, maka mereka pun mencari nama bagi perkampungan tersebut, seperti juga kebiasaan seorang anak yang baru lahir semestinya diberi nama.

Kemungkinan nama Seri itu telah menjadi buah mulut peneroka-peneroka berkenaan atas kesabaramnya menunggu keupulangan suaminya, maka mereka memilih nama 'Seri Menanti' sempena nama wanita yang suaminya telah membuka jalan kepada mereka untuk memulakan penghidupan baru di perkampungan tersebut. Ini tanggapan pertama, tetapi mungkin juga sempena penantian lelaki berkenaan menanti kedatangan isteri Seri ke kampung baru itu lantas dinamakan 'Seri Menanti'.

Di manakah di antara kedua kenyataan ini benar sukarlah hendak diduga. Tidak ada dalil yang jelas dan terang dapat kita pegang, kerana kisahnya telah berlalu sejak 200 tahun lampau. Orang tua-tua kita juga tidak pernah menyampaikan cerita dari mulut ke mulut supaya sampai ke anak cucunya mengenai nama asal kampung yang didiaminya sekarang ini iaitu tempat saya dilahirkan.

Tetapi nama kampung-kampung lain seperti Tanah Datar, Seri Lemak, Tiga Batu, Batu Hampar, Paya Kumbuh dan lain-lain nama yang menjadi nama suku 12 di Negeri Sembilan sekarang ini adalah jelas berasal dari nama kampung-kampung di daerah Minang kekal hingga sekarang. Ini pernah saya jelaskan dalam Kertas Kerja Seminar Adat Minangkabau di Batu Sangkar yang saya bentangkan dalam tahun 1971.



*Istiadat mengadap di Istana Lama Seri Menanti tahun 1920.*

## Lahirnya Nama Negeri Sembilan

Sepanjang ingatan saya, belum ada lagi tokoh-tokoh sejarah yang membuat pengkajian khusus dari mana asal usul nama-nama negeri-negeri tertentu di Tanah Melayu ini khasnya dan Malaysia amnya, meskipun beberapa buah negeri seperti Melaka, Singapura, Pulau Pinang dan lain-lain telah diketahui asal usulnya. Begitu juga nama-nama tempat, bandar, daerah dan sebagainya masih banyak lagi belum diketahui dari mana asal namanya diambil. Apakah pada anggapan kita soal asal usul nama seperti ini tidak penting diketahui umum? Tentulah tidak, tetapi kenapa demikian adanya?

Di sini saya cuba membuat satu tinjauan dan penilaian mengenai nama 'Negeri Sembilan'. Bagaimanapun saya tidaklah mahu mengakui bahawa apa yang saya tuliskan ini sebagai betul ataupun menepati apa yang sebenarnya. Tetapi sebaliknya pula jika belum ada ahli-ahli sejarah yang boleh memberikan satu dalil atau kenyataan yang dapat dipertanggungjawabkan maka bolehlah saya andaikan apa yang saya tuliskan di sini dapat diterima, sekurang-kurangnya boleh dijadikan satu panduan untuk membuat penyelidikan yang lebih mendalam lagi oleh tokoh-tokoh sejarah akan datang.

Hari ini kita masih lagi teraba-raba untuk mengumpulkan kepingankepingan sejarah yang berselerak dan diselubungi oleh kesamaran sumber-sumber yang boleh dijadikan rujukan. Meskipun telah ada pegawai-pegawai British membuat penyelidikan dan kajian serta penulisan mengenai sejarah negara kita ini, tetapi ia belum dapat dibanggakan. Ada sebahagiannya memang mencepati fakta sebenarnya, namun ada yang kedapatan masih diragukan kebenarannya.

Bagaimanapun beberapa buah buku yang disusun dan dikumpulkan oleh pegawai-pegawai British seperti R.O. Windstedt, R.J. Wilkinson, Nathan, Gallicks, dan lain-lainnya amat berguna menjadi panduan bagi kita hari ini.

Sewaktu mereka menulis sejarah ini dulu tentulah mereka menemuramah orang-orang tua kita. Orang-orang tua Melayu dulu mengambil pandangan hanya sekadar dari cerita mulut ke mulut yang didengarnya daripada bapak atau datuk nenek mereka sebelumnya. Kalau pegawai-pegawai Inggeris ini tidak begitu memahami bahasa Melayu dengan baik, maka sudah tentulah ada di antara fakta yang ditulisnya kurang tepat.

Begitupun kalaularah tidak ada buku-buku yang ditulis oleh pegawai-pegawai yang tersebut pastilah kita akan lebih teraba-raba lagi untuk mencari fakt-fakta penulisan sejarah bangsa ini. Kita seharusnya berterima kasih kepada mereka yang telah mengambil perhatian dan berhasil mengumpulkannya.

Kurang tepatnya fakta yang ditulis itu bolehlah dikatakan kesilapan bukannya kelalaian yang disengajakan. Lebih-lebih lagi dapat kita andaikan bahawa orang-orang yang bertanggungjawab melalaikan kesan-kesan sejarah negara kita ini adalah terdiri dari orang-orang tua kita yang telah dewasa sejak sebelum perang dulu lagi, iaitu pangkat nenek kepada kita sekarang.

Mereka ini boleh dikatakan sebahagian darinya terlibat dalam perang yang berlaku menentang British dulu iaitu sekitar penghujung abad ke-19. Ada juga di antara mereka yang melibatkan diri dalam pentadbiran serta menjadi orang-orang besar di Luak-Luak di Negeri Sembilan.

Peristiwa penentangan terhadap British di Negeri Sembilan pula berlaku dalam TM 1874 apabila Yamtuan Antah dialahukan oleh British dalam pertemuran di Bukit Putus iaitu kira-kira 100 tahun saja berlalu. Kalau sebelum perang mungkin mereka masih dapat mengingat dengan baik, kerana mereka belum lama terlalu tua waktu itu.

Seperti yang tercatat dalam sejarah Melayu bahawa sebelum Negeri Sembilan mempunyai raja yang pertama iaitu Raja Melewar pada tahun 1773, Negeri Sembilan adalah di bawah pemerintahan Johor, atau dapat dikatakan sebahagian daripada negeri Johor. Sebelum munculnya Johor memang Negeri Sembilan merupakan sebahagian dari daerah Kerajaan Melayu Melaka yang masyhur dan terkuat di rantau ini sekitar abad ke-15 dan 16.

Tetapi apakah Melaka dialahukan oleh Portugis dalam tahun 1511, maka pusat pemerintahan Kerajaan Melayu bertapak pula di Johor. Maka dengan sendirinya Negeri Sembilan yang mengandungi luak atau daerah tertentu teraklkul di bawah pemerintahan beraja di Johor. Luak-luaknya pula ditadbirkkan oleh Penghulu Luak serta dibantu oleh Datuk-Datuk Lembaga yang mengetuai suku atau waris dan buapak yang mengetuai anak-anak buah atau rakyat terbanyak.

Kekuasaan pemerintahan Johor ke atas Negeri Sembilan dapat dibuktikan dengan adanya cap mohor yang diberikan oleh Sultan Johor kepada penghulu-penghulu Luak di Negeri Sembilan. Cap mohor ini dikurniakan menandakan 'kuasa mutlak Sultan' kepada Penghulu-Penghulu Luak berkenaan. Dengan perhubungan yang sukar di waktu itu pastilah pemerintahan Sultan Johor ke atas wilayahnya agak longgar.

Masa berlalu musim berderad, maka suasana politik dalam satu-satu pemerintahan itu ikut juga bergolak. Negeri Johor atau Kerajaan Melayu Johor yang mengukuhkan kerajaannya dengan sokongan Belanda sejak mereka bersekutu mengalahkan Portugis di Melaka dalam tahun 1641 menerima ancaman pula dari orang-orang Bugis dan Aceh yang sering mengganggu wilayah-wilayahnya.

Dalam keadaan demikian Sultan Johor tidak berupaya mentadbirkkan Negeri Sembilan secara lebih berkesan. Negeri Sembilan adalah salah satu dari wilayah Johor yang diganggu oleh orang-orang Bugis yang diketuai oleh Daing Kemboja bercita-cita mahu merajai Negeri Sembilan. Malah ada diceritakan bagaimana anak gadis Penghulu Rembau (Undang Luak Rembau) dilarikan oleh orang-orang Bugis yang menyebabkan ketegangan hubungan Penghulu Rembau dengan orang-orang Bugis.

Apakah lagi disebabkan orang-orang Negeri Sembilan adalah keturunan dari Minangkabau, maka sudah tentulah mereka tidak rela menerima Daing Kemboja dari Bugis menjadi raja mereka. Ketegangan yang timbul antara

orang-orang Minangkabau dan orang-orang Bugis ini tidaklah mencetuskan perperangan besar yang mengorbankan banyak jiwa. Ketegangan berkenaan tidaklah berlarutan hingga menjadi kacau-bilau di seluruh wilayah.

Disebabkan keadaan huru-hara berlaku di Negeri Sembilan waktu itu, maka bermuafakatlah Datuk-Datuk Penghulu Luak di Negeri Sembilan men-gadap Sultan Johor untuk meminta izin bagi mendapatkan seorang putera raja dari Minangkabau atau Pagar Ruyung bagi dirajakan di Negeri Sembilan. Per-mintaan ini telah diperkenankan oleh Sultan Johor kerana baginda sendiri tidak berupaya menghadapi ancaman musuh yang bertubi-tubi ini.

Dengan restu dari Sultan Johor maka pembesar-pembesar Negeri Sem-bilan pun menjemput seorang putera raja di Minangkabau untuk dijadikan raja memerintah wilayah-wilayah mereka. Dipendekkan ceritanya maka Raja Pagar Ruyung pun menghantar Raja Melewar atau nama sebenarnya Raja Mahmud untuk dirajakan. (Melewar atau dilewarkan dalam bahasa daerah Minangkabau bererti 'digelarkan', 'diiumumkan' atau 'dihebahkan').

Raja Melewar telah mengadap Sultan Johor sebelum berangkat ke Negeri Sembilan untuk mendapatkan kuasa bagi mentadbirkan negeri yang baru baginya. Baginda ditabalkan oleh Datuk-datuk Penghulu Luak di Penajis Rembau dan membuat Istana di sebuah kampung yang berhampiran hingga sekarang dikenal dengan nama 'Istana Raja' sebelum Baginda berpindah ke Seri Menanti tempat bersemayam Raja-Raja Negeri Sembilan sekarang.

Setelah pertabalan ini dilakukan serta didaulatkan oleh Datuk-Datuk Penghulu Luak ini, maka di sinilah Raja Melewar bertitah lebih kurang antara lain demikian bunyinya:

"Orang-orang kaya beta sekalian, pada hari ini mustaedlah sudah istiadat menabalkan beta menjadi raja di negeri yang bertuah ini, beta sangat-sangat berbesar hati di atas persetujuan dan kebulatan orang-orang kaya sekalian menjemput beta dari Pagar Ruyung untuk merajai di negeri baru ini. Sekarang beta ingin bertanya dengan orang-orang kaya sekalian: Sebagaimana kebiasaannya sesuatu perkara yang baru dilahirkan mestilah diberi nama, apakah nama negeri baru yang beta dirajakan ini?"

Datuk Penghulu dan orang-orang besar yang hadir pandang memandang di antara satu dengan lain kerana pertanyaan Raja Melewar itu adalah amat tepat dan semestinya diberikan jawapan.

Sebelum Datuk-Datuk Penghulu ini memberikan jawapan Raja Melewar melanjutkan pertanyaan dengan bertitah:

"Beta ingin bertanya, berapa orangkah Datuk-Datuk Penghulu yang menabalkan beta pada hari ini?"

Datuk Kelana sebagai penghulu yang kanan berdatang sembah:



*Di Makam Diraja Seri Menanti  
Almarhum Tuanku Ab. Rahman menitahkan pengusungan jenazah ayahandanya  
untuk dimakamkan pada 3.8.1933*

"Ampun Tuanku, Datuk-Datuk Penghulu yang menabalkan Tuanku hari ini adalah seramai sembilan orang yang datang dari sembilan Luak."

Raja Melewar seterusnya bertitah lagi:

"Apakah Luak di sini sama tarafnya seperti Luak di Minangkabau? Luak di Minangkabau," titah Raja Melewar, "merupakan satu kawasan yang agak luas di bawahnya mengandungi negari-negari".

Seorang Datuk Penghulu berdatang sembah, 'Ampun Tuanku, di sini ada Luak yang besar dan banyak luak yang kecil-kecil seperti luak-luak Teraci, Inas, Gunung Pasir dan lain-lain'.

Raja Melewar dikatakan seorang yang bijak dan cerdik kerana itulah ia dikirim oleh ayahandanya untuk merajai Negeri Sembilan.

Setelah Raja Melewar mendengar sembah dari Datuk-Datuk Penghulu yang hadir, satu fikiran terlintas di kepalanya lalu bertitah:

"Orang-orang kaya sekalian, pada fikiran beta berkait dengan nama baru negeri kita ini, apa kata kalau beta namakan ia 'Negeri Sembilan' sempena dengan percantuman sembilan Penghulu Luak atau negeri yang menabalkan beta pada hari ini".

Cadangan yang dikemukakan oleh Raja Melewar ini diterima baik dan disokong sepenuhnya oleh Datuk-Datuk Penghulu Luak yang hadir. Maka dengan itu rasmilah nama negeri baru itu dengan nama 'Negeri Sembilan' yang telah kita warisi bersama sekarang ini, malangnya kita tidak dapat tarikh dan bulan yang tepat hari pertabalan Raja Melewar di Kampung Penajis ini, tetapi tahunnya tetaplah pada TM 1773 itu.

Sebelum saya berani mencatatkan dalam buku kecil ini, saya telah bertukar-tukar fikiran dengan beberapa orang tokoh-tokoh sejarah, orang-orang tua di Negeri Sembilan di samping beberapa orang Datuk-Datuk Lembaga.

Bagaimanapun kalau sekiranya belum ada mana-mana pihak yang dapat memberikan gambaran yang lebih tepat dan jelas berhubung dengan nama 'Negeri Sembilan' ini mengikut fakta sejarah dengan dalil dan bukti yang konkret maka saya berpegang teguh kepada hujah dan teori ini bahawa, nama 'Negeri Sembilan' itu pastilah diisyiharkan oleh Raja Melewar ketika baginda ditabalkan menjadi raja di Penajis, Rembau pada tahun 1773 itu.

## ISTANA LAMA

Istana Lama ini telah siap dibina pada tahun 1905 dan telah mengambil masa selama lebih dua tahun untuk menyiapkannya. Almarhum Yamtuan Muhammad yang telah membina istana ini berkehendakkan ia merupakan sebuah istana yang penuh mengandungi bentuk kesenian rumah-rumah adat di Minangkabau yang menunjukkan pertalian Negeri Sembilan dengan alam Minang.

Tidak ada sebarang paku pun digunakan dalam membina istana ini dan semua sekali alat-alat membawa tegaknya istana yang indah ini adalah menggunakan kayu, sejak dari tiang hingga lalat kepada atapnya terbuat dari kayu belaka.

Empat batang tiang tengahnya adalah dibuat dari kayu penak dan tidak bersambung, panjangnya 170 kaki, penak ini telah diambil khas dari hutan Per-gai, Jelebu dan telah dibawa dengan sebuah kereta lembu khas yang ditarik oleh lapan ekor lembu pada tiap-tiap sebatang. Jumlah semua sekali tiangnya ialah sembilan puluh sembilan batang sebagai mengambil sempena dari sembilan puluh sembilan orang juak-juak hulubalang istana, tiap-tiap seorang dari juak-juak ini dahulu adalah memegang sebatang tiang seorang ketika hendak menegakkannya, pelan bangunan ini telah diciptakan oleh seorang tukang Melayu yang masyhur ketika itu bernama tukang Kahar, kerana mengenang jasanya ini Almarhum Tuanku Muhammad telah mengurniakan gelaran Dato' Panglima Sultan kepadanya.

Tukang-tukang Melayu dan tukang-tukang Cina telah bersama-sama membina Istana Lama yang menjadi kenangan untuk sejarah ini.



# 3

---

## GELARAN YANG DIPERTUAN (YAMTUAN) DAN UNDANG

Seperti yang sudah kita sedia maklum bahawa dalam sembilan buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini terdapat seorang ketua bagi tiap-tiap negeri yang dipanggil 'Sultan'. Di zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka dan Temasik dulu pun ketua pemerintahnya juga dipanggil Sultan. Gelaran tersebut kekal hingga sekarang ini diwarisi oleh negeri-negeri Melayu kecuali Perlis yang bergelar 'Raja Perlis', dan Negeri Sembilan bergelar 'Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.'

Ada orang bertanya, kenapa Negeri Sembilan tidak bergelar 'Sultan' bagi rajanya, sebaliknya bergelar Yang Dipertuan Besar? Berbeza dengan Perlis yang bergelar 'Raja' pula. Walau apa pun gelarannya, taraf dan kedudukannya tetaplah sama, cuma 'gelar panggilannya' saja yang berlainan.

Memang kalau kita tidak mengkaji secara mendalam sejarah keturunan dan asal usul (salasilah) raja-raja Negeri Sembilan akan menjaditanda tanya kepada kita mengenai perkara ini. Begitu juga kalau kita tidak mendalami penyelidikan mengenainya.

Dalam kunjungan saya beberapa kali ke daerah Minang sejak beberapa tahun yang lalu, ramai juga yang telah bertanya kepada saya mengenai raja Negeri Sembilan yang mereka tahu berasal dari Pagar Ruyung, Minangkabau. Sebaliknya saya juga bertanya kepada Datuk-Datuk Lembaga dan orang-orang tua Minangkabau akan gelaran raja di Pagar Ruyung itu dan asal usulnya.

Raja-raja di Pagar Ruyung, Minangkabau dalam masa wujudnya juga tidak bergelar 'Sultan' tetapi bergelar 'Yang Di Pertuan' Pagar Ruyung, Minangkabau. Kenapakah Pagar Ruyung tidak menggelarkan rajanya 'Sultan' seperti lain-lain negeri di Alam Melayu? Misalnya, Sultan Deli, Sultan Langkat, Sultan Aceh? Begitu juga di daerah Jawa seperti Sultan Jogja, Sultan Solo dan lain-lain kecuali di Majapahit bergelar 'Betara Majapahit'.

Sebagaimana yang saya jelaskan dalam ceramah-ceramah dan juga buku yang sedang saya susun mengenai hubungan Minangkabau dengan Semenanjung Tanah Melayu, khususnya Negeri Sembilan bahawa, demokrasi yang

ulung di dunia ini dilahirkan oleh orang-cang Melayu Minangkabau. Ianya dipelopori oleh Dato' Perpatih Nan Sebatang dan Dato' Ketemenggungan.

Kalau pemerintahan raja-raja di zaman dulu kita tahu bercorak autokrasi, meskipun mempunyai Orang-orang Besar yang mendampinginya seperti Temenggung, Bendahara dan beberapa orang ternama lain yang berjawatan menjadi Orang Besar Negeri, namun biasanya orang-orang besar ini adalah mematuhi saja segala titah Sultan, jarang kedapatan yang berani menyanggahnya.

Apa yang dikatakan oleh raja, itulah sembahnya meskipun hati kecilnya tidak bersetuju. Sejarah Alam Melayu telah membuktikan semuanya ini sebagaimana yang berlaku ke atas Laksamana Hang Tuah dan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang bersedia mematuhi perintah Sultan sekalipun dijatuhkan hukuman bunuh terhadapnya. Jarang sekali pembesar-pembesar Melayu bertindak seperti Hang Jebat di Melaka atau Laksamana Megat Seri Rama di Kota Tinggi, Johor yang menyanggah rajanya. Meskipun ada perbincangan Melayu: 'Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah'.

Tetapi di daerah Minangkabau berlainan corak pemerintahannya. Pentadbiran negara bukannya mutlak di tangan raja, tetapi dilaksanakan oleh orang-orang besarnya yang mentadbirkan daerahnya masing-masing. Mereka digelar Orang Besar Empat balai iaitu:

1. Bendaharo di Sungai Tarap.
2. Tuan Kali (Kadi) di Padang Gunting.
3. Mangkudum (Makhdom) di Sumanik.
4. Indomo di Suruaso.

Selain dari itu ada dua orang lagi Orang Besar yang terdiri dari keluarga raja yang membantu pemerintahan, mereka itu bergelar Raja Adat dan Raja Ibadat. Raja Adat memegang tugas dalam hal-ehwal adat manakala Raja Ibadat pula memegang tugas dalam bidang agama.

Perkataan 'Sultan' bukanlah perkataan Melayu asli tetapi adalah dari perkataan yang dibawa oleh orang-orang Arab bila mereka mengembangkan agama Islam di rantau ini. Maka raja sesebuah negeri itu pun dipanggil 'Sultan', seperti juga keadaannya yang terdapat di negara-negara Arab pada waktu itu. Di zaman Kerajaan Ummayah yang berpusat di Syria dan Kerajaan Abbasiah di Baghdad pemerintahnya dipanggil 'Khalifah', sementara di beberapa negeri Arab sekarang gelaran rajanya Al-Malik tidak lagi Sultan, hanya Kuwait saja bergelar 'Amir' dan Qabus dipanggil 'Sultan'.

Sebab itulah kita boleh mempertikaikan perkataan 'Sultan' ini kerana kemungkinan juga berasal dari bahasa 'sanskrit' setelah dibawa oleh orang-orang Hindu ke Semenanjung dan Alam Melayu. Hingga sekarang kita dapat banyak nama-nama orang India Muslim menggunakan nama Sultan. Atau di Minangkabau masih ada gelaran yang dipakai untuk pembesarnya 'Sultan' (ke-



Dato' Musa b. A. Wahab, Undang Luak Jelebu Yang Ke-15.

pendekan dari 'Sultan'), seperti juga nama keturunan bangsawannya misalnya Sutan Shaharil (Perdana Menteri Indonesia yang pertama), Sutan Takdir Ali Shahbana (Profesor dan cendekiawan terkenal di Indonesia) dan ramai lagi nama orang-orang yang tidak terkenal.

Daerah Minangkabau dan di Alam Melayu sebelum orang Melayu mengagumi agama Islam, mereka adalah terdiri dari penganut agama Hindu. Sewaktu Yang Di Pertuan Pagar Ruyung dirajakan di daerah Minangkabau, memang orang-orang Melayu belum lagi menganut agama Islam. Oleh itu gelaran Yang Di Pertuan ini lebih sesuai kepada seseorang raja Melayu yang memerintah, malah ianya tidak berubah sekalipun setelah menerima pengaruh Hindu dan kemudianya Islam di abad ke-13.

Demikian pun kita boleh juga merujuk kepada buku 'Sejarah Melayu' dalam peristiwa Demang Lebar Daun di Palembang menjemput Sang Sapurba di Bukit Seguntang Mahameru untuk dirajakan di Palembang. Kononnya Demang Lebar Daun Pembesar Palembang inilah yang pertama-tama kali menyebut perkataan 'Yang Di Pertuan' kepada rajanya Sang Sapurba, kerana raja itu dijemput setelah ianya ditemui oleh Wan Empuk dan Wan Malini di puncak Bukit Seguntang.

Sejauh mana alasan ini benar, masih juga boleh kita perbahaskan. Kalau-lah berdasarkan Demang Lebar Daun menggelarkan rajanya 'Yang Di Pertuan' kerana Sang Sapurba dijemput untuk dirajakan, memang kita boleh menerima alasan bahawa Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan sebagai raja yang dijemput oleh pembesar-pembesar di Negeri Sembilan. Tiga orang raja terawal iaitu Raja Melewar, Raja Hitam dan Raja Lenggang adalah anak raja yang dijemput dari Pagar Ruyung. Tetapi bagaimanakah pula gelaran 'Yang Di Pertuan' itu dipakai oleh raja-raja di Pagar Ruyung yang tidak dijemput itu?

Harus juga kita ingat bahawa buku 'Sejarah Melayu' dikarang sekitar abad ke-17 sewaktu Tun Seri Lanang menjadi Bendahara Johor, yakni ianya lebih awal wujud sebelum kedatangan Raja Melewar menjadi raja di Negeri Sembilan dalam tahun 1773. Oleh itu ternyata bahawa gelaran 'Yang Di Pertuan' kepada rajanya oleh Demang Lebar Daun disebabkan raja itu dijemput untuk memerintah Palembang sudah diketahui lebih awal oleh pengarang buku 'Sejarah Melayu' itu.

Boleh juga kita andaikan bahawa gelaran 'Yang Di Pertuan' di Palembang itu diterima oleh pembesar-pembesar Minangkabau untuk gelaran rajanya di Pagar Ruyung sesuai sebagai pemerintah Melayu yang mengamalkan sistem demokrasi dan berpegang kepada Musyawaharah:

Bulat anak buah menjadi Buapak  
Bulat Buapak menjadikan Lembaga  
Bulat Lembaga menjadikan Penghulu  
Bulat Penghulu menjadikan Raja

## GELARAN UNDANG

Begitu juga dengan gelaran Undang Yang Empat di Negeri Sembilan tentu mempunyai asal usulnya yang tersendiri, kerana Undang Yang Empat adalah Orang Besar Negeri yang bertaraf raja.

Meskipun di negeri-negeri beraja yang lain seperti di Perak dan di Pahang mempunyai Orang Besarnya, tetapi tidaklah bergelar 'Undang'. Perak dan Pahang yang pernah ditakluki oleh Kerajaan Melayu Aceh terdapat gelaran Orang Besar Empat, Orang Besar Delapan, Orang Besar Enam Belas, dan Orang Besar Tiga Puluh Dua dalam susunan pembesar-pembesarnya sebagai wakil raja di daerah-daerah yang diberi kuasa oleh raja mentadbirkan daerah-daerah berkenaan.

Orang Besar Empat pula bolehlah disamakan dengan anggota kabinet inti bagi raja mengadakan perbincangan dan kerapatan. Biasanya perbincangan atau kerapatan ini diadakan di balai yang dikenali dengan panggilan 'Balairong Seri' (sehingga sekarang nama tersebut masih dikekalkan).

Begitu juga Orang-Orang Besar Delapan mungkin juga dapat diibaratkan sebagai anggota kabinet bagi istilah sekarang. Walau bagaimanapun, biasanya raja mempunyai kuasa pemutus. Jarang sekali datuk-datuk dan Orang Besar ini menyanggah titah raja. Kerana itu biasa disebut dalam kata-kata 'bahasa dalam' atau bahasa istana: jika raja bertitah maka orang-orang besar akan menjunjungi duli dengan bertimpuh di hadapan raja sambil menyembah dengan katanya, "Titah Tuanku terjunjung di atas batu jemala patik."

Boleh dikatakan tidak ada yang menyanggah titah raja melainkan patuh dan taat setia selalu. Ini bermakna Orang Besar mestilah hormat kepada raja; hormat bererti boleh disuruh arah, kerana itu pemerintahan raja-raja di zaman dulu, malah kita harus mengakui secara jujur, ada waktu-waktunya melakukan kezaliman dan penganiayaan, kurang budi bicara dan kurang teliti sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman, ungkapan kata. Siapa kuat dialah kudrat, siapa gagah dialah gah, menjadi buah mulut di mana-mana di waktu itu.

Atas sebab-sebab inilah sering terjadi pergaduhan, keris bersilang di dada, dan Orang-Orang Besar juga menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya seperti kata perbilangan Melayu: beraja di hati, bersultan di mata. Kerana itu janganlah kita hairankan mengapa penjajah barat begitu mudah mengalahkan Kerajaan Melayu di mana-mana juga di Alam Melayu ini, dibabarkan ada di antara Orang-Orang Besar ini dan pedagang-pedagang India bersikap 'talam dua muka' seperti yang digambarkan dalam buku 'Sejarah Melayu' di zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah di Melaka. Akibatnya Kerajaan Melayu Melaka ditawan oleh Portugis dalam tahun 1511.

Begitu juga dengan apa yang berlaku dalam sejarah Temasik dalam tahun 1337, apabila Sang Rajuna Tapa, Orang Besar yang bergelar Penghulu



*Y.A.M. Dato' Undang Jelebu Ke-14, Dato' Abu Bakar b. Ma'amor.*

Bendahari (atau sekarang ini Menteri Kewangan) kerana sebab membalaas dendam tergamak membukakan pintu kota bagi memudahkan tentera-tentera musuh dari Majapahit mengalahkan Temasik. Sultan Iskandar yang memerintah Temasik terpaksa berkelana membawa diri, kononnya hingga sampai ke Melaka.

Tetapi mengapa gelaran Orang Besar di Negeri Sembilan dipanggil 'Undang'? Tidak ada terdapat fakta secara bertulis di mana-mana buku rujukan pun mengenai gelaran ini, sama ada bertulis tangan berupa 'teromba' ataupun cerita lisan dari mulut ke mulut. Saya telah banyak bertanya kepada orang tua-tua dulu mengenai asal-usul gelaran 'Undang' ini, namun tidak ada penjelasan yang tepat mengenainya.

Malah di Pagar Ruyung sendiri tempat asal raja Negeri Sembilan itu dikenali sebagai orang Besar Empat saja tidak bergelar 'Undang'. Orang Besar Empat ini dipanggil 'Datuk' juga seperti pembesar-pembesar Melayu yang lain, tetapi sebaliknya ada kedapatan 'Telaga Undang' dalam kata-kata adat di Minangkabau.

Waktu saya berkhidmat dengan kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 1955 hingga 1969, terutama sekali dalam tahun 1964 – 1969, saya telah cuba mencari fail-fail lama dan gazet-gazet kerajaan yang diwartakan, sayangnya semua dokumen berkenaan tidak ditemui lagi. Bagaimanapun saya dapat mengagakkan dari kajian dan penelitian di samping andaian-andaian, kemungkinan gelaran 'Undang' itu terbitinya dari perkataan 'undang-undang'.

Jika andaian ini benar dapatlah kita duga bahawa timbulnya perkataan 'Undang' itu setelah Inggeris campurtangan dalam pemerintahan Negeri Sembilan di akhir kurun yang ke-19, dan sewaktu penyatuannya semula sembilan luak yang menjadikan sempena nama 'Negeri Sembilan' itu.

Tetapi bagaimana pula dengan perkataan 'Telaga Undang' yang terdapat di Minangkabau itu, saya belum membuat kajian mengenainya setakat ini. Jika perkataan 'Telaga Undang' di Minangkabau ini ada hubungkaitnya dengan gelaran Undang di Negeri Sembilan tentunya ia tidaklah diambil dari perkataan 'Undang-Undang' seperti yang diagakkan pada awalnya. Di sini beberapa pertanyaan harus dicari jawapannya:

- Pertama: Bila waktunya gelaran ini dirasmikan.
- Kedua: Siapa orang yang bertanggungjawab menukar gelaran ini dari nama 'Penghulu'.
- Ketiga: Biasanya satu-satu gelaran itu dikurniakan oleh Raja, jika benar siapakah Rajanya yang mengurniakan gelaran ini.
- Keempat: Seperti yang kita ketahui ada tiga orang anak Raja dari Minangkabau yang dijemput seperti yang disebutkan di awal tadi, apakah gelaran Undang ini dibawa bersama oleh salah seorang dari anak-anak raja ini? Inilah jawapan yang perlu dicari bersama.

Sebelumnya Datuk-Datuk yang memegang terju Luak ini bergelar 'Penghulu Luak' saja. Gelaran ini masih kekal hingga sekarang kepada 5 Luak lagi di Tanah Mengandung di Kuala Pilah selain dari 4 Luak yang sudah bergelar 'Undang'. Lima Luak di Tanah Mengandung yang mengekalkan gelaran Penghulu Luak itu ialah:

1. Penghulu Luak Hulu Muar
2. Penghulu Luak Jempol
3. Penghulu Luak Terachi
4. Penghulu Luak Gunung Pasir, dan
5. Penghulu Luak Inas.

Manakala 4 Luak yang sekarang ini menggunakan gelaran 'Undang' itu merupakan Orang Besar Empat yang berkuasa penuh di Luak masing-masing ialah:

1. Undang Luak Sungai Ujung
2. Undang Luak Jelebu
3. Undang Luak Johol dan
4. Undang Luak Rembau

Saya berkeyakinan gelaran 'Undang' sebelum kedatangan British ialah 'Penghulu Luak' berdasarkan kepada 'teromba Jelebu' yang menyebut gelaran kepada Undangnya yang pertama ialah Penghulu Moyang Salleh, gelaran itu kekal hingga kepada Dato' Penghulu Syed Ali yang kemudiannya bergelar 'Undang Luak'. Dato' Penghulu Syed Ali inilah yang bertanggungjawab membawa masuk Inggeris ke Luak Jelebu, begitu juga dengan Luak-Luak Sungai Ujung, Johol dan Rembau, malah ada orang-orang tua yang masih lagi memanggil Undang itu Penghulu hingga sekarang (gelaran Datuk Penghulu juga terdapat di Minangkabau).

Menurut cerita yang saya dengar dari Datuk-datuk Penghulu Luak yang tua-tua dulu (sekarang ini sudahpun meninggal dunia), gelaran Penghulu Luak di 5 Luak di Tanah Mengandung juga diberi gelaran 'Undang Luak'. Bagaimanapun gelaran tersebut dihapuskan kemudiannya setelah dibantah oleh Undang Luak Sungai Ujung sewaktu disandang oleh Datuk Kelana Makmur (1889 – 1945), setelah penyatuan kembali Negeri Sembilan dibuat melalui perjanjian tahun 1898.

Alasan Datuk Kelana Makmur ialah, 5 Luak Tanah Mengandung terletak di bawah pentadbiran dan kuasa Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan di Seri Menanti, manakala 4 Luak yang hingga sekarang bergelar 'Undang' mentadbirkан hal-chwal adat dan agama di tangan 'Undang Luak' masing-masing dengan tidak payah merujuk kepada Yang Di Pertuan Besar. Memandaliah mereka merujuk kepada Residen British saja mengikut perjanjian tersebut.

Dalam ertikata lain kedudukan dan taraf 4 Luak yang bergelar Undang itu lebih tinggi dari 5 Luak di lingkungan Tanah Mengandung yang bergelar 'Penghulu'. Disebabkan gelaran asalnya 'Penghulu Luak' maka dikembalikanlah semula gelaran tersebut kepada mereka hingga kekal sekarang ini dikenali sebagai 'Penghulu Luak', untuk membezakan dengan 4 Undang Luak yang mempunyai hak dan kuasa lebih dalam Luak masing-masing.

Sedangkan penghulu Luak di Tanah Mengandung terpaksa merujuk terlebih dulu kepada raja sehubungan dengan masalah adat dan agama. Mereka tidak boleh bertindak seperti Undang Yang Empat di Luak masing-masing.



Surat perjanjian yang asal di antara Yamtuan Seri Menanti dengan Undang Yang Empat tahun 1898 – Perjanjian inilah yang memberi kuasa kepada Undang seperti yang ada sekarang.



*Y.A.M. Dato' Undang Jelebu Ke-12, Dato' Abdullah.*

# 4

## ASAL ORANG EMPAT ISTANA

Setelah Raja Khatib melarikan diri meninggalkan Seri Menanti dengan tidak ada khabar berita, manakala Dato' Penghulu Naam dijatuhkan hukum pancung sampai mati, maka pengikut-pengikutnya pun mengalah dan mengakui kedaulatan Raja Melewar ke atas Seri Menanti.

Baginda Raja Melewar juga baliklah ke Kampung Penajis di Rembau. Semasa balik ke Rembau ini baginda telah membawa sama anak perempuan Dato' Naam yang bongsu bernama Sani dengan tujuan hendak diperisterikan-nya.

Peristiwa Raja Melewar melarikan Sani ke Kampung Penajis telah diberitahu kepada dua orang anak lelaki Dato' Naam iaitu abang-abang kepada Sani bernama Merah dan Sipi. Mereka berdua ini telah menyusul adiknya ke Kampung Penajis dengan ditemani oleh dua orang saudaranya dari suku Tanah Datar.

Menurut ceritanya apabila empat orang saudara ini sampai ke Kampung Penajis, Rembau, tempat Raja Melewar membawa lari saudaranya Sani, kebetulan mereka sampai pada waktu senja dan keadaan kelilingnya sudah gelap. Maka mereka berempat pun mengendaplah ke bawah rumah untuk memastikan adiknya Sani ada di situ.

Ketika ini Raja Melewar yang bersemayam di situ sedang membasuh kaki. Dengan tidak sengaja air simbahannya basuh kaki raja itu terkena kepada empat orang saudara lelaki Sani yang sedang mengendap di bawah rumah itu.

Dari peristiwa terkena simbahannya air basuh kaki raja inilah terbitnya gelaran 'Air Kaki' lingkungan istana kepada orang-orang kampung atau suku-suku yang berhampiran dengan Istana Seri Menanti hingga sekarang ini. Ada lima suku yang disebut termasuk dalam lingkungan 'air kaki' itu iaitu:

1. Suku Batu Hampar
2. Suku Tanah Datar
3. Suku Tiga Batu



*Dato' Kelana Ke-13, Mohd. Yusof bin Hashim, 1881 – 1889.*

4. Suku Seri Lemak Pahang
5. Suku Seri Lemak Minangkabau

Sementara suku Batu Hampar Sungai Layang disebut pula 'air kaki yang jernih' kerana Cik Sani yang dilarikan oleh Raja Melewar itu berasal dari suku Batu Hampar Sungai Layang. Cik Sani ini kemudiannya menjadi isteri Raja Melewar. Perkataan 'air jernih' kepada suku Batu Hampar Sungai Layang itu menunjukkan suku tersebut lebih hampir kepada raja, atau lebih akrab dari suku-suku yang lain.

Kerana pertemuan di antara empat saudara ini ada mengandungi catatan sejarah penting dalam sistem beraja di Negeri Sembilan, hingga dari sinilah asal terbitnya gelaran Dato'-dato' Orang Empat Istana, maka di bawah ini saya perturunkan sepenuhnya petikan dari sebuah buku tulisan tangan yang tersimpan di Istana Besar Seri Menanti:

"....tatkala keempat-empatnya hendak masuk tidak dibenarkan oleh orang yang mengawal pintu, demikian berbantah-bantah (pertengkaran mulut – p) pada masa itu terdengarlah pada Cik Sani isteri Yang Dipertuan Raja Melewar itu lalu ia memandang kelihatanlah keempat-empat saudaranya itu sedang berbantah-bantah dengan orang kawalan itu, maka Cik Sani pun menangis lalu segera pergi mengadap Duli Yang Dipertuan dengan air matanya.

"Maka titah Duli Yang Dipertuan, 'mengapa diri selaku ini dan mengapa pula gempar bunyi orang bergaduh?'. Maka dipersembahkanlah Cik Sani hal itu serta mengatakan, 'adapun orang yang empat itu saudara patik datang hendak mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia'. Maka titah Duli Yang Dipertuan, 'jika sungguh orang itu saudara dari bolehlah masuk bertemu kami serta juak-juak memanggil keempat-empatnya'.

"Maka keempat-empatnya pun masuklah naik ke istana duduk di hulu tangga berempat kiri kanan (dari sinilah asalnya Dato' Orang Empat Istana itu apakala diadakan istiadat di singgahsana seumpama pertabalan, penghulu mengadap dan lain-lain mereka duduk bertimbahan di atas tangga singgahsana – p), dan Duli Yang Dipertuan pun keluarlah bersemayam di serambi tengah.

"Maka titah Duli Yang Dipertuan, 'apa khabar tuan keempat yang baru datang ini?'. Maka keempatnya pun menyembahlah seraya menjawab titah, sembahnya, 'khabar baik Tuanku, adapun kedatangan patik keempat ini hendak mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia memohonkan ampun periksa akan hal saudara patik yang telah terbawa oleh Duli Yang Maha Mulia, ampun Tuanku akan apakah gunanya saudara patik itu'.

"Maka titah Duli Yang Maha Mulia, 'bahawa maksud kami itu semata-mata kebijakan jua iaitu kami hendak jadikan peti banian bagi kerajaan (peti banian bererti isterinya – p) dan tuan-tuan keempatlah akan anak kuncinya' seraya titahnya pula kepada Cik Sani, 'akan keempat-empat tuan-tuan ini yang sebenarnya saudara belakakah kepada diri?'. Sembah Cik Sani, 'daulat tuanku yang dua inilah saudara seibu sebaa dengan patik, akan yang dua ini orang suku Tanah Datar daripada keturunan Sutan Semanik dan Johan Kebesaran, jadi jumlah saudara jualah kepada patik'.

"Maka titah Duli Yang Dipertuan, 'jika demikian tuan-tuan keempat ini muafakatlah baik-baik jangan bertukar berubah hingga datang ke akhir zaman kelak turun-temurun kerana yang dua ini jadi iparlah kepada kami lagi daging darah dan yang dua ini pun demikian kerana keempat-empatnya orang Kota Peliang belaka, sekarang kembalilah tuan-tuan keempat ke Sri Menanti dirikan istana di sana, apabila sudah segeralah datang pula ke mari memberitahu kami'.

"Hatta, maka keempat-empat orang ini pun bermohonlah balik. Setelah sampai ke Seri Menanti muafakat didirikanlah istana, telah lengkap kembalilah pula mereka ke Rembau mengadap Duli Yang Dipertuan Sultan Mahmud. Kemudian berbuatlah Undang Yang Empat Penghulu yang sembilan seluruh Negeri Sembilan menghantar Duli Yang Dipertuan berangkat ke Seri Menanti iaitu kemudian telah ditabalkan di Rembau. Sebab itulah dinamai Rembau itu Tanah Kerajaan dan Seri Menanti Tanah Mengandung.



*Di pekarangan Istana Lama Seri Menanti, Tuanku Muhammad bersama Undang Yang Empat Residen British dan Pesuruhjaya Tinggi Inggeris, gambar ini mungkin dalam pertengahan tahun dua puluhan.*

"Telah sampai ke Seri Menanti maka Cik Sani pun bergelar Cik Puan dan saudaranya kedua itu seorang bergelar Seri Amar Diraja dan seorang lagi bergelar Maharaja Dewangsa ialah martabat orang berempat dalam lingkungan istana memerintah suku Batu Hampar, maka suku itulah dinamai dari kaki iaitu dua pihak. Sepihak disebutkan air kaki yang jernih iaitu suku Batu Hampar yang di Sungai Layang dan sepihak air kaki sahaja iaitu suku Batu Hampar lingkungan istana dan Tanah Datar.

"Yang dua orang itu digelar Penghulu Dagang dan seorang lagi bergelar Akhir Zaman. Pangkatnya bersamaan dengan Seri Amar Diraja dan Maharaja Dewangsa, tetapi pada aturan jabatan Seri Amar Diraja itulah kepala, yang kedua Maharaja Dewangsa, ketiga Penghulu Dagang, keempat Akhir Zaman.

"Hal pekerjaan jawatan dalam istana tatkala adat didirikan dan kebesaran akan diturunkan dalam masa Hari Raya yang kedua dan sebagainya maka Dato' Seri Amar Diraja itu mengeluarkan segala alat kebesaran dari dalam bilik istana hulurkan ke tengah disambut oleh Maharaja Dewangsa lalu dibawanya hampir ke tiang seri.

"Diberikan pula pada Penghulu Dagang yang sedia menunggu di situ, maka ia pula membawa lalu ke pintu istana disambut pula oleh Akhir Zaman ialah yang membawa lalu ke tangga lalu diserahkan pula kepada Johan iaitu kepala jawatan juak-juak yang sembilan puluh sembilan. Maka Johan itulah yang membawa turun ke laman istana disuruh dirikan menurut aturan kepada anak-anak buahnya.

"Telah sudah maka Johan pun kembali berdiri di tangga istana berseru kepada hulubalang yang empat iaitu Panglima Sutan, Panglima Raja, laksamana dan Paduka Besar serta juak-juak yang sembilan, 'kawalilah kerja jabatan masing-masing dengan sempurnanya', telah itu maka ia pun duduklah di tangga istana itu adanya.

"Adapun perbilangan 'Air Kaki' itu demikian, sekecil-kecil Air Kaki itu bersamaan tarafnya dengan waris, dan kebesaran Air Kaki bersamaan dengan Anak Putera..."

Demikianlah petikan dari catatan bertulis mengenai asal wujudnya jawatan Orang Empat Istana. Petikan ini saya salinkan dari tulisan tangan pentatunya dengan tidak membuat perubahan pada tata ayatnya, tetapi telah disunting bagi menyesuaikan susunan perenggan, tanda-tanda koma dan noktah, serta ejaaannya.

Empat Orang Istana ini bolehlah disifatkan sebagai tempat semenda kepada raja mengikut salasilah sejak Merah dan Sipi bersama dua orang saudaranya menurut jejak Cik Sani ke Rembau itu. Hingga sekarang ini pun peranan Orang Empat Istana ini sama seperti tempat semenda raja juga iaitu semua perkara yang berhubung dengan anak-anak raja nikah kahwin, bersunat Rasul, pertunangan dan sebagainya mestilah terlebih dahulu dirujukkan kepada Orang Empat Istana ini.



*Y.A.M. Dato' Kelana Petra Ke-14,  
Dato' Ma'amor bin Kassim C.B.E., 1889 – 1945.*

Bagi seseorang anak raja yang hendak bertunang atau berkahwin adalah diharuskan diketahui oleh mereka. Sekiranya salah seorang daripada anak-anak raja melanggar peraturan adat istiadat maka seharusnya pula bertimbang salah kepada Orang Empat Istana itu.

Timbang salah ini menurut kata adatnya ialah meminta maaf. Seperti yang telah ditetapkan apabila anak raja itu melanggar adat; katakanlah beliau berkahwin dengan tidak memberitahu terlebih dahulu kepada Orang Empat Istana, maka timbang salahnya ialah ‘bertabur melukut’ iaitu dengan membayar seekor kerbau dan beras 40 gantang serta emas sebahara (kira-kira \$25.00). Sekiranya timbang salah ini tidak dibayar maka bermakna isteri anak raja itu belum lagi diiktiraf masuk dalam keluarga kerabat Diraja yang sama setaraf menurut adatnya.

Di bawah ini diperturunkan nama orang-orang yang pernah menyandang gelaran pesaka Dato'-dato' Orang Empat Istana dari awal hingga ke hari ini:

#### **Dato' Seri Amar Diraja**

1. Merah bin Dato' Penghulu Naam
2. Tekun
3. Muhammad Ali
4. Ubat
5. Luman
6. Jalil
7. Idris
8. Umar
9. Dahan
10. Sujud
11. Rauf bin Nahu

#### **Dato' Raja Dewangsa**

1. Sipi bin Dato' Penghulu Naam
2. Pipeh
3. Petot
4. Lebai
5. Hassan
6. Kulup
7. Kechut
8. Idris
9. Wahab
10. Yahya
11. Yunus bin Jabar



*Dato' Orang Empat Istana, dari kiri: Dato' Penghulu Dagang Adam,  
Dato' Seri Amar Diraja Sujud, Dato' Raja Dewangsa Yunus,  
Dato' Akhir Zaman Bador. – gambar tahun 1932.*

#### **Dato' Penghulu Dagang**

1. Cantik
2. Munduk
3. Sajak
4. Aman
5. Amin
6. Ismail
7. Maisin
9. Adam bin Yusuf

#### **Dato' Akhir Zaman**

1. Molek
2. Dengut
3. Titah
4. Usuh
5. Sahat
6. Wasir



*Y.A.M. Dato' Kelana Petra Ke-15,  
Dato' Mohd. Kassim bin Abd. Rashid, 1946.*

7. Dahir
8. Kocer
9. Maadir
10. Usman
11. Bakat
12. Bddor bin Ibrahim
13. Dayar bin Sarul .
14. Abdul Rahman bin Shaari

Dari catatan tersebut hitung panjang seseorang yang menjawat jawatan tersebut kira-kira selama 20 tahun setiap orang. Ini memandangkan dalam jarak 200 tahun sejak peristiwa Merah dan Sipi menurut jejak adiknya ke Rembau, hanya antara 10 ke 14 orang saja waris-waris yang layak telah memegang jawatan Orang Empat Istana itu.

Tidak pula diterangkan nasib yang menimpa Warna Emas selepas ayahnya Dato' Penghulu Naam dihukum pancung. Sama ada beliau turut sama lari mengikut suaminya Raja Khatib tidak pula diriwayatkan. Begitu juga adakah waris keturunannya berhak memegang jawatan Orang Empat Istana itu?

Semua catatan mengenai sejarah lisan berhubung dengan takhta Kerajaan Negeri Sembilan sudah tentulah tidak cukup lengkap. Hal ini dapat kita rujukkan juga dengan peristiwa Undang Yang Empat serta Penghulu Yang Sembilan ikut sama mengiringkan Raja Melewar dari Astana Kaja, Penajis di Rembau ke Seri Menanti.



*Kesan Balairong Seri, Pagar Ruyong, Minangkabau.*

Bagaimanakah timbulnya Empat Undang dan Sembilan Penghulu itu tidak pula diketahui, kerana dari catatan sejarah yang boleh dipercayai Negeri Sembilan itu bermula dari sembilan daerah saja. Dari sembilan daerah itulah kemudiannya terdapat Empat Undang yang menjadi Penghulu Luak masing-masing.

Catatan pada tulisan tangan itu mungkin terdapat beberapa kesilapan akibat kelemahan-kelemahan laporan yang diterima oleh pencatatnya. Hal-hal mengenai fakta dan tarikh peristiwa satu-satu kejadian itu tidak dapat kita pastikan. Bagaimanapun catatan berkenaan amat besar gunanya terutama dalam usaha kita mengkaji semula sejarah tersebut.

Kalau orang-orang Minangkabau di Seri Menanti saja yang mengutuskan Panglima Bandan dan Panglima Bandut menjemput anak raja di Pagar Ruyung, bagaimanakah boleh terjadi Empat Undang dan Sembilan Penghulu (bermakna terdapat 13 ketua Luak - \*) ikut sama menabalkan Raja Melewar, kemudian mengiringinya untuk bersemayam di Istana Seri Menanti?



*Istana lama Seri Menanti yang masih kukuh.*

Tetapi, catatan yang saya petik di atas hanya memperlihatkan bagaimana bermulanya jawatan Orang Empat Istana itu diwujudkan. Penulisan sejarah orang-orang tua dahulu memanglah sukar bagi kita mencari fakta dan tarikhnya yang tepat, namun kita boleh menjadikannya sebagai panduan yang amat besar gunanya.

## Asal Nama Negeri Sembilan


Setelah Raja Melewar sampai ke Seri Menanti baginda pun bersemayam di sebuah istana sementara yang dipanggil 'Barong-barong' terletak di satu tempat bernama Ampang Rambai (tempat ini terletak di seberang sawah yang bertentangan dengan istana yang ada sekarang, tapak bekas bangunannya masih terdapat lagi hingga sekarang ini).



*Ampang Rambai, Tapak Istana mula-mula didirikan di Seri Menanti dalam tahun 1773.*

Seperi telah dijelaskan terdahulu, bahawa sebelum Raja Melewar menjadi Raja Negeri Sembilan, daerah yang disebut Negeri Sembilan itu adalah di bawah takluk pemerintahan Johor. Di dalamnya terdapat Luak atau Wilayah yang diketuai oleh ketuanya sama ada Penghulu, Undang atau Orang-orang Besar masing-masing. Daerah Kelang dan Naning yang dikatakan jumlah dalam daerah-daerah Negeri Sembilan itu penghulunya yang terawal ialah Orang Minangkabau, tetapi kemudianya dipegang oleh anak tempatan sendiri.

Setelah Raja Melewar diberi kuasa penuh oleh Sultan Johor memerintah ceruk rantau Negeri Sembilan, maka Dato'-dato' Penghulu dan Dato'-dato'



Persidangan Raja-Raja bersama-sama dengan General Templer Persuruhjaya British bersama dengan menteri-menteri besar.

Undang Luak yang sedia ada itu pun putuslah perhubungannya dengan Sultan Johor. Mereka menumpukan pula taat setianya kepada Raja Melewar.

Tidak ada tersebut dalam mana-mana buku sejarah yang menyebut bila-kah tarikh sebenarnya daerah-daerah atau luak-luak dalam Negeri Sembilan ini disatukan dalam sebuah pemerintahan negeri yang disebut 'Negeri Sembilan'. Begitu juga nama-nama 9 Luak yang terlibat itu sehingga memunculkan nama Negeri Sembilan itu.

J.E. Nathan dan R.O. Winstedt dalam bukunya 'Papers on Malay Subjects' ada menyebutkan keraguan tentang nama beberapa negeri yang dinamakan Negeri Sembilan itu. Terutamanya daerah Jelai dan Ulu Pahang yang terletak yang dikira tidak munasabah termasuk dalam lingkungan Negeri Sembilan itu.

Di samping tarikh bersatunya daerah-daerah ini ke dalam Negeri Sembilan juga tidak disebutkan dengan jelas. Bagaimanapun bolehlah kita andai-kan bahawa penubuhan Negeri Sembilan itu mungkin berlaku dalam tahun 1773 atau terkemudian sedikit dari tarikh tersebut.

Ini boleh didasarkan dari bermulanya pemerintahan Raja Melewar ke atas Negeri Sembilan. Sebelum Sultan Johor menyerahkan daerah-daerah yang di bawah pemerintahan baginda kepada Raja Melewar, semua daerah-daerah berkenaan belum lagi disatukan. Masing-masing ditadbirkan oleh penghulu-penghulu sebagai wakil pemerintahan pusat di Johor.

Jika dilihat dari kenyataan tersebut persatuan yang melahirkan Negeri Sembilan ini sudah tentu dilakukan dengan kehendak Raja Melewar sendiri, supaya daerah-daerah berkenaan terangkum di bawah pemerintahannya.

Tetapi daerah manakah yang sebenarnya telah disatukan itu sehingga mewujudkan nama 'Negeri Sembilan'?

Menurut Nathan dan Winstedt dalam bukunya 9 Luak yang telah disatukan menjadi Negeri Sembilan itu ialah:

1. Sungai Ujung
2. Jelebu
3. Rembau
4. Naning
5. Kelang
6. Segamat
7. Pasir Besar (nama ini bertukar kemudian dengan nama Johol)
8. Jelai (sekarang Inas)
9. Ulu Pahang (terletak antara Serting dan Temerloh)

Percanggahan keterangan dari buku 'Papers on Malay Subjects' ini tidak dipersetujui oleh Almarhum Tunku Besar Burhanuddin (adinda Tuanku Muhammad Shah, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ke-7). Tuanku Besar Burhanuddin menerangkan bahawa Negeri Sembilan itu adalah persatuan dari Luak-Luak Kelang, Naning, Sungai Ujung, Johol, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas.



*Tuanku Muhammad bergambar dengan Undang Yang Empat. Dari kanan Dato' Abdullah(Jelebu), Dato' Maamor(Sungai Ujung), Dato' Abdullah Dahan (Rembau), Dato' Kamat (Johol). Kiri sekali Tunku Besar Burhanuddin. – gambar ini mungkin dalam tahun dua puluhan.*

Sementara Jelebu dan Rembau menurut Tunku Besar Burhanuddin lagi, tidak termasuk dalam jumlah tersebut kerana kedua-dua luak ini tidak mempunyai Penghulu melainkan ada ketua yang dinamakan Yamtuan Muda. Kedua-dua Yamtuan Muda ini berasal dari anak-anak raja belaka.

Yamtuan Muda Jelebu katanya, bernama Raja Adil adik kepada Raja Melewar, sementara Yamtuan Muda Rembau bernama Raja Asil iaitu anak kepada Raja Adil, Yamtuan Muda Jelebu. Jawatan Yamtuan Muda ini kemudiannya terhapus setelah campurtangan Inggeris dalam pemerintahan Negeri Sembilan.

Keterangan mengenai Jelebu dan Rembau tidak mempunyai Penghulu sebelum kedatangan Raja Melewar seperti yang didakwa oleh Tunku Besar Burhanuddin agak bercanggah dari sejarahnya. Dato' Moyang Salleh Undang Jelebu yang pertama (ketika ini bergelar To' Penghulu) dikatakan telah pergi memutuskan tali perhubungan dengan Johor dalam tahun 1757.

Pemergian Dato' Moyang Salleh ke Johor adalah selepas bulat muafakat dari Dato' Kelana Putera (Undang Sungai Ujung), Dato' Johan Pahlawan (Undang Johor) dan To' Rembau (Undang Rembau). Dengan ini jelas menunjukkan Jelebu dan Rembau memang sudah mempunyai Penghulu lebih awal sebelum kedatangan Raja Melewar dalam tahun 1773 itu.

Bagaimanapun dari kedudukan pemerintahan Raja Melewar yang berpusat di Seri Menanti itu kemungkinan keterangan Tunku Besar Burhanuddin itu boleh dipakai mengenai nama 9 buah daerah yang terlibat, tetapi tidaklah bermakna Jelebu dan Rembau terkeluar disebabkan tidak ada Penghulu.

Dato' Moyang Salleh, Undang Jelebu yang pertama itu telah pun menerima pengiktirafan dari Sultan Johor sebagai pemerintah di Jelebu. Bagaimanapun adalah tidak wajar ianya terkeluar dari Negeri Sembilan, kerana Dato' Moyang Salleh memainkan peranan dalam sebarang hal-chwal yang bersangkutan dengan Sungai Ujung, Rembau dan Johol.

Tetapi kedudukan Naning sebagai salah satu dari 9 daerah yang terlibat dalam pergabungan Negeri Sembilan itu masih boleh dipertikaikan. Timbul beberapa keraguan mengenainya. Dalam 'Sejarah Alam Melayu' yang disusun oleh Buyung Adil dan Abdul Hadi Hassan ada menyebutkan bahawa Naning telah diserahkan oleh Sultan Johor kepada pihak berkuasa Belanda di Melaka dalam tahun 1757.

Tarikh tersebut tentu lebih awal sebelum kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan. Dari keterangan tersebut ternyata bahawa Naning tidak termasuk ke dalam 9 daerah yang digabungkan menjadi 'Negeri Sembilan', kecualialah kalau Negeri Sembilan itu wujud sebelum kedatangan Raja Melewar.

Kalaular benar Naning sebahagian dari 9 daerah yang melibatkan Negeri Sembilan, sudah tentu Penghulu Naning menyatukan dirinya dengan Raja Melewar menentang penaklukan Belanda ke atas Naning. Begitu juga dengan Luak Jelai, Ulu Pahang dan Pasir Besar yang disebut oleh Nathan dan Winstedt termasuk dalam pergabungan daerah-daerah Negeri Sembilan itu.

Daerah-daerah berkenaan terletak jauh. Jelai terletak dalam Negeri Pahang, manakala Ulu Pahang tidak pula diketahui di mana. Sementara Pasir Besar hanya merupakan sebuah kampung kecil. Kalau dikatakan Pasir Besar ini kemudiannya dikenali sebagai Johol sukar diterima kebenarannya. Nama tempat Pasir Besar itu masih ada lagi sekarang ini (merupakan kawasan Felda di selatan Negeri Sembilan), dan jaraknya dari Johol adalah jauh.

Kedudukan Gunung Pasir sebagai sebuah Luak terpenting dalam pembentukan Negeri Sembilan juga adalah disangskakan. Gunung Pasir hanya perkampungan kecil yang sebahagiannya termasuk ke dalam Luak Ulu Muar dan berhampiran pula dengan Seri Menanti. Ketika ini Seri Menanti merupakan sebahagian dari Luak Johol dan Luak Ulu Muar.

Dari keterangan-keterangan ini terdapat beberapa percanggahan mengenai luak-luak yang terlibat dalam pembentukan 'Negeri Sembilan' itu. Disebabkan kita juga tidak menemui tarikh sebenarnya wujud pergabungan sembilan buah daerah itu, maka amatlah sukar diketahui dengan tepat daerah-daerah tersebut yang terlibat.

Bagaimanapun didasarkan dari beberapa keterangan kasar, di samping merujuk kepada dokumen-dokumen yang boleh diterima, saya mempunyai



*Datuk Undang Luak Johol Ke-II, Haji Abd. Majid bin Abd. Wahid.*

keyakinan yang kuat bahawa 9 buah Luak yang bergabung membentuk 'Negeri Sembilan' itu ialah:

1. Kelang (mungkin meliputi Lukut dan Port Dickson)
2. Sungai Ujung
3. Jelebu
4. Johol
5. Rembau
6. Ulu Muar
7. Jempol
8. Terachi
9. Inas

### Ganti Raja Melewar

Raja Melewar telah memerintah Negeri Sembilan dari tahun 1773 dan mangkat pada tahun 1795. Bersama isterinya Encik Sani (Encik adalah panggilan kepada perempuan dari keturunan rakyat biasa apabila berkahwin dengan raja yang memerintah) baginda memperolehi seorang puteri bernama Tengku Aishah dan seorang putera bernama Tengku Totok.

Setelah kemangkatan Raja Melewar putera baginda Tengku Totok tidaklah ditabalkan menjadi raja. Maka bermuafakatlah Orang Empat Istana, Penghulu-penghulu Luak dan Dato'-dato' Undang bagi mencari ganti Raja Melewar.


Oleh kerana pertalian di antara Negeri Sembilan dengan Minangkabau masih kuat dan belum putus lagi, maka Orang-orang Besar berkenaan mengambil keputusan 'hidup berkerelaan, mati berkerapatan' pergi menjemput seorang lagi anak raja dari Minangkabau memerintah Negeri Sembilan.

Ada juga sumber yang menyebut usaha mejemput seorang lagi anak raja dari Minangkabau itu adalah bertujuan untuk memelihara adat perpatih sebenarnya. Disebabkan adat perpatih itu datangnya dari Pagar Ruyung maka anak-anak raja dari Pagar Ruyung saja yang memahami sistem adat perpatih itu.

Tujuan utama pembesar-pembesar ini mendapatkan raja dari Pagar Ruyung itu kononnya, selain dari menentang kekacauan yang dibangkitkan oleh anak Raja Bugis, ialah untuk mengukuhkan pemakaian adat perpatih di Negeri Sembilan.

Anak raja yang dijemput itu bernama Raja Hitam. Baginda telah ditabalkan di Kampung Penajis, Rembau juga sebelum dibawa ke Seri Menanti. Raja Hitam kemudiannya dinikahkan dengan Tengku Aishah puteri Raja Melewar dengan Encik Sani.

Kedatangan Raja Hitam ke Negeri Sembilan juga adalah samar-samar sama ada baginda dijemput oleh pembesar-pembesar Negeri Sembilan atau telah datang lebih awal sebelum kemangkatan Raja Melewar.



*Makam Diraja kelihatan makam Raja Melewar, Raja Hitam, Raja Lenggang, Yamtuan Raden dan Yamtuan Imam.*

Terdapat juga sumber yang menyebut bahawa selepas kemangkatan Raja Melewar maka menantunya Raja Hitam ditabalkan menjadi Yamtuan. Dari sumber tersebut dapat diyakinkan bahawa perkahwinan antara Tengku Aishah dan Raja Hitam lebih awal sebelum kemangkatan Raja Melewar.

Bagaimanapun percanggahan tersebut dapatlah disimpulkan bahawa Raja Hitam yang ditabalkan sebagai Yamtuan itu ialah menantu kepada Raja Melewar. Sama ada baginda datang ke Negeri Sembilan lebih awal atau dijemput oleh Orang-orang Besar Negeri Sembilan kemudian berkahwin dengan Tengku Aishah adalah perkara lain yang diluar pengetahuan kita.

Begitu juga cerita lanjut mengenai Yamtuan Raja Hitam ini tidak ada catatan khusus mengenainya. Negeri Sembilan di bawah pemerintahan baginda tidak ada apa-apa perubahan dari pemerintahan Raja Melewar. Demikian juga peristiwa-peristiwa penting tidak banyak berlaku di masa pemerintahan baginda.

Baginda Yamtuan Hitam mangkat dalam tahun 1808 iaitu setelah memerintah selama lebih kurang 13 tahun. Disebabkan tidak ada peristiwa-peristiwa penting dalam masa pemerintahan baginda, maka tidaklah banyak diketahui mengenai perkembangan diri baginda sendiri sebagai seorang raja yang memerintah.

Hanya diketahui baginda pernah berkahwin dengan seorang wanita dari keturunan rakyat biasa bernama Jingka. Tidak pula diketahui sama ada per-

kahwinan tersebut setelah Tengku Aishah meninggal dunia, ataupun baginda beristeri dua.

Bagaimanapun dari keterangan-keterangan yang boleh dipercayai perkahwinan Yamtuan Hitam pada kali kedua ini setelah Tengku Aishah mangkat. Sekiranya Yamtuan Hitam beristeri dua pun, mungkin Tengku Aishah mangkat terlebih dahulu. Ini disebabkan ada keterangan menunjukkan bahawa Jingka ini kemudiannya bergelar Encik Puan Besar Jingka.

Di bawah ini diperturunkan salasilah keturunan Yamtuan Hitam melalui perkahwinannya dengan Encik Puan Besar Jingka. Perkahwinannya dengan Tengku Aishah mungkin tidak memperolehi anak memandangkan tidak ada diketahui tentang keturunan atau anak cucunya melalui perkahwinan dengan Tengku Aishah.



Setelah kemangkatan Yamtuan Hitam dalam tahun 1808, putera baginda Tengku Alang Husin tidak juga ditabalkan oleh Orang-orang Besar Negeri Sembilan menjadi Yamtuan. Di sini dapat kita nilaiakan bahawa pada peringkat awal sistem beraja di Negeri Sembilan ialah tidak menetapkan pengganti Yamtuan itu dari puteranya sendiri.

Orang-orang Besar Negeri Sembilan semacam tidak mempunyai ketetapan bahawa seseorang Yamtuan itu mestilah dijemput dari Tanah Adat dari Minangkabau, kerana selepas ini putera baginda sendiri ditabalkan oleh Orang-orang Besar Negeri Sembilan menjadi Yamtuan yang keempat.


Setelah kemangkatan Yamtuan Hitam, sekali lagi Orang-orang Besar Negeri Sembilan menjemput anak raja dari Pagar Ruyung untuk dirajakan, anak raja ini bernama Raja Lenggang.

Seperti juga dengan Yamtuan Hitam, Baginda Raja Lenggang ini telah ditabalkan di Kampung Penajis, Rembau sebelum dibawa ke Seri Menanti. Baginda kemudiannya dikahwin dengan puteri Yamtuan Hitam bernama Tengku Ngah, yang kemudiannya bergelar Tengku Ampuan.

Dalam masa pemerintahan Yamtuan Lenggang tidak juga terdapat peristiwa-peristiwa penting. Perkembangan dalam pemerintahannya sama juga seperti dua orang Yamtuan sebelumnya. Tidak ada terdapat keterangan lanjut yang menyentuh sebarang peristiwa penting dalam masa pemerintahan baginda.

Bersama dengan Tengku Ampuan Ngah, baginda memperolehi dua orang putera. Seorang bernama Raja Radin, dan seorang lagi Raja Imam. Kedua-dua putera baginda ini kemudiannya ditabalkan menjadi Yamtuan yang keempat dan yang kelima.

Yamtuan Lenggang telah memerintah dari tahun 1808 hingga 1824 sebagai Raja Negeri Sembilan yang terakhir dijemput dari Pagar Ruyung. Salasilah keturunan baginda adalah seperti berikut:




Selepas kemangkatan Yamtuan Lenggang dalam tahun 1824, maka putera baginda Raja Radin telah ditabalkan menjadi Yamtuan menggantikan ayahandanya. Bermulalah era baru dalam sistem beraja menegakkan takhta Negeri Sembilan dengan tidak menjemput anak raja dari Pagar Ruyung lagi. Bolehlah dianggap tahun 1824 itu sebagai tarikh permulaan dalam pembinaan sistem beraja sebagai mengukuhkan takhta kerajaan di Negeri Sembilan.

Dengan naiknya Raja Radin menduduki takhta Kerajaan Negeri Sembilan hubungan dengan kesultanan Minangkabau sudah terputus sama sekali. Negeri Sembilan tidak perlu lagi mendapatkan tunjuk ajar mengenai pakaian adat perpatih dari Tanah Minangkabau yang selama ini bolehlah dikira sebagai tempat rujukan apabila timbul masalah mengenai adat perpatih.

Yamtuan Radin merupakan raja yang dikira lama memegang tampuk pemerintahan iaitu kira-kira selama 37 tahun. Baginda mangkat dalam tahun 1861. Disebabkan masa pemerintahan baginda yang lama, baginda dikatakan telah beristeri sehingga enam orang dan mempunyai 14 orang putera dan puteri. Keturunan dari Yamtuan Radin inilah membentuk pemerintahan beraja di Negeri Sembilan hingga sekarang ini.

Dari isteri-isterinya yang lain Yamtuan Radin mempunyai salasilah seperti berikut:



Setelah Yamtuhan Radin mangkat, maka adiknya bernama Tengku Imam diangkat menjadi Yamtuhan. Baginda Yamtuhan Imam ini juga dikenali sebagai Tengku Ulin atau Tengku Janggut. Baginda hanya dapat memerintah selama 8 tahun sajai iaitu dari tahun 1861 hingga 1869. Ketika baginda dilantik menjadi Yamtuhan pun umur baginda sudah lanjut.

Walaupun pemerintahan Yamtuhan Radin memakan masa agak panjang, namun tidak ada apa-apa perkembangan dalam masa pemerintahan baginda. Tidak juga terdapat peristiwa-peristiwa penting sepanjang pemerintahan baginda itu.

Ketika itu pergolakan politik dalam negeri-negeri Melayu sudah mula berkocak dengan campur tangannya pemerintahan Inggeris. Tahun 1836 sudah berlaku pergolakan di Lukut berikutan dengan tindakan pekerja-pekerja lombong bangsa Cina membakar istana Raja Lukut. Antara 1831 – 1832 juga Dato' Naning Abdul Said (Dato' Dol Said) telah mencetuskan pemberontakan menentang Inggeris di Melaka. Dalam peristiwa pemberontakan Dato' Dol Said ini Dato' Rembau (Undang Luak Rembau) telah terlibat membantu Inggeris.

Dalam dua peristiwa penting yang berlaku di sekitar pemerintahan Kerajaan Negeri Sembilan tidak terlihat pun bahawa Yamtuhan Radin ikut terlibat. Tidak ada catatan sejarah yang menunjukkan baginda ikut sama memainkan peranan. Ini kemungkinan ketika ini Lukut adalah di bawah pemerintahan Selangor, manakala Naning pula di bawah pemerintahan Melaka.

Oleh itu ternyata bahawa antara 1824 – 1861 iaitu dalam masa pemerintahan Baginda Yamtuhan Radin, baginda tidak ada mencetuskan apa-apa peristiwa penting walaupun baginda berada di atas takhta dalam masa yang begitu panjang.

## DATUK SIAMANG GAGAP

Ia seorang yang tegas, berani dan gagah perkasa, tidak mahu tunduk sedikitpun kepada penjajah Inggeris meskipun Yam Tuan Antah kalah dalam perperangan di Bukit Putus dalam tahun 1874.

Ia dikurniakan gelaran 'Datuk Siamang Gagap' oleh Yam Tuan Antah. Nama sebenarnya Abdul Kahar bin Mukmin. Kedudukannya di dalam kera-

jaan sebagai Bendahara atau Menteri Besar menurut istilah sekarang, kata-kata dan nasihatnya didengar oleh raja, amat disegani dan dihormati oleh rakyat jelata.

Dengan penjahah Inggeris tidak ada tolak ansur baginya, akhirnya ia membawa diri ke Pahang. Perjuangannya samalah seperti Datuk Bandar Tunggal di Sungai Ujung.

Gelaran 'Siamang Gagap' yang dikurniakan kepadaanya sebagai mengambil sempena, menurut kepercayaan orang tua-tua dulu di mana ada siamang yang berbunyi 'gagap', bererti negeri itu tidak akan dapat dikalahkan oleh musuh, ia sebagai seorang pahlawan yang berani dan gagah perkasa maka gelaran itu layak baginya. Sehingga sekarang gelaran 'Datuk Siamang' masih wujud tetapi nama 'gagap' telah ditiadakan. Seperti Datuk-Datuk Lembaga yang lain menerima 'political pension' tetapi 'Datuk Siamang' tidak menerima sebarang pension kerana Datuk Siamang Gagap dulu menentang penjahah Inggeris.

Ketika Yam Tuan Antah mangkat, Tunku Muda Chik, iaitu putera Yam Tuan Radin telah menuntut takhta kerajaan. Pada waktu itu Tunku Muhammad masih kecil. Datuk Siamang Gagaplah yang mempertahankannya. Beliau berkata, Tunku Muda Chik sudah ada sawah ladangnya di Jelebu (kerana Tunku Abdullah, bekanda Tunku Muda Chik telah menjadi Yam Tuan Muda Jelebu, jadi haknya telah ditentukan oleh Ayahandanya di Jelebu tidak lagi di Seri Menanti). Tuntutan Tunku Muda Chik mendapat sokongan Martin Lister Pegawai Daerah Kuala Pilah. Datuk Siamang Gagap memberi amaran kepada Martin Lister, "Awak hilang sahabat berganti sahabat, soal siapa jadi raja adalah hak kami, awak jangan masuk campur." Demikian ketegasan beliau. Martin Lister dan Tunku Muda Chik mahu tidak mahu terpaksa beralih. Atas kehendaknya jugalah pengganti raja tidak diistiharkan tetapi sebaliknya Tunku Ampuan Intan, balu Yam Tuan Radin telah dilantik menjadi pemangku selama 3 tahun sehingga Tunku Muhammad cukup umur.

Tunku Muda Chik juga dikenali sebagai seorang yang gagah dan berani jarang orang yang sanggup membantah kata-katanya, tetapi dengan Datuk Siamang Gagap ia terpaksa berundur.

Menurut cerita orang tua-tua, bila Tunku Muhammad telah disempurnakan menjadi raja, Datuk Siamang Gagap telah meninggalkan Seri Menanti pergi ke Pahang dan menetap di Tasik Bera bersama-sama dengan orang-orang asli. Kerana kegiatannya terus menerus menentang Martin Lister dan penjahah Inggeris, ia sentiasa menjadi buruan. Kemudian ia pergi ke Mekah dan kemungkinannya ia meninggal di sana. Dengan itu tamatlah cerita Datuk Siamang Gagap penentang penjahah Inggeris pada akhir kurun yang ke sembilanbelas, ia pergi sebagai seorang pahlawan berjasa untuk kenangan generasi akan datang.



Potret pahlawan Seri Meranti, Imam Perang Dato' Siamang Gagap

# 5

---

## PERANG DENGAN DATO' KELANA DAN INGGERIS

Yamtuan Imam diangkat menjadi Yamtuan menggantikan kekandanya Yamtuan Radin ketika usianya sudah meningkat tua. Dalam masa 8 tahun pemerintahannya, 1861 – 1869 tidak juga terdapat apa-apa peristiwa penting.

Ketika ini pergolakan dalam beberapa buah Negeri Melayu agak meruncing terutama di Selangor dan di Perak. Penguasaan lombong-lombong bijih oleh Inggeris dan Cina menyebabkan timbul rasa tidak puas hati di kalangan pembesar-pembesar Melayu.

Rasa tidak puas hati pembesar-pembesar Melayu ini dilayan dengan kekerasan senjata oleh pihak Inggeris yang secara terang-terangan menyebelah mereka yang dianggapnya warganegara Negeri-negeri Selat. Dalam peristiwa pembakaran istana Raja Lukut dalam tahun 1836 oleh pekerja-pekerja lombong Cina, ternyata Inggeris mendiamkan diri.


Sebaliknya apabila orang-orang Raja Mahadi menyerang Yap Ah Loy di Kuala Lumpur kerana menyokong Tengku Kudin, maka Inggeris telah memberi bantuan kepada Yap Ah Loy. Campur tangan Inggeris dalam Negeri-negeri Melayu sudah mula menampakkan belangnya sekitar pertengahan abad ke-19 itu.

Dalam tempoh tersebut Negeri Sembilan masih tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Baginda Yamtuan Imam juga tidak menimbulkan sebarang kesulitan kepada pihak Inggeris yang sudah mula bertapak di Selangor secara tidak langsung.

Bagaimanapun langkah tersebut tidaklah bererti Negeri Sembilan terselamat dari kerlingan mata Inggeris yang bermarkas di Singapura. Selepas kemangkatan Yamtuan Imam bermulalah satu era yang menukar sekaligus sistem pemerintahan di Negeri Sembilan apabila Inggeris mula campur tangan.

Yamtuan Imam sendiri mungkin tidak menduga bahawa baginda akan dilantik menjadi Yamtuan, memandangkan kekandanya memegang tampuk pemerintahan begitu lama. Di samping itu putera-putera kekandanya juga boleh dikira lebih layak dari baginda sendiri untuk menaiki takhta, kerana usia mereka masih muda-muda belaka.

Tetapi semuanya telah ditentukan oleh Allah SWT. Baginda Yamtuan Imam telah mendapatkan kata bulat dari Orang-orang Besar ‘hidup berkerelaan, mati berkerapatan’ untuk menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan. Baginda telah berkahwin dengan Encik Normah dan memperolehi enam orang putera puteri. Salasilah keturunan baginda adalah seperti berikut:



Setelah 8 tahun di atas takhta kerajaan baginda pun mangkat dalam tahun 1869. Berikutan dengan kemangkatan baginda timbulah krisis mencari ganti baginda. Tengku Ahmad Tunggal putera baginda yang sulung telah bertindak menuntut supaya dirinya dilantik menjadi Yamtuan.

Akibat dari tindakan Tengku Ahmad Tunggal ini tercetuslah perebutan kuasa. Walaupun tidak bergolak hebat di sekitar istana, namun kesan dari perebutan kuasa inilah akhirnya yang menjerumuskan Negeri Sembilan ke kancah perang saudara yang terkenal dalam catatan sejarah Negeri Sembilan sebagai ‘Perang Bukit Putus’.

Orang-orang Besar Negeri Sembilan enggan melantik Tengku Ahmad Tunggal menjadi Yamtuan atas sebab-sebab yang mereka fikirkan munasabah. Bagi meredakan suasana Orang-orang Besar ini telah melantik Tengku Ampuan Intan balu kepada Yamtuan Radin memangku takhta kerajaan.

Ketika itu ada seorang Orang Besar di Seri Menanti bernama Kahar. Selepas menuaikan fardu haji di Mekah beliau lebih dikenali oleh anak-anak buahnya dengan panggilan *Haji Mukmin*. Beliau inilah bergelar Dato' Imam Perang Siamang Gagap.

Dato' Siamang Gagap ini merupakan seorang pendekar yang gagah berani, hingga tidak scorang pun yang berani menentang cakapnya.

Kedudukan beliau di Seri Menanti ketika itu samalah sebagai seorang Menteri atau Bendahara yang memegang teraju pentadbiran dalam takhta kerajaan.

Beliau inilah secara tegas mengambil keputusan mengangkat Tengku Ampuan Intan memangku takhta kerajaan bagi mengelakkan perbalahan dalam rebutan kuasa itu. Keputusan Dato' Siamang Gagap tidak berani dipersepsi oleh Orang-orang Besar yang lain.

Dalam masa Tengku Ampuan Intan memangku takhta kerajaan ini baginda telah melantik Dato' Muda Linggi. Menurut ceritanya dalam masa pemerintahan baginda inilah buat pertama kalinya wujud jawatan Dato' Muda Linggi itu.



*Tuan Walter Egerton K.C.M.G., Resident Negeri Sembilan, 1902 – 1904.*

Kononnya, sewaktu baginda ke Linggi dalam urusan mengutip cukai tidak terdapat sesiapa pun Orang Besar wakil raja sebagai tempat tumpuan. Bagi memudahkan tugasnya baginda telah melantik Dato' Muda Linggi. Hingga sekarang jawatan Dato' Muda Linggi itu kekal, dan beliau dikehendaki datang mengadap ke Seri Menanti setiap 3 tahun sekali.

Langkah Dato' Siamang Gagap melantik Tengku Ampuan Intan itu bukanlah mendapat persetujuan sepenuhnya dari Dato'-dato' Penghulu Luak dan Orang Empat Istana. Dato'-dato' berkenaan telah berikhtiar untuk menabalkan seorang Yamtuan yang baru bagi menggantikan Yamtuan Imam yang telah mangkat.

Dalam usaha memilih bakal raja ini Dato'-dato' Orang Besar di Negeri Sembilan dengan mendapat sokongan segolongan anak-anak raja telah mengisyiharkan Tengku Laksamana Antah putera Yamtuan Radin iaitu anak saudara kepada Yamtuan Imam, menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan.

Oleh itu dalam tahun 1872, iaitu kira-kira 3 tahun selepas kemangkatan Yamtuan Imam, barulah seorang Yamtuan baru dilantik menaiki takhta. Ini bolehlah dikira pergelakan penting dalam sejarah takhta Kerajaan Negeri Sembilan ini.

Perlantikan Tengku Laksamana Antah menjadi Yamtuan mendapat tentangan dari Tengku Ahmad Tunggal putera Yamtuan Imam. Bagaimanapun pemilihan baginda menaiki takhta kerajaan itu ialah bila kekanda baginda yang tua (berlainan ibu) iaitu Tengku Besar Lintau menolak. Kononnya Tengku Besar Lintau ini seorang yang warak, sebab itulah beliau enggan menerima tawaran untuk menaiki takhta.

Tengku Besar Lintau berpendapat menaiki takhta kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar serta berat terhadap kepentingan rakyat jelata. Sebagai seorang yang alim lagi warak tentulah beliau tidak suka mencampuri masalah pemerintahan yang kadangkala tidak dapat memenuhi kehendak semua orang.

Atas sebab-sebab penolakan Tengku Besar Lintau inilah Orang-orang Besar Negeri Sembilan mengambil keputusan mengangkat Tengku Laksamana Antah menjadi Yamtuan. Keputusan Orang-orang Besar itu seperti yang disebutkan di atas telah menimbulkan rasa tidak puas hati kepada Tengku Ahmad Tunggal yang mendakwa beliau lebih layak dilantik menjadi Yamtuan.

Tengku Ahmad Tunggal kemudiannya meninggalkan Seri Menanti lalu menemui Dato' Kelana Putera, Undang Luak Sungai Ujung. Ketika ini pesaka Dato' Kelana Putera itu disandang oleh Syed Abdul Rahman atau lebih dikenali sebagai Syed Aman saja. Dalam krisis takhta kerajaan ini Dato' Kelana Putera Syed Abdul Rahman menyatakan rasa simpatinya terhadap tuntutan Tengku Ahmad Tunggal itu.

Di sini ternyata bahawa perlantikan Yamtuan Antah itu tidaklah mendapat kata muafakat sepenuhnya dari Orang-orang Besar Negeri Sembilan. Tentulah dari peringkat awal lagi Dato' Kelana Putera Syed Abdul Rahman tidak bersetuju, kalau tidak masakan beliau memberi sokongan kepada Tengku Ahmad Tunggal.

Sementara itu Tengku Ahmad Tunggal sendiri tentu telah mengetahui bahawa Dato' Kelana Putera Syed Abdul Rahman juga memperlihatkan adanya kerjasama antara mereka berdua. Tengku Ahmad Tunggal telah berjanji sekiranya beliau berjaya menjadi Yamtuan, maka seorang daripada anaknya hendaklah diangkat menjadi Yamtuan Muda Rembau.

Ketika itu penjajah British sudah pun memerintah di Melaka dengan menerima arahan dari Singapura sejak termetrinya perjanjian Raffles dengan Sultan Hussein Shah pada 7hb. Mac, 1819. Dari Singapura inilah Inggeris mengatur strategi mencampuri pemerintahan Negeri-negeri Melayu terutamanya di Johor, Selangor dan Perak.

Di samping itu British juga sering mengunjungi Dato' Kelana Putera di Sungai Ujung, disebabkan Sungai Ujung memang terkenal sebagai kawasan lombong bijih terpenting di Negeri Sembilan. Kedatangan Inggeris ke Sungai Ujung juga adalah berkaitan dengan masalah perlombongan bijih itu.

Dalam masa inilah British berjaya memainkan peranan yang penting sehingga mempengaruhi Dato' Kelana. British berjanji memberi sokongan dan bantuan kepada Dato' Kelana sekiranya hendak menyerang Seri Menanti dalam usaha menolong Tengku Ahmad Tunggal merebut takhta kerajaan.

Langkah British menyokong Dato' Kelana ini sesuai dengan dasarnya mahu masuk campur dalam pemerintahan Negeri-negeri Melayu seperti yang diluluskan oleh Pemerintah di India dalam tahun 1861. Alasan yang diberi ialah mendapat desakan dari pedagang-pedagang dan peniaga-peniaga Kompeni Hindia Timur supaya mencampuri pemerintahan Negeri-negeri Melayu.

Bagi menjamin kestabilan politik Negeri-negeri Melayu bagi membolehkan perusahaan melombong British berjalan baik, maka polisi campur tangan dalam pemerintahan Negeri-negeri Melayu dilaksanakan. Di samping itu ada juga pentadbir-pentadbir British ini menjalankan usahanya melampaui dari arahan Pemerintah di India dengan melaksanakan dasar 'pecah dan perintah'.

Inilah yang berlaku dalam peristiwa di Sungai Ujung di bawah pentadbiran Dato' Kelana Putera Syed Abdul Rahman. Dengan adanya sokongan dari British beliau telah mencetuskan krisis takhta kerajaan dengan berusaha mahu merajakan Tengku Ahmad Tunggal. Dan krisis tersebut berlakulah peperangan antara Sungai Ujung dengan Seri Menanti yang dikenali sebagai 'Perang Bukit Putus'.

Bukit Putus terletak antara Daerah Seremban dengan Daerah Kuala Pilah, dan nama tersebut kekal hingga sekarang ini. Kampung Terachi terletak di kakinya di sebelah Daerah Kuala Pilah, manakala Kampung Paroi terletak di kakinya di sebelah Daerah Seremban. Di kawasan Bukit Putus inilah berlakunya peperangan tersebut yang dikira sebagai perang saudara pertama di Negeri Sembilan selepas tertegaknya sistem beraja.

Dalam peperangan ini Orang-orang Seri Menanti yang berdiri teguh di belakang Yamtuan Antah telah dipimpin oleh Dato' Siamang Gagap. Semenanjung Orang-orang Sungai Ujung pula diketuai oleh Kapten Murray seorang pegawai tentera British. Di antara pahlawan-pahlawan Seri Menanti yang ikut



*Tuan D.G. Campbell, C.M.G., British Resident Negeri Sembilan  
1901 – 1902 dan 1905 – 1909.*

terlibat dalam perperangan tersebut ialah ayah kepada uwan (nenek) saya bernama Sampan.

To' Aki Sampan ini telah gugur dalam perperangan tersebut. Pihak Inggeris dengan senjata yang lengkap telah mengepung dari beberapa penjuru sehingga kedudukan pertahanan orang-orang Seri Menanti tersepit di Bukit Putus.

Tindakan Dato' Kelana mahu merajakan Tengku Ahmad Tunggal hanya sebagai topeng saja bagi mempastikan kedudukannya tidak tergugat di Sungai Ujung. Sebenarnya sebelum peristiwa tersebut telah timbul percaduhan antara Dato' Syahbandar Tunggal Sungai Ujung dengan Dato' Kelana Putera mengenai hak masing-masing ke atas Sungai Ujung.

Dalam pembahagian hak di Sungai Ujung Dato' Syahbandar Tunggal merupakan Waris Di Air yang bertanggungjawab dalam masalah cukai. Pihak British tidak senang dengan cukai-cukai yang dikenakan oleh Dato' Syahbandar. Oleh itulah British terpaksa menggunakan Dato' Kelana akan berkuasa penuh ke atas Sungai Ujung.

Dalam krisis antara Dato' Kelana dengan Dato' Syahbandar ini ternyata Yamtuan di Seri Menanti memihak kepada Dato' Syahbandar. Jadi, dengan terciptanya krisis Tengku Ahmad Tunggal itu maka British pun mengambil kesempatan mendesak Dato' Kelana supaya memulakan perperangan ke atas Seri Menanti.

Perperangan yang tragis ke atas takhta kerajaan di Seri Menanti ini berakhir dengan kekalahan Yamtuan Antah. Baginda terpaksa melarikan diri mengelakkan dari ditawan oleh British dan Dato' Kelana. Istana Yamtuan Antah telah dibakar, manakala banyak rumah orang-orang Seri Menanti dibakar hancur menjadi abu. Peristiwa kekalahan Yamtuan Antah ini berlaku dalam tahun 1874.

Setelah Yamtuan Antah berundur meninggalkan Seri Menanti, maka Dato' Kelana Sungai Ujung, Dato' Rembau dan Dato' Jelebu pun mengisyiharkan dirinya menjadi Penghulu yang bersendiri dalam Luak masing-masing. Mereka tidak lagi mengakui beraja ke Seri Menanti.

Sama ada Dato' Undang Jelebu dan Dato' Undang Rembau terlibat dalam tindakan tidak mahu beraja ke Seri Menanti masih belum dapat ditentukan dengan sahih. Ini disebabkan Luak Jelebu dan Luak Rembau memang telah mempunyai Yamtuan Muda masing-masing yang dilindungi oleh kedua-dua takhta kerajaan di Seri Menanti.

Luak Jelebu telah memohon seorang anak raja dari Seri Menanti semasa Dato' Rengoh (atau Dato' Duronggo) menjadi Undang Luak Jelebu yang ke vii. Dato' Rengoh ini juga dikenali dalam catatan sejarah Jelebu sebagai To' Gila kerana perangainya bodoh-bodoh alang.

Atas sebab-sebab keadaan peribadi Dato' Rengoh inilah Dato'-dato' Lembaga di Jelebu memohon kepada Yamtuan di Seri Menanti mendapatkan seorang Yamtuan Muda di Jelebu. Campur tangan Inggeris di Jelebu

hanya bermula dalam tahun 1886 semasa di bawah pemerintahan Dato' Syed Ali bin Syed Zain Al Jafri sebagai Undang Luak Jelebu yang ke xi.

Akibat dari kekalahan dalam perang Bukit Putus itu Yamtuan Antah telah mengadap Sultan Johor (ketika ini Sultan Johor ialah Maharaja Abu Bakar – p). Bagaimanapun Sultan Johor telah menasihatkan Yamtuan Antah supaya menemui Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Fredrick Alusysweld.

Dalam perjumpaan itu Sir Fredrick Alusysweld dengan sombong menyindir Yamtuan Antah katanya, "Adat dalam peperangan Tuanku, siapa yang kalah hilanglah negeri, dan siapa yang menang dialah memerintah dan mempunyai negeri".

Kata-kata Gabenor Inggeris ini telah dijawab oleh Yamtuan Antah dengan sindiran juga, "Saya tidak kalah dengan Syed Aman, tetapi kalah dengan soldadu British. Kami tidak terlawan soldadu British itu kerana itulah kami kalah. Kalau tuan boleh membencarkan, biarlah kami balik berperang melawan Syed Aman dengan syarat soldadu British tidak campur tangan. Beri kami tempoh dua bulan sahaja, sekiranya Syed Aman menang biarlah dia memerintah negeri kami itu".

Mendengar jawapan dari Yamtuan Antah membuat Sir Fredrick Alusysweld serba salah, lalu katanya, "Untuk menjaga keamanan Tuanku, sekarang baliklah Tuanku ke Seri Menanti dan menjadi Raja Seri Menanti sahaja. Sungai Ujung biarlah tinggal pada Syed Aman.

Dengan keputusan Gabenor British itu maka baliklah Yamtuan Antah ke Seri Menanti. Baginda hanya menjadi Raja Seri Menanti saja seperti yang dikehendaki oleh Fredrick Alusysweld. Luak yang termasuk di bawah pemerintahan baginda ialah Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir.

Kemudiannya satu perjanjian telah dibuat di antara Yamtuan Antah dengan Penghulu-penghulu Luak itu bertarikh pada 23hb. November, 1876 dan disaksikan oleh Gabenor British. Perjanjian itu berbunyi:

"...Bahaha pada dewasa yang tersebut itulah kita sekalian yang telah menurunkan tanda tangan di bawah ini ada hadir di hadapan Tuan Yang Terutama Gabenor yang memerintahkan tiga buah negeri pada hal hendak berbuat perjanjian ini yang memberi perdamaian dan aman pada negeri-negeri yang diperintah oleh kita memegang wakil itu, ada surat perjanjian ini kita berikan alamat kebenaran kita serta berjanji bagi yang termazkur di bawah ini:-

"Maka adalah kita hendak tinggal dengan perdamaian di dalam negeri-negeri kita sendiri dan mangaku akan Tengku Antah itu menjadi Yamtuan, maka dipanggil akan dia Yamtuan Seri Menanti memerintahkan Seri Menanti, Johol, Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas hanyalah.

"Sebagai lagi perjanjian kita maka tiadalah sekali-sekali kita hendak memberi kesusahan pada negeri-negeri yang hampir itu iaitu Rembau, Sungai Ujung dan Jelabu yang tiada suka mengikuti perintah Yam-



*Tuan E. L. Brockman, C.M.G., Resident Negeri Sembilan, 1910 - 1911.*

tuan Seri Menanti itu, maka adapun negeri yang tiga buah ini telah diketahui iaitu telah menjadi berasing-asing kerajaannya itu adanya.

"Dan lagi perjanjian kita jika lau orang-orang yang baik hendak bermiaga dalam negeri kita itu baik daripada orang Melayu atau Cina atau lain-lain bangsa sekalipun bolehlah mereka itu bermiaga dengan kebebasannya dan tiadalah kita kelak peraniayakan atas mereka itu adanya.

Syahdan adalah pula kita menyatakan dengan kemasghulan kita atas pergaduhan yang telah jadi dalam Negeri Sembilan itu, maka adalah perjanjian kita ini sekalian mereka yang bersahabat baik dengan British Government daripada atau semenjak daripada pergaduhan itu tiadalah sekali-kali dalam mana-mana jalan sekalipun kelak kita menyusahkan mereka itu adanya.

"Sebagai pula kita berikrar di dalam sesuatu perbantahan atau kesusahan yang berbangkit di antara negeri-negeri kita itu mana-mana yang tiada dapat kita menyelesaikan dia maka hendaklah kita memohonkan dan menerima pengajaran Yang Maha Mulia Maharaja Johor itu adanya.

"Walakin maka adalah kita menentukan daripada hari ini tiadalah boleh sekali-kali Yamtuan Tengku Antah yang tersebut ini membagikan capnya yang dahulu atau yang lain-lain daripada cap atas segala rupa surat kiriman dan lain-lain rupa surat melainkan hendaklah ia memakai cap baharu yang berbunyi demikian ini 'Alwatak birabbi - ghapur Yamtuan Tengku Antah Seri Menanti Ibn Almarhum Yamtuan Raja Radin Sunnah 1393', melainkan sekali ini sahaja ialah cap yang ada termetri di bawah ini kerana cap baharu itu belum sedia adanya."

Almalikulmanan Al-Sultan Tengku Antah  
Ibn Almarhum Raja Radin Sunnah 1243.

Kurnia Sultan Mahmud Ibn Sultan Abdul Jalil  
kepada Setia Maharaja Lela Pahlawan (Penghulu Muar Zainal Abidin).

Penghulu Gunung Pasir (Lahu)

(Dato' Penghulu Johol Johan Pahlawan Lela Perkasa Walad  
Dato' Kuala Diah Sunnah 1117)

(Dato' Penghulu Johol itu namanya dimetrikan capnya ini oleh mutlaknya Dato' Baginda Tan Abdullah batang tubuhnya)

Ibu Dato' Lela Putera Perdana Menteri  
(T. Tangan Penghulu Jempol, Johan namanya)

Dato' Penghulu Johan Pahlawan Lela Perkasa Dato' Penghulu Inas Sunnah 1218  
(Ini tanda tangan wakil mutlak Penghulu Inas Bentara Gumpar Omar namanya)

Menilik dari isi dan kata-kata yang tersebut dalam perjanjian itu nyata sekali bahawa perjanjian ini adalah menunjukkan bagaimana pengaruh Gobe-

nor British yang hadir bersama dalam menandatangani perjanjian itu. Perjanjian itu hanya menunjukkan ikrar Dato'-dato' Penghulu Luak terhadap Yamtuah Antah sekembalinya baginda dari pelarian ke Singapura.

Dalam perjanjian tersebut seperti yang disalinkan semula dalam buku ini tidak juga terdapat cap atau tandatangan Dato' Penghulu Terachi, walaupun dalam perjanjian berkenaan ada disebutkan nama beliau. Sama ada ianya merupakan kesilapan atau tertinggal dari salinan perjanjian asalnya tidaklah pula diketahui.

Demikian juga tidak ada menyebutkan di mana perjanjian tersebut ditandatangani. Kemungkinan besarnya ialah perjanjian berkenaan dimetrikan di Istana Besar Seri Menanti.

Timbul juga perkara Jelebu dan Rembau di dalam perjanjian itu yang dikatakan tidak mengakui kedaulatan Yamtuah Antah. Di sini jelaslah bahawa dua Luak berkenaan menyokong Dato' Kelana Putera di Sungai Ujung. Tidak hairanlah mengapa timbulnya perbalahan antara Dato' Undang Luak Jelebu dan Dato' Undang Luak Rembau dengan Yamtuah Muda di Luak masing-masing.



*Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Maah, Undang Rembau  
Ke-20, Januari, 1963.*

Dalam krisis berkenaan tentulah Yamtuah Muda di Jelebu dan di Rembau mempunyai pendirian yang sama iaitu menyokong Yamtuah di Seri



*Tuan R.J. Wilkison, C.M.G., Resident Negeri Sembilan, 1911 - 1912.*

Menanti. Akibatnya pusaka Yamtuan Muda Jelebu terhapus selepas perjanjian Dato' Undang Syed Ali dengan Gabenor Negeri-negeri Selat Sir F.A. Weld (mungkin Sir Fredrick Alusysweld – p) termetri dalam bulan September, 1886.

Begitu juga dengan pusaka Yamtuan Muda Rembau turut terhapus apabila Inggeris campur tangan. Walau bagaimanapun di Rembau wujud jawatan Tengku Besar Tampin sebagai ganti kepada Yamtuan Muda Rembau.

### Dato' Siamang Gagap

Peristiwa 'Perang Bukit Putus' meninggalkan parut merah yang memehikan kepada Orang-orang Melayu Seri Menanti, kerana ramai kaum kerabat mereka terkorban dalam peperangan tersebut. Uwan (nenek) saya sendiri merasakan kehilangan ayahnya yang terbunuhan dalam pertempuran menentang Inggeris.

Walaupun pada zahirnya peperangan itu berlaku antara Yamtuan Antah dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman, tetapi hakikat sebenarnya ialah peperangan dengan askar-askar Sepoi upahan Inggeris. Mereka dikirim dari Negeri-negeri Selat bagi memperkuuhkan angkatan perang Dato' Kelana.

Berita ura-ura Dato' Kelana mahu menyerang Seri Menanti telah sampai lebih awal kepada pengetahuan Yamtuan Antah. Oleh itu baginda menitahkan orang-orangnya supaya bertahan di Bukit Putus. Dengan mengambil langkah demikian baginda percaya bumi Seri Menanti akan terhindar daripada sebarang serangan.

Bukit Putus terletak kira-kira 15 kilometer dari Seri Menanti menghala arah ke Sungai Ujung. Orang-orang Seri Menanti telah bersatu dengan orang-orang Terachi berkubu di Bukit Putus sebagai benteng pertahanan. Dalam pertempuran pertama hulubalang-hulubalang Yamtuan Antah berjaya menghalau orang-orang Dato' Kelana sehingga ke Paroi.

Hulubalang-hulubalang Yamtuan Antah ini dipimpin oleh Dato' Siamang Gagap Haji Mukmin. Kejayaan Dato' Siamang Gagap mengundurkan orang-orang Dato' Kelana ke Paroi bukanlah bererti Seri Menanti mencapai kemenangan mutlak. Dato' Kelana yang mendapat bantuan dari askar-askar Sepoi upahan British telah melancarkan serangan dengan kekuatan yang berlipat ganda.

Mereka juga masuk dari beberapa penjuru menyerbu ke Seri Menanti. Dengan bantuan anak-anak tempatan Sungai Ujung, askar-askar sepoi upahan British ini telah masuk ikut Pantai di sebelah Bukit Telapak Buruk memintas ke Kampung Terachi. Akibat dari kelengkapan perang yang baik, serta taktik peperangan British, akhirnya pertahanan Dato' Siamang Gagap di Bukit Putus pun tersepit.

Serangan-serangan hebat yang dilakukan oleh askar-askar upahan British ini memaksa orang-orang Seri Menanti mengundurkan diri. Ayah kepada uwan saya juga ikut berundur kerana tidak tertahan dengan rempuhan askar-

askar sepoi tersebut. Sebaik saja beliau berjaya melepaskan diri ke Terachi, beliau diberitahu bahawa seorang dari tempat semendanya tertinggal lagi di Bukit Putus.

Pendekar Sampan iaitu ayah uwan saya itu berbalik semula ke Bukit Putus untuk menyelamatkan rakan-rakannya yang terkepung oleh askar-askar sepoi. Rupa-rupanya orang-orang yang dikatakan terkepung itu sudah pun berjaya melepaskan diri balik ke Terachi dalam masa Pendekar Sampan menyusul mereka ke Bukit Putus.

Menurut cerita uwan saya ayahnya telah ditembak mati oleh askar-askar sepoi. Sementara itu Dato' Siamang Gagap yang mengelai angkatan perang Yamtuhan Antah terpaksa juga berundur disebabkan serangan-serangan yang dilakukan oleh Inggeris begitu hebat. Askar-askar upahan Inggeris juga berjaya masuk ke Seri Menanti serta membakar perkampungan di situ termasuk juga istana Yamtuhan Antah.

Rumah uwan saya juga turut dibakar dan dibedil oleh askar-askar upahan tersebut dengan tidak ada rasa belas kasihan. Orang-orang kampung yang tidak terlibat dalam peperangan terdiri dari kanak-kanak, orang-orang perempuan dan orang-orang tua telah lari ke dalam hutan bersembunyi.

Kesan dari peperangan ini masih dapat saya lihat ketika umur saya dalam lingkungan budak-budak lagi. Uwan saya telah menunjukkan kepada saya sebatang pokok nyiur gading yang terbakar sebelah batangnya hingga terkupas kulit. Menurut cerita uwan saya pokok nyiur itu adalah sisa-sisa dari peperangan yang berlaku dalam tahun 1874 akibat kebakaran dari rumahnya yang dibakar oleh askar-askar sepoi India upahan British itu.

Bagi mengelakkan dirinya dari ditawan oleh orang-orang Dato' Kelana, maka Yamtuhan Antah pun melarikan diri ke Johor mengadap Maharaja Abu Bakar, Sultan Johor. Walaupun peperangan ini berpunca dari tuntutan Tengku Ahmad Tunggal takhta kerajaan Negeri Sembilan, tetapi ternyata Inggeris campur tangan dalam krisis tersebut bukan memberi perhatian kepada tuntutan Tengku Ahmat Tunggal itu.

Setelah peperangan selesai Tengku Ahmad Tunggal tetap tidak mendapat apa-apa faedah. Sebaliknya Inggeris berjaya mencampuri hal ehwal pemerintahan di Negeri Sembilan untuk kepentingan perlombongan mereka di Sungai Ujung.

Dato' Kelana juga tidak dapat menguasai Seri Menanti, sebaliknya mendapat kuasa lebih dari yang diperolehi oleh Datuk Syahbandar. Demikianlah kesan dari peperangan saudara yang berlaku di Negeri Sembilan, di mana semua pihak Orang Melayu tidak mendapat apa-apa faedah dari peperangan tersebut.

Apabila Yamtuhan Antah lari ke Johor, Dato' Siamang Gagap meneruskan perjuangannya menentang kemasukan Inggeris ke Seri Menanti. Manakala pihak Inggeris pula setelah berjaya mengalahkan angkatan perang Yamtuhan Antah, mereka baliklah semula ke Sungai Ujung.

Dalam waktu Dato' Siamang Gagap merancang mahu bertindak balas inilah beliau mendapat tahu tentang keputusan hasil dari pertemuan Yamtuhan



*Tuan A.H. Leman, C.M.G., Resident Negeri Sembilan, 1912 – 1918.*

Antah dengan Gabenor Negeri-negeri Selat. Ada sumber-sumber dari cerita lisan orang tua-tua bahawa Dato' Siamang Gagap tidak bersetuju dengan keputusan Yamtuan Antah menerima syarat-syarat berdamai yang dikenakan oleh Fredrick Alusysweld.

Langkah Dato' Siamang Gagap tidak mahu menerima syarat tersebut mungkin memandangkan bahawa perperangan tersebut berlaku antara Yamtuhan Antah dengan Dato' Kelana. Sebarang penyelesaian sepatutnya mestilah di antara Yamtuhan Antah dengan Dato' Kelana saja.

Manakala Yamtuhan Antah pula telah memandang dari sudut yang lain. Dalam pertemuan dengan Gabenor British itu pun baginda telah mengakui bahawa baginda tidak berupaya melawan soldadu British. Mungkin atas sebab-sebab tidak berupaya melawan soldadu British itulah baginda memberi alasan mengapa terpaksa menerima syarat-syarat yang diberi oleh pihak British.

### **Penentangan Terhadap Inggeris.**

Campur tangan Inggeris terhadap pemerintahan di Negeri Sembilan bukanlah dipandang ringan oleh rakyat Negeri Sembilan. Perjanjian yang ditandatangani itu pun membuktikan ianya merupakan satu langkah bagi mengatasi penentangan rakyat Negeri Sembilan terhadap campur tangan Inggeris.

Ada sumber mengatakan bahawa perjanjian antara Yamtuhan Antah dengan Inggeris pada 4hb. Jun, 1887 itu telah mendapat tentangan dari Dato' Siamang Gagap. Bagi mengendurkan suasana pihak Inggeris telah menawarkan peluang kepada Dato' Siamang Gagap menunaikan fardu haji ke Mekah.

Kononnya, sewaktu perjanjian berkenaan ditandatangani Dato' Siamang Gagap masih berada di Mekah menunaikan fardu haji. Seperti yang kita maklum, ketika ini perjalanan menunaikan fardu haji ke Mekah memakan masa berbulan-bulan kerana menggunakan kapal laut. Oleh itu mudahlah bagi pihak Inggeris memperdayakan Dato' Siamang Gagap dalam usahanya mahu memetrikkan perjanjian itu.

Sekembalinya Dato' Siamang Gagap dari menunaikan fardu haji, semuanya telah selesai dilaksanakan. Muah tidak mahu, Dato' Siamang Gagap terpaksa juga menyerah kalah kepada kemahuan British. Bagaimanapun dalam usaha Inggeris mahu melantik Tengku Muda Chik menjadi Yamtuhan menggantikan Yamtuhan Antah tahun 1888, Dato' Siamang gagaplah yang keras menentang.

Akibat dari tentangannya itulah Inggeris terpaksa mengalah, dan kemudiannya menerima perlantikan Tuanku Muhammad menjadi Yamtuhan Seri Menanti. Cerita mengenai penentangan Dato' Siamang Gagap hanya berakhir di situ saja. Tetapi ada juga sumber yang mengatakan Dato' Siamang Gagap mengundurkan diri dari kegiatan di istana setelah Inggeris campur tangan sepenuhnya.

Beliau dikatakan meninggalkan Seri Menanti menuju ke Pahang. Dari sini berita mengenai dirinya tidak lagi diketahui orang.

Walaupun sejarah mengenai diri Dato' Siamang Gagap sudah berlalu, tetapi kita tidak boleh menganggapnya sebagai wira dongeng bangsa Melayu yang sengaja direka-reka. Setidak-tidaknya beliau sudah memberi sumbangan dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan tanahairnya.

Di Luak Jelebu berlaku penentangan orang-orang Melayu terhadap campur tangan Inggeris. Tetapi penentangan ini tidaklah menimbulkan perang yang meragut banyak korban. Penentangan tersebut ada kaitannya dengan krisis antara Yamtuan Antah dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahmat.

Di dalam buku 'Cenderamata Pertabalan Undang Jelebu' bertarikh 19hb. April, 1981 ada menyebutkan satu perjanjian telah dibuat oleh Undang Luak Jelebu Dato' Syed Ali bin Syed Zain Al-Jafri dengan Gabenor Negeri-negeri Selat F.A. Weld (Fredrick Alusysweld) dalam bulan September, 1886. Ini bermakna Jelebu lebih awal menerima pengaruh Inggeris dari Seri Menanti.

Ketika ini Luak Jelebu mempunyai dua pemerintah. Satu pihak di bawah Yamtuan Muda Jelebu Raja Abdullah yang bersemayam di Bukit Serambai, Ulu Kelawang. Manakala satu pihak lagi di bawah perintah Undang Luak Jelebu Dato' Syed Ali bin Syed Zain Al-Jafri. Ketegangan berlaku disebabkan Yamtuan Muda Jelebu mengutip cukai telah termasuk ke kawasan Undang Luak Jelebu.

Ini mungkin sebagai alasan saja. Tetapi hakikat sebenarnya boleh kita nilaikan dari peristiwa krisis antara Seri Menanti dengan Sungai Ujung. Undang Luak Jelebu yang berketurunan Syed, sudah tentulah menyebelahi Dato' Kelana yang berketurunan Syed juga. Manakala Yamtuan Muda Jelebu pula menyebelahi Seri Menanti, kerana baginda juga berasal dari kerabat di raja Seri Menanti. Bagi memperkuatkan kedudukannya Dato' Syed Ali bersetuju menerima campur tangan Inggeris.

Bagaimanapun pada mulanya seorang panglima Syed Ali menghalang tujuannya mahu membawa Inggeris campur tangan dalam pentadbiran Jelebu. Beliau bernama Ismail, tetapi lebih dikenali dengan panggilan Bilal Ismail. Disebabkan alasan Dato' Syed Ali mahu membawa Inggeris itu kerana gangguan orang-orang Yamtuan Muda Jelebu, maka Bilal Ismail menawarkan diri untuk melindungkan Dato' Syed Ali.

Krisis antara Dato' Syed Ali dengan Yamtuan Muda Raja Abdullah tambah meruncing, bilamana Raja Jaafar salah seorang kerabat diraja di istana Batu Serambi tersinggung dengan sikap Bilal Ismail menyebelahi Dato' Syed Ali. Bagaimanapun apabila orang-orangnya mengajak Bilal Ismail menyerang istana di Batu Serambi, beliau memberitahu, "Buat apa kita berperang sesama Melayu. Kalau awak semua gagah berani sangat berperanglah dengan Orang Putih".

Ketegangan di Jelebu itu berakhir dengan pembunuhan ke atas Bilal Ismail oleh Raja Jaafar. Walaupun Yamtuan Antah di Seri Menanti bersetuju



Tuan J.R.O. Aldworth, Resident Negeri Sembilan, 1919 - 1920.

menjatuhkan hukuman bunuh sampai mati kepada Raja Jaafar kerana membunuh Bilal Ismail, namun Dato' Syed Ali tetap juga menerima campur tangan Inggeris.

Dengan sokongan Inggeris, Dato' Syed Ali berjaya menghapuskan jawatan Yamtuan Muda Jelebu, apabila Yamtuan Muda Raja Abdullah mangkat. Selepas kemangkatan Raja Abdullah, berakhirlah kedudukan Yamtuan Muda di Jelebu.

Mungkin dari peristiwa inilah Undang Luak Jelebu tidak mengiktiraf Yamtuan Antah sebagai Yamtuan Negeri Sembilan selepas berakhirnya perang Bukit Putus dan termetrinya perjanjian pada 4hb. Jun, 1887 itu. Dari urutan peristiwa ini memang jelas telah berlaku krisis kepimpinan di Jelebu yang melibatkan istana di Seri Menanti, kerana penentangan mereka terhadap Yamtuan Muda Jelebu di Batu Serambai.

Perjuangan rakyat Negeri Sembilan menentang campur tangan Inggeris tidaklah sehebat di Pahang, Terengganu, Kelantan, Selangor dan Perak. Ini disebabkan Dato'-dato' Undang sebagai pembesar di Luak masing-masing sendiri yang terlibat menjemput Inggeris campur tangan. Sementara di negeri-negeri lain pembesar-pembesar Melayu yang ikut sama berjuang menentang kemasukan Inggeris.

Oleh itu perjuangan rakyat menentang Inggeris di Negeri Sembilan hanya berlaku di sekitar kawasan balai saja. Bilal Ismail yang menentang campur tangan Inggeris itu hanya berani bersuara saja di depan Dato' Syed Ali. Beliau mengaku akan menjaga batang tubuh Dato' Syed Ali dari ancaman orang-orang Yamtuan Muda Jelebu.

Tetapi sebenarnya bukan ancaman orang-orang Yamtuan Muda itu yang menjadi sebab mengapa Dato' Syed Ali mahukan Inggeris. Sebab itulah penentangan Bilal Ismail itu berakhir begitu saja, tidak sampai kepada kemuncaknya yang boleh membawa kepada pertempuran. Kalau adapun pertempuran sengit menentang kemasukan Inggeris ini hanyalah di Rasah, Sungai Ujung antara orang-orang Dato' Syahbandar Tunggal dengan orang-orang Dato' Kelana yang disokong oleh Inggeris. Dalam pertempuran ini ramai orang-orang Melayu terkorban. Tetapi Inggeris kehilangan 6 orang pegawai-nya, yang hingga sekarang ada kuburnya di Bukit Rasah.

# 6

## INGGERIS MULA MENCENGKAM

Pada 4hb. Jun, 1887 bersamaan dengan sunnah Hijrah 1354 satu perjanjian telah dibuat di antara Gabenor Negeri-negeri Selat Singapura, Pulau Pinang dan Melaka iaitu Sir Fredrick Alusysweld dengan Yamtuan Antah bagi memperkuatkannya kedudukan Inggeris di negeri ini.

Perjanjian itu berbunyi:

"Bahawa inilah perjanjian yang telah diperbuat pada hari ini tarikh 12 haribulan Ramadan sunnah 1354, bersamaan 4hb. Jun, 1887 di antara Tuan Yang Terutama Sir Fredrick Alusysweld G.C.M.G. Gabenor dan Ketua Memerintah (Commander in Chief) bagi tiga buah negeri Singapura, Pulau Pinang dan Melaka serta jajahannya bagi pihak Government dengan Yang Maha Mulia Tengku Antah Yamtuan Seri Menanti serta keredaan atau sekadar dengan Dato'-dato' Penghulu Negeri-negeri itu, Johol, Inas, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir bagi pihak Negeri Sembilan.

### Yang Pertama:

Adapun kedua-dua kerajaan Government (maksudnya Inggeris - p) dengan Negeri Sembilan itu kelak sentiasa sama-sama bekerja dengan bersetuju bertolong-tolongan supaya boleh ramai orang-orang di dalam negeri itu, maka kedua pihaknya itu pelihara memelihara dari hal ehwal negeri masing-masing supaya duduk dalam kesentosaan serta telah sekatah pula kedua pihaknya itu mengaku akan serta menyerahkan orang-orang yang terkena tuduh daripada sebarang jenis kesalahan, maka perkara itu bolehlah kelak di antara kerajaan itu mengaturkannya.

#### **Yang Kedua:**

Adapun Yang Maha Mulia Yamtuan Seri Menanti serta Dato-dato' Penghulu Negeri-negeri yang tersebut nama di atas itu yang ada terkena di dalam fasal ini telah berjanji pula hendak memberi pertolongan jika dipinta oleh Gabenor tiga buah Negeri pada menolong bersama-sama melakukan jalan yang boleh mendatangkan perniagaan di sebelah darat-darat itu dengan membuat jalan yang boleh menerusi lalu ke Negeri-negeri itu.

#### **Yang Ketiga:**

Sebagai lagi telah sekatalah pula Yang Maha Mulia Yamtuan Seri Menanti dengan Dato'-dato' Penghulu Negeri-negeri yang tersebut nama di atas itu jikalau sekiranya berlaku sesuatu jalan yang boleh menerbitkan sebarang perjanjian atau berhubung dalam kirim mengirim surat dengan negeri-negeri luar itu maka hal yang sedemikian itu bolehlah Gabenor tiga buah negeri sahaja menjalankannya.

Dan lagi tiadalah pula akan diberi izin membuat sesuatu pekerjaan kepada orang-orang yang lain daripada rakyat Inggeris atau persekutuan Inggeris atau orang-orang Melayu, Cina dan Hindustan ataupun yang bukan daripada bangsa rakyat Inggeris yang di sebelah timur ini melainkan mahulah dengan keredaan daripada Gabenor yang memerintah tiga buah negeri ini.

#### **Yang Keempat:**

Syahadan adalah Government pihak baginda Yang Maha Mulia Ratu Great Britain dan Syah Hantah bagi Negeri India itu telah mengakui Tengku Besar Muhammad ibni Tengku Antah itu akan penggantinya menjadi Yamtuan di dalam daerah Negeri Sembilan hingga gal turun menurun kepada anaknya dan cucu cicitnya betul keturunannya daripada zuriat Yamtuan yang ada sekarang ini tamat adanya".

Dalam perjanjian ini amat jelas bagaimana pengaruh British semakin kukuh berkuku dalam mencampuri pemerintahan Negeri Sembilan. Ketika perjanjian ini dibuat kononnya Yamtuan Antah sudah mulai gering. Baginda dalam keadaan tidak berapa sihat lagi. Sebab itulah ada disebutkan dalam perjanjian berkenaan pada bahagian keempat, mengenai pengganti baginda ialah



*Tuan E.S. Hose, C.M.G., Resident Negeri Sembilan, 1921 – 1923.*

Tengku Muhammad. Pada masa ini Tengku Muhammad bergelar Tengku Besar.

Disebutkan ceritanya bahawa Yamtuan Antah ini telah menghidap penyakit ketumbuhan. Bagi mengelakkan dari berjangkit, baginda telah diasingkan dari istana dan ditempatkan di Kampung Padang Biawas bagi rawatan selanjutnya. Sehingga baginda mangkat di sana, barulah jenazahnya dibawa balik ke istana.

Di dalam satu catatan buku peringatan mengenai perlantikan Tengku Besar Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti ada disebutkan:

"...Syahadan kemudian daripada mangkatlah Almarhum Yang Dipertuan Tengku Antah itu, maka Paduka anakanda baginda yang sedang dalam jawatan Tengku Besar itu pun ditabalkanlah oleh Penghulu yang berenam iaitulah Penghulu yang terdahulu mentabalkan Paduka Almarhum Tengku Antah (Penghulu-penghulu ini ialah Johol, Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas – p) itu juga, tiada bererta Penghulu yang tiga (Sungai Ujung, Jelebu dan Rembau – p) iaitu di hadapan Tuan Martin Lister bergelar seperti yang tersebut tapak mohornya pada ketika itu demikian ini:

*Tuanku Muhammad Yang Dipertuan Seri Menanti  
Ibni al-Marhum Yang Dipertuan Besar Tuanku  
Antah, Sunnah 1301.*

Kalakian dari semenjak itu tetaplah baginda dalam jabatan dan pangkat Yang Dipertuan Seri Menanti sahaja, bersamaan seperti pangkat jabatan Paduka Ayahanda Baginda Paduka Almarhum Yang Dipertuan Tengku Antah itu. Hatta telah tiga belas tahun lamanya Duli Yang Dipertuan Tuanku Muhammad itu menjadi Raja Seri Menanti serta keenam daerahnya, maka tahun keempat belas daripada telah ditabalkan oleh Penghulu-penghulu berenam itu, maka Penghulu-penghulu yang bertiga iaitu Penghulu Rembau, Sungai Ujung dan Jelebu (sekarang ini disebut Undang Luak – p) yang menderhaka dan bermuafakatlah pula jadi sebulat dan bersatu dengan Penghulu-penghulu yang enam yang tiada berpaling sembah itu. Maka kesembilannya mesyuaratlah dengan British Resident yang ada pada masa itu (W.E. Birch – p) menjadi penasihat dalam Negeri Sembilan mengatakan yang mereka ketiga telah redzalah pula hendak mentabalkan Yang Dipertuan Besar Seri Menanti itu menjadi raja dalam seluruh Negeri Sembilan, seperti mana yang telah berlaku pada kuasa Marhum-marhum yang dahulu kala (menurut kiraan 13 tahun dari Tuanku Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti seperti yang tertulis di atas adalah silap, perjanjian dengan Undang Yang



*Tuanku Muhammad semasa membuat lawatan ke atas Kapal Angkatan Laut British (tidak diketahui tahunnya) tetapi menilik dari gambar Tuanku Muhammad. – gambar ini mungkin tahun dua puluhan.*

Empat itu telah dibuat pada tahun 1898, iaitu kira-kira 10 tahun saja semenjak baginda memerintah – p.)

Disebabkan sumber tertulis mengenai sejarah Negeri Sembilan tidak lengkap, maka sengaja saya mengambil keratan dari catatan dalam buku peringatan lama itu sebagai perbandingan. Di sini jelaslah bahawa selepas campur tangan Inggeris ke atas Negeri Sembilan maka kuasa raja bolehlah dianggap tidak ada lagi.

Baginda hanya diserahkan kawasan Seri Menanti sebagai syarat saja. Dari segi logiknya tentulah baginda tidak boleh berbuat apa-apa, kerana pentadbiran Negeri Sembilan adalah di bawah kekuasaan Inggeris semata-mata. Boleh dikatakan di mana-mana saja Inggeris campur tangan dalam Negeri Melayu kuasa rajanya adalah terbatas.

Dengan cara ini dapatlah mereka mencengkamkan kuku penjajahnya lebih kukuh ke atas tengkuk bangsa Melayu. Pembesar-pembesar Melayu juga tidak boleh berbuat apa-apa setelah kuasa rajanya dapat dikuasai oleh Inggeris.



Tuan E.C.H. Wolff, C.M.G., Resident Negeri Sembilan, 1924 – 1928.

Setelah kemangkatan Yamtuan Antah, Gabenor Negeri-negeri Selat, Cecil Clementry Smith telah mengarahkan Dato' Johol membuat perlantikan ke atas Tengku Besar Muhammad sebagai pengganti Yang Dipertuan Seri Menanti. Walaupun ianya menyebut sebagai 'nasihat' tetapi kita tahu 'nasihat' berkenaan merupakan satu perintah. Demikianlah kedudukan pembesar-pembesar Melayu ketika itu pada pandangan orang-orang Inggeris. Di bawah ini diturunkan dengan sepenuhnya isi surat dari Gabenor Negeri Selat kepada Dato' Johol yang dikatakan 'nasihat' tetapi sebenarnya merupakan satu perintah itu:

"Bahawa surat ini tulus ikhlas iaitu daripada kita Sir Cecil Clementry Smith K.C.M.G. Gabenor dan Ketua Memerintah (Commander in-Chief) tiga buah Negeri Singapura, Pulau Pinang dan Melaka jua kiranya datang ke hadapan majlis sahabat kita Yang Mulia Dato' Penghulu Johol Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan yang ada dengan selamatnya di dalam Negeri Johol dengan selamatnya. Wabakdah daripada itu maka kita telah sudahlah menerima khabaran akan kehilangan kembali ke rahmatullahi Taala Seri Paduka sahabat kita Tengku Antah itu dengan sebenarnya sangatlah dukacita dan masghulnya maka negeri yang telah diprintahkannya dengan adil dan rajinnya itu menanggunglah kehilangan yang besar adanya.

"Maka sahabat kita bolehlah ingat akan syarat-syarat bagi teriti yang bertarikh pada 4 haribulan Jun, 1887 itu iaitu di dalamnya yang kegantian itu telah sudahlah diputuskan, maka sekarang kita menulis kepada sahabat kita hanyalah menasihatkan sahabat kita mengerjakan apa yang wajib dan adat yang kebiasaan bagi menjalankan kehendak teriti itu dan apabila sahabat kita maklumkan kepada kita yang Tengku Besar Muhammad itu telah menggantikan Yamtuan itu bolehlah kita mengeluarkan satu surat seruan melantikkan dia menjadi Yamtuan Seri Menanti adanya.

"Maka kita kirimkan ini kepada tangan Superentendant bagi Negeri Sembilan Yang Berhormat Tuan Martin Lister yang kita telah menyuruhkan dia bersama-sama tolong menolong dengan sahabat kita di dalam hal menjalankan peraturan yang kena mengena dengan ambilan gelaran Yamtuan Seri Menanti oleh Tengku Besar Muhammad itu adanya.

"Hanyalah berbanyak-banyak tabik juu kepada sahabat kita..."

Dalam erti kata lain semua langkah perlantikan Yamtuan yang dijalankan oleh Dato' Johol adalah mengikut perintah serta arahan pihak Inggeris saja. Mereka tidak berhak membantah sebarang perlantikan atau sebagainya.

Sebelum Tengku Besar Muhammad ini dilantik menjadi Yamtuan Seri Menanti, telah berlaku juga sedikit pergolakan kerana merebut takhta kerajaan. Perbalahan ini timbul di kalangan kerabat diraja sendiri yang menuntut hak menaiki takhta itu sebagai kepunyaan waris mereka. Kononnya, Tengku

Muda Chik Ibni Almarhum Yamtuan Radin iaitu adik kepada Yamtuan Antah berura-ura mahu menaiki takhta.

Tengku Muda Chik dikatakan telah membuat rundingan dengan Martin Lister dalam usahanya mahu menaiki takhta. Sementara Martin Lister pula lebih cenderung hendak merajakan Tengku Muda Chik. Kebetulan pula pada masa ini Tengku Muhammad masih terlalu muda berumur 21 tahun saja, sudah tentulah Martin Lister tidak berminat untuk melantiknya.

Ketika inilah Dato' Siamang Gagap salah seorang Orang Besar Istana, yang telah sama-sama berjuang menentang Inggeris dalam masa pemerintahan Yamtuan Antah, bangun menentang keputusan Martin Lister mahu melantik Tengku Muda Chik.

Martin Lister menyatakan kepada Dato' Siamang Gagap hasratnya mahu melantik Tengku Muda Chik. Perbuatan Martin Lister yang cuba membela-kangkan pembesar-pembesar Melayu ini telah menimbulkan kemarahan kepada Dato' Siamang Gagap. Lalu katanya, "Tuan, hilang sahabat ganti sahabat, negeri ini kami yang punya, Tengku Muda Chik mempunyai sawah di Jelebu".


Kata-kata Dato' Siamang Gagap yang keras ini menyebabkan Martin Lister merasa bimbang. Ini ditambah lagi dengan peristiwa pembunuhan Birch di Pasir Salak Perak pada bulan November 1885 itu baru saja berlaku kira-kira hampir 3 tahun saja. Sedikit sebanyak kesan dari peristiwa di Pasir Salak, Perak itu masih mengganggu perasaan ramai pemimpin-pemimpin kerajaan British di negeri-negeri Melayu.

Sebab itu Martin Lister bertanyakan maksud sebenar di sebalik kata-kata Dato' Siamang Gagap itu. Dato' Siamang Gagap menjelaskan bahawa Tengku Muda Chik telah diuntukkan oleh ayahandanya Yamtuan Radin mewarisi pesaka Yamtuan Muda Jelebu. Oleh itu Tengku Muda Chik tidak berhak menuntut takhta di Seri Menanti.

Jawab Martin Lister pula, "Kalau begitu Dato' baiklah, kita angkatlah Tengku Besar Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti". Dengan sikap tegas Dato' Siamang Gagap serta kebulatan Penghulu-penghulu Luak semuanya, maka Tengku Muhammad pun ditabalkan menjadi Yamtuan Seri Menanti dalam tahun 1888.

Tengku Muhammad ialah putera sulung kepada Yamtuan Antah. Baginda menaiki takhta dalam suasana negeri-negeri Melayu sedikit demi sedikit jatuh ke dalam kuasa penjajahan British. Di samping itu baginda merupakan raja yang lama berada di atas takhta kerajaan. Setelah terbentuknya Negeri-negeri Melayu Bersekutu, baginda merupakan raja yang duduk dalam Majlis Mesyuarat Negeri-negeri Melayu Bersekutu paling lantang bersuara supaya anak-anak Melayu diberi peluang memajukan diri mereka.

Salah satu dari desakan baginda yang sangat bererti kepada bangsa Melayu ialah tuntutannya supaya dibentuk Pasukan Askar Melayu bagi menjaga keselamatan negeri ini seperti titah yang dibuat oleh baginda dalam Majlis Mesyuarat itu dalam tahun 1914.



*Tuan J.W. Simmons, Resident Negeri Sembilan, 1928 – 1931.*


Ayahanda baginda Yamtuan Antah sebenarnya beristeri empat orang. Semua isteri baginda ialah dari wanita orang kebanyakan belaka, tidak dari kerabat diraja.

Dengan yang demikian bonda Tuanku Muhammad ialah orang kebanyakan dari kalangan rakyat biasa saja. Adik beradik baginda terdiri dari 4 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Salasilahnya seperti berikut:


1.




2.



3.



4.



## Perjanjian Yamtuan Dengan Undang Dan Inggeris

Setelah 10 tahun Yamtuan Muhammad di atas takhta kerajaan di Seri Menanti, barulah dibuat satu lagi perjanjian yang melibatkan Undang Yang Empat dan Inggeris. Perjanjian yang berasal dari antara Gabenor Negeri-negeri Selat dengan Yamtuan Seri Menanti serta Undang Luak Sungai Ujung, Jelebu, Rembau dan Tunku Besar Tampin telah dibuat pada 18hb. Mac, 1889.

Melalui perjanjian inilah semua daerah-daerah yang terlibat disatukan semula di dalam Negeri Sembilan. Sebelumnya Luak Sungai Ujung, Jelebu dan Rembau tidak mengiktiraf Yamtuan di Seri Menanti sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan.

Di dalam perjanjian ini jugalah Yamtuan Seri Menanti bersama Penghulu-penghulu Luak bersetuju menerima seorang Penasihat British menjadi penasihat kepada pemerintahan Negeri Sembilan. Semenjak itu bermulalah campur tangan Inggeris secara langsung ke atas pentadbiran pemerintahan Negeri Sembilan, sehingga tarikh kemerdekaan diisytharkan.


Perpaduan di Negeri Sembilan telah tergugat sejak campur tangan Inggeris secara tidak langsung di awal pemerintahan Yamtuan Antah lagi. Akibat dari krisis berkenaan tiga orang Undang Luak tidak mengiktiraf Yamtuan Seri Menanti sebagai Yamtuan Negeri Sembilan. Tiga orang Undang Luak itu telah mentadbirkan luak masing-masing secara bersendirian di bawah naungan British Resident. Mereka tidak perlu berunding dengan Penghulu-penghulu Luak yang lain ataupun dengan Yamtuan sendiri.

Ketika Martin Lister menjadi Penasihat British di Negeri Sembilan, yang hanya dikenali sebagai Superetendan British pada masa itu, sudah ada usaha-usaha dari beliau untuk menyatukan semula Negeri Sembilan di bawah pemerintahan seorang raja. Beliau bercadang untuk mengiktiraf Tengku Muhammad menjadi Yamtuan Besar Negeri Sembilan.

Malangnya usaha-usaha beliau ini tidak dapat diteruskan berikut dengan kematiannya selepas itu. E.W. Birch telah dilantik menggantikan Martin Lister di Negeri Sembilan. Beliaulah Penasihat British yang pertama bagi Negeri Sembilan yang digelar British Resident. Usaha-usaha Martin Lister untuk menyatukan Negeri Sembilan ini telah disambung oleh E.W. Birch, sehingga akhirnya usaha-usaha tersebut berjaya dilaksanakan.

Berikut dengan kejayaan itu, maka dibuatlah satu perjanjian antara Yamtuan dan Undang Luak Yang Empat di satu pihak, manakala British pula di satu pihak. Isi perjanjian mengandungi butir-butir seperti berikut:

"Maka adalah perjanjian di antara Tuan Yang Terutama Gabenor pemerintah tiga buah Negeri daripada pihak Government Queen Yang Maha Mulia dengan pemerintahan-pemerintahan Negeri-negeri Melayu yang akan dinamai Negeri Sembilan seperti yang tersebut di bawah ini:



*Tuan E.W. Birch C.M.G. Resident Negeri Sembilan 1897-1901.*

### **Yang Pertama:**

Bahawa adalah yang dikehendaki itu hendak menentukan sekalian perjanjian yang telah lalu bersamaan perjanjian itu dengan mulut sahaja atau dengan bersurat. Adapun yang pertama Yang Dipertuan Besar Seri Menanti bersamaan yang memerintah Johol, yang kedua yang memerintah Sungai Ujung Dato' Kelana bersamaan Dato' Bandar, yang ketiga yang memerintah Jelebu yang keempat yang memerintah Rembau yang kelima yang memerintah Tampin iaitu lima-lima pemerintahan iaitu bernaung di bawah pertolongan British Government.

### **Yang Kedua:**

Maka pemerintahan yang tersebut itu pada negeri masing-masing telah suka perhubungkan pemerintahan negerinya menjadi satu ikatan yang bernama Negeri Sembilan, kehendak mereka itu meminta adakan satu British Resident supaya menolong menjalankan perintahan di dalam ikatan negeri yang bernama Negeri Sembilan itu serta mengikut nasihatnya di dalam perkara perintahan yang lain daripada agama Islam.

### **Yang Ketiga:**

Maka adalah diterangkan dengan perjanjian yang ditentukan di dalam surat ini maka bukannya maksud ertiannya di dalam lima buah pemerintahan itu seperit satu-satu yang memerintah boleh melakukan kuasa di atas lain pemerintahan itu melainkan yang berlaku kepada hari ini iaitu seperti yang ada sekarang ini juga adanya.”

Surat perjanjian berkenaan telah dibuat pada 18hb. Mac, 1889. Ini bermakna Gabenor Negeri-negeri Selat ketika itu ialah Cecil Clementy Smith. Dalam segala bentuk campur tangan British ke atas Negeri-negeri Melayu, adalah tertakluk di atas arahan dari Gabenor Negeri-negeri Selat ini. Pegawai-pegawai British yang lain hanyalah menjalankan segala arahan dari Gabenor Negeri-negeri Selat ini.

Dengan ini bermakna kekuasaan pusat adalah dipegang oleh Gabenor Negeri-negeri Selat. Dari sumber sejarah amat jelas kepada kita bahawa campur tangan Inggeris ke atas Negeri-negeri Melayu adalah disusun secara sistematis oleh pihak pemerintah British di Negeri-negeri Selat.

Kita dapat perlakuan yang berlaku dalam negeri-negeri Melayu adalah dirancang, sehingga perebutan kuasa berlaku di kalangan pembesar-pembesar. Dari sinilah Inggeris memainkan jarumnya, yang menyebabkan krisis kecil yang boleh diselesaikan menjadi tegang hingga menimbulkan perperangan sama sendiri.

### **Negeri-negeri Melayu Bersekutu**

Sebelum pecah perang dunia yang pertama dan kedua, empat buah Negeri-negeri Melayu telah bersatu di bawah pentadbiran ‘Negeri-negeri

Melayu Bersekutu'. Empat negeri-negeri berkenaan ialah Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini bernaung di bawah panji-panji British.

Satu perjanjian telah dibuat oleh raja-raja empat buah negeri ini dengan pihak British pada 12hb. Jun, 1895 bersamaan dengan Sunnah Hijrah 18hb. Zulhijjah, 1212 mengenai pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perjanjian ini dibuat mungkin setelah berakhirnya pemberontakan To' Gajah Imam Rasu, Dato' Bahaman dan Mat Kilau di Pahang antara tahun 1892 – 1895 itu.

Perjanjian tersebut mengandungi enam Fasal, seperti diperturunkan sepenuhnya di bawah ini:

"Maka adalah perjanjian ini diperbuat di antara Tuan Yang Terutama Gabenor tiga buah negeri ganti kerajaan Her Majesty Queen Yang Maha Mulia dan Yang Maha Besar dan Raja-raja dan Orang Besar-besar yang memerintahkan di dalam Negeri Perak dan Selangor dan Pahang dan di dalam Negeri Sembilan.



*Empat Raja Negeri-negeri Bersekutu dengan Governor – Jeneral British.  
dari kiri: Tuanku Muhammad (Negeri Sembilan), Sultan Salehuddin  
(Selangor), Sultan Iskandar (Perak) dan Sultan Abu Bakar (Pahang)  
– Dengan kerjasama Arkib Negera.*



*Tuan J.W.N. Hughes, Resident Negeri Sembilan 1932 – 1936.*

**Yang Pertama:**

Maka seperti yang sudah-sudah perjanjian yang telah diperbuat dahulu oleh Yang Dipertuan Negeri Perak dan Yang Dipertuan Negeri Selangor dan Yang Dipertuan Negeri Pahang dan Raja-raja dan Orang-orang Besar yang memerintah dalam Negeri Sembilan, maka pada sekarang ini masing-masing mengaku dan menetapkan perjanjian yang dahulu itu bernaung di bawah bendera dan ketolongan dan nasihat Kerajaan Queen Yang Maha Mulia dan Maha Besar.

**Yang Kedua:**

Maka Raja-raja dan Orang Besar yang tersebut di atas ini mengaku akan negerinya boleh menjadi satu jemaah yang bernama Negeri-negeri Melayu yang bernaung di bawah bendera Inggeris, maka negeri-negeri boleh diperintahkan dengan nasihat Kerajaan Inggeris.

**Yang Ketiga:**

Maka tiadalah boleh Raja-raja atau Orang Besar-besar suatu negeri yang tersebut itu menjalankan kuasanya ke dalam negeri yang lain dari pada negerinya.

**Yang Keempat:**

Maka Raja-raja dan Orang Besar-besar Negeri yang tersebut di atas ini mengaku boleh ia menerima suatu Pegawai Kerajaan Inggeris gelarannya Resident General yang boleh memegang kuasa daripada Kerajaan Inggeris dan menjadi ganti Tuan Yang Terutama Gabenor tiga buah negeri maka Raja-raja dan Orang Besar-besar itu mengaku boleh ia mengadakan suatu tempat yang layak bagi kedudukan Resident General itu serta membayar seberapa belanja yang patut pada timbangan Kerajaan Queen Yang Maha Mulia dan Maha Besar.

Syahadan lagi Raja-raja dan Orang Besar-besar itu mengaku pula akan boleh ia menurut nasihat Resident General itu di dalam segala hal ehwal perintah negeri lain daripada perkara agama Islam, maka kejadian Resident General itu tidaklah mengubahkan perjanjian yang diperbuat dahulu di Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, fasal keredaan Raja-raja negeri itu menerima Resident yang ada pada hari ini di dalam negeri itu atau yang hendak diletakkan pada kemudian hari.

**Yang Kelima:**

Maka Raja-raja dan Orang Besar-Orang Besar yang tersebut di atas ini berjanji yang boleh ia memberi kepada masing-masing pertolongan orang-orang atau wang atau lain-lainnya mana-mana yang patut kepada timbangan Kerajaan Inggeris.

Sagai lagi jika sekiranya berbangkit peperangan antara Kerajaan Queen Yang Maha Mulia dan Maha Besar dan lain-lain kerajaan maka Raja-raja dan Orang Besar-Orang Besar yang tersebut di atas ini



*Tuan G.L. Ham, Resident Negeri Sembilan, 1937 - 1939.*

berjanji boleh ia hantarkan askar daripada bangsa Benggali dengan secukup lengkap alatnya akan menjaga dan menolong di dalam empat buah negeri.

**Yang Keenam:**

Maka perjanjian ini tiada sekali-kali mengubah atau mengurangkan kuasa mana-mana Raja yang tersebut di atas ini di dalam negerinya dan tiada sekali-kali diubahkan perjanjian yang ada pada hari ini antara Negeri-negeri Perak, Selangor, Pahang atau Negeri Sembilan dengan Kerajaan Queen Yang Maha Mulia dan Maha Besar.

Isi perjanjian yang dibuat semuanya berat sebelah, yang membolehkan Inggeris berkuasa sepenuhnya ke atas negeri-negeri Melayu. Raja dan pemerintah besar Melayu hanya menjadi ketua agama dan adat istiadat saja. Kedatangan Inggeris sebagai penasihat seolah-olah memperkecilkan pemerintahan Melayu sejak turun menurun.

Di zaman keagungan pemerintahan Melayu Seri Wijaya dan Kerajaan Melayu Melaka, tidak pernah siapa pun dilantik menjadi penasihat. Tetapi, pemerintahan Melayu terus juga berkembang menjadi empayar yang terkuat di rantau ini. Demikianlah urutan sejarah bangsa kita sehingga akhirnya menjadi harimau tidak bertaring di tanahair sendiri.

# 7

## PERATURAN TABAL

Sebelum diturunkan satu persatu bagaimana Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ditabalkan, elok juga diperturunkan dengan selengkapnya catatan dari sebuah buku peringatan orang-orang tua dahulu mengenai pertabalan dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya:

"... Maka adalah Negeri Sembilan itu asalnya negeri-negeri itu beraja ke Seri Menanti dan tiap-tiap negeri itu adalah seorang kepalanya yang dinamakan Undang, yang menjalankan hukuman dan memerintah di dalam masing-masing negeri itu, maka telah berapa zaman dan beberapa keturunan dijalankan peraturan ini dengan selamat sempurnanya.

Maka apabila sampai pada zaman Almarhum Yang Dipertuan Antah tiadalah berlaku lagi peraturan itu dan sekalian Undang itu pun telah ingkar tiada hendak beraja melainkan Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan memerintah Luak Johol serta sekalian Dato'-dato' yang di bawahnya yang tiada mengubah dan mengalih aturan pesakanya mengaku beraja ke Seri Menanti selama-lamanya bagi adat dan istiadat zaman berzaman dan tiga Undang iaitu Dato' Kelana Putera memerintah Sungai Ujung dan Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman, Sultan Jelebu dan Dato' Sedia Raja memerintah Luak Rembau itu sendiri telah memerintah negeri, dan Yang Dipertuan pun memerintah dalam Negeri Seri Menanti sahaja serta seorang Undangnya, dengan hal yang demikian Government Inggeris pun masuklah memerintah Sungai Unjung kemudian Negeri-negeri Sembilan yang lain daripada Sungai Ujung sukalah bernaungkan diri kepada Government Inggeris, maka tatkala Tuan Martin Lister menjadi British Resident Negeri Sembilan itu dicubanya hendak mengembalikan peraturan dan istiadat di antara Yang Dipertuan dengan sekalian Undang yang telah berpecah dan tertinggal itu tiadalah hasil maksudnya.

Hatta apabila Tuan E.W. Birch menjadi British Resident Negeri Sembilan ini dengan beberapa ia berpenat dan berusaha serta dengan



*Panca persada digunakan apabila Yamtuuan ditabalkan.*

bijaksananya pada menjalankan peraturan dan menasihatkan kepada sekalian Undang negeri oleh itu berkebulatanlah sekalian Undang mengembalikan peraturan yang berpecah-pecah itu maka telah ditabalkan Yang Dipertuan Tengku Muhammad bin Almarhum Yang Dipertuan Antah menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan kepada 7 hari bulan Mei, 1898 berbetulan dengan 15 haribulan Zulhijjah sunnah 1315 sebagaimana peraturan yang tersebut di bawah ini:

1. Tengku Besar memanggil Dato' Muar – Dato' Jempol – Dato' Terachi dan Dato' Gunung Pasir dikhabarkan kepada Dato' ini hendak memilih Yang Dipertuan.
2. Dato' Muar menyuruh empat Lembaga di dalam Muar namanya Paduka Besar – Seri Maharaja – Senara Muda dan Angkai (Orangkaya) Bongsu akan mempersilakan Undang Yang Empat iaitu Dato' Kelana Putera serta Dato' Bandar Sungai Ujung, kedua Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu, Ketiga Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Johol dan keempat Dato' Sedia Raja Rembau.



*Tuan J. V. Cowgill, C.M.G., M.C. Resident Negeri Sembilan, 1940 - 1941.*

3. Ada pun Paduka Besar itu pergi ia dengan Raja Dimuda Lem-baga Terachi mempersilakan Dato' Kelana Putera serta Dato' Bandar, Maka Dato' Kelana Putera dengan sekalian Lembaga dan juak hulubalangnya pun berjalanlah ke Seri Menanti bersama-sama utusan itu, apakala sampai ke Terachi berhentilah di sana semalam, tetapi Paduka Besar lalu terus ke Seri Menanti berkhabar pada Dato' Muar akan hal Dato' Kelana Putera telah sampai di Terachi di dalam layanan Raja Dimuda, bermula pada keesokan hari Dato' Kelana Putera sekalian pun berjalanlah ke Seri Menanti diiringkan Raja Dimuda.
4. Dato' Muar dan Dato' Jempol menyuruh Lela Raja Jempol kha-barkan pada Lang Putih (Pegawai di Jempol) suruh dia silakan Dato' Jelebu dan apabila sudah dikhabarkan oleh Lela Raja kepada Lang Putih, Lela Raja pun baliklah ke Seri Menanti, bermula Lang Putih itu pun pergila persilakan Dato' Jelebu, maka Dato' Jelebu pun dengan sekalian Lembaga dan pengirinya berjalanlah ke Seri Menanti diiringkan Lang Putih itu apabila sampai dekat Kampung Bukit, dekat Kampung Batu Kikir Jem-pol berhentilah di sana kemudian berjalanlah ia terus ke Seri Menanti.
5. Adapun Seri Maharaja dengan Andika (Pegawai telapakkan Cheriau) mempersilakan Dato' Johol maka Dato' Johol pun dengan sekalian Lembaga dan pengirinya berjalanlah ke Seri Menanti diiringkan utusan itu apabila sampai ke Cheriau Ulu Pilah berhentilah di sana tetapi Seri Maharaja lalu terus ke Seri Menanti memberitahu Dato' Muar akan hal Dato' Johol telah sampai di Cheriau dilayani oleh Andika kemudian Dato' Johol pun berjalanlah sekaliannya ke Seri Menanti diiringkan oleh Andika itu.
6. Adapun Senara Muda dengan Paduka Seri Maharaja (Lembaga Gunung Pasir) pergi ke Rembau berkhabar kepada Sinda Mah-a-raja (Lembaga Rembau) lalu bersama pergi kepada Dato' Rembau dipersilakan ke Seri Menanti maka Dato' Rembau pun dengan sekalian Lembaga dan pengirinya berjalanlah ke Seri Menanti diiringkan utusan itu, apabila sampai ke Gunung Pasir berhentilah di sana tetapi Senara Muda lalu terus ke Seri Menanti memberitahu Dato' Muar akan hal Dato' Rembau telah sampai ke Gunung Pasir dilayani oleh Paduka Seri Maharaja.
7. Orangkaya Bongsu Luak Muar menanti di istana.

8. Apabila Dato' Kelana Putera sampai ke Seri Menanti didudukan di Kampung Selemak dan Dato' Jelebu di Kampung Buyau dan Dato' Johol didudukkan di Kampung Bukit dan Dato' Rembau didudukkan di Kampung Bukit Tempurung.
9. Apakala Undang Yang Empat ini telah mustaid pada kedudukan masing-masing maka Dato' Muar menyuruh Dato' Baginda Maharaja (kepala Lembaga Muar) pergi kepada Undang Yang Empat itu bermuafakat tentukan mana-mana hari diadakan pekerjaan tabal ini.
10. Pada hari akan ditabalkan itu dipanggil oleh Dato' Muar empat Lembaga iaitu Lembaga Terachi, Lembaga Jempol, Lembaga telapakkan Cheriau, dan Lembaga Gunung Pasir disuruh persilakan Undang Yang Empat itu berdudukkan ke balai masing-masing iaitu di hampir balai penghadapan.
11. Lembaga Terachi mempersilakan Dato' Kelana Putera ke tempat kedudukannya di balai melintang. Lembaga Jempol mempersilakan Dato' Jelebu ke tempat kedudukannya di balai serong.  
Pegawai telapakkan Cheriau mempersilakan Dato' Johol ke tempat kedudukannya di balai bertingkat.  
Lembaga Gunung Pasir mempersilakan Dato' Rembau ke tempat kedudukannya di balai panjang.
12. Apabila Undang Yang Empat telah duduk di balai pada tarafnya masing-masing serta sekalian juak hulubalang rakyat bala tentera pun telah berhimpun, maka di balai penghadapan pun diaturlah oleh Bentara di kedudukan Tengku Puan di sebelah kiri singgahsana dengan sekalian para puteri dan segala para puteri dari daerah negeri yang lain daripada Seri Menanti atau diaturkan di kiri kanan majlis penghadapan yang telah disediakan biliknya dan enam orang juak diaturkan tiga di kanan singgahsana dan tiga di kiri.
13. Orang Empat dalam istana, Seri Amar Diraja, Raja Dewangsa, Penghulu Dagang, Akhir Zaman pergi mengambil tilam kekuningan tempat bersemayam diletakkan di atas singgahsana lalu ia mengangkat tangan tiga kali hala ke tilam itu, kemudian Orang Empat itu pergilah ke dalam istana mempersilakan Yang Dipertuan yang hendak ditabal, maka Yang Dipertuan itu pun berang-

katlah dengan payung kekuningan dan beberapa alat kebesaran diiringkan sekelian anak raja-raja dan naiklah Yang Dipertuan bersemayam di atas singgahsana takhta kerajaan.



*Dulang berkaki yang digunakan dalam istiadat diraja Negeri Sembilan.*


14. Orang Empat Istana berkhabar kepada Lembaga Muar yang empat, Paduka Besar, Seri Maharaja, Senara Muda, Angkai Bongsu mempersilakan Undang Yang Empat ke Balai Penghadapan serta dipersilakan Tengku Syed Dewa Tampin, Dato' Muar, Dato' Terachi, Dato' Jempol, Dato' Gunung Pasir, Dato' Inas, Dato' Gemenchih, Dato' Muda Linggi sekalian itu diatur masing-masing dengan tarafnya.
15. Apabila telah mustaid di balai penghadapan maka bangkitlah Dato' Kelana Putera imam kepada segala Undang bersabda kepada Bentara demikian:

*"Hai Bentara serukan kepada sekalian orang-orang kebulatan kami Undang berempat menabalkan Yang Dipertuan Tuanku Muhammad naik Kerajaan Negeri Sembilan," lalu ia duduk.*



*Seorang Datuk Penghulu Luak sedang mengadap D.Y.M.M. Tuanku Menawir dalam istiadat Penghulu mengadap tiap-tiap tiga tahun sekali.*

16. Bentara pun bangkit dengan berdiri kaki sebelah kiri dan diangkat kaki sebelah kanan ditekankan tapaknya pada pelipat kiri serta diangkat tangannya yang kanan dihamparkan serta ditumpukan hujung jarinya di pipi kiri lalu berseru dengan nyaring suaranya, "Hai tuan-tuan sekalian mulia dan hina besar dan kecil tua dan muda, telah berkebulatan Undang Yang Empat ditabalkan Tuanku Muhammad Ibni Almarhum Yang Dipertuan Tengku Antah jadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan," lalu dijawab oleh sekalian yang hadir 'daulat tuanku' berturut-turut tiga kali.



*Alat kebesaran Raja Negeri Sembilan yang telah dibawa oleh Raja Melewar dari Pagar Ruyung, Minangkabau pada tahun 1773. 'Alat Kebesaran' ini berupa sehelai rambut yang dilingkarkan memenuhi dalam sebuah batil.*

*Pada masa ini 'Alat Kebesaran' yang tersebut disimpan dengan baiknya di bilik D.Y.M.M. di tingkat atas sekali Istana Besar Seri Menanti, batil ini diletakkan di dalam sebuah peti kayu yang dibalut dengan kain kuning dan terletak di atas sebuah almari pada masa ini.*

*Tidak sebarang orang yang berani membuka peti ini hanya Dato' Seri Amar Diraja Sujud sahaja seorang yang boleh membukanya itu pun setelah diadakan serapah dan dilakukan pula dengan penuh khidmat dan tertib serta menjunjung duli beberapa kali dan di sinilah dikatakan tersimpan 'daulat raja' itu.*

17. Yang Mulia Tuan E.W. Birch, British Resident Negeri Sembilan pun menghamburkan satu ucapan demikian:

*"Amatlah sukacita saya oleh sekalian Undang dan Lembaga-lembaga dengan Pegawai-pegaai serta sekalian rakyat bala tentera Negeri Sembilan telah berkebulatan menabalkan Duli Yang Dipertuan menggembalikan istiadat zaman berzaman dahulukala dan ke bawah duli pun mengkabulkan, oleh itu sekarang apa-apa maskud ia, sayalah menyampaikan kepada Tuan Yang Berhormat Resident General".*

18. Setelah itu Bentara pun membaca satu surat menurunkan daulat seraya berseru, "Dato' Kelana Putera serta Dato' Bandar yang memerintah Luak Sungai Ujung titah dipanggil," disahutnya daulat tuanku, seraya bertelut ke hadapan menjunjung duli dari hujung balai lalu ke hadapan singgahsana dan bertelut ke bawah Duli Yang Dipertuan tiga kali kemudian undur ke belakang lalu balik duduk ke tempatnya.

Setelah itu diseru pula Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman Sultan yang memerintah Luak Jelebu, titah dipanggil, Dato' Jelebu pun berbuatlah seperti Dato' Kelana itu, setelah itu diseru pula Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan yang memerintah Luak Johol, titah dipanggil, maka berbuatlah Dato' Johol seperti keadaan Dato' Kelana juga.

Setelah itu diseru Bentara Dato' Sedia Raja yang memerintah Luak Rembau, titah dipanggil, maka Dato' Rembau pun berbuatlah sebagaimana Dato' Kelana itu.

19. Maka bertelut pula Dato' Muar ke hadapan menjunjung duli dari hujung balai lalu ke hadapan singgahsana sujud tiga kali kemudian undur ke hujung balai lalu duduk ke tempatnya. Kemudian Dato' Terachi berbuat seperti Dato' Muar – Dato' Jempol – Dato' Gunung Pasir – Dato' Inas – Dato' Gemenchih – Dato' Muda Linggi.

20. Bertelut Lembaga Sungai Ujung enam orang gelarannya Dato' Raja, Dato' Akhir Zaman, Dato' Menteri, Dato' Maja Inda, Dato' Raja Dimuda, sekalian itu sederap menjunjung duli dengan mengangkat tangan tiga kali lalu kembali ke tempatnya. Kemudian dipersilakan Lembaga Jelebu empat orang gelarannya To' Menteri, To' Mengiang, To' Cincang, To' Senara berbuat seperti keadaan Lembaga Sungai Ujung.  
Kemudian dipersilakan Lembaga Johol empat orang, gelarannya Raja Balang, Raja Senara, Dato' Mendika, Baginda Raja ber-



*Tuan W.A. Gordon Hall, Resident Negeri Sembilan 1946 – 1948.  
Penasihat British 1948 – 1949.*

- buat seperti keadaan Lembaga Sungai Ujung. Kemudian dipersilakan Lembaga Rembau delapan orang, iaitu empat Lembaga di darat dan empat Lembaga di baruh berbuat seperti keadaan Lembaga Sungai Ujung.
21. Dikembalikan pula Undang Yang Empat serta Dato'-dato' yang tersebut di dalam nombor 19 ke balai masing-masing yang telah tersebut dahulu itu.
  22. Dipersilakan anak Raja-raja pula sekalian itu sederap menjunjung duli dengan mengangkat tangan tiga kali lalu didudukkan pada masing-masing tarafnya.
  23. Dipersilakan naik waris Sungai Ujung enam orang sederap menjunjung duli seperti keadaan nombor 20. Dipersilakan waris Jelebu 4 orang mengikut keadaan nombor 20.  
Dipersilakan waris Johol 1 orang mengikut keadaan 20. Dipersilakan waris Rembau 4 orang mengikut keadaan nombor 20.
  24. Dipersilakan naik Penghulu-pengulu di dalam empat daerah menjunjung duli seperti nombor 20 iaitu pertama daerah Sungai Ujung, kedua daerah Jelebu, ketiga daerah Johol, keempat daerah Rembau.
  25. Dipersilakan balik Undang itu ke balai penghadapan serta dipanggil Kadzi membaca doa selamat di hadapan singgahsana di hadapan rakyat bala tentera mengucap Amin.
  26. Setelah selesai yang demikian Duli Yang Dipertuan pun berangkatlah ke dalam istana adanya..."

Rangkaian peraturan tabal ini adalah didasarkan kepada pertabalan Tuanku Muhammad Ibni Almarhum Yamtuan Antah menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, seperti dicatatkan oleh Muhammad Said bin Bador bin Haji Akhbar bin Haji Osman, jurutulis kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Catatan yang diperturunkan di atas adalah dari naskhah asal, tidak ada satu perkataan pun yang saya potong atau tambah, bagi mempastikan naskhah asal itu terpelihara dalam bentuk cetak. Catatan naskhah berkenaan bertarikh pada hari Sabtu pukul 2.00 petang, 8hb. Jun, 1920 bersamaan 19 Ramadan sunnah 1338.

Saya kira naskhah ini amat besar ertiannya kepada generasi kita dalam menilai peraturan tabal bagi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Setidak-

tidaknya ia boleh menjadi bahan rujukan yang berguna dalam masa yang diperlukan. Seterusnya dalam naskhah berkenaan ada juga dicatatkan upacara selanjutnya:

"... Maka pada keesokan harinya diadakan satu perjamuan yang agung di dalam istana dipersilakan sekalian Undang Negeri dan sekalian Tuan-tuan sekalian pegawai Government, maka tatkala selesai daripada berjamu-jamu itu berdirilah Duli Yang Dipertuan membaca suatu ucapan:

"Maka dengan beberapa suacita hati saya kepada Dato'-dato' Undang Yang Empat telah kembali menabalkan saya, maka inilah sedikit ucapan dan uraian kepada Dato' Kelana Putera, Dato' Jelebu, Johol dan Rembau daripada Negeri Sembilan kita ini dengan nasihat Tuan British Resident telah tetaplah Undang Yang Empat mendirikan Kerajaan Negeri Sembilan serta kembali menjunjung daulat menabalkan saya sebagaimana istiadat tabal. Maka di antara persetiaan Undang Yang Empat sedikit masa yang sudah adalah kakau oleh pergaduhan perang-perang, sebab itu menjadi pecah belah aturan undang-undang ada kita, maka sekarang dengan sebesar-besar harap saya, di antara Undang Yang Empat serta waris-waris negeri duduk di dalam aman sentosa jua mengikut bagaimana peraturan taraf yang tersebut di dalam aturan undang-undang pesaka. Mudah-mudahan darihil perselisihan yang sudah itu, saya harap tiada ia memberi bekas kepada aturan undang-undang yang patut menetapkan kerajaan negeri dan dengan kadarnya, Tuhan Yang Maha Tinggi lagi kuasa barang bahagialah kita sekalian ini mudah-mudahan kelak bertambah-tambah makmur dan aman bagi kerajaan negeri dan haraplah saya akan sihat selamat kita bersama-sama serta muhibah selama-lamanya, barang ditambah Allah Subhanahu-Wataala jua pangkat darjat kita ini adanya.

### **Ucapan Undang Yang Empat**

Daulat Tuanku Yang Maha Mulia terjunjunglah di atas jemala patik-patik maka telah beberapa banyak menerima syukur akan budi pekerti Yang Maha Mulia Tuan British Resident E.W. Brich menjalankan keamanan di antara Duli Yang Maha Mulia dengan patik-patik barang dikekalkan Allah Subhanahu-Wataala kiranya keamanan ini selama-lamanya hingga hari kiamat serta diharapkan bertambah daulat Duli Yang Maha Mulia dan berpanjangan kasih kita di antara Government Inggeris yang mengembalikan istiadat kita yang telah berpecah-pecah dahulu itu, serta harap pula patik-patik akan Yang Maha Mulia menjalankan keadilan dengan selamat sejahteranya.



*Tuan H.P. Bryson M.C. Penasihat British, Negeri Sembilan, 1949 – 1950.*

## **Ucapan Tuan E.W. Brich Resident Negeri Sembilan**

Tuanku,

Maka ucapan Tuanku itu sangatlah kena dan berbetulan bagaimana yang telah sudah patik membuat dengan tangan sendiri, mudah-mudahan dengan berkat tinggi daulat Duli Yang Maha Mulia kekal patik di dalam pekerjaan British Resident Negeri Sembilan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia dan Maha Besar Queen Victoria, maka dengan seboleh-bolehnya sehabis bicara patik hendak mencuba juga mengamankan di dalam Negeri Sembilan ini kalau-kalau terpelihara adat di dalam Negeri Sembilan ini kerana sangat suka patik Duli Tuanku serta Dato'-dato' Undang Negeri Sembilan duduk di dalam aman dan sentosa seperti adat orang tua-tua zaman dahulu kala, sekarang Negeri Sembilan ini telah dipernaungkan di bawah Kerajaan Queen Yang Maha Mulia dan Maha Besar, patik harap sangat jangan rosak binasa adat dan istiadat di dalam Negeri Sembilan ini, itulah ucapan dan doa patik kepada Tuhan seru Alam sekalian janganlah kiranya Dato' Undang Negeri Sembilan ini mengubah dan mengalih setianya seperti kelakuan Dato'-dato' yang menjadi Undang pada sedikit masa yang sudah adanya.

Maka setelah selesailah sekalian pekerjaan itu, pada keesokan hari-nya sekalian Undang dan lainnya pun pulanglah ke tempatnya memegang jawatan masing-masing, demikianlah adanya..."

Catatan oleh jurutulis Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ini bertambah tinggi nilainya dengan menitipkan juga isi ucapan-ucapan penting dari Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan pembesar-pembesar negeri. Dari ucapan-ucapan yang dilafazkan amat ketara bahawa pihak British tidak mengakui bahawa mereka terlibat dalam memecah-belahkan perpaduan rakyat Negeri Sembilan.

Dari ucapan British Resident itu secara langsung mensifatkan bahawa Dato'-dato' Undang yang terdahulu yang menentang rajanya. Sebaliknya dari kata-kata Gabenor Negeri-negeri Selat Fredrick Alusysweld kepada Yamtuhan Antah, selepas baginda kalah dalam perang Bukit Putus – adat dalam perpe-rangan Tuanku, siapa yang kalah hilanglah negeri dan siapa yang menang dialah memerintah negeri – memperlihatkan secara jelas campur tangan British.

Tetapi dalam ucapan British Resident itu ketika pertabalan Tuanku Muhammad membuat anggapan bahwa Dato'-dato' Undang yang menentang rajanya. Manakala British pula datang untuk mendamaikan, langsung mengheret Negeri Sembilan masuk di bawah naungan Queen Victoria Raja England.

Sebab itulah semua catatan dari jurutulis Yang Dipertuan Besar, Encik Muhammad Said bin Bador ini sangat berguna kepada kita. Dari sini kita dapat menilaikan betapa halusnya jarum British menyucuk sampai ke jantung bangsa

kita, hingga tidak terasakan langsung sikap ‘pepat di luar runcing di dalam’ yang diamalkannya.

Peraturan tabal yang dicatatkan semasa pertabalan Tuanku Muhammad dalam tahun 1920 ini adalah dikira sebagai peraturan tabal yang dilaksanakan hingga sekarang. Walaupun ada kemungkinan perubahan-perubahan dilakukan ianya adalah disesuaikan dengan keadaan masa sekarang yang mempunyai sistem perhubungan yang lebih baik. Pada dasarnya istiadat tabal yang dijalankan adalah mengikut susunan yang disebutkan di atas juga.

### Kemangkatan Tuanku Muhammad

Tuanku Muhammad Ibni Almarhum Yamtuan Antah merupakan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan paling lama berada di atas takhta kerajaan-sya setakat ini. Baginda mulai menaiki takhta mengantikan paduka ayahandanya yang mangkat dalam tahun 1888. Semasa hayatnya baginda dianggap raja Melayu yang paling lantang suaranya menuntut supaya ditubuhkan pasukan Askar Melayu.

Hasil dari titah ucapan yang tidak jemu-jemu dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan sejak tahun 1913, akhirnya pasukan Askar Melayu berjaya ditubuhkan pada 1hb. Mac. 1933. Kira-kira 5 bulan selepas baginda dapat menyaksikan hasil perjuangannya yang gigih melahirkan pasukan Askar Melayu, maka baginda pun menutup mata, mangkat pada 1hb. Ogos, 1933.

Detik-detik terakhir kemangkatan baginda Tuanku Muhammad telah dapat dirakamkan oleh jurutulis baginda, Yang Berbahagia Dato' Bentara Dalam, Idris bin Bador juga merupakan jurutulis yang bertanggunjawab menyusun satu catatan sebagai peringatan kepada kemangkatan baginda.

Dato' Bentara Dalam Idris, telah meninggal dunia pada bulan Disember, 1950. Dalam catatannya beliau bercadang hendak menjadikan sebuah buku peringatan yang dicetak. Malangnya, cita-cita beliau tidak terecapai. Senyampang saya menyusun buku ini dan juga selari dengan tujuannya, maka saya dengan besar hati menurunkan dengan sepenuhnya tulisan Dato' Bentara Dalam Idris itu. Dalam rakaman ini saya tidak menambah, memotong atau menyunting sebarang perkataan di dalamnya, bagi memudahkan sesiapa saja membuat kajian selanjutnya:

“Kepada 28 haribulan Julai 1933 jam 4.30 petang dewasa inilah perjumpaan Duli Yang Maha Mulia yang akhir sekali dengan Yang Terutama Tuan High Commissioner Sir Cecil Clementy di Istana Besar Seri Menanti, maka oleh kerana menghormatkan lawatan Tuan Yang Terutama itu telah diadakan majlis jamuan teh di anjung istana di tingkat yang kedua, yang hadir di dalam majlis jamuan itu selain dari Duli Yang Maha Mulia dan Yang Terutama Tuan High Commissioner ialah Yang Teramat Mulia Tengku Besar, Yang Berhormat Tuan G.E. London Pemangku British Resident Negeri Sembilan, Yang Amat Mulia Tengku



*Turfu Munawir (kiri), Tunju Panglima Besar Nasir, (kanan) dan Dato' Bentara Dalam Idris (di belakang) jurutulis yang bertanggungjawab menyusun catatan kemangkatan Tuanku Muhammad.*

Nasir, Yang Mulia Tengku Zakaria dan seorang A.D.C. dan seorang Setiausaha Sulit kepada Tuan Yang Terutama itu.

Maka di dalam masa mengadap majlis jamuan itu Duli Yang Maha Mulia tiadalah berkeputusan cakapan dengan Tuan Yang Terutama di dalam tiap-tiap perbualan itu Yang Berhormat Tuan British Resident menjadi jurubahasanya, sungguhpun Duli Yang Maha Mulia boleh sedikit-sedikit bercakap bahasa Inggeris tetapi ia takut agaknya kalau-kalau percakapannya itu tidak berapa betul.

Maka jarum jam telah menunjuk ke angka pukul 5.30 majlis itu pun bersurai, Tuan Yang Terutama serta pengiring-pengiringnya berangkat balik, Duli Yang Maha Mulia telah menghantar hingga ke anjung istana, maka pada masa turun itu Duli Yang Maha Mulia, Tuan Yang Terutama dan Yang Berhormat Tuan British Resident telah berasing turun melangkah tangga dari semata ke semata, berbetulan sampai sepenuhnya tangga itu Tuan Yang Terutama telah tergelincir kakinya dan hampir akan jatuh, maka yang melihat pada masa itu semuanya telah terperanjat dan mengeletar melihat akan bahaya itu, akan tetapi Duli Yang Maha Mulia dengan pantasnya telah memegang tangan Tuan Yang Terutama, kecemasan itu tidaklah jadi merbahaya (begitulah kecerdasan dan kepastian Duli Yang Maha Mulia, siapa boleh menyangka yang usianya tinggal selama 4 hari saja lagi).

#### Darihal Kegeringan Dan Kemangkatan Almarhum Tuanku Muhammad Shah Dari Malam 29 Julai Hingga 1 Ogos, 1933

Maka pada malam 29 haribulan Julai 1933 jam lebih kurang pukul 1 malam, Duli Yang Maha Mulia telah mulai gering, perutnya telah berasa sesak tidak boleh buang air dan terkadang-kadang telah berasa terbuku kerana angin telah turun naik, begitu jua Duli Yang Maha Mulia telah bertitah memanggil dukun Melayu dan doktor dari Kuala Pilah, maka pada malam itu riuuhlah di dalam istana oleh kegeringan itu, tidak berapa lama dukun dan doktor pun sampai, tetapi berapa diubat pun kegeringan itu tidak jua mahu sembah semakin diubat semakin bertambah sakitnya dan berapa kali pula dipam oleh doktor tiada jua memberi bekas sehingga sampailah siang doktor bertunggu pada malam itu.

Maka pada pagi 30 haribulan, Tuan Doktor Kuala Pilah telah memberi khabar kepada Tuan Doktor Besar Seremban di atas kegeringan Duli Yang Maha Mulia itu, maka tidak berapa jam Tuan Doktor Besar pun sampai serta lalu diperiksanya, maka di dalam penglihatannya kegeringan Duli Yang Maha Mulia itu sangat berat dan ia berhajat hendak membawa ke Seremban, akan tetapi pada hari itu tiadalah jadi disebabkan kaum kerabat sekalian bertahan meminta ubatkan di dalam istana. Dari hal kegeringan itu tiada jua bertambah kurang semakin diubat semakin jua bertambah beratnya dan doktor yang menjaga pun tidak ber-



*Tuan A Hyde, Penasihat British Negeri Sembilan tahun 1951.*

apa harap jika penyakit itu tiada dibelah. Maka pada 30 haribulan itu jam pukul 1 malam Tuan Doktor Besar berdua dengan State Sergion telah datang memeriksa lagi sekali, maka kata Tuan Doktor Besar esok pagi 31 haribulan akan dibawa jua ke Seremban. Maka pada hari esoknya 31.7.33 segala kaum kerabat dan orang besar-besar dan Tuan Doktor Besar pun berhimpunlah di dalam istana, berbetulan jam 9.30 pagi Duli Yang Maha Mulia pun berangkat dari istana di atas kenaikan motokar kerajaan (motokar pejabat hospital) dengan diiringi oleh beberapa buah motokar berisi di dalamnya daripada kaum kerabat dan Dato'-dato' maka dalam kenaikan Duli Yang Maha Mulia yang bersama-sama ialah Yang Amat Mulia Encik Rahah (isteri YMM) Tengku Zakaria, Tengku Muhammad Shariff, Tuan Doktor Besar, Tuan Kadi Sulaiman dan Dato' Bentara Dalam Idris, lebih kurang 12 tengah hari motokar kenaikan Duli Yang Maha Mulia pun sampailah di Istana Hinggap Seremban, Duli Yang Maha Mulia singgah bersemayam sebentar dan pukul 4 lebih kurang dengan permintaan Doktor Besar dibawa Duli Yang Maha Mulia ke Airopin Hospital, maka di sanalah Duli Yang Maha Mulia bersemayam semalam-malaman itu dalam keadaan gering yang sangat kuat maka dengan bermacam-macamlah jenis ubat-ubatan dicuba oleh doktor tiada jua memberi bekas, pada malam itu Tuan Doktor Wilson doktor besar Negeri-negeri Melayu Persekutuan dari Kuala Lumpur pun sampai maka berdualah ia dengan doktor besar Seremban mengubatinya maka keputusan ubat-ubatan kedua tuan doktor itu tiada lain daripada dibelah, jika dibelah haruslah akan boleh sembah, akan tetapi sungguhpun begitu ia tiada berani mengaku yang belahannya itu tidak boleh menjadi merbahaya. Maka perkara hendak belah membelah itu telah diadakan juga mesyuarat di antara kerabat-kerabat termasuk Tuan Yang Berhormat British Resident dan Dato' Kelana Putera Sungai Ujung, maka keputusannya disembah maklumkan kepada Duli Yang Maha Mulia, maka ke bawah Duli Yang Maha Mulia oleh kerana doktor-doktor itu tidak berapa cukup kuat engganlah ia sedikit, akan tetapi rundingan hendak membelah itu tiada jua direntik sehingga Yang Berhormat Tuan British Resident telah meminta pula dengan jalan Yang Amat Berhormat Tuan Chief Secretary supaya menyampaikan ke pengetahuan Yang Terutama Tuan High Commissioner di Singapura dan Tuan Yang Terutama itu telah memberitahu kepada Tuan Doktor C.J. Smith seorang daripada doktor yang terbilang pandai pada tentang potong memotong dan belah membelah, maka pada masa dalam perundingan itu berbetulan jam baharu pukul 8 malam, maka dapatlah Tuan Doktor Smith bertolak dari Singapura dengan jalan keretapi pada malam itu dan sampai ke Stesen Seremban jam 5.30 pagi pada 1 haribulan Ogos 1933.

Maka pada masa sampainya itu Yang Berhormat Tuan British Resident telah sedia menanti dengan tiada lengah lagi langsung dibawa mengadap Duli Yang Maha Mulia di hospital. Sungguhpun kegeringan Duli Yang Maha Mulia itu semakin lama semakin kuat akan tetapi pertuturan-

nya tiadalah sedikit pun berubah dengan senang ia boleh bertitah kepada sesiapa yang datang melawatnya.

Tuan Doktor Smith bersama-sama Yang Berhormat Tuan British lepas daripada mengadap Duli Yang Maha Mulia dipersilakannya Yang Teramat Mulia Tengku Besar, Yang Amat Mulia Tengku Muda Abdul Rahman putera Yang Maha Mulia (kemudian bergelar Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan – p), Yang Amat Mulia Tengku Nasir putera Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Tengku Panglima Besar adinda Yang Maha Mulia, Yang Mulia Tengku Zakaria Setiausaha Sulit ke bawah duli Yang Maha Mulia dan Tengku Husain kerana hendak berunding berkenaan hendak menjalankan perbelahan itu, maka di dalam perundingan itu bermacam-lah ikhtiar dan fikiran yang didapati, keputusannya disembah maklumkan jua ke bawah Duli Yang Maha Mulia mengikut persetujuannya, keputusannya ke bawah Duli Yang Mulia sendiri tidak hendak berbelah melainkan titahnya, ini jam juga mestilah ia dibawa balik ke Istana Besar Seri Menanti.

Maka kegeringan itu semakin lama semakin kuat konon khabarnya harapan segala doktor-doktor itu tiada lagi melainkan menanti masa sahaja lagi dan setengah daripada cakap-cakap sulit doktor itu usia Duli Yang Maha Mulia tidak sampai tiga jam lagi, maka oleh kerana titah Duli Yang Maha Mulia hendaklah disegerakan dibawa ia balik ke Seri Menanti itu maka tiadalah dilengahkan lagi, lebih kurang pukul 9 pagi Duli Yang Maha Mulia pun berangkatlah dari Hospital Besar Seremban ke Istana Besar Seri Menanti dengan diiringi oleh kerabat-kerabat sekaliannya dan sampai ke istana jam 12 tengah hari, maka hamba rakyat negeri pun telah mencurah masuk ke dalam kota istana kerana mendengar Duli Yang Maha Mulia telah berangkat balik dari hospital dan geringnya semakin bertambah-tambah kuat dan segala kerabat-kerabat tiadalah berjauh lagi. Maka Duli Yang Maha Mulia sungguhpun geringnya itu telah bertambah-tambah dan angin yang menyak dalam perutnya itu telah menumpu ke dada dan nafas pun telah sesak turun naik, sungguh pun hal keadaannya begitu akan tetapi tiadalah khali Duli Yang Maha Mulia bertitah menegur sapa kepada mereka yang datang melawatnya dengan muka yang jernih dan kadang-kadang bermacam-macam jenaka dikeluarkannya, akan tetapi nafasnya semakin lama semakin kencang, maka lebih setengah jam daripada ia hendak mangkat itu telah bertitah meminta cermin matanya kepada budak yang menjaganya, apakala cermin itu telah dipakainya maka ia pun memandanglah kepada jari-jari tangannya dan melihat rata-rata kepada yang hampir dengannya.

Maka pada masa itu Yang Amat Mulia Encik Rahah isteri yang dikasihinya hampir bertunggu dan memperhatikan keadaan Duli Yang Maha Mulia di dalam keadaan resah lalu diambilnya cermin itu dan segala yang bertunggu pun berduakacitalah memandang kerana telah tiada harapan lagi dan masing-masing pun menangis, pada ketika itu Yang

Amat Mulia Tengku Abdul Rahman (Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Yang di-Pertuan Agong pertama bagi Malaysia, mangkat pada 1.4.1960 – p), Yang Amat Mulia Tengku Nasir, Yang Mulia Encik Zamiah dan Yang Teramat Mulia Tengku Besar dan segala kerabat-kerabat pun hampirlah dengan Duli Yang Maha Mulia, pada masa itu sungguhpun telah hampir akan mangkat tetapi segala peringatannya tiada sedikit pun lupa sehingga dapatlah ia memanggil dan memeluk puteranya Yang Amat Mulia Tengku Muda Abdul Rahman dengan memberi bermacam-macam nasihat, kemudian kepada Yang Amat Mulia Tengku Nasir dan lepas itu dipanggilnya pula Encik Zamiah siapa puterinya yang sangat dikasih serta Duli Yang Maha Mulia melafazkan beberapa nasihat dan menceritakan di atas keelokan dan kemuliaan agama Islam serta mengeluarkan beberapa hadis dan dalil dengan fasihnya, lepas daripada Duli Yang Maha Mulia memeluk dan mencium puterinya Encik Zamiah yang dikasihnya persilakan orang pula puteranya yang bongsu sekali bernama Tengku Muhammad Alam Shah yang genap berumur satu tahun betul pada hari mangkat Almarhum itu serta bondanya Encik Puan Besar Halimah, maka di antaranya perjumpaan (bonda dan anakandanya) usia umur Duli Yang Maha Mulia nampaknya telah hampir benar hendak mangkat, maka berbetulan jam 2.45 kepada 1 haribulan Ogos 1933 dewasa itulah Yang Maha Mulia menghembuskan nafasnya yang akhir (qolu innalillahi wa-inna illaihi raijin) maka ratap dan tangis pun riuhlah di dalam istana azamat bunyinya. Maka Orang Besar yang hadir pada tatkala menghadapi kemangkatan Almarhum itu selain dari kerabat-kerabat ialah Yang Amat Mulia Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman Abdullah, Undang Luak Jelebu..."

Catatan Dato' Bendahara Dalam Idris mengenai kemangkatan baginda Tuanku Muhammad ini begitu lengkap butir-butirnya. Dalam konteks ini kita juga dapat menilai mengenai kelengkapan rawatan perubatan yang serba kekurangan pada masa itu. Malah kedatangan seorang doktor dari Singapura ke Seremban memakan masa semalam dengan perjalanan keretapi.

Suasana masyarakat ketika itu juga digambarkan dengan jelas sehingga kita dapat merasakan peristiwa tersebut sedang berlaku di depan mata kita. Sebab itulah saya katakan catatan peninggalan Dato' Bentara Dalam Idris ini sangat berguna dalam mengumpulkan bahan-bahan sejarah tanahair. Saya kira tentu banyak lagi catatan-catatan demikian tersimpan di tangan orang tua-tua yang enggan diserahkan kepada pihak-pihak tertentu.

Naskhah-naskhah lama seperti ini sangat berguna kepada pihak penjajah serta pengkaji-pengkaji ilmu dari barat. Tetapi di negara kita kepentingan

menyimpan naskhah-naskhah lama ini semacam tidak mendapat perhatian. Peristiwa kemangkatan Tuanku Muhammad ini bukan dinilai kepada peristiwanya, tetapi merangkumi suasana masyarakat masa itu yang harus diketahui oleh generasi pada masa akan datang.



*Rakyat jelata mengiringkan jenazah Almarhum Tuanku Muhammad ke makam diraja tahun 1933. (kerjasama Arkib Negara).*



*Penasihat British yang akhir bagi Negeri Sembilan Tuan M.C. ff. Sheppard  
(Dato' Haji Mubin Sheppard) 1951 – 1956.*

# 8

---

## PERATURAN ADAT DALAM ISTANA

Peraturan adat dalam istana sangat penting kepada masyarakat Melayu dalam mengukuhkan taat setia mereka kepada rajanya. Sejak turun-temurun masyarakat Melayu sentiasa memelihara adat istiadat di dalam istana supaya tidak tercemar. Orang-orang yang bertanggungjawab mempertahankan adat istiadat ini adalah orang-orang besar istana.

Mereka inilah mengatur segala persiapan dalam sebarang upacara rasmi. Sekiranya mereka gagal melaksanakannya terdapatlah cacat cela dalam peraturan adat itu. Di dalam Kerajaan Melayu Melaka sekalipun, tugas menjaga peraturan adat dalam istana ini terletak di bahu Dato' Bentara Dalam.

Atas kesedaran inilah Dato' Bentara Dalam Idris mencatatkan beberapa peristiwa dalam istana semasa pertabalan, supaya ianya dapat difahami oleh generasi seterusnya. Dalam catatan beliau mengenai peraturan adat dalam istana ini beliau menulis:

"....Alkisah apakala Duli Yang Maha Mulia telah mangkat, Y.T. Mulia Tengku Besar telah bertitah kepada Orang Empat Istana bersiap dan bersedia mengikut cara mana peraturan adat istiadat bagi kemangkatan itu serta memberitahu Penghulu-penghulu Tanah Mengandung dan mempersilakan Undang Yang Empat mengikut aturan adat sediakala. Maka di dalam istana pun dihiasilah dengan selengkap dan seindah pakaian serta disediakan pelemba sembilan tingkat tempat jenazah Almarhum dan alat kebesaran pun diturunkan dan dipasang kiri kanan halaman istana iaitu:

- 16 payung kuning
- 16 tombak
- 16 keris panjang
- 16 tungkul panji-panji

Serta periam pun dipasang oranglah 32 pucuk di atas bukit Gitan Seri Indera iaitu alamat memberitahu kepada rakyat negeri."

Yang Mulia Tengku Zakaria Setiausaha Sulit bagi ke bawah Duli Yang Maha Mulia memberi perkhabaran dengan telefon kepada Yang Berhormat Tuan British Resident Negeri Sembilan menyatakan Duli Yang Maha Mulia telah mangkat jam 2.45 petang serta meminta dengan jalan yang Berhormat Tuan British Resident menyampaikan kepada Yang Terutama High Commissioner, Chief Secretary, Resident Perak, Residen Selangor, Resident Pahang dan Raja-raja Negeri Melayu yang bersekutu dan yang tidak bersekutu.

Yang Amat Mulia Tengku Laksamana menghantar telegram kepada Undang Yang Empat, Dato' Bandar, Dato' Muda Linggi, Dato' Inas, Dato' Gemenchih, Dato' Air Kuning dan kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan kepada kerabat-kerabat yang jauh. Maka pada hari itu Yang Berhormat Tuan British Resident Negeri Sembilan, Undang Yang Empat, anak-anak Raja dan Tuan-tuan Putih mana yang dekat berhimpunlah dalam istana dengan beberapa kemasgihulan'dan keduaan masing-masing.

### Hari Yang Kedua Kemangkatan Almarhum

Maka pada hari inilah (2.8.33) Dato'-dato' Undang Yang Empat mengadakan mesyuarat di balai mesyuarat Seremban kerana menetapkan siapa yang akan menjadi ganti Almarhum yang telah mangkat memerintahkan Kerajaan Negeri Sembilan, maka mesyuarat itu mulai bersidang dari pukul 10 pagi hingga pukul 2 petang dan pada hari itu dapatlah ketetapan dan keputusan siapa-siapa yang akan menjadi ganti Almarhum, akan tetapi keputusan itu tersimpan di dalam rahsia di antara Undang Yang Empat dengan Yang Berhormat Tuan British Residen Negeri Sembilan. Maka lepas dari mesyuarat Undang Yang Empat pun langsung ke Seri Menanti dan berkhabar kepada Tengku Laksamana dan Tengku Zakaria mengatakan esok pagi (3.8.33) akan dimakamkan jenazah Almarhum itu dengan beberapa istiadatnya seperti yang tersebut di bawah ini:

1. Jenazah almarhum diletakkan di atas sesuatu geta dengan dipangku oleh orang daripada air kaki lingkungan.
2. Di kiri kanan jenazah almarhum dikawali oleh juak-juak pegawai yang memegang alat kebesaran seperti pedang dan tombak serta 96 budak kundangan dengan memegang jawatan masing-masing iaitu:

32 orang memangku tiang dian yang sudah terpasang.  
32 orang memangku gebok air

32 orang memangku abu (perasapan) yang terletak di atas batil yang keemasan.  
(Saya adalah salah seorang daripadanya yang memangku tiang dian ini – p)

Setelah mustaid sekaliannya dipersilakan oleh Orang Empat Istana Putera Yang Empat, iaitu Y.T.M.T. Besar, Y.A.M.T. Laksamana, Y.A.M.T. Muda Serting dan Y.A.M.T. Panglima Besar menyiramkan jenazah almarhum lepas seorang, seorang bergilir-gilir, kemudian dipersilakan pulang Undang Yang Empat memperbuat demikian itu juga, setelah lepas daripada istiadat menyiramkan itu diturut oleh siapa yang dikhaskan bagi menyiramkan jenazah itu hingga selesai, kemudian daripada telah dikapangkan dan dimandikan, maka jenazah almarhum diangkat oranglah diletakkan di dalam sebuah keranda yang telah sedia terhias dan terletak di dalam bilik persenangan.

### Hari Yang Ketiga Kemangkatan Almarhum

Pada hari ini (3.8.33) penuh sesaklah di dalam dan di luar kota istana oleh hamba rakyat negeri datang berhimpun, kerana pada hari yang tersebut akan dimakamkan jenazah almarhum serta akan diadakan istiadat melantik siapa



*Makam Tuanku Muhammad, Yamtuan Negeri Sembilan Ke-8.*

akan menjadi ganti almarhum memerintah Negeri Sembilan, berbetulan jam 2 petang Undang Yang Empat, Y.A.B. Tuan Chief Secretary, Y.B. Tuan British Resident Negeri Sembilan dan sekalian wakil-wakil pun sampai ke istana berbetulan jam 3 petang istiadat mentakhtakan ganti almarhum menjadi Yang Dipertuan Besar akan diadakan oleh Undang Yang Empat di Balai Besar, maka Putera Yang Empat dan segala putera-putera dan puteri-puteri dipersilakan oleh Yang Mulia T. Zakaria ke Balai Besar duduk pada tempat dan taraf masing-masing, maka terlebih dahulu daripada diadakan istiadat itu Tuan Secretary Resident, Tuan District Officer Kuala Pilah dan Dato' Bentara Dalam telah sedia mengatur segala tempat kedudukan itu.

Setelah mustaid sekaliannya duduk di tempat masing-masing Y.A.M. Dato' Kelana Imam segala Undang bangkit berdiri di hadapan singgahsana lalu bersabda:

"Anak putera yang mempusakakan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan anak putera yang tidak mempusakai Yang Dipertuan Besar.

Maka yang dikatakan sekecik-kecil (kecil) anak putera sama besar dengan Undang ialah anak putera yang mempusakakan Yang Dipertuan Besar, itu pun tentang adat alat jamu dan tidak tentang memerintah negeri.

Penghulu Tanah Mengandung dan pada masa ini dipakaikan perkaatan Undang Tanah Mengandung sepanjang kata adat dengan pesaka menduakan pedang memancung, dalam alam menduakan keris menyalang dalam luak pantang adat dengan pusaka.

Adalah darihal Kebawah Duli Yang Dipertuan Besar Muhammad Shah telah mangkat ke rahmatullahi taala sudah tiga hari, maka dalam tiga hari ini ialah Undang yang memerintah Negeri Sembilan ini.

Maka pada hari ini Undang Yang Empat sudah berkebulatan memiliki menjadikan Tengku Muda Abdul Rahman menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan."

Kemudian daripada itu Dato' Kelana Putera berkhabar kepada Yang Amat Mulia Tengku Laksamana meminta persilakan Tengku Muda Abdul Rahman naik ke atas singgahsana takhta kerajaan lalu Y.A. Mulia Tengku Laksamana mempersilakan naik serta mengadap menjunjung duli tiga kali dengan mencium tangan Duli Yang Maha Mulia, kemudian undur ke belakang turun dari setingkat ke setingkat singgahsana itu sehingga sampai tujuh tingkat, maka tiap-tiap turun daripada tingkat itu dengan mengangkat tangan menghalakan ke bawah Duli Yang Maha Mulia, lepas itu Y.A.M. Tengku Laksamana duduk di tempatnya semula, kemudian daripada itu Undang Yang Empat dengan istiadatnya mengikut susunannya (aturannya) mengadap bergilir-gilir lepas seorang, seorang iaitu:-



*Al-marhum Tuanku Abdul Rahman Ibni Al-marhum Tuanku  
Muhammad sebaik saja menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan  
dalam tahun 1933.*

Dato' Kelana Putera tampil mengadap menjunjung duli naik dari setingkat ke setingkat singgahsana sambil mengangkat tangan menjunjung duli apabila tampil di hadapan Duli Yang Maha Mulia lalu duduk bersila rapat menjunjung duli tiga kali, kemudian mencium tangan Duli Y.M.M. berturut-turut tiga kali, maka pada tiap-tiap kali mencium itu dengan mengangkat tangan jua, lepas itu mengangkat tangan pula semula tiga kali berturut-turut lalu turun memperbuat seperti keadaan Tengku Laksamana itu juga.

Lepas daripada Dato' Kelana, bangkit pula Dato' Jelebu, Dato' Johol, dan Dato' Rembau bergilir-gilir mengadap menjunjung duli memperbuat seperti keadaan Dato' Kelana itu jua.

Maka pada masa Dato'-dato' yang tersebut itu mengadap, Dato' Kelana Putera berkhabar kepada Dato' Bentara Dalam meminta sampaikan kepada Dato' Bandar apakah lepas Undang Yang Empat mengadap, Dato' Bandar jangan mengadap dahulu kerana hendak mempersesembahkan emas manah, setelah selesai Dato' yang tersebut mengadap, Dato' Kelana Putera bangkit pula sekali lagi mengadap iaitu mempersesembahkan emas manah yang terletak di atas suatu cerana yang keemasan dengan diiringi pula sebuah tempat sirih berpalut dengan songket, demikianlah bunyi sembahnya:-

"Sembah ampun ke bawah Duli Tuanku, patik mengadap tiga pantang, mana yang patik sembahkan, alam beraja, luak berpenghulu, suku bertua, anak buah beribu buapak, begitulah kata adat dengan pusaka maka dalam tiga hari ini patik sekalian untung melambung malang menimpa ialah ke bawah Duli Yang Dipertuan Besar Muhammad Shah mangkat kembali ke rahmatullah taala.

Maka inilah persembahan patik Undang Yang Empat wang emas manah pada seorang empat bahara, sebahara dua puluh empat ringgit (\$24/-) ialah kata adat dengan pusaka, hidup berbelanja, mati berkerajat, maka persembahan patik ini mati berkerajat Tuanku Muhammad Shah."

Lepas daripada Dato' Kelana mempersesembahkan emas manah bangkit pula Dato' Bandar, kemudian Dato' Muar, Dato' Jempol, Dato' Terachi, Dato' Gunung Pasir, Dato' Muda Linggi, Dato' Inas dan Dato' Gemenchih mengadap menjunjung duli dengan bergilir-gilir memperbuat seperti keadaan Dato' Kelana jua (peringatan: Dato' Air Kuning tiada hadir).

Setelah selesai Dato'-dato' yang tersebut itu mengadap Dato' Bentara Dalam mempersesembahkan suatu ucapan yang akan dibaca oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia sendiri dan Duli Yang Maha Mulia pun bangkit daripada kerusi singgahsana melafazkan ucapan seperti demikian bunyinya:-

### Ucapan Duli Yang Maha Mulia

1. "Besar kedukaan dan kemasyghulan kami pada masa ini kerana kemangkatan Seri Paduka Y.M.M. Ayahanda kami Tuanku Muham-

- mad Shah G.C.M.G. dan K.C.V.O. tiadalah dapat kami lafazkan yang ia telah memerintah selama 45 tahun dengan beberapa adil dan murahnya nyatalah kepada kita sekaliannya kerana kemajuan yang telah berlaku di dalam negeri ini.
2. Pada hari ini telah diangkat kami menjadi raja Negeri Sembilan dan sedia maklum kami besarnya dan beratnya kewajipan tanggungan kami itu, percaya kami yang keadilan almarhum itu tiadalah dapat kami menurut dengan selengkapnya, tetapi yakinlah undang sekalian dan anak-anak raja dan Yang Berhomat penasihat-penasihat bahawa kami dengan beberapa daya upaya menjalankan keadilan bagi keamanan dan keselamatan sekalian hamba rakyat mereka-mereka yang duduk seluruh alam Negeri Sembilan ini.
  3. Percayalah kami yang kemesraan persahabatan di antara Great Britain dengan Negeri Sembilan ini tiadalah berubah-ubah.
  4. Dan percayalah kami pernaung negeri ini di bawah Great Britain tiadalah bertukar sedikit pun."

Tertulis kepada 3 Ogos, 1933.

Setelah selesai Duli Yang Maha Mulia membaca ucapan itu lalu turun dari atas singgahsana berjabat salam dengan Y.A. Berhormat Tuan Chief Secretary, Y.B. Tuan British Resident, Undang Yang Empat dan segala wakil-wakil dan kepada putera-putera yang berpangkat, kemudian Duli Y.M.M. berangkat masuk ke istana diiringi oleh sekalian yang hadir kerana hendak menyempurnakan istiadat memakamkan jenazah almarhum, setiba Duli Y.M.M. di dalam istana, ke bawah Duli Y.M.M. Sultan Selangor telah sedia menanti baharu sampai dari Kelang, lalu Duli Y.M.M. berjabat salam antara kedua dan jenazah almarhum pun diangkat oranglah keluar istana dengan dinaikkan sebuah kenaikan yang telah terhias dengan beberapa perhiasan daripada sutera-sutera kuning belaka, maka apakala jenazah almarhum telah dipersemayamkan di atas kenaikan itu, Y.M.T. Zakaria dan T.M. Shariff mengatur istiadat keberangkatan itu iaitu seperti peraturan di bawah ini:-

**Peraturan Perangkatan Bagi Jenazah Almarhum Duli Y.M.M. Tuanku Muhammad Shah Ke Makam Pada 3 Haribulan Ogos, 1933.**

1. Pegawai-pegawai yang berjawatan.
2. Kadi-kadi dan ulama-ulama.  
Di tengah-tengah jenazah almarhum.
3. Pegawai-pegawai yang berjawatan.
4. Duli Y.M.M. Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan bersama-sama dengan Sultan Selangor.
5. Kerabat-kerabat almarhum yang karib.

6. Y.A.B. Tuan Chief Secretary, Tuan Resident, wakil-wakil Undang Yang Empat dan pegawai-pegawai yang memakai uniform.
7. Anak-anak raja dan Tuan-tuan Putih.
8. Hamba rakyat.

Setelah mustaid sekaliannya, jenazah pun diusung oleh Pegawai Sembilan Puluh Sembilan yang telah sedia diatur lebih dahulu oleh Tuan Albary Engineer Kuala Pilah bersama-sama dengan Dato' Bentara Dalam, maka apakah kenaikan itu berjalan meriam pun dipasanglah sebanyak 68 pucuk tanda kehormatannya iaitu mengikut usia almarhum itu 68 tahun.

Maka pada masa perarakan jenazah itu berangkat melalui pintu kota istana, di kiri kanan jalan itu disambut oleh satu pasukan kehormatan daripada Pegawai Jabatan Hutan (Forest Guard) dengan berdiri betul dan mengangkat tangan ke dahi, bahawa pada masa melalui sepanjang jalan itu kelihatannya berpuluhan-puluhan ribu hamba rakyat tua dan muda, hina dan dina mengiring jenazah itu sehingga padang dan jalan raya semuanya penuh sesak oleh manusia daripada tiga bangsa terutama sekali Melayulah yang terlebih ramai, maka apakah jenazah itu hendak sampai ke makam disambut pula oleh kawalan kehormatan daripada pasukan M.V.I. Negeri Sembilan dengan beberapa orang officernya beratur di kiri kanan jalan hendak masuk ke pintu itu dengan berdiri betul dan menundukkan batu kepala ke bawah, lebih kurang jam 4.30 petang jenazah pun sampailah ke makam, maka sekalian tuan-tuan alim, haji-haji dan lebai-lebai pun berhimpunlah kerana menyembahyangkan jenazah itu lebih kurang 400 orang, setelah selesai daripada disembahyangkan itu, jenazah pun diangkat oranglah kerana dimakamkan, maka tatkala jenazah itu dimakamkan Duli Y.M.M. Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Duli Y.M.M. Sultan Selangor, Y.A.B. Tuan Chief Secretary, Tuan Resident, Undang Yang Empat dan sekalian wakil-wakil semuanya ada belaka menghadapi, maka lebih kurang jam 6 petang istiadat memakamkan itu pun selesailah, Duli Y.M.M. Sultan Selangor dengan segala pengiringnya dan wakil-wakil sekalian pun berangkat balik ke negeri masing-masing.

1. Sedekah kepada anak-anak raja 6 suku pada seorang.
2. Sedekah kepada putera Yang Dipertuan Besar 12 rupiah pada seorang.
3. Sedekah pada Dato' Bandar Penghulu Tanah Mengandung, Gemencheh, Air Kuning, Inas dan Linggi pada seorang 6 suku.
4. Sedekah pada Lembaga yang mengadap dan kepala waris pada seorang 3 suku.
5. Sedekah kepada Lembaga di dalam Jajahan Kuala Pilah pada seorang 2 suku.
6. Sedekah kepada Lembaga di dalam Luak Undang seorang 2 suku.

7. Ampun kurnia kepada Orang Empat Istana sebahara (\$14.00).
8. Sedekah kepada Dato' Bentara Dalam dan Bentara Perempuan 6 suku seorang.
9. Sedekah kepada Pegawai yang enam pada seorang 3 suku.
10. Sedekah kepada Apit Lempang pada seorang 3 suku.
11. Sedekah kepada Pegawai 99 pada seorang satu suku.
12. Sedekah kepada Buapak pada seorang satu suku.
13. Sedekah kepada Besar Lingkungan pada seorang 3 suku.
14. Sedekah kepada kakanda raja 6 suku.
15. Sedekah kepada Panglima Gajah dan Mangku seorang 6 suku.
16. Sedekah kepada Undang Yang Empat pada seorang 6 suku.
17. Bertabur bunga mas dan wang.  
(\*peringatan: suku bernilai 25 sen, ertiinya satu perempat dari satu ringgit - p).

Hal demikianlah adanya, tamat, disusun dan dikarang oleh alhakhir alfabkit Idris, Dato' Bentara Dalam, 1.1.1934.

#### **Di Balai Penghadapan Dan Singgahsana**

Peraturan memakamkan jenazah dan mengisyiharkan Yang Dipertuan yang baru seperti di atas adalah dicatatkan oleh Allahyarham Dato' Bentara Dalam Idris, merangkap jurutulis kepada Yang Dipertuan Besar. Peraturan ini sebenarnya dipakai sejak Yamtuan Raja Melewar lagi, tetapi telah terhenti semasa pemerintahan Yamtuan Antah.

Dengan yang demikian bermakna peraturan ini bolehlah dikira peraturan sebenar yang diamalkan dalam istana Negeri Sembilan. Peraturan tabal Yang Dipertuan Besar juga ada dicatatkan berikut dengan pertabalan Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad pada 26hb. April, 1934.

Dalam catatan berkennaan disebutkan:

"Setelah Dato'-Dato' Lembaga, Penghulu-penghulu Luak dan Pegawai-pejawat berjawan mengambil tempatnya masing-masing dan juga jemputan-jemputan khas telah sedia duduk di tempatnya, maka Orang Empat Istana pun mempersilakan Duli Yang Maha Mulia ke Balai Penghadapan, beginilah cara dan susunan yang telah dibuat ketika menabalkan Tuanku Abdul Rahman pada 26 haribulan April, 1934:-

Pukul 2.10 petang Orang Empat Istana mempersilakan Duli Y.M.M. ke Balai Penghadapan, Duli Y.M.M. didahului oleh Orang Empat Istana dan Orang Enam serta Apit Lempang dan pegawai-pejawai dengan alat kebesaran yang berbalut dengan kain kekuning-

kuningan dan diiringi oleh Putera Yang Empat dan Tengku Besar Tam-pin dan anak-anak raja sampai ke Balai Penghadapan. Duli Y.M.M. ber-semayam di atas singgahsana takhta kerajaan, Y.M.M.T. Ampuan mengiring sebelah kirinya, T. Besar dan T. Muda Serting timbalan sebelah kanan, Tengku Laksamana dan Tengku Panglima Besar timbalan sebelah kiri.

Orang Empat dan Orang Enam Istana berdiri di kiri kanan tangga singgahsana dan Apit Lempang memegang alat yang di hadapan, Bentara Dalam berdiri di belakangnya, Bentara Kiri berdiri di tiang kiri singgahsana yang di hadapan dan Bentara Perempuan berdiri di belakangnya.

Apabila mustaid di Balai Penghadapan, maka bangkitlah Dato' Kelana Putera, imam segala Undang bersabda kepada Bentara Kanan demikian:

'Hai Bentara Kanan serukanlah kata kami Undang Yang Empat kepada sekalian rakyat tua dan muda, kaya miskin, hina dina dalam alam Negeri Sembilan ini, adapun pada hari ini kami menabalkan Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Yang Dipertuan Besar T. Muhammad Shah naik takhta singgahsana kerajaan Negeri Sembilan dan kita sekalian menjunjung duli dan iaitu Tuanku Abdul Rahman menggantikan Seri Paduka Ayahandanya yang telah mangkat dan telah dijadikan oleh Undang Yang Empat pada masa sebelum dimakamkan Seri Paduka Aya-handanya kepada hari Khamis 3 haribulan Ogos, 1933'.

Maka Bentara pun bangkit dengan berdiri kaki sebelah kiri dan diangkatkan kaki kanan ditekankan tapaknya pada pelipat kiri serta diangkat tangan yang kanan dihamparkan jarinya melintang di dahunya dan diangkat tangan kiri dihamparkan serta ditumpukan hujung jarinya di pipi kiri berseru dengan nyaring suaranya.

'Hai tuan-tuan sekalian mulia dan hina besar dan kecil tua dan muda, adalah Undang Yang Empat dengan adat istiadat menabalkan Yang Dipertuan Besar Tuanku Abdul Rahman naik di atas singgahsana Takhta Kerajaan Negeri Sembilan.'

Lalu dijawab oleh sekalian yang hadir, "Daulat Tuanku", berturut-turut tiga kali. Dato' Seri Amar Diraja pun menurunkan daulat serta kebesaran pun dikeluarkan daripada sarung kekuning-kuningan.

Selaras itu Dato' Bentara pun menyerulah Undang Yang Empat dan lain-lain Dato' Penghulu Luak dan Lembaga datang mengadap Duli Y.M.M. menurutgilirannya.

Seruan menurunkan daulat yang dibuat oleh Dato' Seri Amar Diraja itu adalah seperti berikut:

*'Bismillahir-rahmanir-rahim,*

*Assalamualaikum Malaikat Hirjah duduk di matahari hidup, tolong pohonkan kepada Allah Subhanahu Wataala hendak menabalkan anak cucu Adam Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad Shah.*

*Assalamualaikum Malaikat Arsyik di kanan langit, tolong pohonkan kepada Allah Subhanahu Wataala hendak menabalkan anak cucu Adam Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad Shah turun bersama-sama.*

*Assalamualaikum Malaikat Arsyik di kiri langit tolong pohonkan kepada Allah Subhanahu Wataala hendak menabalkan anak cucu Adam Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad Shah turun bersama-sama.*

*Assalamualaikum Malaikat Arhud di matahari mati tolong pohonkan kepada Allah Subhanahu Wataala hendak menabalkan anak cucu Adam Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad Shah. Assalamualaikum Malaikat Putih Karinni duduk di tengah bumi, tolong peliharakan dengan baik-baik.*

*Assalamualaikum Jibrail, tolong peliharakan dengan baiknya. Assalamualaikum Israfil tolong peliharakan dengan baiknya. Assalamualaikum Uzrail tolong peliharakan dengan baiknya, Wali Allah Nabi Muhammad s.a.w.'*

Peraturan-peraturan mengenai istiadat tabal dan kemangkatan raja ini tidak ada tertulis secara khusus. Oleh itu bahan rujukan bagi memperkemasan peraturan demikian hanya boleh didapati dari mereka yang arif tentang adat istiadat secara lisan saja.

Dalam menyusun buku ini, saya berpeluang mendapat pertolongan dan bantuan dari Allhyarham Dato' Bentara Dalam Idris, serta keluarganya yang membenarkan catatan-catatan beliau digunakan. Dari susunan di atas ternyata peraturan menabalkan Tuanku Muhammad dan kemudiannya Tuanku Abdul Rahman adalah sama. Bertolak dari sini bolehlah kita tafsirkan bahawa peraturan-peraturan tabal seperti yang dicatatkan oleh Dato' Bentara Dalam Idris adalah adat istiadat turun-temurun di istana Negeri Sembilan.

### **Istiadat Melantik Tengku Ampuan**

Selain dari istiadat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar, diadakan juga istiadat melantik Tengku Ampuan. Menurut peraturan dan adat istiadat di Negeri Sembilan sesiapa sahaja yang menjadi isteri tua kepada Yang Dipertuan Besar, maka beliaulah akan dilantik menjadi Tengku Ampuan.

Sekiranya beliau dari orang kebanyakan, maka beliau akan digelar dengan Encik Puan. Pada masa yang sudah-sudah hanya isteri Yang Dipertuan

dari suku Batu Hampar Sungai Layang atau yang disebut dari Air Kaki Yang Jernih sahaja yang berhak atau dibolehkan menerima gelaran tersebut. Selain dari suku tersebut adalah tidak dibolehkan, kerana suku yang lain itu bukanlah dari kerabat raja yang rapat.

Sebagai kenyataan yang telah terjadi ialah isteri Almarhum Tuanku Muhammad, Yang Mulia Encik Rahah telah tidak dilantik menjadi Encik Puan kerana beliau adalah dari suku yang lain dari Batu Hampar Sungai Layang, walaupun beliau dari suku Batu Hampar juga.

Istiadat lantikan ini adalah dibuat oleh lapan orang Dato'-dato' Penghulu Luak dan juga Dato' Lembaga dari empat Luak. Di bawah ini saya perturunkan selengkapnya istiadat tersebut yang telah dijalankan ketika Tengku Khursiah (Tengku Puan Besar Khursiah) dilantik menjadi Tengku Ampuan pada 21hb. April, 1934 bersamaan dengan 6hb. Muhamram, 1353 Hijrah:-

“... Berkennaan dengan istiadat hendak melantik Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Negeri Sembilan ini mengikut sebagaimana aturannya, Penghulu Tanah Mengandung meminta kepada Orang Empat Istana yang memegang kunci bunian kata adatnya, siapa isteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang patut akan diangkatkan kepada gelaran Yang Maha Mulia Tengku Ampuan, maka Orang Empat pun menyatakan salah seorang daripada isteri Duli Yang Mulia yang patut dan layak diangkatkan kepada gelaran itu kepada Penghulu Tanah Mengandung.

Maka Penghulu Tanah Mengandung pun bersebulat mengadap Kebawah Duli Yang Mulia memohonkan persetujuan yang Paduka Adinda (Tengku Khursiah) itu patik pohonkan titah diangkat bergelar Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Negeri Sembilan, maka apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bersetuju lalu ditetapkan harinya akan diperbuat, hal demikianlah adanya...”

Begitulah bunyinya peraturan melantik Tengku Ampuan seperti ditegaskan dalam buku catatan istana mengenai perlantikan seseorang Tengku Ampuan Negeri Sembilan. Sepertimana istiadat yang telah dijalankan semasa perlantikan Tengku Ampuan Khursiah dulu, di bawah ini diperturunkan aturan istiadat yang dijalankan oleh Dato'-dato' yang berkennaan:-

- |                  |   |
|------------------|---|
| Pukul 8.00 pagi: | Dipasang 16 pucuk meriam di atas bukit Seri Indera memberitahu alamat angkatan pekerjaan – dipasang – serta alat kebesaran diturunkan.    |
| Pukul 8.15 pagi: | Dato'-dato' yang berjawatan dalam istana mengambil dan memegang jawatan masing-masing.  |
| Pukul 8.30 pagi: | Orang Empat Istana, Orang Enam, Apit Lempang, Orang Besar Lingkungan, waris serta Air Kaki Lingkungan dan Pegawai Sembilan Puluh Sembilan |

dengan alat kebesaran pergi ke Istana Baruh kerana mempersilakan Yang Amat Mulia Tengku Khursiah yang akan dilantik itu.

- Pukul 9.45 pagi: Yang Amat Mulia Tengku Khursiah diiringi oleh Anak-anak Putera para puteri, Dato'-dato' dan Air Kaki Lingkungan berangkat dari Istana Baruh arah ke Istana Lama dengan diiringi oleh pancaragam Melayu.
- Pukul 10.30 pagi: Yang Mulia Tengku Khursiah sampai ke Istana Lama serta dipersilakan bersemayam di hadapan singgahsana pada tempat yang dikhaskan.
- Pukul 10.31 pagi: Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan diiringi oleh Yang Berhormat Tuan British Resident berangkat dari anjung istana arah ke singgahsana bersemayam pada tempat yang dikhaskan serta Duli Yang Maha Mulia bertitah menjunjunggelaran Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Negeri Sembilan kejemala Yang Amat Mulia Tengku Khursiah, lepas daripada Duli Yang Maha Mulia bertitah itu Y.M.M. Tengku Ampuan menjunjung duli mencium tangan ke bawah Duli Y.M.M. lepas itu Duli Y.M.M. bersemayam balik pada tempatnya dan Y.M.M. Tengku Ampuan dipersilakan naik ke atas singgahsana. Y.A.M. Tengku Puteri timbalan sebelah kanan, Y.A.M. Tengku Dara timbalan sebelah kiri, Orang Empat Istana duduk di kanan dan di kiri tangga singgahsana.

Setelah mustaid, istiadat mengadap dimulai, Bentara Dalam berdiri di tepi sebelah hadapan singgahsana seraya berseru memanggil Dato'-dato' yang mengadap menjunjung duli, demikian bunyinya:

"Dato' (namanya dan gelarannya) Orangkaya Luak (nama Luak pemerintahannya) titah memanggil tampilah mengadap menjunjung duli..." demikianlah seterusnya kepada Dato'-dato' yang lain.

### Gelaran Dato'-Dato' Yang Mengadap

- |                                       |                                |
|---------------------------------------|--------------------------------|
| 1. Dato' Setia Maharaja Lela Pahlawan | - Orangkaya Luak Hulu Muar.    |
| 2. Dato' Anjah Pahlawan               | - Orangkaya Luak Jempol.       |
| 3. Dato' Lela Putera Sitiawan         | - Orangkaya Luak Terachi.      |
| 4. Dato' Sitiawan                     | - Orangkaya Luak Gunung Pasir. |
| 5. Dato' Sitiawan                     | - Orangkaya Luak Linggi.       |
| 6. Dato' Sitiawan                     | - Orangkaya Luak Inas.         |

7. Dato' Sitiawan
  8. Dato' Sitiawan
- Orangkaya Luak Gemenchih.  
– Orangkaya Luak Air Kuning.

### Lembaga Yang Mengadap

1. Dato' Baginda Maharaja
  2. Dato' Seri Maharaja
  3. Dato' Paduka Besar
  4. Dato' Senara Muda
  5. Dato' Orangkaya Bongsu
- Serampu Lembaga Luak Muar.  
– Lembaga Yang Empat Luak Muar.

### Lembaga Luak Jempol

1. Dato' Lela Raja.
2. Dato' Seri Amar Menteri.

### Lembaga Luak Terachi

1. Dato' Raja Dimuda.
2. Dato' Menteri Maharaja.

### Lembaga Gunung Pasir

1. Dato' Paduka Seri Maharaja.
2. Dato' Setia Lela.

### Istiadat Penghulu-penghulu Mengadap

Istiadat Dato'-dato' Penghulu mengadap ini telah mula dijalankan pada tahun 1898 iaitu ketika Yamtuan Muhammad ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan oleh Undang Yang Empat. Sebelum itu telah juga diadakan mengadap tetapi tidaklah dilakukan secara istiadat seperti yang ada sekarang ini.

Setelah perjanjian di antara Undang dengan Yamtuan dibuat pada tahun 1898, maka Undang Yang Empat ini tidaklah lagi mengadap ke Seri Menanti seperti yang dilakukan oleh undang-undang yang terdahulu.

Dato'-dato' yang mengadap itu hanya terbatas kepada Dato'-dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung dan juga Penghulu-penghulu Luak Gemencheh, Air Kuning dan Dato' Muda Linggi sahaja. Istiadat ini dilakukan tiap-tiap tiga tahun sekali dan biasanya diadakan pada tiap-tiap lepas Hari Raya Haji.

Peraturan dan cara-cara mengadap serta lain-lain istiadatnya adalah sama sahaja dengan peraturan dan istiadat yang dijalankan tatkala Undang Yang Empat menabalkan semula Yamtuan Muhammad menjadi Yang Dipertua-

tuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1898 seperti yang telah dijelaskan terdahulu.

Di bawah ini diperturunkan salah satu peraturan yang telah dibuat tatkala istiadat Penghulu mengadap ini yang dijalankan pada 2hb. Ogos, 1923 bersamaan hari Khamis 19hb. Zulhijah, 1341. Istiadat ini telah dijalankan selama tiga hari.

## Pendahuluan

Bahawasanya adalah peraturan istiadat penghulu-penghulu mengadap menjunjung Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan di Istana Besar Seri Menanti pada dua tahun ketiga itu telah sampai lah had ketikanya pada Hijrah 1341 berbetulan dengan tahun Masihi 1923 ini.

Maka di dalam aturan yang lazim dan biasa 'adalah hari Penghulu-penghulu mengadap itu ialah pada 20 haribulan Zulhijah'.

Maka pada angkatan dan pekerjaan yang kali ini, hari yang dibiasakan itu jatuh kepada hari Jumaat (hari yang dibesarkan oleh kaum Islam) oleh itu dengan titah Duli Yang Maha Mulia diubah kepada hari Sabtu 21hb. Zulhijah Sunnah 1341.

## Aturan Pekerjaan

Maka adalah kepada hari Ahad pukul 10.30 pagi 10 haribulan Jun, 1928 telah diadakan 'mesyuarat kerabat' di Balai Penghadapan kerana merundingkan perkara akan diperbuat di dalam alat kerja bagi ulangan Penghulu-penghulu mengadap, maka di dalam majlis itu telah hadir:

1. Duli Y.M.M. Tuanku Yang Dipertuan Besar, Yang Dipertua.
2. Yang Amat Mulia Tunku Besar Burhanuddin, chief committee.
3. Yang Amat Mulia Tunku Laksamana Abu Bakar, chief committee.
4. Yang Amat Mulia Tunku Panglima Besar Abdul Kahar, chief committee.
5. Yang Amat Mulia Tunku Alang Mahmud, chief committee.
6. Yang Berhormat Mulia Tunku Zakariah, Setiausaha.
7. Yang Berhormat Dato' Setia Maharaja Lela Pahlawan.
8. Yang Berhormat Dato' Lela Putera Sitiawan Abdul Wahab, Jempol.
9. Yang Berhormat Dato' Sitiawan Basir, Gunung Pasir.
10. Dato' Seri Amar Maharaja Sujud, Orang Empat Istana.
11. Dato' Raja Dewangsa Yahya, Orang Empat Istana.
12. Dato' Penghulu Dagang Lati, Orang Empat Istana.
13. Dato' Akhir Zaman Bakat, Orang Empat Istana.

14. Dato' Panglima Garang Idris, Orang Besar Lingkungan.
15. Encik Muhammad Said, jurutulis dan kerani mesyuarat.

Kemudian dari mengambil persetujuan daripada beberapa perkara yang akan diperbuat kelak, telah diangkat jawatankuasa bagi tiap-tiap satu-satu perkara seperti yang tersebut di bawah ini:

#### **Jabatan (Pegangan)**

1. **Hakim:** Yang Amat Mulia Tunku Besar Burhanuddin.
2. **Tumpuan Raya:** Yang Amat Mulia Tunku Laksamana Abu Bakar.
3. **Pengatur Pekerjaan:** Yang Amat Mulia Tunku Laksamana dan Dato' Penghulu Sulaiman.
4. **Penyimpan Wang:** Yang Berhormat Mulia Tunku Zakaria.
5. **Pendaftar Masuk Dan Keluar:** Encik Muhammad Said.
6. **Pemeriksa Kira-kira Wang:** Encik O.H. Grobe, Pegawai Daerah Kuala Pilah.
7. **Pembeli Barang-barang:** Yang Amat Mulia Tunku Alang Mahmud dan Dato' Panglima Sutan Hassan.
8. **Pendaftar Jemputan:** Panglima Garang Idris.
9. **Pengalu-alu:** Edikong (A.D.C) kepada Yang Maha Mulia.

#### **Aturan Istiadat**

Bahawasanya adalah istiadat bagi angkatan Penghulu-penghulu meng-adap dan perkara yang bersabitan dengannya diaturkan dan ditentukan per-edaran masanya di bawah ini:

(Peraturan ini diputarkan dengan sederhana) adanya.

1. Hari Khamis 19 Zulhijah 1341 bersamaan dengan 2 haribulan Ogos, 1923:
  - a) Pukul 10 pagi berhimpun Orang Besar Empat – Pegawai Yang Enam – Apit Lempang – Orang Besar Lingkungan – dan Pegawai Sembilan Puluh Sembilan di dalam istana mengambil dan memegang jawatan masing-masing kerana memasang angkatan dan alat jamu Yang Maha Mulia.
  - b) Pukul 2 petang dibunyikan alamat 16 pucuk meriam di Bukit Gitan Sinaran Indera alamat angkatan dipasang. 2) temasya di padang besar bagi kanak-kanak Sekolah Seri Menanti, Gunung Pasir dan Kampung Tengah.
  - c) Pukul 4.30 petang, permainan sepak raga bagi putera-putera, Seri Menanti, Kampung Juar, Merual dan Kampung Tengah.

- d) Pukul 8.30 malam, jamuan putera dan Undang di Balai Persinggahan, jamuan puteri-puteri di rumah Encik Rahah, jamuan Lembaga-lembaga di Telapakan Undang masing-masing, jamuan orang ramai di Balai Panjang.
2. Hari Jumaat 20 Zulhijah bersamaan 3 Ogos.
- Pukul 9 pagi hingga 9.15 pagi temasya kanak-kanak di padang besar.
  - Pukul 11.20 pagi Duli Yang Maha Mulia berangkat bersiram di Panca Persada Tanjung Beringin dengan perarakan Raja di Raja serta dipasang 16 pucuk meriam dengan menerima dan melalui sambutan kawalan kehormatan tentera Melayu (M.V.I).
  - Pukul 12.30 jamuan kepada putera-putera dan Tuan-tuan serta Memmem di Istana Pembesar (maksudnya pegawai-pegawai kulit putih dan isteri – p).
  - Pukul 4.15 petang permainan sepak raga Gunung Pasir, Ulu Pilah dan Guru-guru.
  - Pukul 5.15 petang Duli Yang Maha Mulia mengurniai hadiah kepada beroleh kemenangan dalam permainan.
3. Hari Sabtu 21 Zulhijah 1341 bersama 4 Ogos,
- Pukul 9 pagi sekalian putera-putera dan Orang-orang Besar berhimpun di istana kerana bersedia menyambut kesampaian Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
  - Pukul 10.30 pagi, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi (High Commissioner) patut sampai (tetapi oleh kerana pekerjaan yang mustahak baginya) tiadalah ia dapat hadir, jadinya Yang Berhormat Tuan E.S. Hose Pemangku Chief Secretary Negeri-negeri Melayu Bersekutu sampai dalam waktu yang ditentukan itu ke istana, lalu menerima dan memeriksa pasukan kehormatan tentera Melayu di pintu gerbang.  
Kemudian Tuan Yang Berhormat itu dengan motokar kenaikannya (kereta rasmi – p) mengambil jalan sebelah kiri datang terus ke istana, disongsong dan disambut oleh Yang Amat Mulia Tunku Laksamana Abu Bakar (A.D.C) naik ke istana. A.D.C mempersilakan Yang Maha Mulia di mahligai lalu berangkat ke anjung istana berjumpa dengan Tuan Yang Berhormat dan dif-dif yang hadir.
  - Pukul 10.40 pagi segala Dato' (Undang Tanah Mengandung) Penghulu Inas, Gemenchih, Air Kuning, dan segala Lembaga-lembaga berhimpun di Balai Penghadapan.
  - Pukul 11 pagi Duli Yang Maha Mulia diiringkan oleh Tuan Yang Berhormat Chief Secretary, Pegawai-pegawai Kerajaan, Putera-putera, Puteri-puteri dan Orang-orang Besar berangkat ke Balairung Seri langsung memeriksa sambutan kawalan kehormatan.

- e) Pukul 11.30 pagi Duli Yang Maha Mulia bersemayam di singgahsana, Yang Amat Mulia Tunku Besar timbalan sebelah kanan, Yang Amat Mulia Tunku Laksamana timbalan sebelah kiri.

Bentara Dalam berdiri sama tengah Balairung Seri sambil berseru memanggil Penghulu-penghulu yang mengadap menjunjung duli demikian bunyinya:-

"Hai Dato' Setia Maharaja Lela Pahlawan Orangkaya Luak Ulu Muar, titah memanggil dampinglah mengadap menjunjung duli." Dato' Muar bertelut menjunjung duli.

#### Gelaran Dato'-Dato' Yang Mengadap:

1. Dato' Setia Maharaja Lela Pahlawan - Orangkaya Luak Ulu Muar.
2. Dato' Lela Putera Sitiawan - Orangkaya Luak Jempol.
3. Dato' Anjah Pahlawan - Orangkaya Luak Terachi.
4. Dato' Sitiawan - Orangkaya Luak Gunung Pasir.
5. Dato' Sitiawan - Orangkaya Luak Inas.
6. Dato' Sitiawan - Orangkaya Luak Gemenchih.
7. Dato' Sitiawan - Orangkaya Luak Air Kuning.
8. Dato' Sitiawan - Orangkaya Luak Linggi.

#### Lembaga-lembaga Yang Mengadap:

1. Dato' Baginda Maharaja - Serampu Lembaga Luak Muar.
2. Dato' Paduka Besar - Lembaga Empat Luak Muar.
3. Dato' Seri Maharaja - Lembaga Empat Luak Muar.
4. Dato' Seri Nara Muda - Lembaga Empat Luak Muar.
5. Dato' Orangkaya Bongsu - Lembaga Empat Luak Muar.

#### Lembaga Luak Jempol:

1. Dato' Lela Raja.
2. Dato' Seri Amar Menteri.
3. Dato' Raja Di Muda.
4. Dato' Menteri Maharaja.
5. Dato' Paduka Seri Maharaja.
6. Dato' Setia Lela.

Demikianlah peraturan adat dan istiadat Penghulu-penghulu mengadap yang dijalankan tiap-tiap tiga tahun sekali itu. Meskipun sedikit-sedikit perubahan ada berlaku dengan istiadat yang dijalankan sekarang ini, tetapi soal pokok istiadat itu tidaklah berubah; yang berubah hanya susunan dan peraturannya sahaja dari kurang kemas kepada yang lebih kemas dan teratur lagi."

Istiadat Penghulu-penghulu mengadap pada tahun 1961 telah dijalankan serentak dengan istiadat pertabalan Duli Yang Maha' Mulia Tuanku Munawir (Almarhum) yang dilangsungkan pada 17hb. April, 1961.

### Hak Raja Dan Pantang Larangnya

Telah menjadi adat kepada raja-raja Melayu yang memerintah secara kuku'besi pada zaman dahulu dan telah masyhur dalam hikayat dan sejarah Melayu, maka begitu jugalah dengan keadaan Raja-raja di Negeri Sembilan. Mereka mempunyai hak istimewa yang tidak boleh dimiliki oleh orang lain, melainkan seorang yang telah ditentukan menjadi hak miliknya itu mestilah diserahkan kepadanya, walaupun benda-benda itu dipunyai oleh seorang rakyat yang miskin. Bagi rakyat jelata yang menumpukan penuh taat setianya, tidak pula keberatan bahkan menjadi satu kemegahan pula kepadanya menyerahkan harta bendanya yang sudah menjadi adat itu kepada rajanya.

Selain dari hak istimewa raja-raja itu ada pula yang menjadi pantang larang. Apa-apa saja yang telah ditentukan menjadi pantang larang yang hanya dibolahkan kepada raja sahaja itu, tidak dibenarkan sesiapa pun memakai atau memiliki. Sekiranya ada di antara rakyat jelata yang berani melanggarinya, maka akan buruklah padahnya. Mereka dianggap sebagai derhaka; bagi seseorang yang derhaka akan menerima hukuman yang berat dan seimbang dengan kecil besar kesalahan atau penderhaakan yang dilakukannya. Biasanya ia akan menemui mata keris atau mata pedang sebagai pembalasannya.

Satu perkara lagi adat yang buruk dijalankan pada masa pemerintahan Raja-raja Melayu ketika itu ialah 'adat mempunyai teman (hamba)'. Seseorang yang berharta pada masa itu ada mempunyai teman (hamba) yang boleh disuruh arah, dan membuat pekerjaan apa sahaja yang diperintah. Selain dari menjadi hamba abdi, mereka dianggap oleh masyarakat sebagai seorang bertaraf rendah dan hina. Tidak boleh makan sejambar (sehidangan), tidak boleh duduk bersama-sama di atas rumah bila diadakan kenduri kendera. Tempatnya pada masa itu adalah di bawah rumah atau di tempat memasak yang dipanggil 'pepalas'. Kerjanya ialah untuk mengangkut air, mengapak kayu, menjaga kukusan dan sebagainya.

Keturunan mereka dilarang berkahwin dengan anak-anak orang lain selain dari mereka sesama keturunan teman sahaja. Adalah diharamkan sama sekali mereka menyandang pusaka, seumpamanya menjadi Buapak, Dato' Lembaga dan sebagainya.

Tetapi seperti kata pepatah 'sekali air bah, sekali pasir berubah, sekali raja mangkat, sekali adat beralih'. Hak istimewa raja-raja dan memiliki teman (hamba) yang telah diamalkan semenjak bertahun-tahun itu telah dihapuskan dengan perisyiharan yang dibuat oleh Almarhum Tunku Muhammad Shah pada 8 haribulan Mac, 1904.

Pantang larang yang khas kepada anak-anak raja sahaja itu telah mansuh dengan sendirinya ditelan masa, kerana sebahagian besar dari perkara-perkara

larangan itu telah dianggap oleh golongan muda sekarang ini sebagai satu perkara yang tidak munasabah lagi, dan tidak memberikan apa-apa makna pun.

Di bawah ini saya perturunkan hak-hak istimewa dan pantang larang itu:

1. Kerbau jantan badul – kerbau yang tanduknya bengkok ke bawah lepas dari telinganya.
2. Kerbau jantan sinar matahari. – kerbau yang tanduknya lurus ke kiri ke kanan ataupun salah satu antara keduanya.
3. Kerbau jantan sinat matahari. – kerbau jantan yang tanduknya mengadap ke hadapan, atau kepala atau tanduknya berwarna merah.
4. Kerbau bungkal gantih – kerbau yang hujung tanduknya merupakan sebiji buah.
5. Kerbau canggai puteri – kerbau yang jangki atau kukunya lentik atau berkaluk.
6. Kerbau buluh seruas – kerbau yang kukunya tidak pecah.
7. Kerbau sopak muncung – kerbau yang ada putih warna muncungnya.
8. Kerbau bintang – kerbau yang bertompok-tompok putih di badannya yang merupakan seolah-olah bintang.
9. Kerbau bara api – kerbau yang kulitnya merah seperti kain kesumba.
10. Kerbau kumbang berteduh – kerbau yang besar di bawah pangkal ekornya, kerbau ini juga dipanggil sumbat labu.
11. Kerbau pangkah keneng – kerbau yang ada warna putih melintang di kenengnya.
12. Kerbau berpunca ekor – kerbau yang ada warna putih di hujung ekornya.
13. Kerbau tepuk lalat – kerbau yang kembang bulu di hujung ekornya.
14. Kerbau-kerbau yang menyalahi adat kerbau – kerbau-kerbau yang luar biasa keadaan bentuk badan atau tandanya yang ada pada badan dan tanduknya.

Semua kerbau-kerbau yang sifat-sifat tersebut di atas, yang ada dimiliki oleh sesiapa hendaklah diserahkan kepada raja dan menjadi tanggungjawab kepada Buapak dan Dato'-dato' Lembaga mengawasi anak-anak buahnya

yang ada memiliki kerbau-kerbau mempunyai tanda tersebut supaya jangan mendiamkan diri atau melarikan dari pengetahuannya.

Hanya kerbau saja yang tertakluk kepada pantang larang ini, mungkin ianya merupakan ternakan utama kepada masyarakat Melayu. Malah kerbau juga merupakan lambang kekayaan kepada individu masyarakat Melayu di masa lampau. Misalnya ukuran kekayaan seseorang itu terletak kepada berapa banyak kerbau ternakannya.

Di dalam buku 'Sejarah Melayu' juga digambarkan bahawa kekayaan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir peri banyaknya kerbau ternakannya. Kononnya, apabila anak-anak buahnya pergi berburu ke hutan tetapi tidak berhasil, maka mereka akan singgah ke kandang kerbau Bendahara lalu menyembelih beberapa ekor yang mereka mahu. Berapa banyak pun mereka menyembelih kerbau Bendahara itu tidak perasan kepada Bendahara akan kerbau-kerbaunya sudah kena sembelih. Begitulah peri banyaknya kerbau Bendahara.

Di dalam pantang larang ini tidak pula termasuk lembu dan kambing. Sama ada ternakan ini tidak dikira penting kepada pihak raja, tidaklah dapat difahamkan. Bagaimanapun masalah pantang larang ini termasuk juga mengenai rumah, pakaian dan perhiasan. Di dalam buku 'Kanun Melaka' juga ada disebutkan tentang bentuk rumah, pakaian dan perhiasan yang tidak dibenarkan rakyat jelata memakainya.

Demikianlah dalam peraturan raja-raja di Negeri Sembilan, terdapat juga pantang larang dalam mendirikan rumah, agar ianya tidak bercanggah dengan hiasan atau bentuk-bentuk ukiran yang terdapat di istana.

#### Rumah-Rumah Yang Dilarang Mengikut Peraturan Adatnya:

1. Papan gendeng berdaun budi – papan gendeng rumah (tumpuan kasau) yang dibuat di antara atap bumbung dengan atap serambi yang berukir-ukir awan larat, berdaun budi bererti satu jenis ukiran.
2. Gajah menyusu – anjung rumah yang bertingkat (tinggi dari lantai serambi).
3. Naga-naga – tunjuk langit yang dua lapis di kiri dan di kanan rumah, tabir layarnya dipasang condong ke dalam.
4. Puyuh berlaga – hujung serambi dan pangkal serambi bertingkat (tinggi dari lantai).
5. Pintu sepak – tudung pintu yang dibuat dua lapis.
6. Pintu di tengah-tengah rumah – pintu rumah yang dibuat di tengah-tengah rumah (serambi), biasanya

- rumah-rumah orang ramai pintunya dibuat agak sebelah tepi sedikit.
7. Serambi berkeliling
  8. Panjang seorang atau kambing berlaga, juga dipanggil bendul mancung
  9. Gajah berjuang
  10. Lebah mengirap
  11. Selasar kuah
  12. Tangga gantung
  13. Tangga bertingkat
  14. Rumahtangga
  15. Mahligai
  16. Gerai atau geta bertingkat
  17. Dapur bandung
  18. Rumah melintang
  19. Rumah bertingkat
  20. Sawa melampai
  21. Lengkiang (rumah kepuk)
- rumah yang dibuat serambi keliling rumah.  
– hujung bendul yang dikerat serong.
- anjung rumah yang dibuat bertingkat dan bertentangan dengan dapur yang juga dibuat bertingkat.  
– dinding serambi yang sebelah atas dibuat kisi-kisi.
- pepalas yang dibuat di hadapan rumah, dibuat pula tempat duduk yang bertingkat-tingkat dan digunakan kerana tempat tari inai (berinai) dalam masa perkahwinan.  
– tangga yang dibuat dalam rumah untuk naik atas peran atau tingkat atas.
- tangga yang terletak di atas lantai rumahtangga.  
– tangga yang dibuat rumah sebagai anjung.  
– rumah yang besar menyerupai istana.
- tempat tidur yang dibuat bertingkat-tingkat berhampiran dan rapat dengan katil.  
– rumah dapur yang dibuat dua buah banguan bersambung.
- rumah yang didirikan tidak mengadap ke sungai atau melintang alur air.  
– rumah yang dibuat dua atau tiga tingkat atau lebih.
- tabir layar yang berukir-ukir atau bertirai-tirai awan larat.  
– rumah kepuk yang dibuat silang gunting atau terbut.

22. Pintu gerbang (pintu bergubah) – pintu gerbang yang dibuat di pintu pagar.
23. Gunung bertingkat – tempat duduk Undang atau penghulu yang dipanggil 'Raja Di Muda' dibuat dari tilam dan di belakangnya pula ada dibuat rangka yang berupa pucuk rebung.

Inilah 23 pantang larang bagi sesiapa saja rakyat jelata mahu mendirikan rumah, supaya tidak menyerupai rumah-rumah kepunyaan kerabat diraja. Sistem kasta yang terkenal di India itu mungkin meresapi masyarakat Melayu, memandangkan pengaruh Hindu pernah bertapak kuat di Alam Melayu sekitar abad ke-3 iaitu di zaman Kerajaan Seri Wijaya dulu. Pantang larang ini diadakan adalah untuk membezakan taraf kedudukan rakyat jelata dengan golongan diraja.

Malah kedudukan rakyat jelata juga adalah berbeza dengan Dato'-dato' Lembaga dan Buapak. Ada pantang larang yang membataskan kebebasan mereka dengan pembesar-pembesar ini. Misalnya apabila mengadakan kenduri kendara Dato'-dato' Lembaga atau Buapak akan duduk di hidangan yang disediakan di hujung serambi. Di tengah-tengah hidangan itu 'mesti' diletakkan kepala kambing sebagai lambang adat istiadat bertua waris.

Di beberapa tempat aturan demikian sudah mula diketepikan oleh masyarakat Negeri Sembilan. Bagaimanapun dalam upacara-upacara tertentu ianya masih dipelihara sebagai warisan turun-temurun. Pantang larang ini tidak terhad pada bangunan-bangunan yang hendak didirikan, tetapi meliputi juga pakaian sehari-hari.

#### Rakyat Jelata Adalah Dilarang Memakai:

1. Pakai sebolong – pakaian yang satu warna (sedondon) kalau warna hitam, dari songkok atau destar hingga baju, seluar dan samping. Pakaian hitam ini adalah tertentu kepada Dato'-dato' yang berjawatan sahaja.
- Pakaian serba putih, tertentu bagi alim ulama yang dilantik oleh raja memegang satu-satu jabatan umpamanya kadi, imam dan sebagainya.

2. Pakaian kuning – kain yang berwarna kuning; kuning di sini adalah berwarna kuning kunyit, pakaian ini tertentu bagi anak-anak raja sahaja.
3. Bulang luar – bersamping baju ke dalam, disisipkan tumbuk lada atau badik di pinggang.
4. Tanam tebu – memakai keris atau tumbuk lada di hadapan (lurus pusat) sekiranya ada yang memakainya begini bererti memanggil jantan orang (meminta lawan).
5. Menyelampai – memakai kain sarung atau samping yang diselampaikan ke bahu atau diselendangkan.
6. Memakai keris berpedongkok – hulu keris atau tumbuk lada, atau di hujung sarungnya bertatah atau bertutup dengan emas atau perak, tempelan emas atau perak di antara hulu dengan mata keris atau tumbuk lada dipanggil 'berpedongkok'.
7. Tikar belangkat – tikar yang dibuat berlapis-lapis dan bertatah dengan emas atau perak di sudut-sudutnya (tikar belangkat ini ada yang tiga, lima atau tujuh lapis).
8. Destar bertatah atau perak.
9. Destar berkaki atau disebut juga destar Bendahara pulang mandi
10. Caping perak – destar yang pucuknya keluar ke atas empat pucuk.
11. Terapang bertutup ulu atau buntutnya – alat penutup kemaluan (orang ramai hanya dibenarkan dari tempurung sahaja).
12. Larangan memasuki kota istana – di pangkal hulu keris atau tumbuk lada bertutup sama ada dengan emas atau perak, begitu juga di sarungnya, ini dipanggil 'terapang'.
- menyandang kain, mengembang payung, tidak bersamping, tidak berdestar atau bersongkok dan menaiki kenderaan.

(Peringatan: pantang larang di atas dipadankan dari buku 'Papers on Malay Subjects' susunan Encik R.O. Wenstedt dan dibaiki serta ditokok-tam-

bah dengan panduan dari Dato' Seri Amar Diraja Sujud dan Dato' Raja Dewangsa Yunus, Orang Empat Istana – p).

Pantang larang yang dipakai dalam istana Negeri Sembilan mungkin mempunyai beberapa persamaan dengan 'Hukum Kanun Melaka' ataupun 'Hukum Kanun Johor', kerana hubungan pemerintahan kerajaan-kerajaan Melayu masih berkait rapat. Malah seperti yang telah dijelaskan Negeri Sembilan sendiri merupakan sebahagian dari wilayah Johor pada peringkat awalnya.

Misalnya, pakaian serba kuning adalah dilarang digunakan oleh rakyat jelata. Larangan ini terdapat juga dalam 'Hukum Kanun Melaka' dan 'Hukum Kanun Johor'. Pakaian serba kuning hanya dikhaskan untuk kerabat diraja saja. Mengapa pakaian kuning menjadi pilihan kerabat di raja tidak pula diketahui. Tetapi di dalam kasta India, kaum Brahmin yang mempunyai martabat paling tinggi itu selalunya memakai pakaian serba kuning.

Secara umum dapat kita simpulkan bahawa ciri-ciri Hindu masih kekal dalam masyarakat Melayu, walaupun Islam sudah mula bertapak sejak abad ke-13 di Sumatera, kemudiannya berkembang di Melaka pada awal abad ke-15. Malah ada pada bahagian-bahagiannya unsur-unsur Hindu ini disesuaikan pula dengan tamaddun kebudayaan Islam. Hingga sekarang di dalam adat istiadat kita sirih dan puan masih penting memulakan apa jua upacara.

Sebab itulah ciri-ciri di istana Melaka dan di istana Johor di zaman lama-pau, masih dapat dirasakan terjelma dalam pantang larang di istana Negeri Sembilan ini. Bagaimanapun unsur-unsur Minangkabau sedikit sebanyak dapat juga mempengaruhi ciri-ciri Hindu yang negatif terdapat di istana Melaka itu.



*Istana lama di gambar dari rusuk.*



*Ketika lawatan saya pertama kali ke Minangkabau pada bulan Januari 1968. Saya sempat melawat Luak Tanah Datar di mana di daerah inilah terletaknya Istana Pagar Ruyung. Gambar bersama dengan Bupati Bapak Mahyudin Algamar dan isteri serta dua orang Datuk Penghulu.*



*Salah sebuah masjid yang terdapat di daerah Minangkabau, lihatlah bentuknya yang melambangkan cantuman agama dan adat.*

# 9

## BAGINDA YANG DIPERTUAN BESAR

Riwayat hidup Baginda Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan tidaklah dapat dikumpulkan dari sejak Raja Melewar menaiki takhta dalam tahun 1773. Yang dapat dicatatkan hanya sejak Tuanku Abdul Rahman iaitu Yamtuan yang ke-8. Ini disebabkan tidak ada usaha dari mana-mana pihak ketika itu untuk mencatatkan riwayat hidup baginda-baginda yang telah menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan.

Seperti yang telah dijelaskan, bahawa Raja Melewar menaiki takhta dalam tahun 1773 adalah dijemput dari Pagar Ruyung. Baginda ialah putera raja di Pagar Ruyung yang dijemput oleh Penghulu-penghulu di Negeri Sembilan. Bila baginda dilahirkan, dan bagaimana pendidikan yang baginda terima sebelum menaiki takhta tidak dikira penting.

Bagi Penghulu-penghulu Luak ketika itu mereka hanya memerlukan seorang raja bagi mentadbirkan adat dan kedaulatan Luak masing-masing, setelah Sultan Johor tidak berupaya mentadbirkan wilayah mereka. Sebelum kedatangan Raja Melewar kononnya sudah dua orang putera raja dikirimkan dari Pagar Ruyung, tetapi telah tidak dipersetujui oleh Penghulu-penghulu Luak. Mereka telah dihantar balik semula ke Pagar Ruyung.

Dengan yang demikian bukanlah bermakna Penghulu-penghulu Luak menerima sesiapa saja bulat-bulat untuk menaiki takhta. Mereka juga mempunyai pertimbangan sendiri bagi mendapatkan raja yang benar-benar dapat memenuhi kehendak mereka. Akhirnya Penghulu-penghulu berkenaan bersetuju menerima Raja Melewar. Walaupun pada peringkat awalnya berlaku kekecohahan kerana wakil yang dikirim untuk membuat persediaan sebelum Raja Melewar sampai itu belot, namun krisis tersebut dapat diselesaikan dengan adanya sokongan kuat dari Penghulu-penghulu Luak terhadap Raja Melewar.

Selepas Raja Melewar mangkat dalam tahun 1795, sekali lagi Penghulu-penghulu menjemput anak raja dari Pagar Ruyung menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan iaitu Raja Hitam. Baginda menaiki takhta dalam tahun 1795 dan mangkat dalam tahun 1808. Tidak ada juga riwayat mengenai dirinya dis-



*Dato' Shamsuddin bin Naim, Menteri Besar Negeri Sembilan dari Oktober, 1953 hingga April, 1959.*

butkan sebelum menaiki takhta. Bagaimanapun baginda telah dikahwinkan dengan puteri kepada Raja Melewar iaitu Tengku Aishah.

Yamtuhan Raja Hitam telah digantikan oleh Raja Lenggang selepas kemangkatannya. Yamtuhan Raja Lenggang juga adalah putera raja yang dijemput dari Pagar Ruyung. Baginda merupakan raja yang terakhir dijemput oleh Penghulu-penghulu Luak. Riwayat mengenai diri baginda sebelum menaiki takhta juga tidak ada disebutkan.

Baginda mangkat dalam tahun 1824, dan digantikan oleh puteranya Raja Radin (1824 – 1861). Dalam pemerintahan bagindalah berlakunya krisis 'Naning' yang melibatkan Undang Rembau Dato' Nganit dan Raja Ali Yamtuhan Muda Rembau. Dalam krisis Naning ini Raja Ali bersama menantunya Syed Shaaban telah membantu Inggeris mengalahkan Dato' Dol Said di Naning, manakala Dato' Nganit pula membantu Dato' Dol Said.

Dalam tahun 1832 apabila Raja Ali mengisyiharkan dirinya sebagai Yamtuhan Negeri Sembilan, di samping menantunya Syed Shaaban sebagai Yamtuhan Muda Rembau, tidak pula ada disebutkan langkah-langkah yang diambil oleh Baginda Yamtuhan Radin bagi menghukum perbuatan Raja Ali itu.

Malah sepanjang penglibatan Inggeris ke atas Luak-luak di Negeri Sembilan (termasuk Naning), baginda tidak pernah ikut terlibat. Apabila Inggeris mendakwa Naning adalah sebahagian dari Melaka, dan dikehendaki membayar cukai kepada pihak Inggeris di Melaka, tidak ada juga riwayat menyatakan pendirian baginda.

Sebaliknya Dato' Dol Said, Penghulu Naning saja menolak tuntutan Inggeris itu dengan alasan Naning termasuk dalam Luak-luak yang mengamalkan adat perpatih. Penentangan Dato' Dol Said inilah yang menjadi krisis Naning sehingga beliau menyerah diri dalam tahun 1832.

Sebelumnya memang tidak ada tuntutan mengenai Naning dari pihak Belanda yang berkuasa di Melaka. Sebaliknya apabila ditandatangani perjanjian Anglo-Dutch dalam tahun 1824 iaitu pertukaran tanah-tanah jajahan antara Inggeris-Belanda, maka Melaka terpaksa diserahkan oleh Belanda kepada Inggeris. Bermula dari kedatangan Inggeris inilah tuntutan ke atas Naning itu mula ditimbulkan.

Siapakah berhak ke atas Naning tidak pula dipertikaikan ketika itu. Kalau dirujukkan kepada Persekutuan Negeri Sembilan yang menyebut Naning merupakan salah satu Luak yang menyertainya, tentulah boleh dikatakan bahawa Naning itu merupakan Luak di dalam Negeri Sembilan. Tetapi mengapa pembesar-pembesar di Negeri Sembilan tidak terlibat dalam tuntutan Inggeris ke atas Naning ketika itu?

Nampaknya dalam menghadapi bantahan terhadap Inggeris di Melaka hanyalah Penghulu Naning Dato' Dol Said berseorangan. Kemudiannya beliau mendapat sokongan dari Dato' Nganit, Undang Luak Rembau. Dalam tahun 1828 apabila Inggeris mengirim askar-askar Sepui menentang orang-orang Naning dan Rembau, pihak Inggeris telah mengalami kekalahan.

Manakala dalam tahun 1831 pula Inggeris telah mendapat sokongan dari Raja Ali Yamtuan Muda Rembau bersama Syed Shaaban untuk memerangi Dato' Dol Said. Serangan kali kedua dari pihak Inggeris inilah berjaya mengalahkan angkatan perang Naning yang disokong oleh Dato' Nganit. (Di sini timbul kekeliruan, kerana dari buku-buku sejarah yang ditulis oleh orientalis barat menyebut angkatan Dato' Rembau membantu Inggeris menyerang Naning. Dari kajian yang saya buat bukan Dato' Rembau (Undang Rembau iaitu Dato' Nganit) yang membantu Inggeris, sebaliknya Raja Ali Yamtuan Muda Rembau dan menantunya Syed Shaaban. Undang Rembau adalah menyokong Dato' Naning dalam krisis tersebut – p).

Setiap pergolakan yang berlaku kepada Luak-luak di Negeri Sembilan ternyata tidak membabitkan Yamtuan Radin dalam masa pemerintahan baginda. Ketika ini tidak ada krisis istana dengan Dato'-dato' Penghulu seperti di masa pemerintahan Yamtuan Antah. Di sini dapat kita ungkapkan bahawa Dato'-dato' Penghulu masih berkuasa penuh di Luak masing-masing setelah kedatangan raja dari Pagar Ruyung itu.

Riwayat mengenai diri baginda Yamtuan Radin juga tidak ada dicatatkan secara khusus. Baginda mangkat dalam tahun 1861, iaitu satu tempoh yang lama juga memerintah negeri. Takhta Kerajaan Negeri Sembilan kemudianya diambil alih oleh adinda baginda Yamtuan Imam, dan memulakan lembaran baru dalam sejarah takhta Kerajaan Negeri Sembilan, bilamana Yamtuan tidak lagi dijemput dari Pagar Ruyung.

Penglibatan baginda Yamtuan Imam dalam pergolakan di Luak-luak dalam Negeri Sembilan juga tidak ada. Lagipun ketika baginda menaiki takhta dikatakan umurnya juga sudah terlalu tua. Baginda mangkat dalam tahun 1869. Ketika ini pergolakan siasah Inggeris di Negeri-negeri Melayu sudah semakin hebat. Perlombongan di Kuala Lumpur sudah mula dibuka dengan meluas. Yap Ah Loy yang pernah menjadi pelombong di Sungai Ujung juga sudah berpindah ke Kuala Lumpur.

Tetapi di Negeri Sembilan ketika di bawah pemerintahan Yamtuan Imam tidak ada disebutkan apa-apa peristiwa penting berlaku di Negeri Sembilan. Riwayat mengenai diri baginda juga tidak banyak diketahui orang.

Takhta Kerajaan Negeri Sembilan mula bergolak selepas kemangkatan Yamtuan Imam. Akibatnya antara tahun 1869 hingga 1872 takhta Kerajaan Negeri Sembilan terpaksa dipangku oleh Tengku Ampuan Intan iaitu balu kepada Yamtuan Radin. Dalam tahun 1872 barulah Yamtuan Antah menaiki takhta. Bermula dari zuriat bagindalah takhta kerajaan Negeri Sembilan dipusatkan turun-temurun.

Riwayat baginda sebelum menaiki takhta tidak ada dicatatkan secara khusus. Sebaliknya setelah baginda menaiki takhta timbulah krisis dengan Dato' Kelana Putera Syed Abdul Rahman di Sungai Ujung. Bermulalah pergolakan ke atas takhta Kerajaan Negeri Sembilan sebenarnya, sehingga Inggeris menunggu peluang untuk campur tangan.



D.Y.M.M. Tuanku Antah, gambar ini diambil di Singapura  
antara 1874 – 1875.

Dalam masa pemerintahan baginda Yamtuan Antah (1872 – 1888) krisis benar-benar meruncing. Baginda hanya diiktiraf sebagai Yamtuan Seri Menanti saja. Kemudiannya selepas baginda mangkat dalam tahun 1888, barulah kekuasaan Yamtuan meliputi seluruh Negeri Sembilan dapat dipulihkan semula oleh anakanda baginda Yamtuan Tuanku Muhammad Shah.


### Tuanku Muhammad Shah (1888 – 1933)

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhammad Shah ibni Tuanku Antah diputerakan pada malam Ahad, pukul 8.00 pada 25hb. April, 1865 bersamaan pada tahun Hijrah 1282, 13 haribulan Rejab. Mengenai diri baginda ada dicatatkan:

1. Bergelar Tengku Putera pada tahun 1870.
2. Bergelar Tengku Besar pada tahun 1882.
3. Masuk ke High School (English) Melaka, 27 Zulhijah 1303 bersamaan 25 September, 1886.
4. Naik menjadi Raja, Yang Dipertuan Seri Menanti pada 7 Safar 1305 bersamaan dengan T.M. 1888.
5. Naik menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 8 Zulhijah 1315 bersamaan dengan 29 haribulan April, 1898.
6. Menandatangani perjanjian bersekutu dengan empat buah negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan pada 12 haribulan Jun, 1895 bersamaan dengan 18 haribulan Zulhijah 1312.
7. Dikurniakan bintang C.M.G. pada tahun 1894 dan bintang K.C.M.G. pada tahun 1916.
8. Pada 10.7.1925 mendapat bintang K.C.V.O. dan pada 1hb. Januari, 1931 mendapat bintang G.C.M.G., semua bintang-bintang tersebut dari Baginda Queen dan King Inggeris.

Almarhum Tuanku Muhammad Shah ibni Almarhum Tuanku Antah telah beristeri seramai tiga orang, dua orang dari anak-anak raja dan seorang dari orang kebanyakan. Almarhum mempunyai empat orang putera, dan tidak ada seorang pun puteri. Puteranya yang sulung bernama Tengku Abdul Aziz, mangkat dalam tahun 1914.

Salasilah keturunannya adalah sebagai berikut:



Tuanku Muhammad

x Tengku Puan Chik  
(bergelar Tengku Puan Serting)

Tuanku Abdul Rahman  
(Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Ke-8 dan Yang di-Pertuan Agong Malaysia Pertama)



*Tuanku Abdul Rahman semasa menjadi Yang Di-pertuan Agong yang pertama bertitah di upacara pembukaan Sidang Dewan Rakyat.*

Tuanku Muhammad

x Encik Puan Rahah

Tengku Nasir  
(Tengku Panglima Besar)

Tengku Muhammad Alam Shah



D.Y.M.M. Tuanku Muhammad tahun 1903.

Almarhum telah berangkat ke England pada 5 haribulan Mei, 1925 dengan diiringi oleh Yang Amat Mulia Tengku Laksamana Abu Bakar juru-iring baginda, Yang Amat Mulia Tengku Muda Abdul Rahman putera baginda, Yang Mulia Tengku Achap, Yang Mulia Raja Aman, Dato' Seri Amar Diraja Sujud Orang Empat Istana dan Panglima Garang Idris bin Bador, ketika baginda mengadap Baginda King George ke-V. Masa inilah baginda dianugerahkan bintang K.C.V.O. itu.

Pada 1 haribulan Ogos 1933 Duli Yang Maha Mulia mangkat pada jam 2.45 petang di Istana Besar Seri Menanti, dan dimakamkan pada hari Khamis 3 haribulan Ogos, 1933.

Ketika mudanya baginda sangat suka menunggang kuda, tambahan pula jalan-jalan raya ketika itu belum ada. Ke mana-mana saja baginda berangkat adalah dengan menunggang kuda; kadangkala dengan kereta kudanya. Baginda juga sangat suka bermain sepak raga, gasing, mengadu kerbau dan menyabung ayam. Inilah menjadi kesukaan baginda di masa usia mudanya.

Selain dari itu baginda sangat suka kepada bercucuk tanam dan berternak binatang. Terdapat juga binatang-binatang liar yang dipelihara baginda seperti harimau, beruang, rusa, jenis burung-burung dan lain-lain. Ketika hayatnya baginda melarang keras orang ramai menembak atau menganiaya burung-burung balam atau merbuk. Memikat balam adalah kesukaan baginda juga.

Dalam pergaulan dengan rakyat baginda tidak memilih dan memandang kepada taraf seseorang. Baginda juga amat peramah dan mudah mesra dengan sesiapa saja. Menurut cerita orang-orang tua yang berkawan baik dengannya, baginda adalah seorang yang gagah perkasa, berani, kacak dan segak perwata-kannya.

Baginda juga dikatakan mempunyai ilmu kebatinan serta kebal. Kononnya baginda tidak lut ditikam atau ditetak dengan senjata tajam. Begitu juga tidak dimakan oleh peluru. Baginda juga adalah salah seorang Raja yang mencadangkan supaya tanda-tanda khas (Malay Reservation diuntukkan atau diasingkan bagi orang-orang Melayu). Jasa baginda yang paling besar kepada negara kita ialah usaha gigihnya memperjuangkan penubuhan Askar Melayu.

Sejak tahun 1913 lagi baginda telah menyuarakan di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan supaya ditubuhkan Pasukan Askar Melayu bagi mempertahankan negara ini. Dengan sokongan Sultan Alang Iskandar (Perak), Dato' Undang Rembau Abdullah bin Dahan dan Raja Dihilir Perak, Raja Chulan, akhirnya Askar Melayu ditubuhkan. 1hb. Mac, 1933 lahirlah Askar Melayu percubaan seramai 25 orang. Lima bulan kemudian baginda pun menutup matanya setelah dapat melihat kejayaan hasil perjuangannya selama ini.

#### Tuanku Abdul Rahman (3.8.1933 – 1.4.1960)

Saya memang bercadang untuk mengumpulkan bahan mengenai riwayat hidup Almarhum Tuanku Abdul Rahman lebih lengkap lagi, kerana baginda

bukan saja merupakan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, tetapi juga merupakan Yang di-Pertuan Agong pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu merdeka yang kita kenali sekarang Malaysia. Semasa hayatnya, baginda telah pun memberikan keizinan kepada saya bagi mengumpulkan sejarah hidupnya untuk dijadikan sebuah buku.

Cita-cita saya ini tidak dapat diteruskan disebabkan kemangkatan baginda dan keuzurannya beberapa lama. Saya telah bercadang hendak menerbitkannya ketika menyambut Jubli Peraknya yang telah ditetapkan akan diadakan pada penghujung tahun 1959, sayangnya masa tidak mengizinkan saya berbuat demikian. Walau bagaimanapun Insya-Allah saya akan teruskan usaha menyusun buku riwayat hidup Almarhum ini.

Secara ringkas dapatlah dituliskan serba sedikit mengenai riwayat baginda di sini. Sembilan belas tahun sebelum Almarhum Tuanku Abdul Rahman menaiki singgahsana takhta Kerajaan Negeri Sembilan baginda adalah menjadi Pegawai Tadbir Melayu (MAS) dalam pentadbiran kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu. Baginda memulakan khidmatnya sebagai Pegawai Melayu di Federal Secretariat, Kuala Lumpur dalam tahun 1914.

Semenjak tarikh tersebut baginda terus-menerus berkhidmat dalam jawatan kerajaan di Negeri Sembilan, Selangor dan Perak hingga baginda naik takhta dalam tahun 1933. Dengan yang demikian pengalaman baginda sebagai seorang pentadbir memanglah luas.

Diputerakan pada 24hb. Ogos, 1895, baginda memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Kuala Jempol, Negeri Sembilan. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak dari tahun 1907 hingga tahun 1914.

Setelah menamatkan pelajarannya di Kolej Melayu Kuala Kangsar, baginda terus memegang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan. Beliau berkhidmat di Federal Secretariat Kuala Lumpur selama setahun, sebelum ditukarkan ke Seremban pada 20hb. November, 1915 menjadi Penolong Pegawai Pemungut Hasil Tanah. Pada tahun 1916 baginda dilantik menjadi pegawai dalam pasukan Malayan Volunteer Infantry Seremban dengan berpangkat Leftenan Muda. Pada tahun 1918 baginda dinaikkan pangkat kepada Leftenan.

Pada 22hb. Ogos, 1921 baginda telah dilantik menjadi Pegawai Tadbir Melayu (Malay Administrative Service atau MAS) di Daerah Kelang. Kemudiannya dilantik terus menjadi Pemangku Penolong Pegawai Melayu. Pada 26hb. Oktober, 1922 baginda ditukarkan ke daerah Hulu Selangor.

Baginda dilantik menjadi Timbalan Pemangku Pegawai Daerah pada 1hb. Jun, 1923. Mulai 12hb. Januari, 1925 baginda memegang jawatan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kemudiannya pada 2hb. Mac, 1925 ditukarkan pula ke daerah Sepang menjadi Pemangku Penolong Pegawai Daerah.

Ketika ayahanda baginda berangkat ke England pada 5hb. Mei, 1925 baginda telah ikut sama mengiringkan ayahandanya. Bagaimanapun baginda



Dato' (sekarang Tun) Abdul Malek bin Yusof, Menteri Besar Negeri Sembilan 1948 – 1953.

tidak balik ke tanahair, sebaliknya melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di Inner Temple. Semasa di England baginda merupakan pelajar yang cergas dalam gerakan pelajar.

Baginda telah dilantik menjadi Presiden Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Great Britain ketika ini, manakala Tunku Abdul Rahman Putera Perdana Menteri kita yang pertama adalah setiausahaannya. Lain-lain tokoh yang seangkatan dengan baginda memainkan peranan penting dalam Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Great Britain itu ialah Allahyarham Haji Abdul Wahab bin Abdul Aziz (Dato' Panglima Bukit Gantang) dan Allahyarham Dato' Nik Ahmad Kamil.

Menurut ceritanya semasa baginda memimpin kesatuan tersebut timbul juga kekeliruan yang menggelikan hati rakan-rakannya, kerana nama Presiden dan Setiausaha sama. Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos, 1957 sekali lagi peristiwa kepimpinan mereka berulang di mana baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong, manakala Tunku Abdul Rahman Putera pula menjadi Perdana Menteri.



*D.Y.M.M. Tuanku Munawir dalam satu istiadat pertabalan  
dalam tahun 1961.*



*Y.A.M. Tunku Besar Tampin Ke-6, Syed Edrus bin S. Muhammad, 1944.*

Baginda menamatkan pelajarannya di Inner Temple pada 19hb. November, 1928, dan berangkat balik ke tanahair pada 28hb. Disember, 1928. Sekembalinya ke tanahair baginda dilantik menjadi Penolong Pegawai Daerah II di Daerah Tapah, Perak. Pada 23hb. Januari, 1929 ditukarkan pula ke daerah Gopeng dan Kampar.

Pada 21hb. Februari, 1930 baginda bertukar pula ke Kuala Lumpur menjadi pengadil Mahkamah II dalam kelas IV. Kemudiannya pada 30hb. April, 1931 baginda dilantik menjadi Pemangku Penyimpan Rekod-rekod di Mahkamah Ipoh dalam kelas III. Mulai dari 8hb. Disember, 1931 hingga 1932 bercuti panjang dengan bergaji penuh.

Setelah berkhidmat semula pada 29hb. Februari, 1932 baginda kembali memegang jawatan pengadil Mahkamah Tambahan Kuala Lumpur. Kemudian dilantik menjadi Pemangku Pegawai Daerah Kuala Langat dalam kelas IV. Pada bulan Jun 1933 bertukar ke Daerah Batang Padang, Perak menjadi Pemangku Pegawai Daerah.

Baginda menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan pada 3hb. Ogos, 1933 setelah berkhidmat dengan cemerlang dalam perkhidmatan awam. Pada 25hb. April, 1934 baginda dianugerahkan bintang kebesaran K.C.M.G. oleh King George V.

Dalam masa baginda memerintah di atas takhta Kerajaan Negeri Sembilan, baginda telah berangkat empat kali ke England, iaitu:

1. Pada 11hb. Julai, 1934 kerana kegerringan.
2. Pada 9hb. April, 1937 kerana menghadiri hari kemahkotaan Baginda King George ke VI dan Queen Elizabeth.
3. Dalam tahun 1951 kerana beralih angin dan berehat.
4. Pada tahun 1954 berangkat kerana kegerringan.


Baginda telah dianugerahkan bintang G.C.M.G. pada tahun 1957 dan tidak lama kemudian pada 3hb. Ogos, 1957 baginda telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaya (sekarang Malaysia) yang pertama oleh Raja-raja Melayu. Baginda telah mangkat pada 1hb. April, 1960. Baginda telah beristeri empat orang dan memperolehi tiga orang putera dan lima orang puteri. Salasi-lah keturunan baginda adalah seperti berikut:

Tuanku Abdul Rahman

x

Tengku Maharun

Tuanku Munawir  
(Yang Dipertuan Besar  
Negeri Sembilan ke-9,  
5.4.1960 – 14.4.1967)



### Tuanku Munawir (5.4.1960 – 14.4.1967)

Almarhum Tuanku Munawir mula menaiki takhta Kerajaan Negeri Sembilan pada 5hb. April, 1960. Baginda diputerakan pada 29hb. Mac, 1922 dan diisyiharkan oleh Dato' Kelana Putera selaku wakil Undang Yang Empat menjadi Yang Dipertuan Besar sejurus sebelum ayahanda baginda dimakamkan pada petang 5hb. April tersebut.

Tidak seperti negeri-negeri lain di Tanah Melayu yang beraja, Negeri Sembilan tidak mempunyai Raja Muda atau Tengku Mahkota bakal menaiki takhta sebagai raja. Pengganti Raja di Negeri Sembilan adalah dipilih oleh Undang Yang Empat menurut susunan perlombagaan atau Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan. Susunan pertama yang harus dipilih adalah terdiri dari putera Yamtuan yang mangkat.



*Al-marhum Tuanku Munawir Yang Di-pertuan Besar ke-9.*

Meskipun Tuanku Munawir putera yang tertua dari Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang mangkat, tetapi tidak pula disebutkan dalam perlembagaan itu pengantinnya mesti dari putera yang tua. Melainkan disebutkan putera saja. Yang demikian putera Yamtuan yang mangkat adalah terdiri tiga orang ketika itu; iaitu selain dari Tuanku Munawir adalah juga Tuanku Jaafar dan Tengku Abdullah semuanya mempunyai hak yang sama untuk dipilih.

Selain dari Undang Yang Empat, tidak ada seorang pun rakyat Negeri Sembilan yang mengetahui siapakah bakal raja mereka di saat itu. Ketika balai penghadapan penuh sesak masing-masing pandang memandang di antara satu sama lain, maka kedengaranlah Dato' Bentara Dalam menyeru Dato' Kelana Putera selaku mewakili Undang Yang Empat untuk mengisyiharkan penganti Raja. Di saat inilah suasana di balai penghadapan yang penuh sesak itu sunyi senyap sebagai tidak berorang layaknya.

Dato' Kelana Putera (Allahyarham Dato' Muhd. Kassim) berdiri dari kerusinya mara ke hadapan dengan langkah yang teratur lalu naik ke tingkat ketiga singgahsana yang telah tersedia pembesar suara. Dato' Kelana pun mengeluarkan sekeping kertas lalu membacanya dengan suara yang perlahan dan lambat-lambat, katanya:

"Adalah kami Undang Yang Empat mengikut peraturan negeri ini telah berkebulatan dan berkerapatan melantik Yang Amat Mulia Tengku Laksamana Munawir ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman naik takhta singgahsana kerajaan menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan mengantikan Seri Paduka Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang telah mangkat pada hari Jumaat 1hb. April, 1960 itu".

Sebaik saja tamat Dato' Kelana membacakan perisytiharan itu, maka bergemalah dewan balai tersebut dengan seruan "Daulat Tuanku!" sebanyak tiga kali. Selepas itu Tuanku Munawir pun dipersilakan naik ke atas singgahsana.

#### **RIWAYAT HIDUP DYMM TUANKU JAAFAR IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN**

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman telah diputerakan di Kelang, Selangor pada 19hb Julai, 1922. Baginda memulakan pendidikan persekolahannya di Sekolah Melayu, Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada tahun 1928 hingga tahun 1933. Kemudian Baginda telah melanjutkan pelajarannya dalam bahasa Inggeris di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak dari tahun 1933 hingga tahun 1941. Setelah tamat persekolahannya di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak itu, Baginda meneruskan pula pelajarannya di Raffles College, di Singapura, tetapi telah terganggu kerana pelanggaran tentera Jepun dalam Perperangan Dunia Kedua pada akhir tahun 1941 itu.



D.Y.M.M. Tuanku Muhammad dan pembesar-pembesar Negeri Sembilan tahun 1897. Duduk dari kiri  
Undang Sungai Ujung – Dato' Ma'amor, Tuanku Muhammad dan Dato' Bidin  
(Undang Rembau yang disahkan).

Dalam masa Pemerintahan Jepun, Baginda pernah berkhidmat sebagai seorang pegawai di Pejabat Tanah Daerah, Seremban. Selepas Perang Dunia Kedua, Baginda bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah, Rembau, Negeri Sembilan dari tahun 1946 hingga tahun 1947. Setahun kemudian dalam tahun 1948, Baginda ditukarkan ke Pejabat Sekretariat Negeri Selangor di Kuala Lumpur. Setelah berkhidmat beberapa bulan sahaja di pejabat tersebut itu, Baginda melanjutkan pelajarannya lagi di Fakulti Undang-Undang di Universiti Nottingham, United Kingdom dan beroleh kejayaan dengan mendapat Ijazah LL.B. Selepas mengikuti beberapa kursus di seberang laut, Baginda telah memegang jawatan-jawatan penting kerajaan Malaysia dalam dan luar negeri termasuk jawatan Penolong Pegawai Daerah, Parit, Perak; Penolong Setiausaha Kerajaan III Perak di Ipoh dan Pegawai Daerah Tampin, Negeri Sembilan.

Jawatan-jawatan yang dipegang oleh Baginda di luar negeri pula ialah Kuasa Usaha Tanah Melayu di Washington, Amerika Syarikat; Setiausaha Pertama Suruhanjaya Tetap Persekutuan Tanah Melayu ke Bangsa-Bangsa Bersatu di New York (1957 – 1958), Setiausaha Pertama dan Counsellor di Pesuruhjaya Tinggi di London, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi di London (1958 – 1962), Duta Malaysia di Republik Arab Bersatu di Kaherah (1963 – 1965) dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Nigeria dan Ghana (1965 – 1967). Pada 18hb April, 1967 Baginda telah dipilih menaiki Takhta Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus sebagai DYMM Tuanku Yang Dipertuan Besar, Negeri Sembilan.

Atas sifat peribadinya, Baginda adalah seorang yang sangat cenderong dalam bidang sukan. Dalam masa persekolahannya di Maktab Melayu, Kuala Kangsar Perak dahulu Baginda pernah menjadi johan tenis, johan badminton dan squash, dan dalam masa Baginda di Universiti Nottingham, United Kingdom, Baginda juga memenangi ketiga-tiga permainan itu. Baginda pernah mewakili negeri Perak dalam permainan tenis dan kriket dan juga pernah menjadi Nabi Yang Di Pertua Persatuan Bolasepak, Melayu Malaya, Yang di Pertua Persatuan Bolasepak, Kriket dan Hoki Melayu, Perak dan Yang Di Pertua Pelajaran Orang Dewasa, Perak. Pada masa sekarang ini, Baginda sangat berminat dalam permainan golf dan telah mengetuai rombongan permainan golf ke Australia pada tahun 1979 dari Kelab Golf Antarabangsa, Seremban.

Baginda telah berkahwin dengan Tunku Najihah binti Tunku Besar Burhanuddin dalam bulan Ogos, 1943 dan mendapat tiga orang putera dan tiga orang puteri.

Baginda telah dilantik menjadi Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi, Selangor pada 16hb April, 1976, dan dipilih oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu menjadi Timbalan Yang Di Pertuan Agong dalam Persidangan Raja-Raja Yang Ke-115 pada 10 Jun, 1979. Baginda telah menyempurnakan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong sebanyak tiga kali antara 19hb November, 1979 antara 15 Oktober 1982 hingga 29hb Disember, 1982 dan antara 25hb Oktober, 1983 hingga 2hb Februari, 1984.

Baginda telah dianugerahkan dengan Darjah-Darjah: D.K., D.M.N., D.K. (Brunei), D.K. (Kelantan), D.K. (Kedah), D.K. (Selangor), D.K. (Perlis), D.K. (Johor).



*Tunku Besar Tampin Ke-5, Syed Muhamad bin S. Dewa.*



D.Y.M.M. Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Yang Ke-8  
3.8.1933 hingga 1.4.1960 Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni  
Almarhum Tuanku Muhammad.

# 10

---

## UNDANG YANG EMPAT

Takhta kerajaan Negeri Sembilan sebenarnya didukung bersama oleh Undang Yang Empat. Kedudukan Undang Yang Empat sama pentingnya selaras dengan kedaulatan takhta kerajaan itu sendiri. Undang Yang Empat ini terdiri dari:-

- 1) Dato' Kelana Putera, Undang Luak Sungai Ujung.
- 2) Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman, Undang Luak Jelebu.
- 3) Dato' Johan Pahlawan Lela Sitiawan, Undang Luak Johol dan
- 4) Dato' Sedia Raja, Undang Luak Rembau.

Krisis takhta kerajaan Negeri Sembilan pernah berlaku di zaman pemerintahan Yamtuan Antah sehingga mencetuskan 'Perang Bukit Putus' yang mengakibatkan Istana Seri Menanti diceroboh oleh Inggeris. Dalam krisis ini lah berlakunya perpecahan sehingga Undang Yang Empat tidak lagi sama-sama mendukung takhta kerajaan. Masing-masing mentadbirkan Luak mereka secara bersendirian.

Akibat dari krisis ini jugalah bermulanya campur tangan Inggeris dalam pemerintahan Negeri Sembilan, seperti mana yang telah dijelaskan dalam bahagian awal buku ini. Atas kehendak British juga Yamtuan Antah tidak lagi bergelar Yamtuan Besar Negeri Sembilan, sebaliknya hanya bergelar Yamtuan Seri Menanti sahaja.

Bagaimanapun setelah berlaku beberapa perubahan dalam pentadbiran British, kedudukan takhta Negeri Sembilan dipulihkan semula di zaman pemerintahan Tuanku Muhammad Shah. Undang Yang Empat juga bersetuju untuk sama-sama mendukung semula takhta kerajaan yang tercinta ini.

Satu perjanjian mengandungi 7 fasal telah dipersetujui oleh Yamtuan Besar dan Undang Yang Empat bagi memulihkan semula kedaulatan takhta kerajaan Negeri Sembilan. Perjanjian tersebut berbunyi demikian:

*"BAHAWA adalah dengan sesungguhnya beta Yang Dipertuan Muhammad C.M.G. Ibni Almarhum Yang Dipertuan Antah telah membuat surat perjanjian dengan Undang Yang Empat, pertama Dato' Kelana Putera serta Dato' Bandar Sungai Ujung, kedua Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu, ketiga Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Johol, dan keempat Dato' Sedia Raja Rembau. Maka adalah beta serta Undang Yang Empat bersama-sama Tuan British Resident telah mengokohi peraturan adat negeri dan pesaka yang telah dibuat oleh orang tua-tua zaman dahulukala iaitu seperti yang tersebut di bawah ini.*

- 2. MAKANAKA sekarang telah kembalilah Undang Yang Empat menabalkan beta jadi raja di dalam Negeri Sembilan kerana mengikut peraturan yang telah diperbuat oleh orang tua-tua.*
- 3. ADA PUN darihal beta telah dirajakan di dalam Negeri Sembilan ini maka di dalam aturan dahulunya tiada pula beta mencampuri darihal perintahan adat negeri atau syarak melainkan apa-apa yang berlaku di dalam luaknya masing-masing habislah ia dengan bermesyuarat dengan Tuan British Resident Negeri Sembilan tiada berkehendak dengan perintah beta.*
- 4. JIKALAU berbangkit perselisihan di antara Undang dengan Undang, iaitu darihal perintahan luaknya, jika sekiranya Undang itu datang mengadap beta maka seharusnyalah beta mencampuri serta mengadilkannya darihal itu, akan tetapi jika pegawai Undang Yang Empat atau rakyat di dalam perintahan Undang Yang Empat itu datang mengadap mengadukan hal atau dengan surat tiadalah kelak beta terima akan pengaduan mereka itu.*
- 5. Dan apakala sampai pada hari raya yang kedua di dalam aturan yang dahulu tiadalah pula Undang Yang Empat datang mengadap beta di dalam Istana Seri Menanti melainkan boleh diperbuatnya apa-apa peraturan di dalam luaknya masing-masing, akan tetapi jika-lau beta membuat sesuatu pekerjaan yang besar seperti nikah kahwin dan sunat rasul, beta persilakan Undang Yang Empat hendaklah Undang Yang Empat menyempurnakan darihal itu.*
- 6. JIKA Yang Dipertuan itu mangkat maka seharusnyalah Undang Yang Empat itu membawa persesembahan emas manah ala kadar masing-masing dan seperti wang emas manah itu sepatutnya dikeluarkan dari-pada Kerajaan Negeri Sembilan.*
- 7. SYAHADAN hendaklah Undang Yang Empat itu berkebulatan dan berkerapatan memilih di dalam putera itu ditabalkan jadi Yang Dipertuan mengikut sebagaimana istiadat peraturan menabalkan Yang Dipertuan dahulu itu juga, demikianlah adanya.*

*"Termaktub pada 8 haribulan Zulhijah sunnah Muhammadiyah 1315 berbetulan dengan 29 haribulan April tahun masih 1898."*



D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Yang Ke-7  
1888 – 1933 Al-marhum Tuanku Muhammad ibni Al-marhum Tuanku Antah.

Perjanjian ini ditandatangani oleh Tuanku Muhammad Shah, Tuan E.W. Birch British Resident, Dato' Kelana Putera Maamor dan Dato' Bandar Haji Ahmad, Dato' Jelebu, Dato' Johol Saeto, dan Dato' Rembau Haji Siron bin Sidin.

### Krisis Takhta

Krisis takhta kerajaan Negeri Sembilan yang tercetus dalam masa pemerintahan Yamtuan Antah, bukanlah pertama kali berlaku. Bagaimanapun krisis inilah yang membawa padah sehingga Inggeris campur tangan dalam pemerintahan Negeri Sembilan. Sebelum ini pun telah berlaku krisis di peringkat awal yang melibatkan Dato' Penghulu Naam dan Raja Melewar.

Krisis berkenaan telah membawa kepada wujudnya kedudukan Orang Empat Istana. Selain dari krisis tersebut telah berlaku juga krisis takhta ini dalam masa pemerintahan Yamtuan Imam yang lebih dikenali dengan gelaran Yamtuan Imam Janggut. Tercetusnya krisis tersebut berpunca dari dakwaan seorang kerabat diraja mengenai kedudukan beliau sebagai keturunan yang sah.


Pada masa Yamtuan Radin memerintah di atas takhta, ada seorang yang bernama Raja Beringin datang dari Minangkabau. Beliau menetap di Kampung Tengah lalu mendakwa ada mempunyai pertalian kerabat dengan Raja Melewar Yamtuan Negeri Sembilan yang pertama.

Keturunan dari Raja Beringin ini telah mencuba hendak merebut takhta kerajaan Negeri Sembilan setelah Raja Radin mangkat. Mereka mendakwa mempunyai hak untuk menduduki takhta kerajaan kerana berasal dari Raja Minangkabau juga. Di bawah ini disalinkan dengan selengkapnya satu catatan dari buku catatan istana mengenai perkara berkenaan:

"Pada masa yang telah lalu zaman almarhum Tengku Radin menjadi Yang Dipertuan Negeri Sembilan, adalah seorang Minangkabau bernama Raja Beringin datang ke Negeri Sembilan ini diam di Kampung Tengah, dalam hal yang demikian maka diperisterikan oranglah akan dia.

"Arakian, maka pada tatkala mangkat almarhum Yang Dipertuan Tengku Radin itu, maka berkebulatanlah Undang Yang Empat serta Penghulu-penghulu Negeri Sembilan hendak menabalkan almarhum Yang Dipertuan Tengku Antah ganti ayahandanya. Maka pada masa itu enggan ia akan menerima jawatan Yang Dipertuan itu kerana ia lagi budak belum sempurna akal bicara dan suka ia angkatkan Tengku Imam Janggut iaitu bapa saudaranya menjadi Yang Dipertuan sebab ia tua daripadanya.

"Maka di dalam hal yang demikian tiba-tiba datanglah huru-hara terbit daripada pihak Kampung Tengah iaitu Raja Alang Suhur bin Raja



*Almarhum Tuanku Abd. Rahman menyampaikan titah ketika dilantik menjadi  
Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 3hb. Ogos, 1933.*

Beringin serta tiga orang saudaranya yang laki-laki membawa juak hulu-balang hendak menyerang Istana Besar Seri Menanti, maksud mereka itu hendak menuntut jawatan Yang Dipertuan itu.

"Sebab kata mereka itu ia adalah susunan dari Minangkabau juga, tetapi semua perbuatannya itu mendatangkan kacau sahaja yakinkan sekali-bukan dalam adat dan aturan. Sungguhpun Yang Dipertuan Negeri Sembilan ini daripada anak Raja-raja Minangkabau tetapi mereka itu datang dijemput, pada hal aturan menjemput itu hanyalah berlaku daripada zaman almarhum Yamtuan Tengku Radin. (Raja yang akhir dijemput dari Minangkabau ialah Raja Lenggang ayahanda Yamtuan Radin – p).

"Kalakian maka Undang Yang Empat serta Penghulu-penghulu pun bermuafakat sama sendiri lalu diangkatkan Tengku Imam Janggut menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Syahadan ada pun hal anak-anak raja Kampung Tengah hendak menyerang itu tiadalah diendahkan oleh Undang Yang Empat serta Penghulu-penghulu yang tersebut kerana tiada apa-apa kuasanya dan hal yang bersangkutan, adanya".

Sejauh mana krisis itu mengancam kedudukan takhta kerajaan Negeri Sembilan tidak pula dijelaskan. Bagaimanapun almarhum Tunku Besar Burhanuddin pernah memberitahu saya, bahawa anak-anak raja dari Kampung Tengah ini telah datang pada waktu malam dan menembak ke arah Istana Besar (pada masa itu istana ini terletak di tempat yang sekarang dipanggil Istana Baruh berhampiran dengan Makam Diraja).



*Kampong Sungai Layang Seri Menanti.*



D.Y.M.M. Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Yang Ke-9 – 5.4.1960 hingga  
14.4.1967 Al-marhum Tuanku Munawir ibni Al-marhum Tunku Abdul Rahman.

Tembakan ini dibuat oleh mereka dari jauh saja, kerana tidak berani untuk menghampiri istana. Bagaimanapun tidak ada kerosakan atau kecederaan berlaku kepada pihak istana akibat dari tembakan tersebut. Mereka ini telah lari setelah melepaskan beberapa tembakan saja.

Sama ada tindakan diambil terhadap mereka ini atau tidak, tidak pula digambarkan dengan jelas, kerana di dalam adatnya bolehlah dianggap mereka ini telah menderhaka. Kisah rebutan kuasa ke atas takhta kerajaan di zaman pemerintahan Yamtuan Imam ini lenyap begitu saja.

Dalam peristiwa rebutan kuasa di zaman pemerintahan Yamtuan Imam ini, Undang Yang Empat berdiri teguh di belakang Yamtuan. Dengan yang demikian kedudukan Yamtuan menjadi lebih kuat, kerana adanya sokongan dari Undang Yang Empat. Jelaslah kepada kita bahawa kedudukan Undang Yang Empat memang penting dalam mendukung bersama takhta kerajaan ini.

### **Undang Sungai Ujung**

Dalam susunan pentadbiran takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Undang Luak Sungai Ujung dianggap 'imam' kepada Undang Yang Empat yang bermaksud menjadi ketua kepada semua Undang di Negeri Sembilan. Gelaran kepada jawatan ini ialah Dato' Kelana Putera. Khabarnya, gelaran Dato' Kelana Putera ini dikurniakan oleh Sultan Johor.

Terapi ada juga cerita lain yang menyebut dikurniakan oleh Raja Melewar, Yang Dipertuan Negeri Sembilan yang pertama. Kononnya semasa Penghulu Chantek (ketika ini masih belum bergelar Undang) mengadap Raja Melewar di Penajis, Rembau beliau telah ditanya beberapa perkara mengenai pentadbiran. Disebabkan Penghulu Chantek tidak dapat menjawab dengan jelas, anaknya Bador telah menjawab pertanyaan-pertanyaan Raja Melewar dengan lancar.

Memandangkan kepintaran Bador inilah Raja Melewar berkenan menggelarkan Kelana Putera (mungkin bermaksud putera yang bijaksana – p).

Bermula dari Bador inilah Penghulu Luak Sungai Ujung digelar Dato' Kelana Putera. Dua waris saja yang berhak menjadi Dato' Kelana ini, iaitu Waris Hulu dan Waris Hilir.

Keturunan Undang Luak Sungai Ujung ini dikatakan bermula dari Ben-dahara Sekudai putera Sultan Johor dengan isterinya Puteri Mayang Selida. Bagaimanapun cerita mengenai perkahwinan Sultan Johor dengan Puteri Mayang Selida terdapat juga unsur-unsur metos. Kononnya Puteri Mayang Selida ditemui oleh Batin Bercanggai Besi ketua Kaum Asli di Beranang di sebuah gua ketika beliau pergi berburu.

Manakala Sultan Johor pula telah bermimpi akan bakal isterinya perlu dicari dengan mudik sungai mengikut 'timbangan air'. Maksudnya setiap kali baginda masuk ke kuala sungai maka ditimbanglah airnya, di mana arah timbangannya berat maka baginda dikehendaki mudik mengikut arah tersebut. Demikianlah akhirnya baginda bertemu dengan Puteri Mayang Selida itu.



Y.A.M. Dato' Undang Johol Ke-9, Dato' Kamal bin Hj. Sulaiman, 1918 – 1947.

Dari perkahwinan Sultan Johor (tidak pula jelas Sultan yang mana satu – p) dengan Puteri Mayang Selida ini baginda memperolehi empat orang putera iaitu (dipercayai sebagai gelaran saja) To' Engku Kelang, Bendahara Sekudai, Mendika Akhir Zaman dan Johan Pahlawan Lela Perkasa.

Bendahara Sekudai itu telah berkahwin dengan Batin Sibu Jaya cucu kepada Batin Bercanggai Besi dan memperolehi 4 orang anak iaitu Muhammad Tumbu bergelar Dato' Kelambu (masih terdapat kuburnya sekarang di Rahang bersebelahan dengan kawasan perumahan Dusun Nyiur – p). Dato' Kelambu inilah Undang Luak Sungai Ujung yang pertama.

Lain-lain anak Bendahara Sekudai ialah To' Musang, To' Semerga dan To' Seri Mani. Dari keturunan Dato' Kelambu dengan To' Musang ini bermula salasilah Undang Luak Sungai Ujung, manakala salasilah Dato' Bandar Sungai Ujung bermula dari keturunan To' Semerga.

Mereka yang pernah menyandang pesaka Undang Luak Sungai Ujung ini ialah:

1. Dato' Kelambu – anak Bendahara Sekudai.
2. To' Musang – anak Bendahara Sekudai.
3. Dato' Penghulu Selat.
4. Dato' Penghulu Kadim.
5. Dato' Penghulu Pandak.
6. Dato' Penghulu Chantek atau Penghulu Rumah Gadang.
7. Dato' Kelana Bador (bermulanya gelaran Dato' Kelana Putera) Waris Hulu – 1760 hingga 1780.
8. Dato' Kelana Leha – Waris Hulu – 1780 – 1800.
9. Dato' Kelana Bahi – Waris Hilir 1800 – 1830.
10. Dato' Kelana Kawal – Waris Hulu 1830 – 1850.
11. Dato' Kelana Sendeng – Waris Hulu 1850 – 1872.
12. Dato' Kelana Syed Abdul Rahman (terlibat dalam perang Bukit Putus) – Waris Hilir 1872 – 1881.
13. Dato' Kelana Lela Setia Muhd. Yusuff Hashim (dipecat kerana dikatakan tidak siuman) – Waris Hilir 1881 – 1889.
14. Dato' Kelana Maamor bin Kassim – Waris Hulu 1889 - 1945.
15. Dato' Kelana Muhd. Kassim bin Abdul Rashid – Waris Hilir 1945 – 1983.
16. Dato' Kelana..... (belum dilantik sehingga buku ini ditulis).

Krisis kepimpinan di Sungai Ujung berlaku dalam masa pemerintahan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman, sehingga Inggeris mula campur tangan pada 10hb. Oktober, 1874. Krisis ini bermula apabila Dato' Kelana Syed Abdul Rahman cuba membelaikan Dato' Bandar Tunggal Abdullah bin Ahmad (1849 – 1874) dengan membenarkan Inggeris membuka lombong di Sungai Ujung dalam tahun 1872.



*Al-marhum Tuanku Muhammad Shah, Yang Di-Pertuan Besar  
Negeri Sembilan Ke-7, 1888 – 1933.*

Tindakan Dato' Kelana ini mendapat sokongan dari Dato' Muda Linggi. Manakala Dato' Bandar Tunggal membantah membawa masuk Inggeris ke Sungai Ujung.

Dalam peperangan Dato' Kelana dengan Yamtuan Antah tahun 1874, Dato' Bandar telah menyebelahi Yamtuan Antah. Kerajaan Inggeris telah mengirim pasukan perangnya yang diketuai oleh Tengku Abu dari Tampin untuk membantu Dato' Kelana seramai 84 orang askar British iaitu 20 orang pasukan meriam, dan 54 daripada anak-anak kapal Inggeris, 'Charrybdis'.

Pasukan ini berjaya menawan Rasah yang dikuasai oleh Dato' Bandar pada 14hb. Oktober, 1874. Kemudiannya pada malam 11hb. November, 1874 rumah Dato' Bandar sendiri yang terletak di Kepayang dibakar. Seminggu kemudiannya mereka berjaya menawan Rahang menyebabkan kedudukan Dato' Bandar Tunggal semakin tersepit.

Akhirnya pada 30hb. November, 1874 Dato' Bandar terpaksa mengaku kalah.

Satu perjanjian ditandatangani pada 19hb. November, 1874 antara Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dengan Dato' Bandar Tunggal dengan disaksikan oleh wakil British Mr. W.A. Pickering. Anehnya perjanjian ini telah melantik pula Haji Ahmad bin Muhammad Ali sebagai Dato' Bandar yang baru mengantikan Dato' Bandar Tunggal. Bagaimanapun dalam perjanjian tersebut, kuasa Dato' Bandar disamakan tarafnya dengan Dato' Kelana.

Mengenai kedudukan dua tokoh ini dalam pentadbiran adat di Sungai Ujung telah dijelaskan oleh Dato' Kelana Ma'amor dalam suratnya kepada Residen British Negeri Sembilan Mr. E.S. Hose pada tahun 1922 berbunyi:

"Adalah dikatakan Undang itu bagi Luak Sungai Ujung ini ialah Dato' Kelana Putera dan Dato' Bandar, dan jika hal tumbuh apa-apa hal di dalam Waris di Darat habis oleh Dato' Kelana Putera dan jika hal tumbuh pula apa-apa hal di dalam Waris di Air habis oleh Dato' Bandar, tiada boleh ganggu mengganggu kedua pihaknya".

### Undang Luak Jelebu

Salah seorang dari Undang Yang Empat ialah Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman, Undang Luak Jelebu. Dari teromba lama Jelebu menyebutkan bahawa putusnya perhubungan Negeri Sembilan dengan pemerintah Johor, adalah disebabkan krisis adat istiadat. Selepas tiga bulan dari peristiwa pemutusan tersebutlah Raja Melewar dijemput.

Putusnya perhubungan antara Negeri Sembilan dengan Johor seperti digambarkan dalam teromba lama Jelebu adalah seperti berikut:

"Di waktu ini jugalah berlaku satu peristiwa di mana Sultan Johor ingin memperisterikan puteri kepada Penghulu Rembau iaitu Orangkaya Kecil yang bernama Seri Banun. Kehendak Sultan Johor ini tidak dapat dipenuhi dan Seri

Banun telah dinikahkan dengan orang lain. Antara sebab yang diberikan ialah Seri Banun telah terlebih dahulu ditunangkan. Sebagai Orang Besar, janji mesti ditepati dan kata mesti dikotakan. Jika tidak, rakyat tidak akan mempercayai pemimpinnya. Sebab yang lain ialah dikatakan Sultan Johor itu bini-binian dan tidak akan kekal.

Apabila Sultan Johor mendapat tahu hal ini, diperintahnya Orang Kaya Kecil Rembau datang mengadap ke Istana Johor. Orangkaya Kecil Rembau enggan pergi dan diperintahkannya Si Amat anaknya pergi ke Istana Johor sebagai mewakilinya. Di Istana Johor, sultan telah bertanya kepada Si Amat tentang penolakan pinangannya terhadap Seri Banun.

Antara jawapan Si Amat ialah, "Terdahulu nikah kemudian titah, sebagaimana Orang Besar janji mesti ditepati, kata mesti dikotakan". Salah faham antara Sultan dan Si Amat menyebabkan Si Amat dihukum bunuh kerana dikatakan menderhaka terhadap Sultan. Peristiwa ini benar-benar menyedihkan dan tidak patut berlaku.

Orangkaya Kecil Rembau telah melaporkan peristiwa ini kepada Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan di Johol, dan kemudiannya kepada Kelana Putera di Sungai Ujung. Tetapi mereka ini tidak berani pergi ke Johor bagi menyelesaikan perkara pembunuhan Si Amat itu. Orangkaya Kecil Rembau kemudiannya telah naik ke Jelebu dan bertemu dengan Dato' Niko Sah Mangku Alam Raja Sari, Dato' Moyang Salleh. Dato' Moyang Salleh berkata, "Bahawa tidak ada perkara yang hendak ditakutkan dalam mengadap Sultan Johor itu, kerana 'teras jelatang' sama dikehendaki di Pagar Ruyung, dan kita dengannya satu keturunan".

Dato' Moyang Salleh kemudiannya telah bermuafakat dengan Dato' Ombi dan empat orang hulubalangnya yang gagah berani bernama To' Bauk, To' Beruang Hitam, To' Gagah Perkasa dan To' Laut Api. Keputusan yang dicapai ialah mengadap Sultan Johor bagi menuntut keadilan di atas perbuatan zalim yang dilakukan oleh Sultan.

Kesampaian rombongan ini di Istana Johor tidak mendapat sambutan baik dari Sultan. Dato' Moyang Salleh dan keempat orang hulubalangnya itu telah keluar ke Padang Saujana lalu duduk di atas sebuah busut jantan. Dengan tidak di sangka-sangka turunlah hujan ribut tiga hari tiga malam dengan tidak berhenti-henti. Di sinilah berlakunya perkara-perkara yang menakjubkan.

Pertamanya Dato' Moyang Salleh dan hulubalang-hulubalangnya itu tidak basah kerana baju Dato' Moyang Salleh yang dilambungkan telah menjadi payung. Kejadian ajaib ini dipersembahkan oleh pegawai-pegawai istana kepada Sultan dan Sultan sendiri dapat menyaksikannya. Dengan itu Sultan telah memperkenankan Dato' Moyang Salleh masuk mengadap.

Setelah masuk mengadap, Panglima Beruang Hitam telah mengopek-ngopek bendul istana. To' Laut Api sentiasa menguap dan setiap kali menguap keluar api dan asap berkepul-kepul dari mulutnya. To' Gagah Perkasa pula menggesel-geselkan belakangnya kepada tiang istana. Bila ia berpaling ke kiri



*Y.A.M. Dato' Abd. Manap bin Tolok Undang Johol Ke-10, 1947.*

istana Sultan akan condong ke kiri, begitu juga kalau ia berpaling ke kanan istana akan condong ke kanan. Manakala To' Bauk tidak naik ia ke atas istana, melainkan tinggal di bawah perkaranan istana berbaring-baring seperti orang dalam keletihan sambil membaham (memakan) tanah, hingga kawasan halaman istana berlubang-lubang.

Kelakuan hulubalang-hulubalang ini menyebabkan Sultan jadi gerun dan mendorongkan baginda membenarkan Dato' Moyang Salleh berunding atas perkara yang telah baginda maklumi. Tetapi apabila bertemu dengan Sultan secara menyindir Dato' Moyang Salleh berkata, "Adalah patik hamba tua ini datang dari Sungai Lumut, hari panas kemarau pun panjang, sirih layu dan pinang pun gugur dek tupai, satu pun tidak ada persantapan yang patik persembahkan kepada kebawah duli tuanku..."

Titah Sultan, "Beta setahun tidak berjumpa, sehari pun tidak bercerai dengan Orangkaya Jelebu. Beta pulangkan Negeri sebelah darat, Undang Yang Empat, Orangkayalah mengatur adat di darat. Beta pulangkan dengan kebesaran yang bergelar Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman Sultan Jebe-lu. Hai, Orangkaya, bawalah anak beta ke negeri sebelah darat, supaya boleh dianya menumpang berkebun, maka sebesar-besar pangkatnya dijadikan Yamtuan saja, adapun Sultan tergenggam pada Orangkaya..."

(\* dipetik dari buku cenderamata istiadat tabal Undang Luak Jelebu yang ke-15)

Dari terombo lama Jelebu ini dijelaskan dari tarikh itulah berlakunya putusnya perhubungan Negeri Sembilan dengan Johor. Negeri sebelah darat yang dimaksudkan oleh Sultan ialah Negeri Sembilan. Walaupun ketika ini belum lagi dinamakan Negeri Sembilan, tetapi yang dimaksudkannya itu termasuklah Jelebu, Sungai Ujung, Rembau dan Johol.

Seperi kita maklum di dalam Luak Johol itu terdapat lagi pecahan Luak seperti Inas, Ulu Muar, Ulu Pahang dan Segamat yang termasuk dalam lingkungan Negeri Sembilan. Begitu juga dengan Sungai Ujung yang meliputi Kelang dan Rembau yang melebar hingga ke Naning.

Dari wilayah-wilayah inilah kemungkinannya terbentuk Negeri Sembilan selepas kedatangan Raja Melewar tiga bulan kemudiannya dari peristiwa memutuskan tali ke Johor itu. Dari teromba lama Jelebu ini juga diriwayatkan begini:

"...Tiga bulan selepas peristiwa 'memutus tali ke Johor' itu, sam-pailah Raja Melewar ke Seri Menanti sebagai menepati persetujuan antara Dato' Moyang Salleh dengan Sultan Johor dalam peristiwa memutus tali ke Johor itu, untuk dilantik sebagai Yamtuan."

Kedatangan Raja Melewar ini ditentang oleh Kelana Putera dan Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan kerana tidak mahu berajakan Raja Melewar. Satu permuafakatan telah diadakan oleh Dato' Moyang Salleh dengan saudara-saudaranya Kelana Putera dan Johan Pahlawan.

Maka terdirilah "Tiang Balai" serta tertegaklah "Tiang Istana" di Seri Menanti pada 17 Syawal 1192 Hijrah. Aturan adat telah disempurnakan oleh Dato' Moyang Salleh Sultan Jelebu iaitu:

Tanah mengandung Seri Menanti  
Tanah Kerajaan di Penajis  
Balai Melintang di Sungai Ujung  
Balai bertingkat di Johol  
Yang mengatur bilangan adat di Jelebu  
Yang mengukuhkan adat di Rembau.

Kemudian ditetapkan pula gelaran-gelaran olehnya:

Sungai Ujung	-	Dato' Kelana Putera Seri Jaya.
Jelebu	-	Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman.
Johol	-	Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan.
Rembau	-	Dato Setia Diraja, sebagai ganti Kelang yang memakai Adat Temenggung.


Apabila selesai mengatur adat di sebelah darat, Dato' Moyang Salleh telah balik ke Jelebu dan berunding dengan Dato' Ombi meminta supaya anaknya To' Muda Geligin diberi 'pesaka penghulu' iaitu Waris Sarin. Dato' Menteri dan Dato' Ombi bersetuju serta diberikan pedang pemancung sebagai tanda kenangan pesaka kepada Waris Sarin.

Selain dari itu anak angkat kesayangan Waris Ulu Jelebu telah juga diberikan pesaka penghulu iaitu Waris Kemin. Maka dengan itu cukuplah 'tiga petut' dalam Jelebu yang akan menyandang pesaka penghulu (Undang). Tidak lama selepas itu Dato' Moyang Salleh telah kembali ke rahmatullah, dan kuasa pemerintahan kembali kepada Dato' Niko Menteri Sah (bukan Syah – p) Mangku Alam Raja Sari, sebagai kata adat:

"Terpangku kepada Sah Mangku Alam  
Tergenggam kepada Dato' Ombi Maharaja Lela..."

Walaupun tercatat bahawa Moyang Salleh memainkan peranan penting menegakkan tiang istana di Seri Menanti pada 17 Syawal, 1192 Hijrah tetapi tidak tercatat pula tarikh-tarikh Undang Jelebu seterusnya memegang jawatan Undang. Bagaimana tarikh yang dirujukkan itu bertentangan pula dengan kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan.

Raja Melewar menaiki takhta kerajaan dalam tahun 1773 – 1795, manakala pemutusan tali ke Johor pula dikatakan dalam tahun 1757 kira-kira 16 tahun selepas peristiwa Dato' Moyang Salleh ke Johor barulah Raja Melewar datang ke Negeri Sembilan. Sedangkan tarikh 17 Syawal 1192 itu adalah bersa-



*Y.A.M. Dato' Undang Jelebu Ke-13, Dato' Shahmarudin dihadapi oleh Dato'-Dato'  
Lembaganya masa dikerjakan tahun 1957.*

maan kira-kira TM 1691. (Oleh kerana cerit ini dari mulut ke mulut, maka percanggahan tarikh ini mungkin timbul).

### Undang Luak Jelebu

1.	Dato' Moyang Salleh	Waris Jelebu	(1757 – tak diketahui).
2.	Dato' Bokor	Waris Ulu Jelebu	
3.	Dato' Bakul	Waris Ulu Jelebu	
4.	Dato' Yunus	Waris Ulu Jelebu	
5.	Dato' Lup	Waris Sarin	
6.	Dato' Duraman	Waris Kemin	
7.	Dato' Rengoh (To' Gila)	Waris Kemin	
8.	Dato' Pandak	Waris Sarin	
9.	Dato' Mahmud (Kulup Tunggal)	Waris Kemin	
10.	Dato' Haji Ibrahim	Waris Kemin	
11.	Dato' Syed Ali bin Syed Zin Al Jafri	Waris Ulu Jelebu	( – 1902 )
12.	Dato' Abdullah bin Panglima Muda Lok	Waris Sarin	(1902 – 1945)
13.	Dato' Shahmaruddin bin Haji Abdul Rahman	Waris Kemin	(1945 – 1962)
14.	Dato' Haji Abu Bakar bin Maamor	Waris Ulu Jelebu	(1966 – 1980)
15.	Dato' Musa Wahab	Waris Sarin	( 1980 – )

### Upacara Tabal Undang

Pertabalan Undang selalunya disebut 'dikerjakan' yakni bermaksud dikerajaankan. Setiap Undang Jelebu yang dikerjakan memang mengikuti peraturan-peraturan demikian.

Merujuk kepada upacara istiadat mengerjakan Undang Jelebu yang ke-15, Dato' Musa Wahab telah dijalankan selama empat hari dari 19 hingga 22 haribulan April, 1981. Upacara dimulakan pada hari pertama jam 7.30 pagi dengan istiadat 'mengangkat niat' dilakukan oleh 'Pawang'. Selepas upacara ini dimulakan pula istiadat memasang alat-alat kebesaran yang diketuai oleh salah seorang Dato' Lembaga yang terkanan iaitu Dato' Mengiang Merah Bangsa. Dalam masa yang sama kerja-kerja menyembelih kerbau dijalankan sebagai memenuhi peraturan adat istiadat. Setelah semuanya selesai maka tembakan meriam pun dilepaskan sebanyak sembilan das.

Kira-kira jam 2.30 petang Undang yang baru dilantik dibawa menziarahi makam (pusara) Dato' Moyang Salleh, Undang Jelebu yang pertama. Semua Dato'-dato' Lembaga adalah dikehendaki mengikuti rombongan menziarahi ini, di samping 'Pawang'. Selesai saja upacara ziarah, rombongan akan berang-



*Dato' Lela Maharaja Haji Sulong bin Miah, Undang Rembau Ke-17.  
1905 – 1922*

kat ke Masjid Tua (Masjid Kuala Dulang) .erletak di Ulu Jelebu. Upacara di masjid ini sama seperti dilakukan tatkala menziarahi makam.

Istiadat berakhir dengan bersembahyang Asar di masjid tersebut. Pada sebelah malam hari pertama mengerjakan Undang ini diadakan pertunjukan hiburan sepertimana lazim dilakukan. Pada hari kedua Undang dan isterinya diarak ke Panca Persada mulai jam 8.00 pagi dengan irungan 'dikir rebana'. Perarakan diketuai oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam berserta Dato'-dato' Lembaga, Tua-tua Waris, Buapak-buapak, Juak-juak, Seka-seka, Ketua-ketua suku dan anak-anak buah mereka yang berkenaan.

Di Panca Persada ini dijalankan istiadat 'limau langir' dan 'tepung tawar'. Kemudiannya meriam ditembakkan sembilan das, tanda upacara bermula. Selepas berakhir upacara yang dijalankan di Panca Persada, maka dijalankan 'Istiadat Mengadap' oleh Lembaga Yang Delapan di Balai, seterusnya 'Istiadat Tabal'.

Pada tengah harinya diadakan 'Majlis Jamuan Agung' yang dikelolakan oleh Pegawai Daerah, sementara orang ramai disediakan 'Jamuan Rakyat' di Balai dengan diketuai oleh Dato' Syahbandar berserta Dato'-dato' Lembaga Dagang dan Buapak-buapak masing-masing. Seterusnya pada sebelah malam pertunjukan am untuk memeriahkan upacara pertabalan tersebut.

Untuk hari ketiga majlis kerjan ialah 'Istiadat Mengadap' bagi Dato'-dato' Lembaga Dagang yang diketuai oleh Dato' Syahbandar. Upacara ini diikuti dengan 'Istiadat Mengadap' Penghulu-penghulu Mukim, Kadi Daerah, Buapak-buapak dan Seka-seka Dato' Lembaga Dagang. Tengah harinya 'Jamuan Rakyat' untuk anak-anak buah Dato' Lembaga Delapan.

Dalam peraturan ini Dato'-dato' Lembaga Delapan bolehlah dikira sebagai jemaah menteri, tetapi mereka merupakan ketua waris bagi anak-anak tempatan Jelebu. Manakala Dato'-dato' Lembaga Dagang pula dikira seperti jemaah menteri juga, bagaimanapun mereka adalah ketua waris bagi orang-orang luar yang berhijrah ke Jelebu.

Jam 2.30 petang hari ketiga ini diadakan pula 'Istiadat mengadap To' Puan' iaitu isteri kepada Undang. (Panggilan To' Puan ini hanya baru dimulakan, kerana sebelumnya panggilan kepada isteri Undang ini ialah 'Datin' – p). Pada sebelah malamnya diadakan pula upacara 'Perarakan Lancang' iaitu 'Nasi Besar', seterusnya diadakan pula 'Dikir Maulud' untuk berjaga-jaga semalam.

Hari keempat ialah hari terakhir upacara dilangsungkan. Mulai jam 9.00 pagi upacara membuka alat-alat kebesaran dijalankan dengan diketuai oleh Dato' Mengiang Merah Bangsa juga. Selepas selesai membuka alat-alat kebesaran 'istiadat membakar kemenyan' dilaksanakan oleh To' Pawang.

Raja Ali lari ke Lukut, manakala Syed Shaaban pula pindah ke Tampin. Di sini beliau telah mengisyiharkan dirinya Tunku Besar Tampin, dan jawatan berkenaan kekal hingga sekarang. Bagaimanapun haknya tidaklah sama dengan Undang Yang Empat sebagai tunggak takhta Kerajaan Negeri Sembilan.

Beliau kemudiannya berkahwin dengan Nenek Kerbau dari ketua kaum Orang Asli yang menjadi ketua meliputi kawasan Seri Menanti, Jempul dan Ulu Muar. Kawasan inilah dikenali sebagai Luak Johol. Pentadbiran Nenek Kerbau ini banyak dibantu oleh suaminya yang dipanggil Dato' Johol itu.

Selepas kemangkatan Sultan Mahmud Marhum Mangkat Dijulang tahun 1669, di samping kekacauan di Johor yang dibangkitkan oleh orang-orang Bugis, Luak Johol ini boleh dikatakan terbiar. Dengan itu Dato' Johol telah menjemput Bendahara Sekudai (\*tidak tahu sama ada Bendahara Sekudai yang sama dengan di Sungai Ujung – p) bernama Liman datang ke Johol.

Bendahara Sekudai bersama rombongannya sampai di Johol dikatakan dalam tahun 1720. Beliau kemudiannya menetap di Nuri (nama tersebut kekal hingga sekarang – p). Bendahara Sekudai telah menikah dengan anak perempuan Dato' Johol bernama Puteri Kunun. Hasil dari perkahwinan tersebut mereka mendapat anak perempuan Siti Awa itu.

Ketika kedatangan Raja Melewar ke Negeri Sembilan, Undang Johol ini masih disandang oleh wanita iaitu Dato' Sitiawan ii. Satu ketika dulu dikatakan sesiapa yang menjadi Undang Johol dikehendaki memanjangkan rambutnya, kerana mengikut kononnya Undang Johol itu bermula dari wanita.

Apakah alasan mereka memilih wanita menjadi Undang tidaklah dapat ditentukan dengan jelas. Ada yang menyebut bahawa kemungkinan tidak ada orang-orang lelaki yang layak menyandang pesaka berkenaan. Bagaimanapun kemungkinan juga bahawa pesaka Undang Johol itu pada mulanya memang ditetapkan untuk wanita, tetapi apabila tiba perubahan musim maka pesaka berkenaan dipindahkan kepada orang lelaki. Undang Johol yang telah menyandang pesaka ialah:

Ini diikuti oleh upacara menyembelih kambing dan seterusnya membakar meriam sembilan das. Tengah harinya diadakan 'Jamuan Beradat' dan diikuti dengan penyerahan 'Adat Pawang' oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat. Demikian istiadat kerjan Undang Jelebu dijalankan sebagai salah satu tunggak takhta Kerajaan Negeri Sembilan.

### **Undang Luak Rembau**

Dalam sejarah Rembau ternyata daerah itu termasuk di bawah pemerintahan Johor. Dengan ini memperkuatkan lagi kedudukan sebenarnya Negeri Sembilan satu ketika dulu merupakan wilayah Negeri Johor. Dibandingkan dengan 'terombo Jelebu', kisah Rembau ini ada juga meriwayatkan perihal Sultan Johor meminang gadis yang dikatakan dari 'Waris Undang' tetapi telah ditolak.

Bagaimanapun akibat dari penolakan itu 'Waris Undang' berkenaan digugurkan haknya dari menyandang pesaka Undang. Bertepatanlah dengan 'terombo Jelebu' yang menyebut keinginan Sultan Johor untuk memperisteri



Dato' Lela Maharaja Haji Ipap bin Abdullah, Undang Rembau  
Ke-19, 1938 – Disember, 1962.

Pesaka Undang Rembau telah disandang oleh mereka di bawah ini:

- |                                   |             |
|-----------------------------------|-------------|
| 1. Dato' Lela Maharaja Seri Rama  | (1540–1555) |
| 2. Dato' Ombo                     | (1555–1605) |
| 3. Dato' Lenggang                 | (1605–1620) |
| 4. Dato' Pandak                   | (1620–1645) |
| 5. Dato' Uban (Putih Kepala)      | (1645–1660) |
| 6. Dato' Sagah                    | (1660–?)    |
| 7. Dato' Kurap                    | (?-?)       |
| 8. Dato' Sabat                    | (?-1750)    |
| 9. Dato' Lulinsoh                 | (1750–1790) |
| 10. Dato' Pekak                   | (1790–1795) |
| 11. Dato' Kusil                   | (1795–1812) |
| 12. Dato' Bogok                   | (1812–1819) |
| 13. Dato' Nganit                  | (1819–1838) |
| 14. Dato' Akhir                   | (1838–1871) |
| 15. Dato' Haji Sahil              | (1871–1883) |
| 16. Dato' Serun bin Sidin         | (1883–1905) |
| 17. Dato' Haji Sulong bin Miah    | (1905–1922) |
| 18. Dato' Abdullah bin Haji Dahan | (1922–1938) |
| 19. Dato' Haji Ipap bin Abdullah  | (1938–1962) |
| 20. Dato' Haji Adnan bin Maah     | (1962–?)    |

### Undang Luak Johol

Undang Johol Yang pertama dikatakan disandang oleh wanita bernama Siti Awa. Kononnya sebelum dilantik menjadi Undang Johol, beliau selalu pergi ke kemuncak gunung bersempadan dengan Gunung Rembau, berguru ilmu kebatinan. Dari sinilah mulanya beliau dipanggil Siti Awa, kerana dikira kemuncak gunung itu 'tinggi ke awan'.

Semasa dilantik menjadi Undang Johol beliau digelar Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan (\*Sitiawan itu adalah nama batang tubuhnya dari panggilan Siti Awa – p). Gelaran tersebut kekal hingga sekarang ini kepada mereka yang menyandang pesaka Undang Johol. Beliau juga dikenali dengan gelaran Dato' Perdana Menteri Sitiawan. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1747, dan pusaranya terletak di Tanggai.

Bolehlah dikatakan pesaka Undang Johol ini bermula dari wanita. Sehingga Undang yang ketiga, pesakanya masih disandang oleh wanita. Pesaka Undang Johol ini dikatakan dari keturunan Dato' Melingkar Alam yang berhijrah dari Minangkabau bersama isterinya To' Kayan. Pada mulanya beliau sampai di Sekudai (mungkin di Johor – p), kemudiannya berpindah ke Pasir Besar.

Di Pasir Besar beliau mendapat seorang anak lalu diberi nama Johol. Johol ini diberi gelaran oleh Sultan Johor, Johan Pahlawan Lela Perkasa.

anak Orang Kaya Kecil (mungkin salah seorang pembesar Rembau) tetapi telah ditolak sehingga tercetusnya peristiwa pemutusan tali ke Johor itu.

Disebabkan ‘terombo Jelebu’ itu hanya cerita yang diturunkan dari mulut ke mulut, maka terdapatlah percanggahan dari segi tarikh dan peristiwa berkenaan berlaku. Menurut sejarah Rembau peristiwa meminang yang dilakukan oleh Sultan Johor itu ialah di zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil (sama seperti dari terombo Jelebu – p), dan Undang Rembau ketika ini ialah Dato’ Uban iaitu Undang yang kelima (1645 – 1660). Tarikh berkenaan tentulah berada 100 tahun di hadapan kerana Moyang Salleh menjadi Undang Jelebu dalam tahun 1757.

Setiap perjanjian yang dibuat oleh Undang dengan pihak Inggeris tidak pernah dirujukkan kepada Yamtuan. Misalnya ‘Perjanjian Jelebu, September 1886’ hanya ditandatangani oleh Undang Jelebu berserta Dato’ Lembaga Delapan dengan Gabenor Negeri-negeri Selat Encik Fred A. Weld.

Begitu juga ‘Perjanjian Sungai Ujung 21.4.1887’ hanya ditandatangani oleh Dato’ Kelana Putera dan Dato’ Muda Linggi saja bagi pihak Sungai Ujung. Demikian jugalah ‘Perjanjian Rembau 17.9.1887’ dengan Gabenor Negeri-negeri Selat Sir F. Aloysiust Weld cuma ditandatangani oleh Undang Rembau saja. Boleh dikatakan setiap perjanjian yang dibuat dengan Inggeris, Yamtuan tidak pernah dibawa bersama.

Krisis merebut jawatan Undang Rembau pernah juga berlaku dalam tahun 1795, tetapi tidaklah menumpahkan darah. Peristiwa ini berlaku semasa penyerahan kuasa oleh Belanda kepada British di Melaka yang meliputi kawasan Rembau. Undang Rembau Dato’ Pekak telah mewakilkan Kusil ke Melaka untuk menandatangani perjanjian.

Sebaliknya apabila Kusil balik ke Rembau dari Melaka, beliau telah bertindak memecat Dato’ Pekak. Beliau kemudiannya diisyiharkan sebagai Undang Rembau menggantikan Dato’ Pekak. Peristiwa memecat To’ Pekak ini juga tidak ada campur tangan dari Yamtuan Raja Melewar. Ini juga satu bukti bahawa tiap-tiap Luak mempunyai kuasa tersendiri.

Bagaimanapun pergolakan di Rembau agak menggugat juga selepas kemangkatan Raja Melewar dalam tahun 1795. Kira-kira tiga tahun kemudian iaitu dalam tahun 1798 salah seorang anak Raja Adil (\*Raja Adil ialah anak raja yang pertama dikirim dari Minangkabau, tetapi terpaksa dihantar balik kerana tidak berupaya mentadbirkan adat) bernama Raja Asil telah mengisyiharkan dirinya sebagai Yamtuan Muda Rembau.

Sehinggalah dalam tahun 1815 Raja Asil terpaksa mlarikan dirinya ke Melaka setelah tewas dalam perperangan dengan Undang Rembau Dato’ Bogok. Raja Ali anak saudara Raja Asil pula telah menggantikan tempatnya sebagai Yamtuan Muda Rembau, kerana jasa-jasa beliau membantu Dato’ Bogok mengalahkan Raja Asil.

Peristiwa pergaduhan antara Dato’ Bogok dengan Raja Asil bermula dari perbuatan Raja Haji, putera kepada Daeng Chelak, Yamtuan Muda Riau mlarikan anak perempuan Dato’ Bogok. Perbuatan Raja Haji itu telah diten-



*Dato' Sedia Raja Abdullah bin Haji Dahan C.B.E., Undang Rembau  
Ke-18 1922 - 1938.*

tang oleh Dato' Bogok, tetapi Raja Asil telah menyebelahi Raja Haji. Dalam pergaduhan ini Dato' Muda Linggi (boleh jadi Jurangan Abdul Rahman - p) bersama dengan Raja Ali telah menyebelahi Undang Rembau Dato' Bogok.

Sayangnya, setelah beberapa lama menjadi Yamtuan Muda Rembau, Raja Ali sudah berani mengeneppikan Undang Rembau. Beliau bersama menantunya Syed Shaaban terang-terang membantu Inggeris di Melaka dalam menghadapi pemberontakan Dato' Dol Said di Naning TM 1831 – 1832.

Setelah berjaya membantu Inggeris mengalahkan Naning, Raja Ali dengan sompong mengisyiharkan dirinya Yamtuan Besar Negeri Sembilan, lalu menyerahkan gelaran Yamtuan Muda Rembau kepada menantunya Syed Shaaban. Entah macam mana pada tahun berikutnya berbangkit pula perselisihan Syed Shaaban dengan Dato' Muda Linggi, Dato' Muhammad Katas.

Dalam perselisihan itu Syed Shaaban yang menggelarkan dirinya Yamtuan Muda Rembau telah meminta pertolongan Undang Rembau, ketika itu Dato' Nganit. Undang Rembau enggan bekerjasama dengan Syed Shaaban. Akibatnya Syed Shaaban telah menyerang rumah Undang Rembau. Dalam tahun 1834, Dato' Nganit yang disokong oleh Undang Sungai Ujung, Dato' Kelana Kawal berjaya mengusir Raja Ali dan menantunya keluar dari Rembau.

1.	Dato' Sitiawan i	(wanita)	(1723 – 1747)
2.	Dato' Rambut Panjang	(wanita)	(1747 – 1760)
3.	Dato' Sitiawan ii	(wanita)	(1760 – 1790)
4.	Dato' Rambutan Jantan	(lelaki)	(1790 – 1810)
5.	Dato' Nuri	(lelaki)	(1810 – 1820)
6.	Dato' Abu Bakar Gubah	(lelaki)	(1820 – 1840)
7.	Dato' Saeto (Eto)	(lelaki)	(1840 – 1901)
8.	Dato' Wan Omar	(lelaki)	(1901 – 1918)
9.	Dato' Kamat bin Haji Sulaiman	(lelaki)	(1918 – 1947)
10.	Dato' Abdul Manap bin Tolok	(lelaki)	(1947 – 1973)
11.	Dato' Tan Mas Haji Abdul Majid bin Abdul Wahid	(lelaki)	(1973 – 4.4.1985)
12.	Dato' Baginda Tan Mas Haji Abdul Rahman bin Mat Som	(lelaki)	(4.4.1985 – )

Berbeza dengan perlantikan Undang yang lain, Undang Johol tidak perlu dipilih apabila seseorang Undang itu meninggal dunia. Sebaik saja seseorang Undang meninggal dengan sendirinya Dato' Baginda Tan Mas menyandang pesaka Undang Johol, manakala pesaka Dato' Baginda Tan Mas itulah perlu dicari ganti.

Pesaka Dato' Baginda Tan Mas ini mula diwujudkan dalam masa pemerintahan Dato' Saeto (1840 – 1901). Sebelumnya orang yang berhak menggantikan Undang Johol ialah penyandang pesaka Dato' Muda. Dalam krisis yang

berlaku di Luak Johol, pesaka Dato' Muda itu dihapuskan lalu digantikan dengan Dato' Baginda Tan Mas sebagai bakal pengganti Undang.

Terhapusnya jawatan Dato' Muda itu ialah tatkala pesaka berkenaan disanggah oleh Dato' Muda Pileh. Beliau dikatakan seorang yang berkelakuan tidak baik, menyebabkan tindakan memecatnya diambil. Setelah Dato' Muda Pileh dipecat, pesaka Dato' Muda itu pun terus dihapuskan.

Dato' Saeto merupakan Undang Johol yang paling terkemuka sekali. Beliau merupakan Undang paling lama memerintah di Johol iaitu kira-kira selama 61 tahun. Peribadinya yang baik menyebabkan beliau sangat disukai oleh orang-orang di Johol. Dengan kebijaksanaan Dato' Saeto semua Dato' Lembaga tidak menentang tindakannya menggelarkan pesaka Undang Johol kepada dua perut dari waris Biduanda iaitu perut Gemenceh dan perut Johol.

Beliau meninggal dunia dalam tahun 1901 ketika berumur 92 tahun kerana dibunuh oleh seorang lelaki yang dikatakan gila bernama Samad Gila. Boleh dikatakan beliaulah Undang di Negeri Sembilan yang mati dibunuh orang.

Apabila beliau meninggal dunia jawatan Undang itu disandang oleh Dato' Baginda Tan Mas Wan Omar bin Wan Hassan. Beliaulah Dato' Baginda Tan Mas yang pertama menyandang pesaka Undang Johol itu. Dato' Wan Omar ini mendapat pendidikan di Johor Bahru dan menjadi anak angkat kepada Dato' Jaafar Menteri Besar Johor iaitu ayah kepada Dato' Onn Jaafar.

Kebetulan pula ayah Dato' Wan Omar itu berasal dari Muar, Johor, maka hubungannya dengan pembesar-pembesar di Johor adalah erat. Mereka yang telah menyandang pesaka Dato' Baginda Tan Mas ialah:

1. Dato' Baginda Tan Mas  
Bubur
  2. Dato' Jabar
  3. Dato' Dollah
  4. Dato' Wan Omar bin Wan  
Hassan (Dato' Baginda Tan Mas yang pertama  
menyandang pesaka Undang Johol tahun  
1901).
  5. Dato' Cek Mek (tidak dilantik menjadi Undang).
  6. Dato' Kamat bin Haji  
Sulaiman (Undang Johol ke-9).
  7. Dato' Siama Balek (meninggal dunia sebelum sempat  
menyandang pesaka Undang).
  8. Dato' Abdul Manap bin Tolok (Undang Johol ke-10).
  9. Dato' Haji Abdul Majid bin  
Abdul Wahid (Undang Johol ke-11).
  10. Dato' Haji Abdul Rahman  
bin Mat Som (Undang Johol ke-12).



*Dato' Penghulu Luak Jempol Ke-9, Haji Sulaiman bin Abdullah.*

Sepanjang krisis takhta Kerajaan Negeri Sembilan sehingga campur tangan Inggeris, Undang Johol tidak banyak melibatkan diri. Semasa Yamtuan Antah berperang dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman tidak ada cerita yang jelas sama ada Dato' Saeto berpihak kepada mana-mana pihak atau tidak.

Ketika Undang yang lain membuat beberapa perjanjian dengan Inggeris, Undang Johol tidak pernah terlibat dalam perjanjian-perjanjian demikian. Bagaimanapun apabila perjanjian menyatakan Negeri Sembilan dibuat pada tahun 1898, Undang Johol menyertai Undang yang lain menandatangani perjanjian berkenaan dengan Tuanku Muhammad Shah.

Demikianlah peranan Undang Yang Empat sebagai salah satu tunggak kekuatan takhta Kerajaan Negeri Sembilan. Empat Undang inilah yang mengukuhkan kedudukan Yamtuan seperti pepatahnya:

Bulat anak buah menjadikan buapak  
bulat buapak menjadi Lembaga  
bulat Lembaga menjadikan Penghulu/Undang  
bulat Penghulu/Undang menjadikan Raja.

## LAMPIRAN I

### Perjanjian Bertarikh 23hb. November, 1876

"Bahawa pada dewasa yang tersebut itulah kita sekalian yang telah menurunkan tandatangan di bawah ini ada hadir di hadapan Tuan Yang Terutama Gabenor yang memerintahkan tiga buah negeri perihal hendak berbuat perjanjian ini yang memberi perdamaian dan aman pada negeri-negeri yang diperintah oleh kita memegang wakil itu, ada surat perjanjian ini kita beri akan alamat kebenaran kita serta berjanji bagi termazkor di bawah ini:-

1. Maka adalah kita hendak tinggal dengan perdamaian di dalam negeri-negeri kita sendiri dan mengaku akan Tunku Antah itu menjadi Yamtuhan, maka dipanggil akan dia Yamtuhan Seri Menanti memerintahkan, Seri Menanti, Johol, Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas hanyalah.
2. Sebagai lagi, perjanjian kita, maka tiadalah sekali-kali kita kelak memberi kesusahan pada negeri-negeri yang hampir itu, iaitu Rembau, Sungai Ujung dan Jelebu yang tiada suka mengikut perintah Yamtuhan Seri Menanti itu, maka adapun negeri yang tiga buah ini telah diketahui iaitu telah menjadi berasing-asng kerajaannya itu adanya.
3. Dan lagi perjanjian kita, jikalau orang-orang yang baik hendak berniaga dalam negeri kita itu baik daripada orang-orang Melayu atau Cina atau lain-lain bangsa sekalipun bolehlah mereka itu bermiaga dengan kebebasannya dan tiadalah kita kelak peraniayakan atas mereka itu adanya.
4. Syahadan adalah pula kita menyatakan dengan kemasyghulan kita atas pergaduhan yang telah jadi dalam Negeri Sembilan itu, maka adalah perjanjian kita ini atas sekalian mereka yang bersahabat baik dengan British Government daripada atau semenjak daripada pergaduhan itu tiadalah sekali-kali dalam mana-mana jalan sekali-pun kelak kita menyusahkan mereka itu adanya.
6. Sebagai pula kita berikrar di dalam sesuatu pertahanan atau kesusahan yang berbangkit di antara negeri-negeri kita itu mana-mana yang tidak dapat kita menyelesaikan dia, maka hendaklah kita memohon dan menerima pengajaran Yang Maha Mulia Maharaja Johor itu adanya.

7. Walakin, maka adalah kita menentukan daripada hari ini tiadalah boleh sekali-kali Yamtuan Tunku Antah yang tersebut ini membahagikan capnya yang dahulu atau yang lain-lain daripada cap atas segala rupa surat kiriman dan lain-lain rupā surat melainkan hendaklah ia memakai cap baharu yang berbunyi demikian ini:-

"Alwatak birabbi ghafur Yamtuan Tunku Antah Seri Menanti Ibni Almarhum Yamtuan Raja Radin Sunnah 1393.

Melainkan sekali ini sahaja ialah cap yang ada termeterai di bawah ini kerana cap baharu itu belum sedia adanya.

## LAMPIRAN II

### Perjanjian Yamtuan Antah dan Dato'-Dato' Penghulu Luak Dengan Gabenor British, Seri Fredrick A. Weld pada 4hb. Jun, 1887

"Bahawa inilah perjanjian yang telah diperbuat pada hari ini, tarikh 12hb. Ramadan Sunnah bersamaan 4hb. Jun, 1887 di antara Tuan Yang Terutama Sir Fredrick Alusyaweld G.C.M.G. Gabenor dan Commander in Chief bagi tiga buah negeri Singapura, Pulau Pinang dan Melaka serta jajahannya bagi pihak Government dengan Yang Maha Mulia Tuanku Antah Seri Menanti serta keredhaan atau seiklar dengan Dato'-Dato' Penghulu negeri itu, Johol, Inas, Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir bagi pihak Negeri Sembilan.

1. Adapun kedua-dua kerajaan Government dengan Negeri Sembilan itu kelak sentiasa sama-sama bekerja dengan bersetuju bertolong-tolongan supaya boleh ramai orang-orang di dalam negeri itu, maka kedua pihaknya itu pelihara memeliharakan darihal ewhal negeri masing-masing supaya duduk dalam kesentosaan serta telah sekata-lah pula kedua pihaknya itu mengaku akan serta menyerahkan orang-orang yang terkena tuduh daripada sebarang jenis kesalahan, maka perkara itu bolehlah kelak di antara kedua kerajaan itu mengaturkannya.
2. Adapun Yang Maha Mulia Yamtuan Seri Menanti serta Dato'-Dato' Penghulu negeri-negeri yang tersebut nama di atas itu yang ada berkena dalam fasal ini telah berjanji pula hendak memberi pertolongan jika dipinta oleh Gabenor tiga buah negeri pada menolong bersama-sama melakukan jalan yang boleh mendatangkan perniagaan di sebelah darat-darat itu dengan membuat jalan yang boleh menerusi lalu ke negeri-negeri itu.
3. Sebagai lagi, telah sekatalah pula Yang Maha Mulia Yamtuan Seri Menanti dengan Dato'-Dato' Penghulu negeri-negeri yang tersebut nama di atas itu, jika sekiranya berlaku sesuatu jalan yang boleh menerbitkan sebarang perjanjian atau berhubung dalam kirim-mengirim surat dengan negeri-negeri lain itu maka hal yang sedemikian itu bolehlah Gabenor tiga buah negeri sahaja menjalankannya. Dan lagi tiadalah pula akan diberi izin membuat sesuatu pekerjaan pada orang-orang yang lain daripada rakyat Inggeris atau Persekutuan Inggeris atau orang-orang Melayu, Cina dan Hindustan ataupun yang bukan daripada bangsa rakyat Inggeris yang di sebelah timur ini melainkan mahulah dengan keredhaan daripada Gabenor yang memerintah tiga buah negeri ini.
4. Syahadan adalah Government pihak Baginda Yang Maha Mulia Her Majesty Queen Great Britain dan Shah Antah bagi Negeri India itu

telah mengakui Tuanku Besar Muhammad ibni Tunku Antah itu akan pengantinnya menjadi Yamtuan di dalam daerah Negeri Sembilan hingga turun-menurun kepada anaknya dan cucu cicitnya betul keturunannya daripada zuriat Yamtuan yang ada sekarang ini, tamat adanya.

Tandatangan,  
Fred A. Weld,  
Governor and Commander in Chief.

Tandatangan di hadapan,  
J.F. Dickson,  
Setiausaha Tanah Jajahan.  
Tandatangan dan Cap Mohor,  
Tuanku Antah.

Tandatangan,  
Martin Lister.

## LAMPIRAN 111

### Perjanjian Di Antara Yang Dipertuan Besar Seri Menanti Dengan Undang Yang Empat

Bahawa adalah dengan sesungguhnya beta Yang Dipertuan Besar Muhammad C.M.G. Ibni Al-Marhum Yang Dipertuan Antah telah memperbaut surat perjanjian dengan Undang Yang Empat, pertama Dato' Kelana Puteri serta Dato' Bandar Sungai Ujung — kedua, Dato' Mendlika Menteri Akhir Zaman Sutan Jelebu — ketiga, Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitian Johol dan keempat Dato' Sedia Raja Rembau. Maka adalah beta serta Undang Yang Empat bersama-sama Tuan British Resident telah mengukuhi peraturan adat negeri dan pesaka yang telah dibuat oleh orang-orang tua-tua zaman dahulu kala iaitu yang tersebut di bawah ini.

1. Maka sekarang telah kembalilah Undang Yang Empat menabalkan beta jadi raja di dalam Negeri Sembilan kerana mengikut peraturan yang telah diperbuat oleh orang tua-tua.
2. Adapun dari hal beta telah dirajakan di dalam Negeri Sembilan ini maka di dalam aturan dahulunya tiada pula beta mencampuri dari hal perintahan adat negeri atau shara' melainkan apa-apa yang berlaku di dalam luaknya masing-masing habislah dengan bermesyuarat dengan Tuan British Resident Negeri Sembilan tiada berkehendak dengan perintah beta.
3. Jikalau berbangkit perselisihan di antara Undang dengan Undang, iaitu darihal perintahan luaknya, jika sekiranya betta mencampuri serta mengadilkhan darihal itu, akan tetapi jika pegawai Undang Yang Empat atau rakyat di dalam perintahan Undang Yang Empat itu datang mengadap mengadukan hal atau dengan surat tiadalah kelak beta terima akan pengaduan mereka itu.
4. Dan apakala sampai pada hari raya yang kedua di dalam aturan yang dahulu tiadalah pula Undang Yang Empat datang mengadap beta di dalam Istana Seri Menanti melainkan boleh diperbuatnya apa-apa peraturan di dalam luaknya masing-masing, akan tetapi jikalau beta membuat sesuatu pekerjaan yang besar seperti nikah kahwin dan sunat rasul beta persilakan Undang Yang Empat hendaklah Undang Yang Empat menyempurnakan darihal itu.
5. Jika Yang Dipertuan itu mangkat maka seharusnyalah Undang Yang Empat itu membawa persembahan emas manah ala kadar masing-masing dan seperti wang emas manah itu sepatutnya dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

6. Syahadan hendaklah Undang Yang Empat itu berkebulatan dan berkerapatan memilih di dalam putera itu ditabalkan jadi Yang Dipertuan mengikut sebagaimana istiadat peraturan menabalkan Yang Dipertuan dahulu itu juga, demikianlah adanya.

Termaktub pada 8 haribulan Zulhijah sunnah Muhamadiah 1315 berbetulan dengan 29 haribulan April, Tahun Masihi 1898. Perjanjian ini ditandatangani oleh Tuanku Muhamad Shah, Tuan E.W. Birch British Resident, Dato' Kelana Putera Ma'amor dan Dato' Bandar Haji Ahmad, Dato' Jelebu, Dato' Johol Saeto dan Dato' Rembau Haji Siron bin Sidin.

## LAMPIRAN IV

### Perisyiharan Kerajaan Sungai Ujung

No. 82 – Perjanjian yang berikut di bawah ini telah dibuat bagi Persekutuan Sungai Ujung, Seri Menanti, Johol, Jelebu, Rembau dan Tampin di bawah nama Negeri Sembilan dan dengan ini adalah disiarkan untuk pengetahuan umum.

Perjanjian di antara Gabenor Negeri-negeri Selat bagi pihak Kerajaan Baginda Queen dengan Raja-raja beberapa Negeri Melayu yang kemudian dari ini disebut Negeri Sembilan.

Pada mengesahkan beberapa perjanjian semua ada bertulis ataupun tidak, yang telah dibuat terlebih dahulu dari ini, maka Yamtuan Besar Seri Menanti bersama-sama dengan Pemerintah Johol, Pemerintah-pemerintah Sungai Ujung, Jelebu, Rembau dan Tampin bersetuju menempatkan mereka dan negeri-negeri mereka di bawah naungan Kerajaan British.

1. Pemerintah-pemerintah yang tersebut di atas bagi negeri-negeri masing-masing adalah bersetuju menjadikan negeri-negeri mereka sebagai Persekutuan Negeri-negeri dan dinamakan Negeri Sembilan, dan mereka berhajat hendak mendapat bantuan seorang British Resident dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang tersebut, mereka sanggup mengikut nasihat-nasihatnya dalam semua perkara pentadbiran selain daripada yang mengenai Agama Islam.
2. Hendaklah difahami bahawa peraturan sedemikian sebagaimana yang telah dipersejukan bukanlah bermakna bahawa seseorang Raja itu patut menjalankan sebarang kuasa lain bagi mana-mana negeri selain daripada yang dipunyainya sekarang.  
Sebagai saksi perjanjian ini maka Gabenor, Lieutenant-Colonel Sir Charles Bullen Hugh Mitchell dan Yamtuan Besar Seri Menanti bersama-sama dengan Pemerintah Johol, Pemerintah-pemerintah Sungai Ujung, Jelebu, Rembau dan Tampin telah menandatangani perjanjian ini yang bertarikh pada 8hb. Ogos Tahun Masihi 1895 bersamaan dengan 16hb. Safar Tahun Hijrah 1312.

C.B.H. MITCHELL  
Governor and Commander in Chief  
Straits Settlements

**Yamtuan Besar of Seri Menanti  
Tunku Muhammad, C.M.G.**

**DATO' BANDAR AHMAD  
(Acting Dato' Kelana Putera)  
of Sungai Ujung**

**Dato' Penghulu of Jelebu  
SAIYID ALI  
DATO PENGHULU JOHOL  
DATO PENGHULU SEDIA RAJA  
of Rembau  
Tunku Dewa of Tampin**

## LAMPIRAN V

### Perjanjian Sungai Ujung, 21hb. April, 1874

Sanya oleh kerana di dalam Luak Sungai Ujung kerapkali berlaku perba-  
lahan dan oleh kerana ramai orang-orang jahat yang tidak berhak telah mem-  
buat kubu di tebing-tebing Sungai Linggi dan dengan menggunakan senjata-  
senjata telah menyekat orang-orang bermula membawa dagangan-dagangan  
mereka mudik dan menghilir sungai yang tersebut, dan oleh kerana Kerajaan  
British sanggup, atas kemahuan Undang Luak Sungai Ujung, dan bagi perlindun-  
gan hak-hak rakyat jelata, bagi kemajuan perniagaan dan bagi kemak-  
muran Luak yang tersebut dan memperluaskan kesanggupannya kepada Kera-  
jaan Luak yang tersebut: Dan sanya Undang Luak Sungai Ujung telah ber-  
sungguh-sungguh mencuba membersihkan sungai itu daripada orang-orang  
jahat dengan perbuatannya yang tidak halal itu dan bagi maksud ini ia telah  
memesan bekalan senjata-senjata api, ubat-ubat bedil yang ada tersimpan sulit  
di Singapura: Dan sanya atas adanya disampaikan kepada Tuan Yang Ter-  
utama Gabenor Singapura atas hasrat Undang Luak yang tersebut untuk men-  
cuba lagi membersihkan sungai yang tersebut supaya perniagaan di negeri itu  
pulih semula dan bertambah-tambah lagi dan bagi maksud ini ia telah meminta  
supaya bekalan-bekalan senjata api dan ubat-ubat bedil diberikan kepadanya  
dan dibawakan ke Luak Sungai Ujung, dan Tuan Gabenor sungguhpun suka  
hendak memberi bantuan kepadanya bagi maksud membersihkan Sungai  
Lingga daripada bencana-bencana yang tersebut akan tetapi adalah memikir-  
kan sebelum permintaan Undang Luak bagi senjata-senjata api dan ubat bedil  
dan segala perlindungan Kerajaan British ditunaikan maka hendaklah ada  
sepenuh-penuh pengakuan bahawa senjata-senjata api dan ubat-ubat bedil itu  
tidak sekali-kali digunakan bagi maksud-maksud yang merbahaya kepada ke-  
amanan Luak yang tersebut dan merosakkan ahli-ahli perniagaan dan orang-  
orang lain yang berulang-alik ke Luak itu dan Kerajaan Luak itu hendaklah  
dijalankan oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawaiinya dengan  
berdasarkan keadilan dan keinsafan, dan nyawa dan harta benda ahli-ahli per-  
niagaan dan orang-orang lain hendaklah diperlindungi dengan sempurnanya  
oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawaiinya: Dan sanya Luak  
yang tersebut dan pegawai-pegawaiinya bersetuju membuat satu pengakuan  
berkenaan dengan hal ini.

Maka sekarang di hadapan saksi adalah kami yang mempunyai nama dan  
cap mohor yang termetri di bawah ini memberi pengakuan, bertanggungjawab  
dan terikat kepada Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Victoria, United  
Kingdom of Great Britain and Ireland, Raja sebanyak \$50,000/- yang akan  
dibayar kepada Seri Paduka Baginda, dan ganti-gantinya di atas Takhta Kera-  
jaan dan untuk menentukan yang bayaran ini tidak akan mungkir maka terikat-  
lah kami kepada perjanjian ini dan juga tiap-tiap seorang daripada kami dan  
ganti-ganti kami dalam jawatan dan tiap-tiap waris kami dan pemegang-peme-

gang kuasa kami dan siapa-siapa jua daripadanya: Dan dengan tertakluk selagi syarat-syarat perjanjian ini dipatuhi oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawaiannya maka kesanggupan dan perlindungan Kerajaan British akan dihulurkan kepadanya untuk mempertahankan kebebasan, keamanan dan kemajuan bagi Luak Sungai Ujung.

Syarat pengakuan yang tersebut di atas ialah jika sekiranya orang-orang yang memberi pengakuan yang tersebut dan tiap-tiap seorang daripadanya dan tiap-tiap gantinya hendaklah dalam semua perkara menjalankan dengan betul dan baik Kerajaan Luak Sungai Ujung sepanjang mana yang mereka berkuasa dengan berdasarkan keadilan dan sama rata, dan akan memperlindungi daripada segala perbuatan yang tidak adil dan zalim semua orang-orang yang berulang-alik ke Luak itu menggunakan Sungai Linggi dan melihat Sungai Linggi itu terbuka kepada perjalanan dan perdagangan yang halal dan akan mencegah orang-orang yang mencerobohi atau mengganggu orang-orang yang hilir mudik sungai itu, dan orang-orang mengutip sewa-sewa dan cukai daripada orang-orang yang menggunakan sungai yang tersebut, walau dengan secara apa pun, selain daripada cukai dan sewa-sewa asal yang telah dikenakan bagi menggunakan sungai itu, dan untuk perlindungan dan kesenangan ahli-ahli perniagaan, oleh pihak yang berkuasa yang diakui oleh Undang Luak yang tersebut dan dengan kebenaran dan persetujuan Kerajaan Negeri Selat, dan atas permintaan Kerajaan tersebut akan menyerahkan orang-orang yang telah melakukan kesalahan melanggar Undang-undang Negeri Selat yang harus datang mencari perlindungan atau dijumpai di dalam Luak yang tersebut dan tidak akan memberi perlindungan kepada musuh-musuh Kerajaan British, atau musuh Negeri-negeri dan Undang Luak yang bersekutu dengan Kerajaan British atau berdamai dengannya dan tidak akan membentarkan sesiapa menubuhkan atau mencuba menubuhkan angkatan-angkatan, atau mengumpulkan orang atau senjata-senjata di dalam Luak Sungai Ujung untuk melawan Kerajaan British atau sahabat atau yang bersekutu dengan Kerajaan British, dan mereka hendaklah memberitahu dengan segera kepada Kerajaan British atas segala perkara kejadian mengenai politik dan perniagaan di dalam Luak yang tersebut dan perhentian, daerah atau kawasan di Sempang, dengan di tepi-tepi tebing-tebing sungai kiri kanan Sungai Linggi dari Sempang hingga membawa ke Permatang Pasir hendaklah di tempatkan di bawah kawalan dan perintah dan arahan Kerajaan British, kalau tidak perjanjian ini tidak sah, jika sebaliknya perjanjian ini berjalan kuatkuasa dengan sepenuhnya.

Tertulis di Rumah Kerajaan, Singapura, pada 21hb. April, 1874 di hadapan Tuan Yang Terutama Sir Andrew Clarke, C.B., K.C.M.G., & C., Gabenor.

Mohor dan Tandatangan  
Dato' Kelana Abdul Rahman  
Mohor dan Tandatangan  
Dato' Muda Linggi.

## LAMPIRAN VI

### Perjanjian di antara Gabenor British dengan Jelebu

Tiga surat perjanjian telah dibuat di antara Gabenor British dengan Jelebu, di antara Yamtuan Abdullah perseorangan dengan Gabenor British.

Satu lagi di antara Yamtuan Abdullah, Dato' Penghulu Jelebu dan Dato' Lembaganya di satu pihak dan Gabenor British di satu pihak lagi.

Perjanjian yang ketiga telah dibuat di antara Gabenor British dengan Dato' Penghulu dan Dato'-dato' Lembaganya perjanjian ini telah dibuat ketika Yamtuan Abdullah telah mangkat.

Di bawah ini di perturunkan butir-butir perjanjian tersebut dengan sepe-nuhnya:

#### Perjanjian Jelebu (Terjemahan) 26hb. April, 1877.

Bahawasanya pada tarikh yang tersebut di atas Beta Yamtuan Jelebu telah datang mengadap Tuan Yang Terutama Pentadbir (Col. Anson) yang memerintah tiga buah Negeri, Singapura, Pulau Pinang dan Melaka, dengan tujuan hendak membuat perjanjian ini untuk memberi keamanan dan damai kepada Negeri yang beta perintah. Beta beri persetujuan supaya dijadikan tanda kejujuran beta terhadapnya.

1. Beta berhasrat hendak tinggal dengan amannya di Negeri beta sendiri, dan beta berikrar bahawa beta tidak akan mendatangkan perga-duhan kepada Negeri-negeri jiran iaitu Sungai Ujong, Seri Menanti, Jempol, Johol dan lain-lain tempat yang bercantum dengan Seri Menanti di bawah perintah Yamtuan Antah.
2. Beta berikrar bahawa jika ada orang-orang yang berhajat hendak datang ke Negeri beta dengan bermaksud bermiaga sama ada Melayu atau Cina atau orang-orang lain, mereka bolehlah bermiaga dengan bebas dan beta tidak akan menyusahkan mereka.
3. Beta berjanji sekiranya terbit sebarang perbalahan di Negeri beta atau di Negeri-negeri yang berhampiran yang tidak dapat beta harus-tidak dapat menyaksikannya; beta akan meminta nasihat dan arahan-arahan daripada Duli Yang Maha Mulia Maharaja Johor.

T.T. A.E.H. Anson  
T.T. Abu Bakar  
(Cap Mohor)  
Cap Tunku Lah.

# POLYFATT

GENERAL PURPOSE POLYSTYRENE RESIN

SYMBOL OF QUALITY



**POLYSTYRENE SDN. BHD.,**  
森州化學工業有限公司

Factory: 1612, Cembung Industrial Estate, Rembau, N.S. Tel: (06) 651799 Telex: MA 63996

Sole Agent:

**Busico (M) Sdn. Bhd.**  
富旭有限公司

21F, Jalan Tong Shin, P.O. Box 12356 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 426762, 426688, 419236. Telex: MA 31111 BUSICO Cable Address: BUSIPLEX

Branch Office: Lot 3.15, 2nd Floor, Wisma Central, 42, Jalan Macalister, Penang, Malaysia. Tel: 04-368341

邊 漢

司公限有廠板鋸電邦士羅浮  
話電 石古蘇條二沙亞答美

KILANG PAPAN PULAU SEBANG  
SDN. BHD. (TAMPIN)

普羅士邦集團  
PULAU SEBANG GROUP

拿督陳富有太平局紳  
DATUK DAVID CHAN FOO YEW,

DSNS., JP., KMN., PJK.

EXECUTIVE CHAIRMAN & MANAGING DIRECTOR

OFFICE  
661, 1ST FLOOR,  
HAPPY GARDEN,  
END MILE, RASAH RD.,  
P. O. BOX 268/269,  
SEKEMBAN, N.S.,  
WEST MALAYSIA.  
TEL : 728288,  
728188, 728188,  
728288, 728288,  
DIRECT LINE : 724088.

FACTORY & OFFICE  
JALAN KUALA INA.  
PULAU SEBANG,  
TAMPIN, N.S.,  
WEST MALAYSIA.  
TEL : 411811/8  
(5 LINES)  
DIRECT LINE : 411818.

RESIDENCE  
BOS, 2½ MILES.  
RASAH ROAD, S'PAN,  
NEGERI SEMBILAN,  
WEST MALAYSIA.  
TEL : 734818,  
728288.

Pulau Sebang Group Of Companies 普羅士邦集團公司

KILANG PAPAN PULAU SEBANG SDN. BHD.

普羅士邦電鋸板廠有限公司

PULAU SEBANG HOLDINGS SDN. BHD.

普羅士邦控股有限公司

PULAU SEBANG MANAGEMENT SDN. BHD.

普羅士邦營業管理有限公司

PULAU SEBANG EXPORT TRADING SDN. BHD.

普羅士邦出口貿易有限公司

PULAU SEBANG TIMBER PROCESSING SDN. BHD.

普羅士邦木材加工有限公司

PULAU SEBANG WOOD INDUSTRIES SDN. BHD.

普羅士邦木材工業有限公司

PULAU SEBANG FABRICATIONS & BUILDERS SDN. BHD.

普羅士邦建築材料製造及屋宇發展有限公司

PULAU SEBANG MINING SDN. BHD.

普羅士邦礦業有限公司

PULAU SEBANG ENGINEERING SDN. BHD.

普羅士邦機械工程有限公司

TAMPIN TRADING & DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

漢冰貿易發展有限公司

TAMPIN MANAGEMENT CORPORATION SDN. BHD.

漢冰營業管理有限公司

UNSUR SDN. BHD.

昂上發展有限公司

NISBAH SDN. BHD.

力霸發展有限公司

PATTI CORPORATION SDN. BHD.

霸第鎮業有限公司

ALOR GAJAH TRADING & DEVELOPMENT SDN. BHD.

雅樂貿易發展有限公司

STARIKAT BUNDO KANDUANG SDN. BHD.

彭大發展有限公司

SAIJANA INDAH DEVELOPMENT SDN. BHD.

勝佳樂發展有限公司



# **MOTOROLA**

## **SEMICONDUCTOR SDN. BHD.**

## **SEMICONDUCTOR GROUP**

**Office**


Lot 122, Senawang Industrial Estate,  
Seremban, Negeri Sembilan

**Postal Address**  
P.O. Box 465, Seremban.

**Telephone**  
06-72146/7

**Telex**  
Motsen MA 63862

# YOUR KEY TO MECHANICAL CONSTRUCTION



TANK CONSTRUCTION PRESSURE VESSELS PIPING PLANT & EQUIPMENT MAINTENANCE



**Wong Heng Engineering Sdn. Bhd.**

519, Jalan Tuanku Abdul P.O. Box 90 Seremban N.S. Malaysia Cabir: WONGHENGCO SEREMBAN

Tel: M.A. 648839 Tel: 06-722297 06-7211111 06-723026 06-719710



**堅達利機械工程有限公司  
KENTRAILER ENGINEERING SDN. BHD.**

2nd Mile Jalan Sungai Ujong (Jalan Labu), Seremban, N.S.

Telephone : 715515 & 718818.

**TEGO SDN. BHD.**

26, JALAN 223/51A,  
PETALING JAYA, SELANGOR.  
TELEFON: 7571270/7579645




# **MCIS SAFETY GLASS SENDIRIAN BERHAD**

**LOT 1, SENAWANG INDUSTRIAL ESTATE,  
P.O. BOX 263 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN  
MALAYSIA**

**TELEFON: 06-75367/8., 06-723546.  
CABLE ADDRESS "SAFEX GLASS" TELEX: MA 63884**

**(Sebuah Syarikat Sekutu PERNAS)**



# RASAH JAYA 拉沙再也


Planned and built for Better Living. More value for your money

Direka dan dibangun bagi Kehidupan Yang Selerak. Lebih bernilai untuk wang anda.

為更美好的生活而設計及建造。為你的金錢帶來更多的價值。

Phase 1 — Now Open for Booking.  
Phase 2 — Pandataran Dibuka Sekarang.

第一期——現正收人訂購。  
第二期——已開售。



Phase 1 and Phase 2 — Sold Out. Fasa 1 dan Fasa 2 — Habis dijual. 第一期及第二期房屋已售罄。

Phase 1 and Phase 2 — Now Open for Booking.

Now Open.

Fasa 1 dan Empamanan  
Dibuka Sekarang.

馬王兩房型  
現供人訂購。

Phase 1 and Phase 2 — Sold Out. Fasa 1 dan Fasa 2 — Habis dijual. 第一期及第二期房屋已售罄。



Menang Holdings (M) Sdn. Bhd.

1105, Jalan Rasa, 59100

勝利控股（馬）私人有限公司

1105 茲內律，吉隆

Tel: 03-76177, 76178

Menang Corporation (M) Sdn. Bhd.

1105, Jalan Rasa, 59100 Kuala Lumpur

勝利企業（馬）有限公司

1105, Jalan Rasa, 59100 Kuala Lumpur

Tel: 03-432255, 432605, 432710 吉隆坡



# *A Proud Heritage... Delicate Yet Traditional*



**SONGKET EMAS**

**A** traditional look from Johnson Ceramic Tiles. With a delicate design that's specially created to enhance the surroundings.

They can be arranged to add warmth and splendour to an otherwise

plain corner or room.

Johnson Ceramic Tiles. A classic tile from Malaysia's own Beautiful master tile maker. Things happen with H & R Johnson. It's Johnson Tiles. something you can be proud of.



**H & R Johnson (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Head Office/Panay: 22 Leong Siau Jernimng Industrial Estate P.O. Box 207

52100 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

Tel: (60 6) 633 1111 Telex: 2101 HRS MYS 100000

Marketing Office/Desaru: Tengku Duli Burhanuddin Avenue, Desaru

80100 Johor, Malaysia Tel: (60 6) 231 1461 • 231 1462

Fax: (60 6) 231 1463 • 231 1464